


Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.




**PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI ACEH,
INDONESIA**



ZAINI MUHAMMAD AMIN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Mac 2018**

**PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI ACEH,
INDONESIA**



**Thesis Submitted to
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
in Fulfilment of the Requirement for the Degree of Doctor of Philosophy**



Pusat Pengajian Perniagaan Islam
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL
كلية إدارة الأعمال الإسلامية
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS/DISERTASI (Certification of thesis/dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ZAINI MUHAMMAD AMIN (90732)

Calon untuk ijazah
(candidate for the degree of)

DOCTOR OF PHILOSOPHY

telah mengemukakan tesis/disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis/dissertation of the following title):

PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI ACEH, INDONESIA

seperti yang tercatat dimuka surat tajuk dan kulit tesis/disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis/dissertation)

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:

04 Mei 2016

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

04 May 2016

Pengerusi Viva : **Assoc. Prof. Dr. Azizi bin Abu Bakar**
(Chairman for Viva)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Dr. Mohd Sakri @ Shukri b. Salleh**
(External Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **Dr. Zairani bt Zainol**
(Internal Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **04 Mei 2016**
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student)

: Zaini Muhammad Amin (90732)

Tajuk Tesis/Disertasi
(Title of the Thesis/ Dissertation)

: Pelaksanaan Perbankan Islam Di Aceh, Indonesia

Program Pengajian
(Programme of Study)

: Doctor of Philosophy


Nama Penyelia/Penyelia-Penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors)

: Assoc. Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim


Tandatangan

Nama Penyelia/Penyelia-Penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors)

: Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim


Tandatangan

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa pihak perpustakaan boleh menjadikan tesis ini sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya untuk tujuan akademik mesti mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau diperoleh daripada Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah. Sebarang penyalinan, pengambilan atau penggunaan keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan komersil tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahamkan bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan ilmiah yang boleh dibuat daripada mana-mana bahan dalam tesis ini. Sebarang permintaan kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan lain di dalam tesis ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman



ABSTRAK

Pelaksanaan perbankan Islam di Aceh masih berada pada tahap yang minimum jika dibandingkan dengan perbankan konvensional walaupun majoriti masyarakatnya adalah beragama Islam. Pada masa yang sama, muncul pula persepsi negatif terhadap perbankan Islam ekoran daripada beberapa faktor seperti ketidakjelasan terhadap pelaksanaan perbankan Islam, nilai keuntungan pembiayaan yang tinggi, kadar hasil yang dianggap sama seperti riba, kekurangan maklumat, jenis produk yang terhad, kekurangan ilmu pengetahuan tentang sistem Syariah, kemudahan yang tidak lengkap serta kadar pembahagian keuntungan yang kurang jelas. Justeru, kajian ini mengkaji pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan langkah-langkah kerajaan dalam memperkasakannya. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat Aceh dalam penerimaan perbankan Islam serta mengenal pasti halangan-halangan yang dihadapi oleh perbankan Islam dan pemerintah Aceh dalam melaksanakan perbankan Islam. Kajian ini menggunakan teori fardu kifayah dan teori pemegang taruh sebagai landasan untuk menjayakan penyelidikan ini. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa bank-bank Islam di Indonesia telah membuat perancangan untuk memasuki pasaran di Aceh. Mereka juga telah membuka banyak cawangan selaras dengan kehendak majoriti masyarakat Aceh yang menginginkan perbankan Islam. Kajian ini juga mendapati bahawa masyarakat Aceh telah menerima pelaksanaan perbankan Islam walaupun menghadapi pelbagai halangan dalam pelaksanaannya. Pemerintah Aceh juga sangat menyokong dengan menguatkuasakan beberapa undang-undang dan peraturan. Kajian ini turut mencadangkan perbankan Islam di Aceh perlu menyediakan garis panduan yang jelas tentang konsep, strategi, visi (yang bersifat menyeluruh dan berterusan) dalam usaha menambah kesedaran dan pengetahuan masyarakat. Akhir sekali, pemerintah juga perlu mempunyai hala tuju yang jelas berkaitan perbankan Islam dan mengambil inisiatif-inisiatif yang berkesan dalam membantu perkembangan perbankan Islam di Aceh.

Kata Kunci: Pelaksanaan, perbankan Islam, Aceh

ABSTRACT

The implementation of Islamic banking in Aceh is still minimal compared to conventional banking even though the majority of people in Aceh Province, Indonesia, are Muslims. At the same time, a negative perception has arisen of Islamic banking due to several factors such as lack of information on Islamic banking, excessive profits on financings, profit amount is assumed to be the same as usury, lack of information, limited types of products, limited knowledge of the Syariah system, incomplete facilities and unclear rates of profit distribution. Thus, the study examined the implementation of Islamic banking in Aceh, Indonesia, and the government's approaches in strengthening the industry. Besides, this study also identified the level of awareness and knowledge of the people of Aceh in accepting Islamic banking and the obstacles faced by Islamic banks and the government of Aceh in the implementation of Islamic banking. The study used the 'fardhu kifayah' theory and the stakeholder theory to foothold the study. The qualitative research method was used and deemed appropriate to answer the objectives and research questions. This study found that Islamic banks in Indonesia had made plans to enter the market in Aceh. They also had established many branches in line with the wishes of the majority of the Acehnese that wanted Islamic banking. The study also revealed that the Acehnese have accepted the implementation of Islamic banking despite facing various obstacles during its implementation. The government was supportive with specific acts and regulations. This study recommends that Islamic banks in Aceh need to provide clear guidelines regarding the concepts, strategies, vision (inclusive and consistent) in the effort to improve the awareness and knowledge of the society. Besides, the government should have a clear direction of Islamic banking development and apply several effective initiatives to improve the Islamic banks in Aceh.

Keywords: Implementation, Islamic banking, Aceh.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah, tesis ini dapat diselesaikan walaupun banyak cabaran dan rintangan yang ditempuh. Saya sangat menyedari bahawa tesis ini berjaya di siapkan bukanlah semata-mata atas dasar hasil kerja saya, tetapi merupakan rahmat dan kasih saying Allah SWT.

Seterusnya saya panjatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah ikhlas memberikan bantuan, bimbingan dan dorongan moral yang tidak ternilai harganya.

Sekalung penghargaan saya titipkan kepada hamba-hamba Allah yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak, terutamanya Prof. Dr. Yusni Sabi M.A., mantan rektor, dan Prof. Dr. Farid Wajdi. MA., Rektor Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Aceh. Mereka telah memberi motivasi dan izin kepada saya untuk menyambung pengajian saya keluar negara. Ucapan terima kasih saya juga kepada Dekan dan para Wakil Dekan, para pensyarah dan staf pentadbiran di Fakultas Dakwah dan Komunikasi Aceh.

Kemudian kepada semua staf Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia tempat saya menimba ilmu dan kepada Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim serta Prof. Yusnidah Ibrahim, sebagai penyelia saya yang telah banyak meluangkan masa, tenaga, memberi bimbingan dan menyumbang idea sepanjang kajian ini dijalankan.

Seterusnya jutaan terima kasih kepada Rosmawati, isteri tercinta yang selalu sabar, tabah dan senantiasa berdoa untuk kejayaan saya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan buat anak-anak tersayang Zulfa Rumaya, Nururrahmi, Silvia Jum'ati dan Rayya Annisa serta tidak dilupakan kepada cucunda Azra Afifa binti Hendra Fitria dan Almair Afif Alkindi bin Hendra Fitria, dimana terkadang masa untuk bersama dengan mereka amat terbatas. Terima kasih juga kepada keluarga terutama Almarhum kedua ibubapa saya, Bapak/Ibu (Almarhum/Almarhumah) Muhammad Amin dan Cut Hendon, semoga pahala daripada penulisan ini sampai kepada mereka berdua.

Buat rakan-rakan semua yang telah membantu, tidak dapat saya balas kecuali Allah jua yang menitipkan pahala buat kalian. Semoga kalian bahagia dunia dan akhirat.

Akhirnya, dengan selesainya tesis ini saya mengucapkan Alhamdulillah rabbil'alam.

Sintok, Kedah Darul Aman



KANDUNGAN

	Mukasurat
Kebenaran mengguna.....	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Kandungan	vi
Senarai jadual	x
Senarai rajah.....	xi
Senarai peta	xii
Senarai gambar.....	xiii
Senarai singkatan.....	xiv
Senarai terjemahan.....	xv

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang	4
1.2 Pernyataan masalah	13
1.3 Persoalan kajian	20
1.4 Objektif kajian	20
1.5 Kepentingan kajian	21
1.6 Skop dan batasan kajian	22
1.7 Definisi operasi	23
1.7.1 Pelaksanaan	23
1.7.2 Perbankan Islam.....	25
1.7.3 Provinsi Aceh, Indonesia	26
1.8 Kerangka tesis	28

BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	30
2.1 Perbankan Islam	31
2.2 Kajian Lepas: Beberapa konsep penting.....	40

2.2.1 Pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia	40
2.2.2 Aceh.....	47
2.2.3 Indonesia	51
2.2.4 Penglibatan perbankan Islam Indonesia dalam perbankan Islam Aceh.....	53
2.2.5 Pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam	55
2.2.6 Kesedaran melanggan perbankan Islam	58
2.2.7 Kualiti perkhidmatan	60
2.2.8 Penerimaan perbankan Islam	62
2.2.9 Halangan pelaksanaaaa perbankan Islam	65
2.2.10 Andaian teori	68
2.2.10.1 Teori fardu kifayah.....	69
2.2.10.2 Teori pemegang taruh (<i>stakeholder</i>)	71
2.2.10.3 Teori gelagat terancang	72
2.2.11. Prinsip perbankan Islam	75
2.2.12. Prinsip produk perbankan Islam	78
2.3 Rumusan	89

BAB TIGA: METODOLOGI

3.0 Pengenalan	91
3.1 Model kajian.....	91
3.2 Reka bentuk kajian.....	93
3.2.1 Persampelan kualitatif	94
3.2.2 Instrumen kajian	96
3.3 Kajian rintis.....	98
3.4 Kaedah pengumpulan data	98
3.4.1 Pendekatan kualitatif	100
3.4.2 Pengumpulan data	101
3.4.3 Data sekunder	104
3.5 Protokol dan pentadbiran temu bual	105
3.6 Kesahan data	107
3.7 Analisis data	110
3.8 Andaian proposisi	113

3.9 Rumusan.....	113
------------------	-----

BAB EMPAT: PERBANKAN ISLAM DAN PELAKSANAAN DI ACEH

4.0 Pengenalan	117
4.1 Perbankan	117
4.2 Hubungan muamalah dengan perbankan Islam	124
4.3 Usaha memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh	129
4.4 Aset perbankan Islam dan konvensional di Aceh	134
4.4.1 Aset perbankan Islam.....	134
4.4.2 Aset perbankan konvensional di Aceh.....	135
4.4.3 Perbandingan jumlah aset perbankan Islam dan perbankan konvensional	138
4.5 Langkah-langkah pemerintahan Aceh mengembangkan perbankan Islam...	140
4.6 Peranan pelaksanaan syariat Islam dan UUPA Nombor 11 Tahun 2006.....	142
4.7 Infrastruktur perbankan Islam Aceh	146
4.8 Landasan infrastruktur bagi produk perbankan Islam.....	148
4.9 Halangan pelaksanaan perbankan Islam	151
4.10 Rumusan	155

BAB LIMA: DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan	157
5.1 Dapatan kajian temubual	158
5.1.1 Dapatan mengenai langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam	160
5.1.2 Dapatan mengenai kesediaan (penerimaan) masyarakat Aceh tentang perbankan Islam.....	171
5.1.3 Dapatan mengenai halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh...	176
5.2 Rumusan.....	180

**BAB ENAM: PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI ACEH, INDONESIA:
ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

6.0 Pengenalan	181
6.1 Pra-pelaksanaan perbankan Islam	181
6.2 Pelaksanaan perbankan Islam	185
6.2.1 Polisi dari kerajaan	185
6.2.2 Isu pengetahuan dan penerimaan masyarakat	190
6.2.3 Isu penerimaan	191
6.2.4 Pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia	192
6.3 Halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.....	199
6.3.1 Halangan sumber tenaga manusia	199
6.3.2 Halangan permodalan	200
6.3.3 Halangan pengetahuan masyarakat	200
6.4 Rumusan	201

BAB TUJUH: KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.0 Kesimpulan	203
7.1 Cadangan	205

RUJUKAN	207
---------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Senarai tarikh bank-bank Islam di Aceh ditubuhkan.....	8
Jadual 1.2 Perkembangan pembiayaan perbankan konvensional dan perbankan Islam.....	9
Jadual 1.3 Perkembangan jumlah aset perbankan Islam dari tahun 2010-2013 pada setiap suku akhir (dalam jutaan Rp dan RM).....	10
Jadual 1.4 Perbandingan jumlah aset perbankan Islam dan perbankan konvensional suku akhir tahun 2010 hingga 2013.....	12
Jadual 3.1 Senarai responden	94
Jadual 4.1 Perkembangan jumlah aset perbankan Islam dari tahun 2010-2013 pada setiap suku tahun (dalam trilion rupiah).....	134
Jadual 4.2 Perkembangan jumlah aset perbankan konvensional tahun 2010-2013 dalam setiap suku tahun terakhir (dalam trilion rupiah)	136
Jadual 4.3 Perbandingan jumlah aset perbankan Islam dan perbankan konvensional suku akhir tahun 2010 hingga 2013.....	138
Jadual 5.1 Senarai responden	157

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Aset perbankan konvensional di Banda Aceh setiap suku tahun dari 2010-2013	10
Rajah 1.2 Aset Perbankan Islam di Aceh pada setiap suku tahun dari tahun 2010 hingga 2013.....	11
Rajah 2.1 Bank sebagai perantara kewangan	32
Rajah 2.2 Struktur perbankan Islam.....	44
Rajah 3.1 Model pelaksanaan kajian.....	92
Rajah 3.2 Model analisis data kualitatif	111
Rajah 3.3 Carta alir pelaksanaan kajian	115
Rajah 4.1 Hubungan antara perbankan Islam dengan muamalat	129
Rajah 4.2 Aset perbankan Islam di Aceh pada setiap suku tahun dari tahun 2010 hingga 2013.....	135
Rajah 4.3 Aset perbankan konvensional di Banda Aceh setiap suku tahun dari 2010-2013.....	136



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI PETA

Peta 2.1. Peta Provinsi Aceh	48
Peta 2.2. Peta kerajaan Indonesia	52



SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1 Temubual dengan Huzair, Pengarah Bank Aceh Syariah	100
Gambar 3.2 Temubual dengan Tengku Yusuf Qardhawi, Ulama Aceh	100
Gambar 3.3 Temubual dengan Nourman, Ahli Parlimen Aceh	100
Gambar 3.4 Temubual dengan Syahrizal, Kerajaan Aceh	100



SENARAI SINGKATAN

BMI	:	Bank Muamalat Indonesia
BPD Syariah	:	Bank Pembangunan Syariah
BRI	:	Bank Rakyat Indonesia
BSM	:	Bank Syariah Mandiri
BI	:	Bank Indonesia
BUS	:	Bank Umum Syariah
DOM	:	Daerah Operasi Militer
GCG	:	Good Corporate Goverment
LC	:	Letter of Credit
MUI	:	Majlis Ulama Indonesia
PBI	:	Peraturan Bank Indonesia
P.P	:	Peraturan Pemerintah
PT	:	Perseroan Terbatas (Syarikat Liabiliti Terhad)
SK	:	Surat Keputusan
UU	:	Undang-undang
UUPA	:	Undang Undang Pemerintah Aceh
UUS	:	Unit Usaha Syariah

SENARAI TERJEMAHAN

<u>Huruf Arab</u>	<u>Transkripsi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transkripsi</u>
أ	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h}	حديث	h}adi>th
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان، رحمن	rahmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams
ص	s}	صبر	s}abr
ض	d}	ضمير	d}ami>r
ط	t}	طاهر	t}a>hir
ظ	z{	ظهر	z{uhr
ع	c	عبد	cabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضى	qa>d}i>
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمар	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habat}a
و	w	وصل	was}ala
ي	y	يسار	yasār

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perkembangan perbankan Islam di Aceh, satu provinsi¹ di Sumatera, Indonesia amat perlahan jika dibandingkan dengan perkembangan di negara lain seperti di Malaysia dan Timur Tengah. Walaupun berstatus serambi Mekah dan penduduknya yang hampir keseluruhan beragama Islam, namun pelaksanaan perbankan Islam di Aceh masih jauh ketinggalan berbanding dengan pelaksanaan perbankan Islam di ibu negara Indonesia, Jakarta (Hadi, 2014). Keadaan ini menimbulkan persoalan yang amat jelas dan memerlukan kajian dan tinjauan yang mendalam. Kajian sebegini adalah penting untuk membandingkan Aceh dengan negara-negara yang telah maju dalam perbankan Islam sehingga mereka mampu menyaingi perbankan konvensional sama ada negara tersebut adalah negara-negara Islam mahupun bukan negara Islam.

Secara realitinya, industri perbankan Islam semasa telah berkembang dengan amat pesat dan diterima secara meluas merentasi sempadan geografi dan agama (Ahmad dan Ali, 2017). Seterusnya, Asy'ari (2005) menyatakan bahawa industri perbankan Islam komersial pula telah mewujudkan suatu era baru bagi pembangunan umat Islam. Potensi perkhidmatan perbankan Islam telah menarik perhatian bank-bank konvensional besar seperti Citibank Hongkong dan Shanghai Bank Corporation (HSBC) untuk turut sama menawarkan produk perbankan Islam kerana ianya dilihat lebih adil dan seimbang antara penerima biaya dan pembiaya berbanding konsep

¹ Provinsi merupakan kata nama yang diambil daripada Bahasa Indonesia iaitu propinsi dan dijadikan satu kata nama dalam Bahasa Melayu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Istilah provinsi membawa maksud, 'daerah yg di bawah jagaan seorang gabenor wilayah'.

pinjaman dalam bank konvensional, sekaligus memberikan kesejahteraan bagi masyarakat secara lebih meluas (Asy'ari, 2005).

Rivlin (2008) mengaitkan kemampuan kekayaan beberapa negara Islam di Timur Tengah dan Asia Tenggara, dan keinginan kerajaan tersebut untuk menggunakan perbankan Islam sebagai faktor utama apabila menghuraikan perkembangan perbankan Islam sekitar tahun 1980 hingga 1990-an. Perkembangan pesat ini dapat dilihat di Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura, namun ia masih kurang berkembang di Indonesia dan Thailand pada tempoh tersebut.

Aceh sebagai salah satu provinsi di Indonesia yang majoriti masyarakatnya adalah Muslim. Masyarakatnya memiliki keunikan tersendiri dalam memilih bank bagi mengatur urusan kewangan mereka. Untuk memahami secara mendalam kecenderungan perilaku masyarakat terhadap bank-bank Islam, bank-bank tersebut perlu memiliki strategi tertentu untuk merangka kegiatan dan dasar pemasaran kepada para pelanggannya. Walaupun begitu, peratusan masyarakat yang telah menggunakan perbankan Islam di Aceh hanyalah 4.23% berbanding bank konvensional sebanyak 95.77% (Bank Indonesia, 2012). Peratusan penglibatan yang kecil ini seharusnya menjadi perhatian serius institusi perbankan Islam dan pengawalselia perbankan di Indonesia iaitu Bank Indonesia bagi mengelak kelembapan berterusan perbankan Islam di Aceh.

Menurut rekod, perbankan Islam di Aceh telah dibangunkan pada tahun 1990-an dengan tertubuhnya Bank Perkreditan Rakyat Syariah² (BPRS) Hareukat pada 11 November 1991. BPRS ini ditubuhkan hasil daripada perubahan Undang-Undang Nombor 7 pada Tahun 1992 yang dikeluarkan oleh kerajaan Indonesia yang membolehkan negeri-negeri (provinsi-provinsi) menubuhkan perbankan berlandaskan Syariah Islam (Wijanarto, 1997). Namun, kewujudan perbankan Islam di Aceh sama ada bank-bank umum atau Bank Perkreditan Rakyat Syariah yang pelaksanaannya berasaskan sistem kewangan tanpa bunga telah berhadapan dengan pelbagai masalah untuk bersaing dengan bank-bank konvensional.

Berdasarkan senario ini, terdapat keterbatasan atau kekangan terhadap pelaksanaan dan perkembangan perbankan Islam di Aceh. Maka, satu kajian diperlukan untuk mencari jalan bagi mengatasi kekangan pelaksanaannya, kekangan undang-undang penubuhannya sama ada daripada dua sisi utama iaitu pada sisi kerajaan Indonesia ataupun pada sisi kerajaan Provinsi Aceh itu sendiri seperti mana yang termaktub dalam pelaksanaan syariat Islam tahun 2002 sehingga 2012 dan pasca pelaksanaan Undang-Undang Pemerintahan Aceh 2006. Selain itu, kajian ini merasakan turut menjadi suatu keperluan untuk mengkaji pelaksanaan produk-produk perbankan Islam, proses pengkomersialan kepada masyarakat Aceh serta keupayaannya dalam meningkatkan pengetahuan dan penerimaan di kalangan masyarakat, peniaga, kerajaan dan ulama sehingga mereka mengutamakan penggunaan perbankan Islam berbanding sistem konvensional. Hal ini penting memandangkan ia merupakan suatu alternatif kepada sistem riba yang diharamkan dalam Islam.

² Di Indonesia, perkataan “Bank Islam” lebih lazim diistilahkan dengan “Bank Syariah” kerana aturan urus niaga, sistem operasi serta amalannya mestilah tidak menyalahi dan berlandaskan kepada syariah Islam. (Lihat *Republika*, 16 Julai 1999).

1.1 Latar belakang

Idea penubuhan bank dan institusi-institusi ekonomi yang berlandaskan Syariat Islam secara khusus sudah dimulakan sejak empat dekad yang lalu. Antaranya, beberapa institusi yang mengumpulkan dana dan pelaburan untuk tujuan mengerjakan ibadah haji (dana tabung haji) di Malaysia pada tahun 1963 dan di Pakistan pada akhir 1950-an. Manakala penubuhan melalui *Mit Ghamr Saving Banks* dari tahun 1963-1967 serta *Nasser Sosial Bank* menjadi asas penubuhan bank komersial Islam yang pertama di Mesir pada tahun 1971 (Mervyn dan Latifa, 2003).

Perkembangan pemikiran ke arah perlaksanaan sistem ekonomi Islam boleh dilihat daripada penulisan para ulama, ahli akademik dan pendakwah Islam ketika itu seperti Muhammad Al-Ghazali, Abdul Qadir Audah dan Mahmud Abu Al-Saud, yang menulis beberapa artikel berhubung ekonomi Islam di dalam majalah dan jurnal akademik (Al-Ansari dan Mutawwali, 1993). Pemikiran ini boleh dilihat daripada siri-siri pertemuan yang membincangkan berkaitan ekonomi dan perbankan Islam di beberapa buah negara majoriti Islam seperti Pakistan, Iran, Sudan, Malaysia, Turki dan Indonesia.

Menurut Ready (1967), di era zaman moden, perbankan Islam pertama ditubuhkan di Mit Ghamr, Kaherah pada tahun 1963. Penubuhan bank tersebut diilhamkan dari cadangan Muhammad Al-Najjar, dengan objektif untuk menghindari riba ketika berurusan dengan bank-bank konvensional. Antara objektif lain penubuhan bank Islam ialah untuk membangunkan sosio-ekonomi rakyat dengan menggunakan sumber-sumber yang mereka miliki dengan sebaik-baiknya tanpa bergantung kepada bank konvensional yang berasaskan riba.

Rentetan itu, satu persidangan telah diadakan di Malaysia pada 21 hingga 27 April 1969 yang melibatkan penyertaan 19 buah negara. Beberapa usul penting telah disepakati dan disyorkan supaya ditubuhkan perbankan Islam yang bersih daripada sistem riba dengan kadar segera (Sumitro, 1996). Pada era 1970-an, banyak negara mula menubuhkan bank Islam. Bahkan persidangan menteri-menteri negara-negara Islam telah diadakan khusus untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam bagi membantu kerajaan-kerajaan Islam mengembangkan ekonomi mereka berasaskan prinsip-prinsip Syariah (Saeed, 1997).

Seterusnya pada 21-26 Februari 1976, King Abdulaziz University (KAU) telah menganjurkan satu dalam persidangan antarabangsa membincangkan tentang pembangunan ekonomi Islam. Persidangan tersebut telah menyarankan kepada universiti-universiti dunia Islam supaya memperbanyakkan kajian-kajian tentang ekonomi Islam daripada segala aspek. Mereka juga disarankan agar menubuhkan pusat-pusat kajian antarabangsa bagi ekonomi Islam yang ditadbir oleh sebuah jawatankuasa tertinggi yang terdiri dari pakar-pakar Syariah dan ekonomi untuk mengadakan persidangan antarabangsa tentang ekonomi Islam secara berterusan, merangka kurikulum fiqh muamalat dan usul al-fiqh di fakulti-fakulti perniagaan dan ekonomi di negara-negara Islam dan mendapatkan sokongan pemerintah Islam untuk menyokong bank-bank Islam yang telah ada bagi mengembangkan jaringannya (Al Ansari dan Mutawwali, 1993).

Manakala gesaan penubuhan perbankan Islam di Indonesia hanya mula dibuat pada tahun 1990, setelah Majlis Ulama Indonesia (MUI) menganjurkan seminar mengenai faedah bank dan perbankan Islam di Cisarua, Bogor, Jawa Barat. Seterusnya, resolusi seminar tersebut dibahas secara lebih mendalam pada Musyawarah Nasional ke 4 MUI

di Jakarta pada 22–25 Ogos 1990 yang telah menghasilkan amanat bagi pembentukan jawatankuasa khas untuk menubuhkan bank Islam pertama di Indonesia. Jawatankuasa tersebut dinamakan Kumpulan Perbankan MUI yang ditugaskan untuk membuat perbincangan dengan semua pihak. Hasil daripada usaha tersebut, jawatankuasa telah pun membangunkan PT Bank Muamalat Indonesia (BMI) pada 1 November 1991 (Prajokusumo, 1995).

Sejak diwartakan Undang-Undang (UU) Nombor 7/1992 berkait secara langsung dengan perbankan Islam, kewujudan perbankan Islam dalam sistem perbankan Indonesia telah diakui dan diiktiraf. Secara khasnya rang undang-undang tersebut menggantikan undang-undang (akta) mengenai perbankan yang telah diwartakan pada tahun 1988 iaitu UU Nombor 10/1988. Berpanduan UU Nombor 7/1992, Bank Indonesia mengeluarkan garis panduan atau dasar pelaksanaan dalam bentuk Surat Keputusan Pengarah Bank Pusat Indonesia.

Namun demikian, UU Nombor 7/1992 masih mempunyai kelemahan dalam menyediakan garis panduan perundangan yang kuat terhadap perkembangan perbankan Islam kerana ianya belum dirangka secara menyeluruh dalam memenuhi prinsip Syariah dalam perbankan, melainkan sebagai sebuah bank yang hanya memberikan keuntungan sahaja. Ia perlu kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih kuat bagi menyokong perkembangan perbankan Islam di Indonesia. Seterusnya rang undang-undang Nombor 23/1999 pula diwartakan dan ia berkait dengan peraturan dan infrastruktur utama yang mendukung operasi perbankan Islam. Selepas itu, penubuhan perbankan Islam dari segi jumlahnya mula berkembang. Perkembangan ini dapat dilihat apabila Bank Islam Mandiri (BSM) mula beroperasi pada akhir 1999. Bank ini merupakan bank kedua yang beroperasi setelah Bank

Muamalat Indonesia (BMI) berjaya ditubuhkan bagi kategori bank umum Islam. Bank Islam Mandiri merupakan bank milik kerajaan pertama yang beroperasi berlandaskan Syariat Islam di Indonesia (Bank Syariah Mandiri, 2000).

Menurut Thorne dan Du Toit (2009), bank yang sudah disahkan oleh akta mampu berkembang dengan pesat, lebih-lebih lagi dengan campur tangan kerajaan dalam memastikan sistem kewangan terus berjaya. Selain itu, ianya juga dapat membangunkan sosio ekonomi yang positif dengan berbentuk kesamarataan, keadilan mahupun mengurangi kemiskinan. Namun hal demikian tidak berlaku di Aceh, perkembangan perbankan Islam di masih perlahan walaupun sudah terdapat akta khusus berkaitan perbankan Islam digubal.

Matlamat penubuhan perbankan Islam di Indonesia adalah untuk mewujudkan sistem perbankan Islam yang berdaya saing, cekap dan mempunyai prinsip ketelitian, berjimat serta mampu mendukung sektor pembangunan material secara nyata melalui kegiatan pembiayaan kewangan berdasarkan konsep keadilan, tolong menolong dan menuju kebaikan untuk kemaslahatan masyarakat (Bank Indonesia, 2012). Menurut Antonio (2007), pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia kelihatan menghadapi permasalahan dalam perkembangannya, antaranya disebabkan oleh operasinya di dalam lingkungan sistem ekonomi kapitalis. Namun setelah wujudnya langkah-langkah melonggarkan peraturan daripada kerajaan Indonesia pada Oktober 1988 dan Disember 1989, ia telah memberi kemudahan kepada pengusaha-pengusaha Muslim untuk mendirikan perbankan yang bersesuaian dengan Syariah Islam.

Seterusnya pemerhatian Hamidi (2003) di Jawa Barat menyimpulkan bahawa pelaksanaan perbankan Islam telah menghadapi beberapa masalah. Antara masalah tersebut ialah pelaksanaan urusan perniagaan tidak jelas kepada pelanggan, nilai

bayaran pembiayaan yang tinggi, kadar keuntungan dianggap sama seperti riba, keterangan maklumat dan sosialisasi yang kurang, jenis produk yang terhad, kurang pemahaman mengenai sistem Syariah, kemudahan kurang lengkap, simpanan deposit yang sukar, serta perhitungan keuntungan yang kurang jelas.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pelaksanaan perbankan Islam di Aceh bermula sejak tahun 1991 apabila Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) Hareukat ditubuhkan. Walaupun begitu, penubuhan bank-bank Islam yang lain hanya bermula pada tahun 2005. Ini menggambarkan proses perkembangan perbankan Islam yang perlahan di Aceh. Jadual 1.1 menunjukkan bank-bank Islam yang ditubuhkan di Aceh.

Jadual 1.1

Senarai tarikh bank-bank Islam di Aceh ditubuhkan.

Tahun	Nama Bank	Alamat Bank
1991	Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) Hareukat	Lambaro Aceh Besar
2005	PT. Bank BNI Syariah Caw. Banda Aceh	Jl. T.D.Beureueh Bandar Aceh
	PT. Bank Danamon Syariah Caw. Banda Aceh	Jl. T. Ditiro No. 9 Bandar Aceh
	PT. Permata Bank Syariah Caw. Banda Aceh	Jl. Pante Pirak 5-6 Bandar Aceh
	PT. Bank BII Syariah Caw. Banda Aceh	Jl KH.Dahlan No. 71
	CIMB Niaga Syariah Lhok Seumawe	Jl. Sukaramai No. 24-2 Lsm
	PT. Bank BPD Aceh Syariah Caw. Banda Aceh	Jl. T. Hasan Dek No. 42-43-44
	PT. Bank BPD Aceh Syariah Caw. Lhokseumawe	Jl.Jl.Lancang Garam No. 29
	PT. Bank BRI Syariah Caw. Banda Aceh	Jl. STA Mahmudsyah No. 4-5
	PT. Bank SyariahMandiri Banda Aceh	Jl. Diponegoro No. 6 Bandar Aceh
	PT. Bank Syariah Mandiri Sinabang	Jl. T. Diujung No. 5/6 Sinabang

Sumber: Otoritas Jasa Keuangan Indonesia (2014), muka surat: 3.

Walaupun Provinsi Aceh merupakan autonomi khas yang diberikan oleh kerajaan Indonesia dalam menjalankan Syariah Islam, pembiayaan perbankan konvensional di Aceh terus melebihi pembiayaan perbankan Islam. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam

data yang dikeluarkan oleh Bank Indonesia cawangan Aceh pada tahun 2016 seperti Jadual 1.2.

Jadual 1.2.


Perkembangan pembiayaan perbankan konvensional dan perbankan Islam.

Huraian	Disember 2012 (dalam ribu)	Disember 2013 (dalam ribu)	Disember 2014 (dalam ribu)	Disember 2015 (dalam ribu)
Kredit/Pembiayaan				
Perbankan	Rp. 18,057,658/	Rp. 20,578,951/	Rp. 22,178,132/	Rp. 24,291,247/
Konvensional	RM 5,643,018	RM 6,430,922	RM 6,930,666	RM 7,591,015
Perbankan Islam	Rp. 2,703,542/	Rp. 2,968,440/	Rp. 3,050,677/	Rp. 2,936,133/
	RM 844,856	RM 927,637	RM 953,336	RM 917,541

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2016), muka surat: 2.

Berdasarkan Jadual 1.2, dapat difahami bahawa perkembangan pembiayaan perbankan konvensional terus meningkat dari tahun 2012 hingga 2015, sedangkan perbankan Islam berlaku sedikit kenaikan pada tahun 2013 dan kembali menurun pada tahun 2015. Jadual 1.2 juga menunjukkan bahawa pembiayaan perbankan konvensional pada masyarakat Aceh terus meningkat dari tahun 2012 sehingga tahun 2015, manakala pembiayaan yang diberikan oleh perbankan Islam lebih rendah berbanding bank konvensional iaitu hanya 12.08% sahaja berbanding perbankan konvensional yang mencapai 87.92%. Mengapakah keadaan ini berlaku padahal masyarakat di Aceh majoritinya adalah Islam dan terkenal dengan jolokan serambi Mekah yang sepatutnya secara terbuka menerima perbankan Islam?.

Pengamatan terhadap Rajah 1.1, Jadual 1.3 dan Rajah 1.2 juga menunjukkan bukti prestasi konsisten bank-bank konvensional berbanding perbankan Islam di Aceh walaupun ianya adalah wilayah khusus untuk pelaksanaan Syariat Islam.



Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 3.

Rajah 1.1

Aset Perbankan Konvensional di Banda Aceh Setiap Suku Tahun dari 2010- 2013.

Secara umum, jumlah aset perbankan konvensional di Aceh mengalami peningkatan setiap tahun dimana jumlah aset terbesar berlaku pada tahun 2013. Pada akhir suku tahun IV tahun 2013, jumlah aset bank konvensional di Banda Aceh mencatatkan sebanyak Rp 141 trilion. Jumlah ini mengalami peningkatan 9.68% dari jumlah aset suku tahun sebelumnya. Namun, tidak dinafikan aset perbankan Islam perbankan Islam di Aceh turut mengalami peningkatan walaupun ianya berkembang dengan agak perlahan. Perkembangan aset perbankan Islam suku tahun 2010 hingga 2013, seperti Jadual 1.3.

Jadual 1.3.


Perkembangan jumlah aset perbankan Islam dari tahun 2010-2013 pada setiap suku tahun (dalam jutaan Rp dan RM)

Tahun	I (dalam jutaan)	II (dalam jutaan)	III (dalam jutaan)	IV (dalam jutaan)	Jumlah (dalam ribuan)
2010	Rp. 2,374,547/ RM 742,045	Rp. 2,420,881/ RM 756,525	Rp. 2,614,819/ RM 817,131	Rp. 2,748,877/ RM 859,024	Rp. 10,159,124/ RM 3,174,726
2011	Rp. 2,992,231/ RM 935,072	Rp. 3,059,002/ RM 955,938	Rp. 3,349,393/ RM1,046,685	Rp. 3,140,675/ RM 981,461	Rp. 12,541,301/ RM 3,919,156
2012	Rp. 3,917,185/ RM 1,224,120	Rp. 3,773,655/ RM 1,179,269	Rp. 3,722,313/ RM 1,163,222	Rp. 4,271,152/ RM 1,334,735	Rp. 15,684,305/ RM 4,901,345
2013	Rp. 5,374,401/ RM 1,679,500	Rp. 5,050,494/ RM 1,578,279	Rp. 4,871,299/ RM 1,522,280	Rp. 4,675,818/ RM 1,461,193	Rp. 19,972,012/ RM 6,241,253

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 2.

Jadual 1.3 menunjukkan jumlah aset perbankan Islam di Aceh yang mengalami peningkatan kecil setiap tahun. Peningkatan aset paling besar dialami pada tahun 2013 iaitu mencecah Rp20 trilion atau lebih dari RM6 juta, iaitu meningkat sebanyak 21.49 % dibandingkan tahun sebelumnya.

Jika dibandingkan antara perbankan konvensional dan perbankan Islam, jumlah aset yang dimiliki oleh perbankan Islam sangat jauh berbeza, perbankan Islam hanya menguasai 12 peratus daripada keseluruhan jumlah aset perbankan. Data ini boleh difahami daripada rajah 1.2:



Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 3.

Rajah 1.2

Aset Perbankan Islam di Aceh Pada Setiap Suku Tahun dari Tahun 2010 Hingga 2013.

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa jumlah aset perbankan Islam dan konvensional di Aceh mengalami peningkatan setiap tahun. Selain itu, jumlah keseluruhan aset perbankan Islam dapat dikatakan hanyalah satu perlapan ($\frac{1}{8}$) dari jumlah aset perbankan konvensional. Maka dapat disimpulkan bahawa aset perbankan Islam di Aceh masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan aset perbankan konvensional.

Jadual 1.4

Perbandingan Jumlah Aset Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional Suku Akhir Tahun 2010 hingga 2013.

Tahun	Konvensional (Rp / RM)	Islam (Rp / RM)
2010	Rp. 107,320,521,411,713/ RM 33,537,662,941	Rp. 10,159,124,002,010/ RM 3,174,726,251
2011	Rp. 109,026,454,339,596/ RM 34,070,766,981	Rp. 12,541,301,002,011/ RM 3,919,156,563
2012	Rp. 127,362,760,159,221/ RM 39,800,862,550	Rp. 15,684,305,002,012/ RM 4,901,345,313
2013	Rp. 141,007,411,089,654/ RM 44,064,815,966	Rp. 19,972,012,002,013/ RM 6,241,253,751
Jumlah	Rp. 484,717,147,000,184/ RM 151,474,108,438	Rp. 58,356,742,008,046/ RM 18,236,481,878

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 4.

Jadual tersebut membuktikan perkembangan pelaksanaan dan pertumbuhan perbankan Islam Aceh adalah perlahan, walaupun ianya disokong oleh Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006. Di dalam UU Nombor 11 Tahun 2006, Bab XXII dengan jelas menerangkan 19 pasal yang mengatur perekonomian. Dalam bahagian kedua tentang arah perekonomian disebutkan dalam ayat (1) perekonomian di Aceh menekankan tentang usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing demi mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dengan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, keadilan, kesamarataan dan penglibatan rakyat dalam pola pembangunan secara berterusan. Penjelasan dari undang-undang tersebut sepatutnya memberi makna bahawa perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Syariah dalam perbankan Islam di Aceh diurus mengikut ketetapan undang-undang pemerintahan Aceh. Oleh itu, kedudukan ekonomi Syariah dan perbankan Islam di Aceh sepatutnya menjadi semakin kuat, bukannya perlahan seperti yang dibuktikan dari rajah-rajah dan jadual di atas.

1.2 Pernyataan masalah

Melihat kepada latarbelakang perkembangan dan pembentukan perbankan Islam di Aceh, sepatutnya Aceh memiliki kekuatan yang kukuh dibandingkan dengan provinsi lainnya. Ada beberapa sebab yang boleh menyokong penubuhan dan perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh. Pertama, faktor agama, di mana majoriti masyarakat Aceh semuanya beragama Islam. Mereka tentunya ingin bertransaksi dalam bidang ekonomi yang berasaskan syariat Islam. Justeru, penggunaan perkhidmatan perbankan Islam akan meningkat seiring dengan tujuan pembangunan provinsi Aceh untuk menerapkan nilai-nilai ajaran Islam dan nilai-nilai budaya Aceh di semua sektor kehidupan masyarakat termasuk sektor ekonomi.

Kedua, di dalam UU Nombor 11 Tahun 2006 BAB XXII terdapat 19 pasal yang mengatur tentang perekonomian dan bahagian kedua tentang arah perekonomian disebutkan dalam ayat (1) perekonomian dengan jelas menyarankan Aceh untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing agar wujudnya kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dengan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, keadilan, kesamarataan, penglibatan rakyat dan efisiensi dalam pola pembangunan secara berterusan.

Dari beberapa alasan tersebut, maka perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh mestilah menjadi agenda utama semua pihak. Tambahan pula, Aceh yang juga disebut sebagai salah satu daerah serambi Mekah yang melaksanakan Syariat Islam seharusnya memastikan perkembangan ekonomi Syariah dan perbankan Islam lebih maju berbanding bank konvensional.

Banyak faktor yang dinyatakan para pengkaji berkaitan perkembangan perbankan Islam di Indonesia secara umum. Sebagai contoh, Adiwarman dan Zakaria (2005) mendapati masyarakat Indonesia secara umumnya masih rendah dalam tahap pengetahuan mereka terhadap sistem ekonomi Islam yang diamalkan oleh perbankan Islam. Demikian juga terdapat golongan masyarakat yang masih beranggapan bahawa kedua-dua sistem iaitu sistem perbankan Islam dan konvensional adalah sama, bahkan sebahagiannya beranggapan perkhidmatan perbankan konvensional lebih baik.

Pengkaji-pengkaji lain seperti Hamidi (2003) dan Richard (1991) merumuskan beberapa permasalahan dan halangan terhadap pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia. Antaranya, perbankan Islam mempunyai persepsi negatif seperti transaksi yang belum jelas, nilai keuntungan pembiayaan yang tinggi, tanggapan kadar hasil

sama seperti riba, proses memberi maklumat dan sosialisasi masih kurang, jenis produk terhad, kakitangan belum memahami tentang sistem Syariah itu sendiri, kemudahan kurang lengkap, sukar melakukan simpanan deposit, jumlah maksimum pembiayaan masih terbatas dan pengiraan hasil yang kurang jelas. Justeru, proses sosialisasi sistem ini berlaku agak lambat di Indonesia disebabkan oleh faktor-faktor di atas serta kuatnya sistem ekonomi kapitalis yang telah memberi kesan negatif terhadap sistem kewangan Islam. Keadaan yang sama turut di kalangan masyarakat Aceh walaupun pelaksanaan perbankan Islam telah bermula sejak tahun 1992 lagi.

Rumusan oleh Antonio (2007) dan Hamzah (2004) yang mengaitkan kelambatan ini dengan sistem ekonomi kapitalis, kelemahan pengetahuan dan kelemahan nilai etika perlu diperjelaskan bagi kes masyarakat di Aceh. Sina (2007) merumuskan halangan utama ialah ketiadaan undang-undang, infrastruktur, kekurangan pengetahuan dan kekurangan sumber manusia yang berkecukupan boleh dilihat semula bagi keadaan dan perbankan Islam di Aceh.

Berdasarkan perbincangan di atas, penyelidik melihat adanya kelompongan (*gap*) kajian berkaitan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dan langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam. Kajian lepas lebih banyak menjurus kepada kajian umum di Indonesia tanpa melihat kepada keistimewaan yang ada pada Provinsi Aceh. Maka, suatu kajian khusus berkaitan langkah-langkah kerajaan Aceh untuk memperkasakan perbankan Islam dan perkembangannya di Aceh perlu dilakukan. Secara terperinci, pelaksanaan dan perkembangan perbankan Islam di Aceh perlu dikaji daripada aspek-aspek yang lebih khusus berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi dari penulisan-penulisan ilmiah dalam bidang perbankan.

Menurut Thorne dan Du Toit (2009), kejayaan sesebuah bank amat ditentukan oleh prinsip dan aspek berikut: 1) sokongan persekitaran, 2) mendapatkan mandat (3) memiliki landasan hukum dan pengawasan 3) dijamin oleh kerajaan 4) pengawasan yang bebas dan 5) kerajaan turut menentukan etika perkreditan. Persoalannya, adakah kejayaan perbankan Islam di Aceh didokong oleh prinsip dan aspek yang sama seperti yang dinyatakan oleh Thorne dan Du Toit (2009). Lebih mendalam lagi, pelaksanaan perbankan Islam menurut Rivlin (2008) disebabkan oleh dua faktor iaitu pertama, orang Muslim cenderung menggunakan perbankan Islam. Kedua, penghasilan pembuatan minyak dari kerajaan-kerajaan Islam yang melimpah-ruah dilaburkan pada bank Islam. Adakah ini benar bagi keadaan di Aceh?

Dari sisi yang lain, Saeed (1997) mengemukakan pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia menggunakan pendekatan “penampungan” dengan “penggabungan”. Kaedah ini menekankan cara-cara praktis dan berguna (pragmatis) dalam pelaksanaan perbankan Islam. Kaedah ini dilihat dari andaian bahawa pada masa ini, keadaan tidak mengizinkan bagi perbankan Islam untuk melaksanakan secara baik apa-apa kaedah yang terdapat dalam Syariah. Oleh itu, perbankan Islam adalah bank konvensional yang “diislamkan” dalam segala pelaksanaannya, baik produknya mahupun urusan perniagaan (transaksinya). Misalnya, jika pada bank konvensional wujudnya “kredit modal kerja” maka dalam perbankan Islam ada “pembiayaan modal kerja” dengan ciri yang tidak berbeza. Jika terdapat bahawa produk konvensional tidak boleh digunapakai sebagai produk perbankan Islam, maka menurut kaedah Syariah, produk ini mesti “diubah suai” mengikut produk perbankan Islam.

Sehinggalah kini, masih banyak perbankan Islam tetap meminta jaminan (*guarantee*) dari pelanggan ketika memberikan pembiayaan *mudarabah* atau *musyarakah*. Padahal

hampir seluruh ulama sepakat bahawa apabila seseorang melakukan *mudarabah*, pemilik modal tidak boleh meminta jaminan dari peniaga (*mudarib*). Kaedah penyerapan (asimilatif) berpendapat sebaliknya, perbankan Islam merupakan salah satu institusi yang melakukan perjanjian kontrak (*akad*) *syariah-muamalah*, pelaksanaan perjanjian Syariah bukan sahaja dapat dilaksanakan oleh pihak bank, tetapi boleh juga dilaksanakan oleh institusi lain, sama ada syarikat insurans, keselamatan dan sebagainya.

Misalnya, jika perbankan Islam melaksanakan *murabahah* (jual beli yang keuntungannya dipersetujui oleh pembeli dan penjual) maka bank tersebut mesti melakukan jual beli mengikut kaedah yang sebenar. Ini bermakna bank sememangnya melakukan penjualan barang kepada pelanggan dengan akta jual beli dan syarat-syarat sebagaimana lazimnya sebuah urus niaga penjualan dilaksanakan. Manakala produk bank yang dianggap tidak bersesuaian dengan Syariah, maka produk itu mesti dihapuskan. Hal ini kerana segala usaha untuk meringan-ringankan produk Syariah akan membawa kesan tidak baik kepada produk Syariah yang dianggap sudah lengkap. Kaedah penyerapan pula menyatakan bahawa bank adalah pelaksana produk Syariah yang tidak memiliki hak untuk mengubah produk Syariah, namun kadangkala jika terjadi kecuaiian, produk Syariah akan diubah menurut sifat yang sedia ada dalam produk perbankan.

Oleh yang demikian, jika produk Syariah tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan, maka ada dua hal yang mesti dilakukan. Pertama, produk Syariah dilaksanakan dengan sedikit perubahan. Kedua, mesti ada usaha jangka panjang untuk mengubah agar produk Syariah boleh dilaksanakan oleh bank memandangkan produk perbankan Islam memiliki ciri-ciri yang berbeza dengan produk bank konvensional

(Saeed, 1999). Sehubungan itu, kesan dari konsep-konsep tersebut berpadanan dengan pendapat Achyar (2005), yang menyatakan hal ini akan menyebabkan perkembangan perbankan Islam sangat lambat atau kurang menyumbang. Oleh itu, kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh perbankan Islam sama ada dalam memberi pengetahuan kepada kalangan masyarakat ataupun peningkatan tahap pengetahuan berhubung dengan perkhidmatan perbankan Islam sangat diperlukan (Triyuwono, 2000).

Menurut Asmadi (2008), walaupun kewangan dan perbankan Islam berkembang pesat, namun pengetahuan mengenainya perlu disebarluaskan kepada masyarakat dunia dari pelbagai budaya dan agama, bagi mendapatkan pendedahan usahawan luar dari persekitaran dunia yang berbeza, memandangkan tahap pemahamannya di kalangan masyarakat terhadap faktor penerimaan, dasar hukum penubuhan, pengawasan, peraturan mahupun hukum tempatan dan antarabangsa adalah masih rendah. Hal ini disokong oleh Dwi Sari *et. al.*, (2013) yang menyatakan bahawa perbankan Islam hanya memiliki 3.2% dari jumlah penguasaan pasaran perbankan secara nasional, meskipun penduduk Indonesia adalah ramai beragama Islam, tetapi perkembangan produk Syariah masih di tahap yang rendah. Usaha pelaksanaan perbankan Islam tidak cukup dengan hanya berlandaskan pada aspek-aspek perundangan tetapi mestilah juga berorientasikan pada masyarakat sebagai pengguna institusi perbankan. Maka, perkara yang sama perlu dititikberatkan di Aceh.

Pomeranz (2005) berpendapat, keperluan masyarakat menggunakan bank-bank Islam disebabkan tiga faktor:

- 1) pelabur Islam mesti menghindari dari terlibat dalam perusahaan-perusahaan yang diharamkan agama seperti alkohol, perjudian dan pornografi.
- 2) perusahaan Islam wajib menghindari bunga (riba) serta melaksanakan peraturan-peraturan jual beli bagi menjamin keselamatan pembiayaan.
- 3) pelabur Islam digalakkan untuk melabur dalam perusahaan-perusahaan perniagaan secara beretika dan bermoral.

Oleh itu, satu ukuran standard kewangan yang menyeluruh diperlukan untuk meyakinkan orang awam bahawa ianya memiliki kekuatan dan kemampuan dalam mencapai tujuan-tujuan kewangan secara Islamik. Maka adakah masyarakat Aceh tertakluk kepada alasan di atas untuk melanggan bank-bank Islam yang ada di sana.

Asmadi dan Zairani (2015) menyatakan adalah penting untuk mengetahui asal usul kewangan Islam itu sendiri. Ianya merangkumi skop yang sangat luas tidak hanya berfokus pada fungsinya sebagai perantaraan, tetapi juga kepada pengguna perbankan melalui kelompok dalam pelbagai bentuk seperti melalui perkongsian. Sistem kewangan moden amat dominan di dunia sehingga sukar bagi sistem kewangan Islam dipisahkan dengan sistem kewangan konvensional dan budaya dalam penghasilan produk, tahap risiko, kaedah pelaksanaan dan lain-lain. Ini juga perlu dikaji kebenarannya dalam menentukan perkembangan perbankan Islam di Aceh.

Berdasarkan perbincangan di atas, satu kajian khusus untuk Aceh perlu dilakukan memandangkan tiada kajian khusus mengupas isu-isu mengenalpasti pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan langkah-langkah kerajaan Aceh

memperkasakan perbankan Islam. Beberapa ulasan pengkaji menunjukkan keperluan membuat penelitian tersebut. Selain itu juga, terdapat keperluan melihat pengaruh tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat Aceh terhadap penerimaan perbankan Islam. Justeru, suatu rumusan terhadap halangan-halangan yang dihadapi pemerintah Aceh dalam pelaksanaan perbankan Islam akan turut diperhalusi dalam kajian ini.

1.3 Persoalan kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab beberapa persoalan yang timbul iaitu:

- i. Bagaimanakah pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam.
- ii. Sejauh manakah pengaruh tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat Aceh terhadap penerimaan perbankan Islam?
- iii. Apakah halangan-halangan yang dihadapi pemerintah Aceh dalam pelaksanaan perbankan Islam?

1.4 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam.
- ii. Menganalisis pengaruh tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat Aceh terhadap penerimaan perbankan Islam.

iii. Merumuskan halangan-halangan yang dihadapi pemerintah Aceh dalam pelaksanaan perbankan Islam.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini dijangka dapat membantu masyarakat Aceh pada beberapa perkara, pertamanya ianya dapat memberi maklumat yang tepat kepada pemerintah, pihak industri dan pengkaji mengenai pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dan perkembangan semasa perbankan ini. Melalui kajian sebegini juga, pengkaji berupaya memberi gambaran yang jelas tentang faktor perkembangan yang perlahan serta mencadangkan tindakan dan perhatian khusus kepada perkembangan perbankan Islam di Aceh secara lebih positif.

Kedua, kajian juga dijangka berupaya memberi maklumat tentang penglibatan bank-bank Islam di Indonesia dalam mengembangkan cawangan perbankan mereka ke Provinsi Aceh. Ini perlu dilakukan kerana masyarakat Aceh masih lagi menumpukan penggunaan perbankan secara fizikal dan masih bergantung kepada cawangan-cawangan.

Kajian juga diharapkan mampu memberi cadangan kepada pihak pemerintah Aceh bagi memperbaiki pelaksanaan perbankan Islam di kalangan masyarakat Aceh supaya masyarakat Aceh mendapat panduan secukupnya dalam melaksanakan pembiayaan perekonomian mereka berlandaskan syariat Islam. Ia juga boleh menjadi suatu landasan yang kukuh untuk mencungkil tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat Aceh terhadap perbankan Islam di Aceh. Sekaligus ia mampu menggariskan langkah-langkah bersesuaian untuk disyorkan kepada pemerintah bagi meningkatkan

kefahaman. Melalui kajian sebegini, pelbagai pihak juga boleh mendapat manfaat melalui pengenalanpastian halangan-halangan dan kelemahan-kelemahan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh. Ia juga berupaya menghimpunkan maklumat bagaimana halangan-halangan ini boleh diatasi.

1.6 Skop dan batasan kajian

Kajian ini menfokuskan kepada perbankan Islam di Aceh. Perbankan Islam yang dikaji tidak melibatkan institusi kewangan Islam yang menyediakan perhidmatan kewangan yang lebih luas dari perkhidmatan perbankan Islam. Hanya bank-bank Islam yang diperakukan penubuhan di bawah UU Nombor 7/1992 sahaja yang terlibat di dalam kajian ini. Kajian ini juga hanya melihat kepada penilaian pelaksanaan perbankan Islam setelah pelaksanaan Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA dan syariat Islam) dari tahun 2009-2015.

Kawasan kajian juga terhad di Kota Banda Aceh di mana hampir kesemua bank-bank Islam ini beroperasi. Walaupun terdapat perbankan Islam di luar Kota Aceh, ianya sangat sedikit dan diandaikan tidak mempengaruhi dapatan kajian. Kajian ini mengkhususkan temu bual dengan pemerintah Aceh, ahli parlimen, pimpinan perbankan Islam, ulama serta pakar dalam bidang perekonomian dan perbankan Islam. Responden ini dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing dalam aspek berkaitan perbankan Islam terutamanya di Aceh serta bersesuaian dengan objektif kajian yang hendak dicapai.

1.7 Definisi operasi

1.7.1 Pelaksanaan

Pelaksanaan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan, menjalankan dan mengusahakan rancangan, tugas dan sebagainya. Manakala Kamus Besar Bahasa Indonesia (1997) menyatakan, pelaksanaan berasal dari kata *laksana* yang ertinya menjalankan atau melakukan suatu kegiatan. Menurut istilah pelaksanaan adalah suatu tindakan atau pelaksanaan dari sebuah rencana yang sudah disusun secara baik dan terperinci. Secara amnya, pelaksanaan boleh diertikan sebagai suatu penerapan. Pressman & Wildavsky (1973) pula mengemukakan bahawa pelaksanaan merupakan suatu aktiviti evaluasi yang saling menyesuaikan. Tidak jauh berbeza dengan apa yang dihuraikan oleh Gie (1997), pelaksanaan merupakan usaha-usaha yang dijalankan untuk melaksanakan semua rencana dan kebijaksanaan yang telah dirumuskan dan ditetapkan dengan melengkapi segala keperluan terhadap saranan yang diperlukan, dimana letak pelaksanaannya, bila masa pelaksanaan dimulai dan bila masa berakhir dan bagaimana cara dilaksanakan. Manakala pelaksanaan menurut Siagian (1985) menghuraikan bahawa terdapat beberapa hal yang utama perlu diberi perhatian antaranya:

1. Membuat perancangan secara terperinci, ertinya merubah perancangan strategik untuk jangka masa panjang menjadi perancangan teknik (untuk jangka masa pendek) dan mengorganisasi samaada sumber-sumber mahupun kakitangan dan selanjutnya membuat polisi-polisi dan tata aturan tertentu.
2. Pemberian tugas bermaksud merubah perancangan teknik menjadi perancangan praktis yang bermatlamat untuk melakukan pembagian tugas-tugas dan sumber-sumber.

3. Mengawasi sama ada pelaksanaan mahupun kemajuan pelaksanaan tugas, supaya tidak terjadi kecurangan terhadap pencapaian aktiviti yang telah dirancang.
4. Penilaian ertinya pelaporan hasil daripada aktiviti, analisis terhadap pelaksanaan tugas-tugas, pemeriksaan kembali dan penyusunan jadual masa pelaksanaan selanjutnya, dalam laporan diharapkan adanya saranan dan penambahbaikan bila dijumpai adanya perbezaan dalam pelaksanaan.
5. Membuat SOP (*Standard Operating Procedures*), yang mengatur tata tertib dalam pelaksanaan program.

Mengikut beberapa huraian di atas, maka pengkaji dapat merumuskan bahawa pelaksanaan ialah aktiviti, pergerakan, tindakan maklum balas, atau yang mempunyai mekanisme dalam suatu sistem. Justeru itu, pelaksanaan bukan semata-mata aktiviti, tetapi suatu aktiviti yang terencana dan dilakukan secara bersungguh-sungguh berasaskan aturan tertentu untuk mencapai matlamat setiap aktiviti.

Berkaitan pelaksanaan perbankan Islam dapat dihuraikan bahawa ia merupakan institusi yang melaksanakan perantara kewangan (*financial intermediary*) bagi menghubungkan keperluan dua pelanggan yang berbeza, satu pihak merupakan pelanggan yang memiliki wang dan pihak lainnya merupakan pelanggan yang memerlukan wang (Asmadi dan Zairani, 2015). Seterusnya masyarakat menyimpan wang di bank bertujuan agar wang disimpan berada dalam keadaan selamat. Selain keselamatan, penyimpan wang juga mengharapkan pendapatan atas wang yang disimpan di bank. Keuntungan yang diberikan bank berbeza-beza mengikut jenis simpanannya. Keuntungan itu diberikan setiap bulan pada tarikh yang telah ditetapkan.

Oleh itu, pelaksanaan perbankan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah institusi yang melaksanakan perantara kewangan yang usaha pokoknya adalah menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan dalam urusan pembayaran serta peredaran wang yang mana pengamalannya mengikut pada peraturan-peraturan dan dasar-dasar Syariah Islam (al-Quran dan Hadis).

1.7.2 Perbankan Islam

Perbankan Islam ialah perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam (*Syariah*), iaitu *fiqh muamalat* (peraturan) Islam dalam transaksi. Kesemua peraturan dan amalan di dalam *fiqh muamalat* berasal dari al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, terdapat juga sumber-sumber sekunder lain yang turut di ambil kira seperti kesepakatan pendapat oleh ulama mujtahid tentang sesuatu hukum Syariah (*Ijma'*), menyamakan perkara baru yang tiada nas secara analogi (*Qiyas*) dan hasil usaha daripada para mujtahid dalam merumuskan sesuatu hukum dan nilai melalui kaedah istinbat (*Ijtihad*) (Bank Muamalat Malaysia Berhad, 2014).

Setiap bank yang menawarkan sistem perbankan Islam perlu mematuhi Prinsip Syariah (*Syariah Compliant*). Semua bank Islam dan bank-bank yang menawarkan khidmat perbankan Islam perlu menubuhkan satu jawatankuasa Syariah (*Shariah Committee*) bagi membimbing dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah dan memastikan bahawa fungsi bank tersebut adalah mematuhi kehendak Syariah (Hussain, 2006). Setiap perkhidmatan berteraskan Islam yang hendak ditawarkan perlu mendapat khidmat nasihat daripada jawatankuasa Syariah masing-masing. Selain itu, setiap bank Islam dan bank-bank skim perbankan Islam (SPI) yang beroperasi tertakluk sepenuhnya pada nasihat Majlis Penasihat Syariah

(*Shariah Advisory Council*) Bank Negara di negara masing-masing bagi memastikan keseragaman dalam pendapat dan amalan perbankan dan kewangan Islam (Zulkifli, 2006). Ahli-ahli jawatankuasa Syariah dan Majlis Penasihat Syariah kebanyakannya terdiri daripada para cendekiawan dan pakar Syariah dalam bidang perbankan dan kewangan Islam (Bank Negara Malaysia, 2014).

1.7.3 Provinsi Aceh, Indonesia

Aceh adalah salah satu provinsi yang terletak di kepulauan Sumatera, di bahagian paling barat wilayah kerajaan Indonesia yang majoriti masyarakatnya adalah Muslim. Provinsi Aceh dipimpin oleh seorang Gubernur dan seorang Timbalan Gubernur. Mengikut Undang-Undang Nombor 32 tahun 2004 tentang pemerintah daerah, Gubernur dan Timbalan Gubernur dipilih secara langsung oleh rakyat untuk satu tempoh masa iaitu selama 5 tahun dan boleh disambung lagi pada undian pilihan raya berikutnya.

Pemerintahan negeri Aceh merangkumi 18 buah daerah (*district*) dan lima buah perbandaran (pemerintahan kota atau bandar). Setiap daerah dan kota tersebut memiliki hak autonomi khas di bawah Undang-Undang Nombor 32 tahun 2004. Masyarakat Aceh termasuk dalam lingkungan rumpun Melayu, iaitu bangsa-bangsa Mante (Bante), Lanun, Sakai Jakun, Semang (orang Laut) dan lainnya yang berasal dari negeri Perak dan Pahang, dan ianya merupakan satu puak yang mendiami bahagian hujung Pulau Sumatera. Aceh pernah menjadi jalur perdagangan antarabangsa pada abad pertama masihi dimana ianya merupakan satu pelabuhan, tempat persinggahan dan tempat perniagaan antarabangsa yang merangkumi hubungan dengan dunia Arab, India, Parsi, Turki dan China. Apabila dilihat kedudukan Provinsi Aceh, sememangnya Aceh terletak di jalur perdagangan antarabangsa, maka dapat

dinyatakan bahawa Aceh ialah provinsi perdagangan dan perniagaan antarabangsa. Pada ketika itu, Aceh berada dalam pemerintahan Raja Sultan Iskandar Muda sehingga Aceh mencapai kemuncaknya dalam bidang politik dan ekonomi (Usman, 2004).

Pada masa ini, bank-bank Islam telah ditubuhkan di pelbagai daerah dan bandar terutamanya Bank Islam Pemerintah Daerah, kerana sejak tahun 2016 Bank Pemerintah Daerah konvensional telah dipisahkan oleh Gabenor dan Parlimen Aceh untuk menjadikan operasi bank Islam berjalan secara berasingan (*spint off*).

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa Aceh didiami oleh masyarakat Islam yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam perdagangan, maritim, pertanian dan politik sejak dari pemerintahan Raja Iskandar Muda. Selain itu, Aceh juga sudah biasa dan sering menghadapi pergolakan dan permusuhan yang amat panjang dan berlarutan hingga menunjukkan beberapa kehancuran seperti peperangan terhadap Portugis, Belanda dan Jepun, perjuangan merebut dan mempertahankan kemerdekaan Indonesia, perselisihan sesama masyarakat Aceh (Perang Combok), melawan terhadap Pembangkangan G-30-S PKI, Gerakan Darul Islam (DI/TII) dan menangani pelampau Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Memandangkan Aceh memiliki penduduk Muslim terbanyak, maka pemerintah telah menubuhkan perbankan Islam bermula pada tahun 1992 dengan dikeluarkan UU Nombor 7/1992, sehingga bank dapat menjalankan aktiviti secara sistematik dengan penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI). Seterusnya pada tahun 1998, pemerintah Indonesia mengeluarkan satu lagi dasar iaitu sistem dwi-perbankan (*Dual-*

Banking System) melalui UU Nombor 10/1998. Akhirnya bank Islam lainnya ditubuhkan seperti Bank Islam Mandiri dan lainnya.

Sehubungan itu, pengiktirafan daripada menteri Kewangan Republik Indonesia Nombor: Kep-307/MK, 13/1991, 7 Oktober 1991 Brosur (1991) telah membawa kepada penubuhan perbankan Islam pertama di Aceh iaitu Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) Hareukat pada 11 November 1991. Antara produk-produk awal yang ditawarkan kepada para pelanggan pada ketika itu adalah seperti *mudarabah*, *musyarakah* dan *murabahah*. Sejak tahun 2005, perbankan Islam semakin bertambah dengan tertubuhnya bank-bank seperti Bank Muamalat, Perbankan Islam Mandiri, dan Bank BPD Syariah, dan terakhir Bank Aceh Syariah dengan pelbagai produk yang ditawarkan kepada para pelanggan.

1.8 Kerangka tesis

Keseluruhan kajian ini dibahagikan dalam tujuh (7) bab iaitu:

Bab Pertama merupakan pengenalan berkaitan latar belakang, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasi dan kerangka tesis.

Bab Kedua merangkumi perbincangan mengenai perbankan Islam, kajian lepas di Aceh dan Indonesia, penglibatan perbankan Islam Indonesia dan perbankan Islam Aceh, pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam, kesedaran pelanggan berkaitan perbankan Islam, kualiti perkhidmatan, penerimaan perbankan Islam,

halangan pelaksanaan perbankan Islam, andaian teori, prinsip perbankan Islam, prinsip produk perbankan Islam dan rumusan.

Bab Ketiga metodologi merangkumi model kajian, reka bentuk kajian, kajian rintis, kaedah pengumpulan data, protokol dan pentadbiran temubual, kesahan data, analisis data, andaian atau hipotesis kajian dan rumusan.

Bab Keempat adalah mengenai hubungan muamalah dengan perbankan Islam, usaha memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, aset perbankan Islam dan konvensional di Aceh, langkah-langkah pemerintahan Aceh mengembangkan perbankan Islam, peranan pelaksanaan syariat Islam dan UUPA Nombor 11 Tahun 2006, infrastruktur perbankan Islam Aceh, landasan infrastruktur bagi produk perbankan Islam, halangan pelaksanaan perbankan Islam dan rumusan.

Bab Kelima ialah dapatan kajian dari temubual yang merangkumi dapatan mengenai langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam, dapatan mengenai kesediaan (penerimaan) masyarakat Aceh tentang perbankan Islam, dapatan mengenai halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dan rumusan.

Bab Keenam menjelaskan perkara berkaitan pra pelaksanaan perbankan Islam, isu utama pelaksanaan perbankan Islam, halangan-halangan penubuhan perbankan Islam di Aceh dan rumusan. Manakala Bab Ketujuh pula adalah kesimpulan dan cadangan daripada kajian ini.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian lepas amat penting bagi suatu kajian kerana ianya membantu menghuraikan tajuk dan memperincikannya di samping memperjelaskan lagi bidang kajian yang akan dijalankan. Penggunaan ulasan karya yang terdahulu merupakan sesuatu yang diberi keutamaan memandangkan maklumat yang diperolehi daripadanya diperlukan bagi menjalankan suatu kajian baharu.

Menurut Neuman (2002), Awang dan Abdul Rahim (2006) terdapat beberapa jenis tinjauan ulasan karya iaitu: (a) kajian integratif: iaitu kajian secara mendalam terhadap perkembangan semasa pengetahuan dalam masalah yang diteroka; b) kajian historikal; mengkaji perkembangan sejarah bidang berkaitan; c) kajian pengkaedahan: pengkaji menumpukan perhatiannya kepada kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji sebelumnya; dan d) kajian teori: iaitu mengkaji teori-teori yang telah diguna pakai oleh penyelidik bagi membantu mencari penyelesaian kepada tajuk berkenaan. Ulasan karya merupakan pengkajian maklumat yang diperolehi daripada buku, jurnal, dokumen dan penyelidikan-penyelidikan lepas untuk sesuatu penyelidikan yang baharu. Dalam bab ini pengkaji meneroka beberapa ulasan karya sebelumnya dan teori yang berhubungan dengan tajuk pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia. Bab ini menghuraikan beberapa bahagian seperti berikut:

2.1 Perbankan Islam


Bank Islam sebagai perbadanan atau institusi yang selaras dengan kaedah nilai dan Syariah Islam. Perbankan Islam terlibat langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan Syariah Islam dan pelaksanaannya menggunakan kaedah-kaedah *fiqh*. Najjar (1993) dan Kamal Khir *et. al.*, (2008) menyatakan perbankan Islam sebagai perbadanan kewangan yang mengumpul dana dan beroperasi berasaskan Syariah Islam. Tujuannya untuk membina kesatuan masyarakat Islam bagi mewujudkan keadilan pengagihan dan menggunakannya mengikut syariat Islam. Hal ini selaras dengan fungsi bank-bank Islam di Aceh yang turut mementingkan operasinya berlandaskan Syariah bagi menjamin keadilan masyarakat Aceh.

Pada peringkat permulaan, bank komersial pertama yang ditubuhkan sebagai institusi kewangan moden ialah pada abad ke-14 di kota Venesia dan Genoa di Itali pada tahun 1587 dengan nama Banco Dalla Pizza, dari kedua-dua kota inilah perkhidmatan perbankan telah berkembang ke pelbagai negara lainnya (Huda dan Haikal, 2010). Pada awalnya, kegiatan perbankan dimulai dari khidmat penukaran wang. Oleh itu, bank dikenali sebagai tempat menukar wang atau sebagai kaunter tempat menukarkan wang. Para pedagang dari pelbagai kerajaan membuat transaksi penukaran wang. Wang ditukar antara mata wang yang berlainan dengan kerajaan yang lain. Pada masa kini, penukaran wang dikenali dengan perdagangan mata wang asing (Kasmir, 2000).

Menurut Ismail (1997), bank merupakan institusi yang berfungsi sebagai tempat untuk mengumpulkan wang dari masyarakat dalam bentuk simpanan dan menjadi pengantara dalam menyalurkan wang ke masyarakat sama ada dalam bentuk kredit atau lainnya untuk meningkatkan taraf hidup kebanyakan rakyat, bank juga berfungsi menerbitkan

wang kertas (*bank note*). Maka, fungsi utama bank dapat digambarkan dalam Rajah

2.1. seperti berikut:



Rajah 2.1.

Bank sebagai perantara kewangan

Berdasarkan Rajah 2.1, bank berfungsi sebagai institusi perantara kewangan yang bertugas menghimpun dana dari masyarakat yang mempunyai lebihan dana. Setelah dana dikumpulkan, pihak bank akan menyalurkan dana itu kepada masyarakat yang memerlukan dana. Keadaan ini turut berlaku dalam operasi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh walaupun pemberian pembiayaan pada masyarakat Aceh ketika ini masih terhad. Selain itu, bank Islam juga merupakan institusi kewangan Islam yang berperanan sebagai perantara antara masyarakat yang mempunyai kelebihan wang dan masyarakat yang kekurangan wang. Namun terdapat perbezaan dalam operasinya. Perbankan konvensional membenarkan bayaran bunga dalam pinjaman sedangkan dalam perbankan Islam menghindari bunga, menggunakannya atau berkongsi hasil bunga dalam sesuatu pembiayaan.

Pernyataan yang hampir sama dinyatakan oleh Asmadi dan Zairani (2015) serta Kamal (1995) iaitu perbezaan antara perbankan Islam dengan bank perdagangan lain atau konvensional ialah perbankan Islam tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengambilan atau pemberian faedah kerana riba itu diharamkan oleh Islam. Perbankan Islam juga berfungsi mewujudkan kewajipan zakat dan menyusun semula peranannya agar dapat

menjadi asas jaminan sosial; operasi perbankan Islam ialah berdasarkan prinsip syarikat atau syarikat *mudarabah* sebagai ganti kepada amalan faedah berunsurkan riba; pelaburan yang berbagai bentuk merupakan sumber pendapatan utama perbankan Islam; perbankan Islam berfungsi untuk mengumpul dan menarik pelbagai jenis deposit atau simpanan terutamanya simpanan wang untuk digunakan dalam memberi khidmat kepada masyarakat tempatan; dan perbankan Islam cuba menghapuskan amalan riba dengan berganti kepada sistem syarikat. Sistem yang digunakan ini memberi kadar keuntungan yang lebih adil kepada para penyimpan sejajar dengan peranan mereka yang telah menyumbangkan wang dalam pertumbuhan ekonomi.

Berikutnya menurut Harbi (2015), bank Islam boleh ditakrifkan sebagai sebuah institusi kewangan yang (a) mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam semua aktiviti melalui peranannya sebagai perantara kewangan antara penyimpan dan pelabur; (b) menyediakan perkhidmatan perbankan dalam rangka kontrak yang sah; (c) mencapai keseimbangan antara pulangan ekonomi dan sosial. Perkara yang berlaku dalam perdagangan dalaman dan luaran di pelbagai wilayah Islam turut membawa kepada penciptaan alat-alat kewangan Islam seperti deposit, pemindahan wang, cek, bil pertukaran dan sebagainya untuk menghadapi perkembangan komersial.

Justeru itu, dapat difahami bahawa perbankan Islam di Aceh adalah institusi kewangan yang kegiatan utamanya menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan dalam urusan pembayaran serta peredaran wang yang mana operasinya disesuaikan dengan prinsip-prinsip Syariah Islam. Ianya juga dikatakan sebagai pertubuhan yang terlibat secara

langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan Syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh (Ahmad, 2006; Mu'allim, 2006).

Menurut Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa atau *International Association of Islamic Bank* (IAIB) menyebut perbankan Islam sebagai sebuah organisasi yang menggerak dan menggunakan segala dana serta sumber kewangan dan modal yang ada berlandaskan syariat Islam yang telah ditetapkan. Bank ini bertujuan untuk mengembangkan serta mengukuhkan kekuatan persaudaraan Islam di samping dapat memastikan penggunaan dan pengagihan dana secara adil dan saksama berteraskan prinsip Syariah Islam (Achyar, 2005). Secara amnya, Persatuan Bank-Bank Antarabangsa menegaskan perbankan Islam merupakan perbadanan kewangan yang ditubuhkan untuk mengumpul dana dan menggunakannya selaras dengan Syariah Islam dan memastikan keadilan pengagihan dana tersebut selaras dengan tuntunan syariat Islam (Ghani, 2006).

Dari aspek sumber hukum, Ullah (2014) menyatakan bahawa terdapat empat sumber syariat Islam yang diguna pakai dalam perbankan Islam iaitu:

- (1) Al-Quran (Kitab umat Islam yang terdiri daripada ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW semasa kenabiannya kira-kira 23 tahun).
- (2) Sunnah/Hadis (selepas al-Quran, as-Sunnah adalah sumber yang paling penting bagi agama Islam untuk merujuk pelbagai amalan umat Islam).
- (3) Ijmak, kata sepakat di kalangan ulama (konsensus fuqaha mengenai sebarang isu *fiqh* selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW).

(4) *Qiyas* dan *ijtihad* (pemikiran jemaah dan individu).

Perbankan Islam di Aceh juga menggunakan dalil dan sumber hukum yang sama iaitu mengikut sumber dari al-quran, hadis, ijmak dan *qiyas* dalam pengamalan operasi dan produk-produk yang ditawarkan. Oleh hal yang demikian, Asmadi dan Zairani (2015) menyatakan adalah penting untuk mengetahui kewangan Islam dalam bentuk asalnya. Ianya merangkumi skop yang sangat luas tidak hanya berfokus pada aturan perantaraan, tetapi juga kepada pengguna melalui kelompok dalam pelbagai bentuk seperti melalui perkongsian. Sistem kewangan moden amat dominan di dunia sehingga sukar bagi sisten kewangan Islam dipisahkan dengan sistem kewangan konvensional dan budaya dalam penghasilan produk, tahap risiko, kaedah pelaksanaan dan lain-lain. Bank Islam, amat memerlukan simpanan sebagai sumber dana kepada bank. Keuntungan yang diusahakan oleh bank akan digunakan bagi pembayaran pembiayaan operasi dan bakinya diberikan kepada penyimpan wang. Dalam waktu yang sama, bank berusaha mengumpul wang dari simpanan-simpanan kecil dan menjadikannya dana yang lebih besar untuk digunakan usahawan. Mengikut sistem perekonomian Islam masa lalu, banyak produk yang telah di laksanakan namun di antara produk baharu yang dikembangkan oleh Bank Islam Malaysia adalah:

a. Kad Kredit Islam

Sejak Januari 2013, Bank Islam Malaysia telah mengeluarkan lima kad kredit berasas Islam. Kad kredit itu antaranya, Kad Bank Islam, Maybank Islamic IKHWAN Card, BSN Credit Card-I Al-Aiman, Bank Rakyat Kredit Card-I dan CIMB Islamic Mastercard. Kad kredit itu bebas daripada riba dan gharar.

Dalam operasinya kad kredit ini disandarkan kepada *bay al innah*, *wadiah* dan *qardul hassan*.

b. Surat kredit

Surat kredit ini digunakan pelanggan yang berurus niaga dengan pihak luar kerajaan. Surat kredit (*letter of credit*) Islam dikeluarkan dengan menggunakan akad kontrak *wakalah*, *murabahah* dan *musyarakah*.

Selain itu, transaksi produk perbankan Islam melibatkan pertukaran barangan atau perkhidmatan di antara satu negara dengan negara yang lain merangkumi penghantaran dan penerimaan barangan dan perkhidmatan, pemindahan dana dalam pelbagai bentuk mata wang, pelaburan, pelesenan, pemborongan, perbankan dan segala bentuk perundingan dan perjanjian. Jika dahulu kegiatan perdagangan antarabangsa hanya melibatkan komoditi yang tidak terdapat di dalam sesebuah negara sahaja, namun sekarang aktivitiya lebih meluas dan bersifat global meliputi perkongsian pengeluaran domestik antara negara-negara yang berdagang (Hashim dan Hanif, 2007). Jadi semua kegiatan ekonomi, sama ada dalam bentuk perindustrian, dagangan atau perkhidmatan, teknologi serta taraf hidup rakyat mempunyai kaitan dengan ekonomi negara-negara lain melalui pengaliran barangan dan perkhidmatan, modal, teknologi dan sumber manusia. Sesebuah negara juga akan memperoleh keuntungan tanpa merugikan negara-negara yang lain.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa perbankan Islam adalah institusi yang berperanan sebagai perantara antara masyarakat dengan bank untuk mengatur kewangan mereka serta memastikan segala transaksi itu terhindar daripada riba. Sehubungan itu, masyarakat Aceh, Indonesia menggunakan sistem berasaskan

Syariah untuk memperolehi keuntungan yang adil serta produk-produk yang ditawarkan perbankan Islam dimodernisasikan sesuai dengan perkembangan perbankan komersial moden namun dijalankan sesuai dengan prinsip kewangan Islam. Justeru, dapat disimpulkan bahawa ciri utama perbankan Islam berbanding bank konvensional adalah perbezaan dari segi proses untuk mendapatkan keuntungan dan operasinya. Perbankan Islam jelas sekali mengharamkan segala transaksi berasaskan riba manakala bank konvensional masih berdiri berasaskan transaksi riba.

Melihat sejarah perbankan Islam pula, orang Eropah sudah mula menerima pakai amalan-amalan Islam dan ianya terus berkembang sehingga masa kini. Pada asalnya, kewangan Islam telah bermula sejak permulaan Islam 1400 tahun yang lalu. Buku sejarah yang ditulis pada tahun-tahun awal Islam menunjukkan bahawa semasa 1st century Islam (AD 600), beberapa bentuk aktiviti perbankan yang wujud sama dengan transaksi perbankan moden. Tambahan pula, buku-buku lama mendedahkan bahawa Al-Zubair bin Al-Awam, salah seorang tokoh yang amat terkenal dalam Islam, telah menerima deposit daripada orang sebagai pinjaman dan melaburkan wang itu. Namun pada abad ke-20, perkembangan perbankan Islam menghadapi masalah kerana kekuasaan kerajaan Islam semakin melemah dan amalan-amalan perbankan ini telah digantikan dengan model kewangan barat. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya berlaku dalam tempoh singkat apabila amalan kewangan Islam muncul semula di pertengahan abad yang sama dan terus berkembang sehingga kini (Yacoob, 1986).

Institusi kewangan Islam mula dibentuk buat pertama kalinya pada zaman Rasulullah dan diiktiraf dengan nama "*Bait al-Mal*". Pada masa itu masjid digunakan sebagai pusat aktiviti pelaksanaan dan pengawasan seluruh operasi *Bait al-Mal*. Matlamat

pengurusan institusi *Bait al-Mal* adalah semata-mata untuk kepentingan *Daulah Islamiyah* dan bukannya untuk menerima simpanan wang masyarakat dan juga tidak memberikan pembiayaan untuk modal perniagaan. Namun, selepas beberapa tahun tahun, banyak bukti menunjukkan bahawa operasi institusi *Bait al-Mal* telah diperluas dengan memberikan pembiayaan kepada seseorang yang ingin memanfaatkannya untuk kepentingan urus niaga perdagangan pada waktu itu. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan dalam kitab *Al-Muwatta'* yang ditulis oleh Imam Malik bahawa Abdullah bin Umar dan Ubaidullah telah mendapatkan pembiayaan dari institusi *Bait al-Mal* yang mereka gunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan keuntungan yang mereka perolehi setengahnya dibahagikan untuk *Bait al-Mal*. Khalifah Umar menyatakan bahawa urus niaga ini adalah kontrak bagi hasil atau *mudarabah* (Haron dan Bala, 1997).

Penubuhan *Mit Ghamr Local Saving Bank* di lembah Nil, Mesir, pada tahun 1963 merupakan perbankan pertama yang berjaya memperolehi kejayaan dan menyedarkan ramai bijak pandai Islam bahawa sistem perbankan Islam mampu beroperasi dengan baik sehinggalah ianya dapat menjadi alternatif terbaik menggantikan sistem perbankan konvensional. Kemampuan dan kejayaan bank ini dalam memobilisasi sumber-sumber dana untuk pembangunan, penggunaan dan pembiayaan modal untuk sektor-sektor ekonomi yang produktif telah memberi sumbangan positif terhadap pembangunan sosial dan ekonomi di kawasan pedalaman Mesir pada masa itu (Yacoob, 1986).

Kejayaan operasi perbankan Islam ini telah membawa kepada perluasan jaringan bank dengan pembukaan empat cawangan dan penubuhan lapan bank yang serupa (dibuka

di lapang wilayah yang lain). Walau bagaimanapun, situasi politik yang bergolak pada waktu itu telah memberi kesan yang buruk pada aktiviti *Mit Ghamr* yang kemudiannya bank ini terpaksa menghentikan operasi sebelum mencapai tahap kematangan. Pada tahun 1971, di bawah rejim Anwar Sadat, konsep perbankan Islam cuba dihidupkan kembali dengan menubuhkan *Nasser Social Bank*. Bank ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Mesir dengan modal awal RM783,584. Bank ini berorientasi pada pemberian pembiayaan tanpa kadar faedah dan menawarkan berbagai perkhidmatan seperti pengurusan simpanan dana masyarakat dan pelaburan serta pengumpulan dan pengagihan dana zakat. Bank ini kemudiannya berkembang dengan amat pesat sehinggalah pada tahun 1980 ianya telah memiliki 25 cawangan di seluruh Mesir dengan keseluruhan deposit mencapai RM58,640,000 pada waktu itu (Yacoob, 1986; Muhammad, 1991).

Seterusnya, perbankan Islam moden mula terkenal pada tahun 1970-an apabila Bank Pembangunan Islam dan Perbankan Islam Dubai ditubuhkan. Bank Pembangunan Islam iaitu bank milik beberapa kerajaan Islam berpusat di Jeddah, Arab Saudi dalam organisasi konferensi menteri kewangan Islam Disember 1973 dengan aset permulaan bernilai RM2,600,000,000. Pada waktu tersebut, ianya dianggotai 55 buah kerajaan. Perbankan Islam Dubai ditubuhkan pada tahun 1975 dengan sepenuhnya beroperasi secara Islamik. Setelah itu, dua bank Islam swasta ditubuhkan pada tahun 1977 iaitu Bank Islam Faisal bertempat di Mesir dan Sudan. Pada tahun yang sama, Rumah Kewangan Kuwait ditubuhkan. Pada tahun 1979, Bank Islam Bahrain ditubuhkan dan pada tahun 1980, Bank Pelaburan Pembangunan Islam ditubuhkan. Antara tahun 1981 hingga 1984, sejumlah 24 buah perbankan Islam berjaya ditubuhkan. Sebagai contoh,

pada tahun 1981, Iran dan Pakistan berjaya menubuhkan perbankan Islam di tahap domestik (Muhammad, 1991).

Daripada sorotan sejarah penubuhan dan perkembangan perbankan Islam di dunia, dapat disimpulkan bahawa perjalanannya penuh dengan liku-liku dan cabaran. Hal ini juga turut berlaku dalam pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indoneisa. Namun begitu, harus diakui bahawa pengamalan perbankan Islam ini telah dimulai sejak zaman Rasulullah dan para sahabat lagi. Perbankan Islam moden ada pada hari ini pula bermula pada tahun 1970-an yang berpusat di Jeddah. Sehingga kini, perbankan Islam moden terus berkembang pesat di seluruh pelusuk dunia dengan masih mengekalkan keunikan dan ciri utama pengamalannya iaitu dengan menawarkan produk yang pelbagai dan transaksi yang bebas dari riba.

2.2. Kajian lepas: Beberapa konsep penting

2.2.1 Pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia

Bangsa Indonesia sudah mengalami perubahan besar di era reformasi. Keinginan untuk melakukan perubahan dan pembaharuan menjangkau pelbagai aspek kehidupan masyarakat sama ada dalam bidang politik, ekonomi, hukum dan sosial. Reformasi ekonomi merangkumi usaha-usaha yang dimulakan sejak dari usaha mengatasi krisis ekonomi, mengukuhkan ekonomi rakyat, memperkuat institusi perekonomian, mendorong persaingan sihat sehingga kepada pembenterasan amalan rasuah, kerjasama dan nepotisme dalam kegiatan ekonomi dan perniagaan. Pelbagai usaha telah dibuat mencakupi stabiliti mata wang rupiah, menurunkan inflasi dan mengatasi pengaruh sosial dari krisis ekonomi ini.

Kedudukan perbankan Islam dalam sistem perbankan nasional mendapat asas yang kuat setelah adanya kemudahan sektor perbankan pada tahun 1983 (Etty *et. al.*, 2014). Sesebuah institusi kewangan bank diberikan kuasa untuk menubuhkan bank, penentuan tingkat bunga dan penghapusan bunga. Kemudahan tersebut hanya dapat dimanfaatkan setelah keluarnya undang-undang pada Oktober 1988 iaitu dibolehkan mendirikan bank-bank baru. Apa yang pasti, posisi bank tanpa faedah ini lebih mantap setelah Undang-Undang Nombor 7 Tahun 1992 diisytiharkan, iaitu undang-undang berkaitan perbankan. Dalam undang-undang tersebut pasal 13 menyatakan bahawa salah satu usaha Bank Perkreditan Rakyat adalah menyediakan pembiayaan bagi pelanggan berdasarkan prinsip pembahagian hasil. Menguatkan peraturan pemerintah tersebut, pada 30 Oktober 1992, pemerintah telah mengeluarkan Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 72 tahun 1992 tentang bank berdasarkan hasil dan dikemukakan pada tarikh 30 Oktober 1992 dalam lembaran negara Republik Indonesia Nombor 119 Tahun 1992.

Dalam masa beberapa tahun sejak dikuatkuasakan UU Nombor 7 Tahun 1992 tentang perbankan Islam yang memberikan peluang mendirikan perbankan Islam dan sehingga kini, ianya masih lagi belum mencapai kepada matlamatnya. Maka usaha pelaksanaan perbankan Islam perlu dilaksanakan dengan segera kerana masyarakat Muslim Indonesia sangat menantikan suatu sistem perbankan Islam yang kukuh dan dipercayai serta sesuai dengan prinsip Syariah. Dengan penguatkuasaan Undang-Undang Nombor 10 Tahun 1998, perbankan Islam telah pun mendapat ruang yang lebih luas untuk menyelenggarakan usahanya termasuk pemberian kesempatan kepada bank umum konvensional untuk membuka bank cawangan yang khusus untuk melakukan kegiatan berdasarkan kepada perbankan Islam. Hal ini merupakan salah satu usaha

untuk meningkatkan jaringan perbankan Islam yang dilakukan dengan pemerksaan perbankan Islam (UU No. 7, 1992).

Namun, perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia sehingga kini masih menunjukkan pertumbuhan yang minimum, sama ada pada jaringan ataupun jualan jika dibandingkan dengan pertumbuhan bank konvensional, hal itu ditunjukkan dengan bilangan perbankan Islam yang masih kurang. Banyak tentangan dan permasalahan yang dihadapi dalam perkembangan perbankan Islam terutamanya berkaitan dengan pelaksanaan suatu sistem perbankan yang baru. Suatu sistem yang mempunyai dasar perbezaan dengan sistem yang telah lama diguna pakai di Indonesia, berikut adalah beberapa masalah yang dihadapi:


- a) Pemahaman masyarakat yang kurang tepat terhadap kepengoperasian perbankan Islam.
- b) Adanya perbezaan ciri-ciri produk bank konvensional dengan perbankan Islam telah menimbulkan keengganan bagi penggunaan khidmat perbankan. Hal itu timbul kerana hilangnya kelayakan untuk mendapatkan keuntungan yang tetap dari wang simpanan. Oleh itu, secara umum perlu dimaklumkan bahawa penempatan dana pada perbankan Islam akan mendapat keuntungan kewangan yang berkesan.
- c) Peraturan perbankan yang berlaku belum sepenuhnya menerapkan operasi perbankan Islam.
- d) Jaringan cawangan perbankan Islam yang masih terhad, perkembangan ini adalah perlu bagi perluasan jangkauan langganan kepada masyarakat.
- e) Sumber manusia yang memiliki kepakaran dalam perbankan Islam masih sedikit, hal itu kerana sistem ini masih baharu dikembangkan di samping

lembaga akademik dan pelatihan dalam bidang ini adalah sangat terhad (Etty *et. al.*, 2014).

Hakikatnya, kewujudan perbankan Islam di Indonesia telah diakui dan diiktiraf sejak diwartakan oleh Undang-undang Nombor 7 Tahun 1999. Namun begitu, undang-undang ini belum cukup kuat untuk mengembangkan perbankan Islam walaupun undang-undang ini merupakan satu 'pintu' kepada penubuhan perbankan Islam di Indonesia. Setelah dikuatkuasakan Undang-Undang Nombor 23 Tahun 1999, barulah perbankan Islam di Indonesia mula berkembang kerana sejumlah peraturan dan infrastruktur sudah sedia ada untuk diamalkan. Penubuhan bank umum berdasarkan prinsip Syariah ditulis dalam bab II pasal 3 surat keputusan direksi Bank Indonesia Nombor 32/34/KEP/DIR tarikh 12 Mei 1999 yang memuatkan mengenai penubuhan bank sebagai yang berikut: 1) Bank hanya dapat ditubuhkan dan melakukan kegiatan usaha berdasarkan prinsip Syariah dengan izin Pengarah Bank Indonesia. 2) Bank hanya dapat didirikan oleh: 1) Warganegara Indonesia dan badan hukum Indonesia. 2) Warganegara Indonesia dan warganegara asing secara perkongsian (Etty *et. al.*, 2014).

Maka pada akhir tahun 1999, Bank Islam Mandiri mula ditubuhkan. Perbankan Islam Mandiri adalah bank milik penuh pihak pemerintah yang pertama beroperasi berlandaskan Syariat Islam di Indonesia (Bank Syariah Mandiri, 2000). Selain Bank Umum Syariah, terdapat juga Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS). BPRS merupakan bank yang bersifat domestik yang hanya boleh menerapkan sistem perbankan Islam dalam wilayahnya sahaja. Bank ini wajib mematuhi peraturan dari Undang-undang Perbankan Nombor 7 Tahun 1992 dan aturan-aturan lainnya yang telah ditetapkan oleh pemerintah Republik Indonesia.

Bank Indonesia (2006) mengemukakan bahawa pembangunan perbankan Islam dari tahun 2002 hingga 2015 seperti Rajah 2.2:



Rajah 2.2.

Struktur perbankan Islam

Maka dapat difahami dari rajah 2.2, institusi kewangan Islam di Indonesia terbahagi kepada empat komponen utama dari segi pembangunannya iaitu, pasaran modal Islam, institusi perbankan Islam, pembangunan fizikal dan takaful. Sehingga kini, pasaran modal Islam masih mendominasi pembangunan institusi kewangan Islam di Indonesia.

Seterusnya, usaha perkembangan pelaksanaan suatu institusi seperti perbankan Islam berhubung kait dengan pengurusan Islam perlu diteruskan. Menurut Asmadi (2002), pengurusan Islam merupakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pemimpin atau pengurus beserta orang-orang di bawahnya dengan menggunakan sumber-sumber dan cara-cara yang tidak bertentangan dengan syariat Islam; yang mana penyusunan tersebut matlamatnya untuk mendapatkan kesejahteraan beragama (Islam), kemajuan dan keharmonian hidup. Perkara ini juga turut berlaku di Aceh pada ketika ini dimana pihak Gabenor, ahli Parlimen dan pemegang kepentingan telah mengubah sistem pengurusan bank konvensional kepada sistem pengurusan Islam. Sebagai contoh,

bank BPD Aceh konvensional telah ditukar sistem pengurusannya kepada Bank Aceh Syariah secara keseluruhannya.

Menurut Yusof dan Ahmad (2008), dalam usaha merealisasikan pengurusan perniagaan Islam agar berjaya, pengurus mestilah bertindak sejajar dengan nilai-nilai pengurusan yang pernah dibangunkan pada zaman kegemilangan Islam. Jelasnya pengurusan perniagaan Islam adalah selari dengan naluri tuntutan keinsanan (fitrah) yang meliputi keperluan fizikal, akal, nafsu dan rohani.

Manakala pengurusan ekonomi Islam pula berhubungkait dengan kemajuan dan keharmonian hidup di mana ianya boleh dicapai melalui kaedah perniagaan Islam dengan menggunakan institusi perbankan Islam. Pengurusan perniagaan Islam merupakan suatu pendekatan yang bertujuan untuk membangunkan organisasi perniagaan yang dipertanggungjawabkan kepada seorang individu bergelar pengurus. Bagi memastikan kecemerlangan berterusan, pengurus perlu menggunakan segala potensi yang dimiliki. Matlamat utama pengurusan perniagaan Islam adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan manusia dan menjamin kemakmuran untuk manusia sejagat.

Melihat kembali krisis kewangan yang terjadi pada tahun 1998 yang telah merugikan bank-bank konvensional di Indonesia dan banyak yang terpaksa menutup operasi mereka kerana menerapkan amalan riba. Namun sebaliknya berlaku kepada perbankan yang menerapkan kaedah Syariah dimana operasinya pula tetap utuh bertahan. Tidak hanya itu, di tengah-tengah krisis kewangan global yang melanda dunia pada penghujung akhir tahun 2008, institusi kewangan Syariah kembali membuktikan daya

tahannya dari krisis yang teruk. Institusi-institusi kewangan Syariah di Indonesia tetap kukuh dan kuat, serta terus mencatatkan keuntungan, keselesaan serta keselamatan terus terpelihara bagi semua pihak baik pemegang sahamnya, pemegang surat berharga, peminjam mahupun para penyimpan wang pada perbankan Islam. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kejayaan Bank Muamalat Indonesia mengatasi krisis yang terjadi pada tahun 1998 dengan menunjukkan aktiviti yang semakin memberangsangkan walaupun tidak menerima sebarang bantuan dari pihak kerajaan ketika menghadapi krisis kewangan tahun 2008, Bank Muamalat Indonesia bahkan mampu memperolehi keuntungan RM 100.000.000 (Bank Syariah, 2010).

Perbankan Islam setakat ini dapat menggunakan hujah ini untuk menunjukkan bahawa perbankan Islam benar-benar boleh bertahan dari krisis global di Indonesia. Antara aktiviti strategik bagi perkembangan perbankan Islam telah pun diusahakan dengan memberikan izin kepada pihak bank umum konvensional membuka cawangan Unit Usaha Syariah (UUS). Aktiviti strategik ini merupakan maklum balas sama ada dari perubahan Undang-Undang Perbankan Nombor 10 Tahun 1998 mahupun undang-undang pengganti UU Nombor 7 Tahun 1992 yang mengatur landasan hukum dan jenis-jenis usaha yang dapat dijalankan oleh perbankan Islam.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia diiktiraf pada tahun 1992 berasaskan landasan hukum Undang-Undang Nombor 7, 1992, namun perkembangannya belum sampai kepada matlamatnya jika dibandingkan dengan perbankan konvensional disebabkan pengetahuan masyarakat yang belum tepat, peraturan perbankan belum sepenuhnya dilaksanakan berasaskan operasional perbankan Islam, jaringan cawangan perbankan belum luas dan sumber tenaga manusia dalam perbankan Islam masih sedikit. Sehingga kini,

perbankan Islam di Indonesia terdiri daripada bank Umum Syariah, Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) dan Bank Unit Usaha Syariah, bank unit usaha ini merupakan cawangan bank-bank konvensional.

2.2.2 Aceh

Provinsi Aceh adalah salah satu negeri di pulau Sumatera, terletak di bahagian paling barat wilayah kerajaan Indonesia. Provinsi Aceh dipimpin oleh pemerintahan Gabenor dan Timbalan Gabenor. Mengikut Undang-Undang Nombor 32 tahun 2004 tentang pemerintah daerah, gabenor dan timbalan gabenor dipilih secara langsung oleh rakyat untuk satu tempoh masa iaitu selama 5 tahun dan boleh disambung lagi pada undian pilihan raya berikutnya.

Usman (2004) menyimpulkan bahawa pemerintahan negeri Aceh boleh dibahagi kepada 18 buah daerah (*district*) dan lima buah pemerintahan kota. Ia menjelaskan bahawa setiap daerah dan kota mempunyai hak autonomi khas di bawah Undang-Undang Nombor 32 tahun 2004. Masyarakat Aceh termasuk dalam lingkungan rumpun Melayu, iaitu bangsa-bangsa Mante (Bante), Lanun, Sakai Jakun, Semang (orang Laut) dan lainnya yang berasal dari negeri Perak dan Pahang dan ia merupakan satu puak yang mendiami bahagian hujung Pulau Sumatera. Usman juga menjelaskan Aceh pada abad pertama masehi pernah menjadi jalur perdagangan antarabangsa dan merupakan pusat interaksi antarabangsa meliputi hubungan dengan Arab, India, Parsi, Turki dan China.

Dari huraian di atas, dapat difahami bahawa Aceh didiami masyarakat Islam yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam perdagangan, maritim, pertanian, pendidikan dan politik sejak dari pemerintahan Raja Iskandar Muda. Selain itu, Aceh

juga sudah biasa dan sering menghadapi pergolakan dan permusuhan yang amat panjang dan berlarutan hingga menunjukkan beberapa kehancuran seperti;

1. Peperangan terhadap Portugis.
2. Peperangan terhadap penjajahan Belanda dan pendudukan Jepun.
3. Perjuangan merebut dan mempertahankan kemerdekaan Indonesia.
4. Perselisihan antara sesama masyarakat Aceh (Perang Combok).
5. Melawan terhadap Pembangkangan G-30-S PKI.
6. Gerakan Darul Islam (DI/TII).
7. Menangani pelampau Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Provinsi Aceh dapat dilihat dalam Peta 2.1.



Peta 2.1.

Peta Provinsi Aceh.<http://petaaceh.go.id>.

Berdasarkan peta 2.1, kedudukan geografi Aceh terletak diujung sebelah Barat Indonesia. Aceh hanya dipisahkan dengan Malaysia oleh Selat Melaka sehinggakan

dalam urusan bisnes dan perdagangan serta hubungan pemerintahan masih tetap utuh dan erat sehingga kini.

Pada masa ini, bank-bank Islam telah ditubuhkan di pelbagai daerah dan bandar terutamanya Bank Islam Pemerintah Daerah, kerana sejak tahun 2016 Bank Pemerintah Daerah konvensional telah dipisahkan oleh gabenor bersama parlimen Aceh menjadi bank Islam (*spint off*). Dengan tertubuhnya Bank Pembangunan Daerah Aceh (BPD) menjadi bank Islam Aceh, maka seluruh Kabupaten dan Bandar di Aceh dalam masa ini sudah memiliki Bank Islam. Kondisi ini merupakan maklum balas atas pelaksanaan Syariat Islam seperti mana diamatkan dalam Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA) Tahun 2006. Menurut Abubakar (2008), tujuan pelaksanaan syariat Islam pertamanya untuk memperkukuhkan ketauhidan (teologi) memandangkan bahawa ianya perintah agama bagi Muslim samada yang lebih sempurna, lebih baik, mahupun yang lebih dekat dengan Allah.

Oleh itu, umat Islam wajib mengamalkan syariat Islam dalam pelbagai aspek kehidupannya. Kedua berhubungkait dengan aspek psikologi. Ianya menjurus kepada mencapai rasa aman terhadap apa sahaja hal yang berlaku dipersekitaran mereka. Oleh itu, pelaksanaan syariat Islam di Aceh memberikan ketenangan baik di dunia mahupun akhirat kelak. Tujuan ketiga ianya berkaitan dengan aturan hukum bagi mencapai keadilan berasaskan nilai keadilan seperti mana ditetapkan Allah subhanahu wa taala. Tujuan keempat ialah untuk peningkatan ekonomi masyarakat melalui institusi perbadanan kewangan Islam seperti menubuhkan perbankan Islam berasaskan Al Quran dan hadis Rasulullah, sehingga masyarakat terhindar dari aktiviti ekonomi berasas riba dan merasa adil dalam sistem perekonomian dan kewangan mereka.

Berkaitan dengan amanat pelaksanaan syariat Islam dalam UUPA Tahun 2006 disebutkan dalam Undang-Undang Nombor 11 tahun 2006, pasal 125 Ayat (2) bahawa syariat Islam dimaksud pada ayat (1) merangkumi ibadah, hukum keluarga (*akhwat asy-syahshiyyah*), hubungan antara sesama (*muamalah*) seperti bidang ekonomi dan kewangan, hukum pidana (*jinayat*), peradilan (*qadha*), pendidikan (*tarbiyah*), dakwah, syiar dan pembelaan Islam. (Undang-Undang Pemerintah Aceh, 2006).

Landasan hukum tersebut memberikan dasar yang kukuh bagi masyarakat Aceh untuk mengamalkan syariat Islam secara sempurna (*kaffah*) dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk aspek ekonomi, kewangan dan perbankan. Dalam peraturan daerah (qanun) nombor 4 tahun 2013 seperti mana ditetapkan dalam pasal 10 ayat 3 menyatakan Pemerintah Aceh dan pemerintah kabupaten/kota hendaklah melakukan pembinaan dan pengembangan usaha mikro, kecil, menengah, dan koperasi serta perbadanan ekonomi Syariah melalui program kemitraan (kerja sama), peningkatan daya saing, pemberian dorongan pembaharuan produk (inovasi) dan perluasan pasaran serta penyebaran maklumat yang seluas-luasnya.

Berasarkan rujukan di atas, disimpulkan bahawa Provinsi Aceh merupakan salah satu wilayah di bawah pemerintahan kerajaan Indonesia. Ia dipimpin oleh Gabenor, Bupati dan Walikota. Pemerintahan Kabupaten berjumlah 18 buah manakala pemerintahan kota (Bandar) 5 buah. Masyarakatnya majoriti beragama Islam. Dalam konteks sejarah masyarakat Aceh termasuk dalam lingkungan rumpun Melayu. Mereka memiliki naluri perdagangan dan sering menghadapi peperangan dan pelampauan.

Dalam masa ini Aceh telah mengamalkan sistem perbankan Islam sepertimana diamanatkan oleh pemerintah, parlimen dan masyarakatnya yang diatur dalam UUPA tahun 2016 merangkumi peraturan menjalankan sistem ekonomi Islam dalam aspek muamalah, di seluruh Kabupaten dan Bandar di Aceh dengan setidaknya-sedidaknya satu buah bank Islam sudah ditubuhkan. Justeru, Aceh telah dipilih sebagai tempat kajian ini dijalankan. Antara faktor utama pemilihan ini adalah kerana Aceh merupakan wilayah yang majoritinya penduduknya beragama Islam dan pengamalan ilmu berkaitan agama Islam amat tinggi.

2.2.3 Indonesia

Republik Indonesia (RI), pada amnya dikenali dengan nama Indonesia. Ianya salah satu kerajaan di Asia Tenggara berada di antara benua Asia dan Australia serta antara Samudra Pasifik dan Samudra Hindia. Indonesia adalah negara kepulauan terbesar di dunia yang terdiri dari 13,466 pulau. Jumlah penduduknya lebih daripada 258 juta orang pada tahun 2016, (penduduk terbesar keempat) di dunia dan Indonesia berpenduduk Muslim terbesar di dunia, (berjumlah 207 juta orang). Bentuk pemerintahan Indonesia adalah republik. Indonesia ditadbir oleh Dewan Perwakilan Rakyat, Dewan Perwakilan Daerah dan Presiden yang dipilih lima tahun sekali dalam undian pilihan raya secara langsung.

Ibu kota kerajaan Indonesia ialah Jakarta. Indonesia bersempadan dengan Malaysia di Pulau Kalimantan, dengan Papua Nugini di Pulau Papua dan dengan Timor Leste di Pulau Timur. Negara tetangga lainnya adalah Singapura, Filipina, Australia dan wilayah Kepulauan Andaman dan Nikobar di India, seperti ditunjukkan di Peta 2.2:



Peta 2.2.

Peta kerajaan Indonesia. <http://petaaceh.go.id>.

Dalam konteks sejarah, Indonesia banyak dipengaruhi oleh pelbagai bangsa lainnya. Kepulauan Indonesia menjadi wilayah perdagangan yang amat penting sejak abad ke 7, iaitu ketika Kerajaan Sriwijaya di Palembang menjalin hubungan agama dan perdagangan dengan Tiongkok dan India. Kerajaan-kerajaan Hindu dan Buddha telah berkembang pada awal abad Masehi, diikuti oleh para pedagang yang membawa agama Islam.

Memandangkan Indonesia memiliki penduduk Muslim terbanyak, maka ia menubuhkan perbankan Islam bermula pada tahun 1992 setelah dikeluarkan UU Nombor 7/1992 (Remi, 1999). Oleh itu, berasaskan undang undang tersebut, bank-bank Islam dapat menjalankan bisnesnya dengan sistematik dan pada tahun 1992 telah ditubuhkan bank Islam pertama di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia (BMI). Seterusnya pada tahun 1998, pemerintah Indonesia mengeluarkan satu lagi dasar iaitu Dual Banking System melalui UU Nombor10/1998. Seterusnya Bank Islam lainnya ikut ditubuhkan seperti Bank Islam Mandiri dan lainnya.

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa Indonesia adalah sebuah negara kepulauan terbesar di dunia dan majoriti penduduknya beragama Islam. Ibukota kerajaanya ialah Jakarta. Pemerintahannya ditadbir oleh Presiden, ahli parlimen tahap nasional dan pemerintahan tahap daerah (Kabupaten/Bandar), mereka diundi melalui pilihan raya secara langsung dalam masa 5 tahun sekali. Memandangkan penduduknya ramai dari orang Islam, maka pada tahun 1992, Indonesia dan pelbagai wilayahnya termasuk Aceh telahpun menubuhkan perbankan berasaskan prinsip Islam untuk digunakan dalam sistem perdagangannya dan prinsip produk atas dasar pembahagian hasil (mudharabah).

2.2.4 Hubungan perbankan Islam Indonesia dalam perbankan Islam Aceh

Hubungan bermakna kerjasama tadbir terutamanya berkenaan dengan kawalan dan pembuat keputusan di peringkat atasan organisasi. Sehingga kini, kerjasama tadbir urus kebanyakannya telahpun didedikasikan pada syarikat-syarikat perbankan Islam di Aceh, seperti kajian yang dijalankan oleh Rida et al, (2013) menemukan bahawa penglibatan pemerintah dalam membuat peraturan yang akan digunakan sesebuah organisasi amat penting bagi menjayakan pelbagai tujuan organisasi terbabit. Pencapaian daripada tujuan utama amat diperlukan dalam memastikan mekanismanya berkesan pada semua pihak yang terlibat. Mekanisma itu dibahagi dua bahagian: pertama mekanisma dalaman organisasi dan mekanisma dari pihak luaran organisasi.

Salah satu arahan pemerintah dalam melibatkan perbankan Islam adalah dengan melakukan penggabungan (merger) beberapa bank Islam badan usaha milik negara (BUMN). Diharapkan, gabungan tiga bank Islam BUMN, iaitu BRI Syariah, Bank

Syariah Mandiri (BSM), dan BNI Syariah dapat meningkatkan permodalan untuk membolehkan mereka melakukan perbelanjaan supaya mampu bersaing dengan bank konvensional. Di sinilah peranan penting otoritas jasa keuangan (OJK) dalam memberi sokongan bagi perbankan Islam untuk lebih aktif dalam percaturan perekonomian nasional. Selain mendorong agar terus berinovasi dalam mengeluarkan produk agar disukai masyarakat, juga penting untuk terus menjalankan pendidikan berupa pengertian bahawa prinsip ekonomi Islam bersifat saksama dan bukan milik satu puak atau golongan tertentu sahaja (Etty et. al., 2014).

Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa pemerintah telah melibatkan diri dan bekerjasama dalam tadbir urus terutamanya berkenaan dengan kawalan dan membuat keputusan di peringkat atasan organisasi perbankan Islam bagi mengembangkan cawangannya di pelbagai daerah. Sehingga kini, kerjasama tadbir urus kebanyakannya telahpun didedikasikan pada syarikat-syarikat perbadanan kewangan Islam (Yongqiang dan Andrew, 2014).

Kesimpulannya, pihak perbankan Islam Indonesia telahpun melibatkan diri dengan pelaksanaan dan pengembangan perbankan Islam berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah disahkan oleh pemerintahan Indonesia melalui Bank Indonesia. Hal ini telah membolehkan pelbagai kerajaan wilayah termasuk Aceh telah menubuhkan dan mengamalkan sistem perbankan Islam dengan kepelbagaian produknya. Namun sejauh manakah keterlibatan pihak-pihak yang terlibat ini masih memerlukan kajian yang khusus mengenainya.

2.2.5 Pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam

Pengetahuan lebih menekankan sama ada pengamatan dan pengalaman pancaindera, dikenali sebagai pengetahuan berdasarkan pengamatan. Pengetahuan ini boleh didapatkan dengan melakukan pengamatan dan pemerhatian yang dilakukan secara empiris dan rasional. Selain itu, pengetahuan berasaskan pemerhatian tersebut juga dapat berkembang menjadi pengetahuan umum bilamana seseorang dapat menggambarkan segala ciri, sifat, dan gejala yang ada pada objek pengalaman tersebut. Selain pengetahuan berasas pengamatan, ada pula pengetahuan yang diperolehi melalui akal budi yang kemudian dikenal sebagai rasionalisme. Rasionalisme lebih menekankan pengetahuan yang bersifat mutlak, tidak menekankan pada pengalaman. Pengetahuan seseorang didapati dan dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya pendidikan, media dan keterbukaan maklumat.

Menurut Anderson dan Juli (2012), Notoatmodjo (2003) dan Oktaviandry (2012), pengetahuan didapati dari pendidikan kerana pendidikan adalah usaha untuk memperolehi maklumat seperti pengetahuan kognitif, yang merangkumi perilaku-perilaku yang menekankan aspek intelektual (pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian), pengetahuan efektif (perilaku yang menekankan pada aspek penerimaan, tanggapan, penghargaan, pengorganisasian dan karakter berdasarkan nilai-nilai), dan psikomotor (mencakupi perilaku yang menekankan aspek keterampilan motor, persepsi, kesiapan, tanggapan terpinpin, mekanisma, penyesuaian dan penciptaan).

Oleh itu, mengetahui tahap-tahap pengetahuan masyarakat terhadap perubahan suatu fenomena yang hadir dalam kehidupan mereka seperti ilmu perbankan Islam memberi

pengaruh besar kepada bank dan agensi. Dalam konteks ini, Hamid (2007) menghuraikan bahawa pengetahuan masyarakat adalah kelompok agen yang berusaha menghasilkan dan mengubah pengetahuan yang diberikan untuk mencapai tahap kognisi sosial yang luas sama ada melalui hubungan interaktif mahupun unit-unit kerjaya.

Sehubungan itu, menurut Amna dan Riaz (2012), aspek pengetahuan mengenai selok belok perbankan Islam menjadi tanggungjawab utama pengurusan bank untuk mensosialisasikan kepada masyarakat serta menerangkan pelbagai produk bank yang menerapkan nilai Islam yang baik. Selain itu, bagi pencapaian pengetahuan secara singkat, ianya boleh didapati melalui latihan.

Berdasarkan perbincangan di atas, institusi bank Indonesia dan perbankan Islam Aceh berperanan dan mempunyai tanggungjawab sebagai agen terhadap peningkatan ilmu pengetahuan masyarakat ke tahap kognitif, efektif dan psikomotor dalam bidang perbankan Islam.

Seterusnya menurut kajian Adiwarmanto (2005), masyarakat Indonesia umumnya masih rendah tahap pengetahuan mereka mengenai sistem perekonomian Islam yang diamalkan oleh perbankan Islam. Misalnya, anggota masyarakat masih beranggapan bahawa sistem bunga pada bank konvensional dan sistem pembahagian hasil pada perbankan Islam merupakan dua sistem yang sama, sehingga masyarakat lebih memilih bank konvensional kerana lebih berpengalaman dalam menjalankan usaha perbankan. Menurut Daud (2007), pengetahuan mengenai Sistem Perbankan Islam (SPI) merupakan salah satu dari skop ibadah dalam Syariah dan penting bagi meyakinkan umat Islam terhadap SPI. Penggunaan SPI adalah sebagai fardu kifayah

perlu diketahui oleh setiap umat Islam. Oleh itu, sistem perbankan Islam dalam Syariah adalah suatu yang *wajib* dilaksanakan dalam sebuah negara Islam. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam secara komprehensif terhadap SPI ianya adalah amat perlu dimiliki oleh setiap umat Islam kerana ini bukan hanya berkaitan isu riba sahaja, tetapi isu maruah Islam serta amalan SPI sebagai ibadat. Usaha-usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman perlu dilaksanakan dengan tiga aspek utama iaitu pertama, pendidikan dan penyebaran maklumat SPI dengan lebih agresif. Kedua, memperbaiki imej perbankan Islam secara menyeluruh dan ketiga, mewujudkan produk-produk SPI yang lebih mesra dan berunsur kebajikan. Selain itu, menurut beliau lagi, para ulama telah pun mengeluarkan fatwa tentang wajibnya mengamalkan sistem perbankan Islam seperti fatwa dari Dr. Yusuf Qardhawi, Mahmud Ahmad, Baqir Al Sadr, Almutawwaly, Chapra M.U. dan lain-lain. Kenyataan ini menolak beberapa dakwaan mengatakan bahawa golongan ulama secara umumnya seolah-olah tidak bersetuju dengan kewujudan perbankan Islam kerana tidak menepati amalan sebenar dalam syariat Islam.

Selanjutnya Sina (2007) menyatakan penubuhan perbankan Islam di Indonesia, selain didasari oleh tuntutan bermuamalah secara Islamik, ianya juga merupakan keinginan kuat sebahagian besar umat Islam di Indonesia bertujuan meningkatkan kualiti sama ada kehidupan ekonomi dan produksi masyarakat yang tidak dapat terpenuhi oleh perbankan konvensional. Namun banyak halangan dalam perkembangan perbankan Islam ini: Pertama, belum lengkapnya peraturan, undang-undang dan infrastruktur terutama dalam bidang perkhidmatan simpanan dan pinjaman. Kedua, pegangan pasaran yang masih terbatas. Ketiga, kurangnya pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai produk dan khidmat perbankan Islam dan keempat, kurangnya

sumber manusia yang memiliki pengetahuan, keahlian dan kepakaran dalam bidang perbankan Islam.

Berdasarkan pembahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Indonesia termasuk Aceh masih mempunyai tahap pengetahuan mengenai perbankan Islam yang masih rendah dan masih beranggapan bahawa sistem pembahagian hasil pada perbankan Islam dengan sistem bunga pada bank konvensional merupakan dua sistem yang sama. Demikian juga sumber tenaga manusia sama ada yang ahli dan pakar dalam bidang perbankan Islam itu jelas masih kurang. Oleh itu, pihak pengurusan bank haruslah bertanggungjawab bagi meningkatkan taraf pengetahuan masyarakat melalui pelbagai pendidikan dan latihan. Justeru, kajian ini melihat kembali tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap perbankan Islam sama ada masih kekal berada pada tahap lemah ataupun telah ada kesedaran yang mula timbul terhadap perbankan Islam. Selain itu, kajian ini juga akan melihat persepsi masyarakat terhadap perbankan Islam sama ada telah mula berubah kepada yang lebih positif atau sebaliknya.

2.2.6 Kesedaran pelanggan perbankan Islam

Kamus Dewan (2007) memberi maksud kesedaran sebagai perihal keadaan sedar atau siuman atau ingatan. Manakala menurut Ahmad dan Rubina (2014) kesedaran didefinisikan sebagai semua unsur-unsur mental dalam keadaan sedar pada sebarang masa. Adapun faktor kesedaran atau pendedahan pelanggan kepada kewujudan produk baru merupakan tahap pertama dalam proses keputusan pembelian. Pendedahan ini adalah berkecuali (neutral) dan pelanggan tidak lagi membuat sebarang tindakan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenainya. Seterusnya,

menurut Khattak (2010) yang mengkaji tahap kesedaran dan kepuasan terhadap perbankan Islam yang menawarkan produk dan perkhidmatan berasaskan Islam. Hasil analisis mendapati bahawa responden yang terlibat dalam kajian mereka kurang berpuas hati dengan beberapa jenis produk yang ditawarkan dan mereka juga tidak mengetahui sedang berurusan dengan produk tersebut kerana kurangnya pengetahuan dan pendedahan promosi terhadap produk dari perbankan Islam.

Menurut Imran *et al.* (2011) yang menghuraikan sebaliknya, disebabkan kekurangan kesedaran, kerajaan Islam Timur menghadapi masalah penerimaan umum. Dalam fasa awal kewangan Islam di kerajaan-kerajaan ini, bank profesional telah ditubuhkan tetapi mereka tidak mahir dalam bidang Syariah. Pihak pengurusan dan kakitangan tidak mempunyai panduan rangka kerja Islam dan atas sebab ini terdapat kekurangan yang ketara dalam aspek kesedaran di antara mereka.

Satu analisis tentang kesedaran produk bank Islam di kalangan umat Islam oleh Link (2012) menyatakan bahawa responden yang berminat dengan produk bank Islam tidak mempunyai maklumat yang mencukupi mengenai fungsi mereka. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka memerlukan perkhidmatan kredit untuk bertukar dari konvensional kepada produk bank Islam. Ini adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah dan menunjukkan kekurangan pengetahuan. Di samping itu, kesedaran dan pengetahuan mengenai bank Islam tidak cukup untuk memastikan kejayaan pelaksanaan sistem perbankan Islam.

Jadi dapat disimpulkan bahawa kesedaran seseorang itu berperanan penting dalam mengamalkan sesuatu tindakan. Kesedaran sepenuhnya melekat dalam mindanya

dalam pelbagai segi, sehingga pelanggan tidak perlu membuat sebarang tindakan untuk memperolehi maklumat lanjut mengenainya kerana sudah amat mengetahui selok belok terkait mengenai suatu produk perbankan Islam. Oleh itu, kajian mengenai kesedaran seseorang dalam melanggan perbankan Islam amat diperlukan terutamanya dalam kalangan masyarakat Aceh yang majoritinya beragama Islam.

2.2.7 Kualiti perkhidmatan

Dalam pada itu, perkhidmatan yang berkualiti menjadi isu penting dalam sebuah organisasi seperti perbankan Islam. Untuk meningkatkan kualiti dalam setiap perkhidmatan, setiap institusi bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Gabbie dan O'Neill (1999) serta Azlinda Kasma (2010), menjelaskan mengenai penawaran suatu produk oleh sesebuah organisasi bagi penawaran yang berkualiti. Maka sebuah organisasi bukan sahaja berupaya untuk mengekalkan pelanggan mereka bagi suatu jangka masa yang panjang namun berupaya membantu mereka untuk menarik lebih ramai pelanggan baru. Ini berlaku bilamana pelanggan baru bersedia untuk mengiklankan kerana ia berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diterima (Vavra, 1977; Aida Suraya, 2008). Seterusnya Naser *at al.* (2013) menyatakan penawaran perkhidmatan yang berkualiti akan dapat menghasilkan pandangan positif, sehingga meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kos, kesejahteraan pekerja dan meningkatkan moral pekerja sehingga meningkatkan aset dan keuntungan kewangan kepada organisasi.

Oleh yang demikian, penting untuk setiap institusi meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan yang mereka sediakan dan bagaimana bahagian-bahagian tersebut boleh ditawarkan kepada pelanggan perkhidmatan yang berkualiti (Rehman, 2012).

Seterusnya beliau menyatakan pelanggan belajar dari pengalaman yang diterima semasa mendapatkan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan dan seterusnya ianya akan mempengaruhi tindak balas pelanggan terhadap produk tersebut samaada ianya memenuhi kehendak dan keperluan pengguna ataupun tidak. Perkhidmatan antara satu dengan lainnya kadangkala hampir sama dengan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Oleh itu, sukar bagi pelanggan untuk membezakan kelebihan di antara perbankan yang terlibat. Namun begitu, di sana terdapat perbezaan kualiti perkhidmatan yang dikemukakan. Akhtar dan Zaheer (2014) menyatakan terdapat lima dimensi dalam kualiti perkhidmatan iaitu kebolehpercayaan, pandangan fizikal, tindak balas, jaminan dan belas kasihan. Selain dimensi itu, faktor kepatuhan agama juga adalah sebagai dimensi baru dalam pengukuran kualiti perkhidmatan dalam perbankan Islam. Faktor ini penting diambil kira memandangkan ianya melibatkan faktor agama dan budaya dalam pemilihan urusan perbankan dan kewangan oleh masyarakat Islam.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan institusi perbankan Islam berperanan penting memandangkan para pelanggan memerlukan layanan yang baik, selesa, nyaman serta mendapatkan kemudahan-kemudahan dalam berurusan seperti memenuhi aspek kepercayaan, pandangan fizikal, tindak balas, jaminan, belas kasihan dan kepatuhan kepada agama. Ianya merupakan keharusan yang mesti diamalkan oleh kakitangan-kakitangan perbankan Islam dalam memberi layanan kepada para pelanggan.

2.2.8 Penerimaan perbankan Islam

Menurut Kamal dan Zerrin (2004), Zaharuddin (2008) dan Nayyab (2011), perbankan Islam diterima dan menjadi daya tarik seseorang bilamana mereka memahami dan mengamalkan ajaran Islam sebenar, dan juga mengetahui perbezaan perbankan Islam dengan bank perdagangan lain atau konvensional, antara perbedaannya ialah:

- a) Perbankan Islam tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengambilan atau pemberian faedah kerana riba itu diharamkan oleh syariat Islam.
- b) Perbankan Islam berfungsi mewujudkan kewajipan zakat dan menyusun semula peranannya agar dapat menjadi asas jaminan sosial.
- c) Operasi perbankan Islam ialah berdasarkan prinsip syarikat atau syarikat mudarabah sebagai ganti kepada amalan faedah berunsurkan riba.
- d) Pelaburan yang berbagai bentuk merupakan sumber pendapatan utama perbankan Islam.
- e) Perbankan Islam berfungsi untuk mengumpul dan menarik berbagai jenis deposit atau simpanan terutamanya simpanan wang untuk digunakan dalam memberi khidmat kepada masyarakat tempatan.
- f) Perbankan Islam cuba menghapuskan amalan riba dengan bertukar kepada sistem syarikat. Sistem yang digunakan ini memberi kadar keuntungan yang lebih adil kepada para penyimpan sejajar dengan peranan mereka yang telah menyumbangkan wang dalam pertumbuhan ekonomi.

Oleh itu, pemahaman antara perbezaan perbankan Islam dengan bank konvensional berhubung kait dengan tahap pendidikan dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat, hal ini berperanan dalam penerimaan perbankan Islam. Justeru itu, ianya juga dipengaruhi oleh aktiviti dan program yang disertai, kerana semakin tinggi tahap

pendidikan dan pengetahuan, maka tahap pemikiran mereka akan semakin berkembang dalam menilai faedah yang diperolehi. Peterson dan Maiden (1993) dalam kajian di Amerika Syarikat telah pun mendapati bahawa penglibatan masyarakat dalam menerima sesuatu program bergantung kepada tahap pendidikan dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat selain umur dan jantina.

Kajian Xu (2007) terhadap masyarakat China telah pun menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi masyarakat untuk menerima dan melibatkan diri dalam program atau aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Masyarakat di Beijing lebih terpengaruh untuk melibatkan diri dalam program yang dilaksanakan bilamana ada sesetengah individu yang lain cuba mempengaruhi individu lain untuk melibatkan diri dalam program tersebut. Seterusnya, penglibatan kegiatan terbabit turut dipengaruhi oleh faktor motivasi dan juga budaya masyarakat itu sendiri yang berkaitan dengan penerimaan modernisasi yang diperkenalkan. Lantaran itu, proses modernisasi yang meliputi sama ada idea dan juga amalan lebih sukar untuk diserapkan ke dalam masyarakat (Cragan dan Shields 1998). Proses penyerapan yang berdasarkan kepada inovasi teknologi seperti telefon, televisyen, komputer peribadi dan juga telefon bimbit lebih mudah untuk diserapkan ke dalam masyarakat kerana memiliki ciri-ciri yang mampu menarik perhatian masyarakat sendiri dibandingkan dengan konsep-konsep perbankan model baru yang penerimaannya berasaskan ilmu pengetahuan, pelayanan, keyakinan, kesedaran, pendapat, amalan, pemujukan dan juga penentangan terhadap penyerapan idea baru terbabit.

Gibson *et al.* (1997) menegaskan bahawa penerimaan adalah proses dari seseorang dalam memahami lingkungannya yang melibatkan pengorganisasian dan penafsiran sebagai rangsangan dalam suatu pengalaman psikologi. Oleh yang demikian, Saeed (2008) mengatakan: tiga faktor utama seseorang memilih dan menerima perbankan Islam iaitu pemahaman ajaran agama, pengetahuan dan amalan perekonomian Islam serta faktor-faktor yang lain. Baba dan Amin (2009) pula menilai persepsi positif seorang individu dalam menerima maklumat idea baru amat berpengaruh dalam penerimaan arahan dari pihak-pihak tertentu. Memandangkan persepsi sebagai suatu proses yang ditempuh individu untuk mengorganisasikan dan menafsirkan kesan-kesan pancaindera mereka agar memberikan makna dalam kehidupan mereka.

Menurut kajian Aye (2012), walaupun pelbagai bukti menunjukkan bahawa perbankan Islam telah mendapat populariti dari kalangan orang bukan Islam dalam penerimaan penggunaannya di banyak tempat di dunia, masih ada salah faham bahawa perbankan Islam hanya dipengaruhi oleh kewajipan agama dan oleh itu, ianya adalah hanya khusus untuk orang Islam sahaja. Namun, pengetahuan kita tentang motivasi pengguna bagi memilih perbankan Islam berbanding perkhidmatan perbankan konvensional adalah sederhana dan penyelidikan setakat ini adalah terhad dan tidak jelas mengenai isu-isu utama. Kajian ini berdasarkan pemilihan secara rawak 322 individu terhadap pelanggan bank dari Bahrain, Jordan dan UAE. Kajian ini sangat pasti bahawa walaupun faktor-faktor agama seperti pematuhan Syariah adalah penting, faktor bukan agama yang lain termasuk kualiti perkhidmatan yang lebih baik dan pendedahan maklumat juga memainkan peranan penting bagi permintaan pengguna yang semakin meningkat bagi perbankan Islam. Walau bagaimanapun, faktor-faktor seperti kadar pulangan yang lebih baik, akses kepada kredit, dan SMS

(*short message service*) perbankan didapati menjadi penentu utama pilihan dan kepuasan pengguna dengan perkhidmatan yang disediakan oleh bank-bank konvensional.

Andriani dan Juliandi (2016) menyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi keputusan masyarakat untuk menerima bank Islam adalah kerana pendidikan non-formal bisnes, jenis pekerjaan, pertimbangan kemapanan dan profesionalisme dalam layanan, peranan tokoh keagamaan, ketaatan beragama, persepsi terhadap bunga, kesan positif terhadap bank Islam dan lokasi bank Islam. Sementara keputusan masyarakat untuk terus menerima bank Islam dipengaruhi oleh pemboleh ubah pendidikan non formal keagamaan dan keterbukaan terhadap informasi.

Dari huraian di atas, dapat dipahami bahawa institusi perbankan Islam diterima dan menjadi daya tarik seseorang bilamana mereka memahami dan mengamalkan ajaran Islam sebenar, dan juga mengetahui perbezaan antara perbankan Islam dengan bank perdagangan lain atau konvensional. Seseorang akan menerima perbankan Islam jika operasinya benar-benar tidak mengandung isu riba kerana riba itu tidak memiliki nilai keadilan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat bahkan isu riba membawa kepada kehancuran masyarakat secara meluas.

2.2.9 Halangan pelaksanaan perbankan Islam

Pertumbuhan sejumlah perbankan Islam di dunia dalam era tahun 1980-an dan tahun 1990-an telah turut juga mengundang permasalahan-permasalahan dalam hal operasinya. Memandangkan institusi perbankan Islam ini relatifnya masih baru dalam perkembangannya, maka timbul permasalahan dalam operasi pada sejumlah negara di

dunia, di mana permasalahan-permasalahan tersebut umumnya tidaklah sama di setiap negara.

Richard (1991) dalam kajiannya tentang perbankan Islam menemukan bahawa permasalahan perbankan Islam yang beroperasi di suatu negara yang tidak sepenuhnya menerapkan sistem Islam berbeza dengan permasalahan yang dihadapi oleh perbankan Islam yang beroperasi di negara yang menerapkan sistem ekonomi Islam secara keseluruhan. Demikian pula halnya dengan perbankan Islam yang beroperasi di suatu negara yang menganut sistem ekonomi pancasila seperti di Indonesia, di mana kebanyakannya adalah bank-bank konvensional yang beroperasi berasaskan faedah bank, menimbulkan banyak persoalan bagi perbankan Islam seperti masalah undang-undang/peraturan, pajakan, sistem akauntansi, undang-undang syarikat, transaksi-transaksi kewangan antara institusi-institusi kewangan yang ada dan sebagainya.

Menurut Zainul (2000) halangan terhadap perkembangan perbankan Islam di Indonesia adalah kerana lambatnya proses sosialisasi dan juga dipengaruhi oleh latar belakang pemikiran ulama Islam dan para pakar Muslim sehingga munculnya konsep dan mekanisme operasi perbankan Islam yang berbeza.

Dalam pemerhatian Hamidi (2003) di Jawa Barat telah menyimpulkan bahawa bank Islam mempunyai beberapa fenomena negatif antaranya ialah transaksi yang belum jelas, nilai keuntungan pinjaman yang tinggi, memberikan kadar hasil sama seperti riba, keterangan maklumat dan sosialisasi masih kurang, jenis produk terhad, kakitangan belum memahami tentang sistem Syariah itu sendiri, kemudahan kurang

lengkap, simpanan deposit yang sukar, jumlah maksimum pinjaman masih terbatas dan perhitungan pembahagian hasil yang kurang jelas.

Antonio (2007) menyatakan operasi perbankan Islam di Indonesia menghadapi banyak permasalahan dalam perkembangannya, antaranya disebabkan oleh ianya beroperasi dalam lingkungan sistem ekonomi kapitalis. Sedangkan menurut Hamzah (2004) bahawa perkembangan perbankan Islam di Indonesia berhadapan dengan pelbagai permasalahan. Indonesia perlu memecahkan permasalahan ini dengan berbagai kaedah, pertama, seperti nilai etika dalam hidup dan kehidupan yang masih rendah. Perbankan Islam memiliki kesempatan untuk mendidik bangsa Indonesia menjadi bangsa yang kuat berteraskan agama dalam setiap aspek kehidupan. Kedua, kualiti pengetahuan masih rendah, oleh kerana itu sistem perbankan Islam akan membolehkan masyarakat Indonesia hidup dengan nilai-nilai terpuji. Ketiga, sumber pengetahuan pentadbiran kerajaan masih kurang, untuk itu perbankan Islam diharapkan mampu mewujudkan pentadbiran kerajaan yang bersih. Keempat, kualiti hidup penduduk Indonesia terutama dalam bidang perekonomian masih di tahap yang sangat rendah. Untuk itu, perbankan Islam mempunyai kekuatan untuk mengatasi dan menyiapkan dana untuk menguatkan ekonomi bangsa.

Sina (2007) dalam kajiannya tentang perbankan Islam di Sumatera Selatan Indonesia, mendapati banyak halangan dalam perkembangan perbankan Islam kini, antaranya seperti berikut: Pertama, belum lengkapnya peraturan, undang-undang dan infrastruktur terutama dalam bidang perkhidmatan simpanan dan peminjaman. Kedua, cakupan pasaran yang masih terbatas. Ketiga, kurangnya pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai produk dan khidmat perbankan Syariah. Keempat,

kurangnya sumber manusia yang memiliki keahlian dan kepakaran dalam bidang perbankan Islam. Seterusnya menurut Gustian (2010) menyatakan bahawa aktiviti dan penyertaan organisasi masyarakat Islam terbesar Indonesia dalam mempelopori peradaban baru ekonomi Indonesia berasas Syariah masih minimum. Mereka bersifat ragu-ragu dalam mendukung sepenuhnya perbankan Islam baik oleh organisasi Muhammadiyah mahupun Nahdhatul Ulama (NU). Selain itu, adanya pemisahan antara sistem pendidikan agama dan pendidikan am menyebabkan timbulnya dualisme kepakaran antara ulama dan sarjana dalam bidang fikah muamalah dan ilmu ekonomi umum.

Dari pembahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa pelbagai halangan dalam menjalankan perbankan Islam. Halangan yang dialami berbeza mengikut lokasi bank dibangunkan. Di Indonesia dan wilayah lainnya termasuk Aceh, halangan yang sering dihadapi iaitu tahap pendidikan dan pengetahuan mengenai perbankan Islam masih belum cukup sama ada daripada pihak perbankan mahupun daripada masyarakat. Selain itu, nilai etika yang dipamerkan masyarakat juga berperanan penting bagi kelancaran operasi perbadanan perbankan Islam. Maka, satu kajian khusus harus dilakukan bagi mengetahui halangan-halangan yang terpaksa dihadapi oleh perbankan Islam di Aceh dalam usaha mengembangkan operasinya serta melihat perancangan pihak yang terlibat dalam memperkasakan perbankan Islam di Aceh.

2.2.10 Andaian teori

Bahagian ini membahas teori *stakeholder*, teori gelagat terancang dan fardu kifayah memandangkan ketiga-tiga teori ini merupakan teori asas dalam kajian ini. Teori

stakeholder, teori fardhu kifayah dan teori gelagat terancang (*Theory of Planned Behaviour*) diguna pakai untuk menjawab soalan-soalan kajian dalam tesis ini.

2.2.10.1 Teori fardhu kifayah

Dalam konsep Islam, pelaksanaan perbankan Islam merupakan fardhu kifayah kerana fardhu kifayah diertikan sebagai “perbuatan yang wajib dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat Islam, tanpa melihat siapa yang mengerjakannya”. Apabila telah dilakukan maka hilanglah tuntutan kewajiban itu terhadap orang lain. Tetapi apabila tidak ada seseorang pun yang melakukannya, maka semuanya berdosa, seperti menubuhkan perbankan, tempat beribadat, rumah sakit, solat jenazah dan sebagainya (Amir, 2008).

Dengan kata lain, fardhu kifayah adalah kefarduan yang wajib dikerjakan oleh seseorang atau satu kumpulan yang mewakili masyarakat Islam, sebuah daerah Islam, negeri ataupun negara. Apabila kefarduan itu telah disempurnakan, maka hukum kewajiban tersebut menjadi gugur bagi seluruh anggota masyarakat yang lain, seperti dikemukakan Zuhaili (1986).

الواجب الكفائي : هو ما طلب حصوله من غير نظر الى من يفعله
وانما يطلب من مجموع المكلفين وذلك كتعلم الصنائع المختلفة وبناء
المستشفيات والقضاء والإفتاء والصلاة علي الجنائز ورد السلام
والجهاد والأمر بالمعروف والنهي عن المنكر , وغير ذلك
مما طلب الشارع وجوده بقصد تحقيق المصلحة دون أن يتوقف
على قيام كل مكلف بها , وإنما يحصل الغرض من بعض الأفراد
المكلفين. حكمه : أنه يجب على الكل . وأنه إذا فعله أحد المكلفين

سقط الطلب عن الباقيين, وارتفع الإثم عنهم جميع

Dengan itu dapatlah ditegaskan bahawa fardhu kifayah mempunyai ruang lingkup yang luas yang melibatkan seluruh aspek hidup seperti soal-soal ekonomi, politik dan perundangan, termasuk soal ketenteraan dan lain-lain.

Konsep fardhu kifayah disebut sebagai teori pelaksanaan perbankan Islam kerana ianya berhubung kait dengan firman Allah dalam al-Quran surah At-Taubah ayat 122:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ (التوبة : 122)

Bermaksud: “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).”

Seterusnya Allah menegaskan bagaimana teori pengaturan pemanfaatan harta dan perniagaan di antara sesama manusia dengan selesa (suka sama suka) merupakan fardhu kifayah, seperti mana difirmankan Allah dalam al-Quran surah an-Nisa’ ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ (النساء : 29)

Bermaksud: “wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu.”

Dari huraian di atas, dapat difahami bahwa fardu kifayah merupakan kewajiban bagi semua orang, namun jika telah dikerjakan oleh sebahagian yang lain di antara mereka maka terhindarlah dosa semua orang. Oleh itu, fardu kifayah merupakan teori yang cukup kukuh bagi pelaksanaan perbankan Islam di pelbagai wilayah Indonesia. Berlandaskan amalan teori ini, pihak pemerintah, perbankan dan pelanggan perbankan Islam terpelihara daripada dosa sama ada daripada amalan pengurusan dan amalan lainnya yang berhubung kait dengan operasi perbankan Islam.

2.2.10.2 Teori Pemegang Taruh (Stakeholder)

Teori ini dikembangkan oleh Freeman pada tahun 1984. Definisinya adalah “*any group or individual who can effect or is effected by the achievement of the organization's objectives*”, (Freeman dan Evan, 1990). Teori ini menjadi asas untuk mencapai tujuan-tujuan organisasi sama ada daripada suatu kelompok mahupun perseorangan. Teori ini pula amat terkenal dalam aktiviti perniagaan, pemerintahan, bukan pemerintahan dan media dalam pencapaian pelbagai tujuan mereka. Teori Pemegang Taruh menyatakan bahawa perusahaan bukanlah hanya beroperasi untuk kepentingan sendiri sahaja namun harus mampu memberikan manfaat bagi Pemegang Taruhnya. Oleh itu, kewujudan suatu perusahaan sangat dipengaruhi oleh sokongan yang diberikan oleh Pemegang Taruh syarikat terbabit. Pemegang Taruh pada asasnya dapat mengendalikan sumber-sumber ekonomi yang diguna pakai seseorang mahupun syarikat. Teori ini digunakan pengkaji, kerana dalam kajian ini akan melihat faktor

saling mempengaruhi kepentingan sama ada pihak kerajaan, bank, pelanggan, perseorangan, kakitangan, dan masyarakat tempatan yang amat bersesuaian dengan teori yang diajukan oleh Freeman dan Evan (1990) ini. Pihak kerajaan Aceh amat berperanan dalam membangunkan masyarakat dari pelbagai aspek. Dalam institusi perspektif, Zainal (2007) menegaskan bahawa peranan dan fungsi kerajaan mesti berlaku. Kerajaan dalam membuat kegiatannya boleh bertindak sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, menerusi perkongsian dengan pelbagai pihak baik dalam mahupun luar kerajaan. Apa sahaja tindakan kerajaan mesti mengikut prosedur tertentu dan menggunakan sesebuah institusi sehingga rakyat yakin dan mendokong sepenuhnya segala perancangan kerajaan.

Penyertaan kerajaan melalui pelbagai strategi dan perancangan telah dibuat untuk pelaksanaan perbankan Islam di Aceh sebagai memenuhi kepentingan rakyat. Antaranya memberi keyakinan dan mengembangkan perbankan Islam kepada pelbagai jabatan, sama ada dalam bidang perdagangan, perindustrian, koperasi, jabatan Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, jabatan Syariat Islam Aceh dan Otoritas Jasa Keuangan (OJK).

2.2.10.3 Teori gelagat terancang

Teori gelagat terancang iaitu teori berasas niat untuk merencanakan apa-apa amalan seseorang individu pada masa hadapan. Ianya telah banyak diguna pakai pengkaji seperti Kamil (2002) yang menyelidik niat kepatuhan membayar zakat kakitangan awam negeri Kedah dan Zainol Bidin yang mengkaji faktor penentu niat gelagat kepatuhan dalam membayar zakat pendapatan. Realitinya, sama ada Kamil mahupun Zainol (2009) telah pun berjaya memperolehi jawapan kepada soalan kajian kedua-

duanya. Asas utama dari kajian mereka adalah mengenali niat masyarakat mengeluarkan sebahagian dana dari sejumlah harta benda yang wajib dizakatkan dari pendapatan seseorang sesuai dengan perintah Allah. Amalan zakat (rukun Islam) ini akan mendapat pahala dari Allah baik di dunia mahupun di akhirat. Pengkaji menggunakan teori gelagat niat terancang ini untuk melihat niat seseorang menerima dan menggunakan perbankan Islam memandangkan ianya bebas daripada dosa riba. Menjauhkan diri dari dosa riba yang diharamkan Allah sudah pasti akan mendapat pahala di akhirat. Namun ganjarannya boleh diperolehi secara langsung sejak berada di dunia ini lagi, melalui keuntungan kewangan daripada aktiviti perbankan Islam.

Oleh itu, teori gelagat terancang merupakan suatu model yang baik untuk memahami perlakuan sesuatu gelagat. Teori ini menjelaskan perlakuan sesuatu gelagat adalah bergantung kepada niat. Niat adalah suatu bentuk motivasi yang mendorong seseorang untuk bertindak Ajzen (1991). Menurut Umar (2008) niat adalah keinginan untuk mengerjakan sesuatu yang diikuti perbuatan dalam masa yang akan datang. Hadis Rasulullah bersabda "*Innamal A'malu bin Niyaat*" maksudnya sesungguhnya segala perbuatan itu berasaskan kepada niat. Niat juga merupakan kesediaan dan petunjuk sejauh mana kesanggupan seseorang berusaha mengamalkan sesuatu. Semakin kuat niat seseorang untuk melakukan gelagat, semakin kuat kemungkinan gelagat itu diamalkan. Ram *at al.* (2010) dalam konteks penerimaan perbankan Islam menyatakan keputusan seseorang melaksanakan dan menerima perbankan Islam adalah bergantung kepada niatnya. Semakin kuat niat seseorang melaksanakan dan menerima perbankan Islam semakin kuat kebarangkalian seseorang itu melanggan perbankan Islam, sebaliknya kalau semakin lemah niat seseorang melaksanakan dan

menerima perbankan Islam semakin berkurang kebarangkalian untuk melanggan perbankan Islam.

Malahan niat juga diandaikan mempunyai hubung kait dengan faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi suatu gelagat, niat gelagat ini akan mengarahkan seseorang akan sejauh manakah antara boleh atau tidak boleh mengamalkan suatu perbuatan yang direncanakan sebelumnya (Ajzen 1991). Jadi kajian mengenai pelaksanaan dan penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam sangat berhubung kait dengan gelagat niat mereka. Semakin tinggi niat mereka, maka semakin tinggi pula tahap pelaksanaan dan penerimaan mereka terhadap perbankan Islam, jika niat mereka lemah maka kemungkinan pelaksanaan dan penerimaan mereka tentu membimbangkan. Beliau menjelaskan lagi bahawa niat gelagat dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu: pertama, sikap terhadap gelagat (*attitude toward behavior*), kedua, norma subjektif (*subjective norm*) dan ketiga, kawalan gelagat ditanggap (*perceived behaviour control*). Faktor-faktor penentu niat ini merupakan kepercayaan seseorang dalam gelagatnya untuk suatu amalan.

Berdasarkan pendapat di atas, maka teori gelagat terancang dijadikan salah satu kerangka teori dalam kajian ini kerana penelitian-penelitian sebelumnya banyak menggunakan teori ini untuk menjawab gelagat niat individu-individu dalam kehidupan mereka ketika ingin melaksanakan sama ada perbuatan baik untuk dunia mahupun akhirat. Teori ini terkenal dalam kalangan penyelidik memandangkan kemampuan dan keupayaan faktor sikap dan gelagat kepatuhan dalam melaksanakan perbankan Islam iaitu *norma subjektif*, kawalan gelagat ditanggap dan niat memberi penjelasan untuk memahami karakter seseorang (Ajzen, 1991). Kajian-kajian yang

menggunakan teori ini dijumpai dalam berbagai bidang seperti Zainol Bidin (2008) dalam memahami gelagat kepatuhan menunaikan zakat dan juga Ram *et al.* (2010) yang menggunakan teori ini untuk mencari penjelasan tentang gelagat kepatuhan pembayaran zakat perniagaan yang didapati berada di tahap yang sangat rendah.

2.2.11 Prinsip perbankan Islam

Kajian Yadi (1998) mendapati bahawa dari segi konsepnya telah pun terdapat kesesuaian antara prinsip operasi Bank Muamalat Indonesia dengan *mazhab al Arbaah*, namun dalam pelaksanaannya masih belum sepenuhnya mengikut konsep tersebut. Muslehuddin (1988) mengemukakan bahawa ulama Islam terdahulu mencadangkan bahawa urusan bank secara Islam mestilah bertapak atas dasar prinsip perkongsian iaitu mudarabah. Beliau berpendapat bahawa melalui sistem ini semua penipuan urusan bank moden akan dapat dihapuskan, seperti mana difirmankan Allah dalam surah Al Baqarah ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا (البقرة : 275)

Bermaksud: “*orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat) jual beli itu sama seperti riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.*”

Dalam konsep perbankan tanpa bunga (riba), pemegang saham yang akan menerima dividen daripada keuntungan tahunan. Bank akan menerima deposit daripada masyarakat sama ada dalam bentuk simpanan keselamatan mahupun untuk

perkongsian keuntungan. Satu peratus dari deposit yang diterima diperuntukkan kepada pinjaman peribadi tanpa bunga, manakala sebahagian besar akan dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan kredit perniagaan dan perindustrian. Bercakap tentang pinjaman pengguna, Muslehuddin (1988) berpendapat bahawa Islam telah memerintahkan supaya orang kaya memberikan pinjaman kepada orang yang berhajat atas dasar membuat kebajikan. Selain itu, persatuan kredit dan syarikat kerjasama dibentuk untuk menyediakan pinjaman tanpa bunga bagi ahli-ahlinya. Ada sesetengah ulama berpandangan untuk memajukan *Bayt al Mal*, maka bank perlu memikul tanggungjawab memberi pinjaman untuk pembiayaan, kerana mereka tidak membayar bunga atau dividen bagi deposit penyimpanan. Perbankan Islam juga menyediakan hampir semua perkhidmatan yang diberikan oleh bank perdagangan lain. Apa yang dipertikaikan oleh beberapa orang ahli ekonomi setakat ini ialah tentang kurangnya amalan *mudarabah* peringkat kedua, iaitu antara bank sebagai pemodal dan penerima pembiayaan sebagai pengusaha. Pertikaian antara teori dan amalan ini adalah bersandarkan kepada hujah ekonomi dan kewangan semata-mata dan bukannya dari hujah- hujah Syariah.

Sementara itu, Haron dan Bala (1997) dan Zaharuddin (2008), berpendapat perbankan Islam adalah bank yang menjalankan prinsip dan amalannya berasaskan hukum Islam sama ada urusan penyimpanan wang mahupun urusan pinjaman. Prinsip ini juga meliputi transaksi-transaksi bank yang lain seperti urusan kiriman wang, surat-surat jaminan, surat-surat kredit dan tukaran wang asing. Menurut Wahab (2008) menyatakan bahawa sejak sebelum kedatangan Islam, pengguna menjadikan institusi perbankan dan kewangan sebagai sumber untuk mendapatkan pembiayaan modal bagi menampung keperluan wang mereka. Pembiayaan dana modal luaran ini dibahagikan

kepada dua katagori, iaitu pembiayaan ekuiti (modal) dan pembiayaan kredit (hutang). Namun begitu, setelah kedatangan Islam, pembiayaan kredit dalam bentuk pinjaman berasaskan riba telah diharamkan. Dengan hal demikian, pembiayaan kredit yang dibenarkan dalam Islam hanya dalam bentuk kontrak pemberian hak milik melalui pertukaran. Sementara, Mu'allim (2006) menyatakan bahawa tujuan utama penubuhan perbankan Islam seluruh dunia adalah untuk memberitahu, membangunkan dan mengembangkan pelaksanaan prinsip-prinsip syariah Islam dalam sektor perniagaan secara *mudarabah*. Kesamarataan sumber dana untuk modal kerja sehingga masyarakat merasakan manfaat kesamarataan pendapatan yang berasal daripada perbankan Islam bukannya daripada bank konvensional. Kesamarataan ini asasnyanya adalah wajib, demikian juga menggerakkan sumber dan kemanfaatan sumber tenaga manusianya.

Pendapat di atas disokong oleh Hamidi (2003) mengatakan perbankan Islam yang sedang diamalkan di merata dunia hari ini, pada amnya, adalah berasas kepada *mudarabah*, iaitu antara kumpulan yang memberi modal (penyimpan wang di dalam akaun simpanan atau akaun pelaburan dan pemegang saham bank) di satu pihak dan bank itu sendiri sebagai pihak yang satu lagi.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa prinsip perbankan Islam secara asasnyanya berasaskan perkongsian (*mudarabah*). Prinsip hukum Islam mengharamkan riba kerana pelbagai penipuan daripada perbankan konvensional moden akan dapat dihapuskan. Seterusnya perbankan Islam akan menerima deposit untuk keselamatan mahupun untuk usaha perkongsian keuntungan dan pelanggan boleh mendapat kemudahan kredit untuk perniagaan dan perindustrian secara pembahagian hasil

(*mudarabah*), manakala depositor akan mendapat keuntungan daripada hasil usaha yang diperniagakan oleh kreditor sesuai dengan kesepakatan bersama (*sukarela*) yang telah ditetapkan oleh pihak bank.

2.2.12 Prinsip produk perbankan Islam

Di dalam sistem pelaksanaan perbankan Islam, terdapat banyak *urus niaga* yang ditawarkan selaras dengan kehendak pelanggan pada masa kini. Semua *urus niaga* adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip syariah tanpa *riba*, *gharar* dan *maisir*. *Riba* ialah sebarang lebihan atau tambahan (*barangan* dan *perkhidmatan*) melebihi jumlah asal pinjaman yang ditetapkan di awal transaksi, manakala *gharar* pula bermaksud ketidakpastian atau kekaburan mengenai perkara yang dijanjikan. Seterusnya *maisir* didefinisikan sebagai memperolehi sesuatu dengan mudah tanpa melibatkan usaha yang sepatutnya (Ahmad *et al.*, 2008).

Seterusnya menurut Ghani (2006) pula, produk perbankan Islam mestilah mencerminkan nilai, akhlak dan etika Islam. Selain itu, produk perbankan Islam harus mempunyai ciri yang canggih, berdaya maju dan perlu untuk mematuhi prinsip Syariah, namun tidak bermakna aspek nilai-nilai komersial produk harus diabaikan. Oleh itu, pendekatan yang digunakan adalah dengan tidak menolak keseluruhan produk konvensional. Produk konvensional yang tidak bercanggah dengan Syariah diserapkan ke dalam sistem perbankan Islam. Produk yang bertentangan dengan produk syariah diubah suai agar dapat memenuhi keperluan Syariah dengan menolak elemen yang bercanggah dengan Syariah (Adiwarman, 2005). Di antara konsep utama prinsip produk-produk dalam perbankan Islam adalah seperti berikut:

Mudarabah

Mudarabah berasal daripada kata *dharb* ertinya menggerakkan atau lebih tepatnya ialah proses seseorang menggerakkan kegiatan dalam menjalankan sesuatu usaha. *Mudarabah* adalah perjanjian kerjasama antara dua pihak di mana pihak pertama (*shahibul mal*) menyediakan seluruh (100 %) modal, manakala pihak lainnya menjadi pengusaha. Keuntungan secara *mudarabah* dibagi menurut kesepakatan yang dipersetujui dalam kontrak, dan kerugian ditanggung oleh pemilik modal jika bukan dari kelalaian pengelola, tetapi seandainya kerugian disebabkan oleh kecurangan atau kelalaian pengelola, maka pengelola harus bertanggung jawab atas kerugian itu (Antonio, 2007).

Dasar hukum amalan *mudarabah* dinyatakan dalam firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 283.

Ertinya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

Amalan *mudarabah* disertai dengan rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang tersendiri. Rukun adalah perkara-perkara asasi bagi wujudnya sesuatu amalan atau perbuatan, manakala syarat pula ialah sifat-sifat yang menentukan sah atau tidaknya suatu amalan atau perbuatan. Rukun *mudarabah* ialah ijab dan kabul (Zuhaili, 1986). Sedangkan syarat dalam pengamalan *mudarabah* adalah modal, pengusaha, pemilik

harta dan pembahagian keuntungan yang jelas dan tidak boleh bagi pemilik modal mensyaratkan jaminan (*borg*) tertentu. Hukum *mudarabah* disepakati para mujtahid dibolehkan pengamalannya (*ibahah*).

Adapun pelaksanaan pembiayaan *mudarabah* di perbankan Islam dalam bentuk modal/dana, diberikan oleh bank kepada pelanggan dalam perniagaan yang telah disepakati bersama. Selanjutnya dalam pembiayaan ini pelanggan dan bank sepakat untuk membahagikan hasil atas pendapatan keuntungan tersebut. Risiko kerugian ditanggung penuh oleh pihak bank kecuali kerugian yang diakibatkan oleh kesalahan pengelolaan, kelalaian dan penyimpangan pihak pelanggan seperti penyelewengan, kecurangan dan penyalahgunaan. Jenis usaha yang dapat dibiayai antara lain adalah dalam bidang perdagangan, industri dan lain-lain.

Selain itu, perbankan Islam juga menerima simpanan wang dalam bentuk giro atas dasar akad *mudarabah* untuk diperdagangkan secara *mudarabah* iaitu perdagangan dalam mata wang rupiah mahupun USD dengan jangka waktu 1, 3, 6 dan 12 bulan yang disediakan bagi seseorang yang ingin berlabur secara halal, yang sesuai dengan Syariah. Wang tersebut akan didagangkan untuk membiayai berbagai-bagai usaha pembiayaan produktif yang berguna bagi kepentingan umat. Jelasnya, aktiviti giro atas dasar *mudarabah* sebagai berikut: 1) bank bertindak sebagai pengelola dana (*mudharib*) dan pelanggan sebagai pemilik wang. 2) Pembahagian keuntungan dicatat dalam bentuk nisbah yang disepakati dalam perjanjian (*aqad*) semasa pembuatan perjanjian. 3) Bank tidak boleh mengurangi keuntungan pelanggan tanpa persetujuannya. 4) Bank boleh mengenakan caj pengurusan penyediaan cek, laporan transaksi dan baki wang (Bank Muamalat, 2013).

Oleh yang demikian, Ghani (2006) menyatakan bahawa hikmah pensyariatan *mudarabah* merupakan satu keperluan penting demi menjaga kemaslahatan perhubungan manusia sesama manusia. Memandangkan orang yang mempunyai lebih modal atau wang ingin melaburkan lagi hartanya itu dengan cara menyalurkannya kepada pihak lain yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan kemampuan yang mereka miliki akan membawa keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. Demikian pula pengusaha-pengusaha yang ingin mengusahakan sesuatu perniagaan tetapi tidak mempunyai modal yang cukup, maka hendaklah ia menggunakan *mudarabah* dengan pihak bank atau pihak lainnya untuk memperolehi modal yang diperlukan.

Musyarakah

Musyarakah daripada segi bahasa adalah *mashdar* daripada *syaaraka-yusyaariku-musyaarakah* yang bererti penyatuan dua unsur atau lebih yang membentuk satu kesatuan. *Musyarakah* bersamaan erti dengan *partnership* atau ‘perkongsian’. Secara etimologi, *musyarakah* membawa erti bercampur, bersekutu, berkesatuan dalam sesuatu perjanjian (Zuhaili, 1986).

Menurut terminologi, *musyarakah* adalah perjanjian kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk suatu usaha tertentu, di mana setiap pihak memberikan pengagihan dana (atau amal) dengan kesepakatan bahawa keuntungan dan risiko akan ditanggung bersama sesuai dengan kesepakatan (Antonio, 1999). Jadi *musyarakah* ialah hubungan kerjasama antara dua orang atau lebih dalam bentuk perniagaan dan setiap pihak akan memperoleh pembahagian keuntungan berdasarkan jumlah modal dan pekerjaan setiap peserta.

Dasar hukum terhadap amalan *musyarakah* terdapat dalam al-Quran firman Allah surah Shad ayat 24. Ertinya:

"Dan sesungguhnya kebanyakan daripada orang-orang yang bersyariat itu sebagian daripada mereka berbuat zalim kepada sebagian lain, kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal shaleh; dan amat sedikitlah mereka ini".

Para ulama sepakat bahawa *musyarakah* hukumnya adalah dibolehkan (*Ibahah*). Jenis pembiayaan yang dibolehkan antara lain adalah perniagaan, kilang, dan usaha kontrak, dengan mekanisma sebagai berikut:

- 1) Bank dan pelanggan sama-sama menyediakan dana untuk pembiayaan suatu usaha.
- 2) Pelanggan dan bank sama-sama berkuasa untuk mendapatkan bukti dari laporan yang muktamad.
- 3) Pembahagian hasil mengikut kesepakatan antara kedua-dua pihak.
- 4) Pengembalian dijalankan dalam dua kaedah: iaitu secara ansur atau sekaligus pada akhir waktu pembiaayaan.
- 5) Bank dan pelanggan menanggung kerugian mengikut jumlah modal masing-masing (Bank Muamalat, 2013).

Adapun manfaat daripada pembiayaan *musyarakah* (Antonio, 2007) di antaranya adalah 1) Bank akan memperolehi peningkatan bagi hasil pada saat keuntungan pelanggan meningkat. 2) Bank tidak berkewajipan membayar dalam jumlah tertentu kepada pelanggan secara tetap, tetapi diselarikan dengan pendapatan/hasil bank. 3) Pengembalian pokok pembiayaan disesuaikan dengan *cash flow* (aliran tunai) pelanggan, sehingga tidak membebankannya. 4) Bank akan lebih selektif dan berhati-hati mencari usaha yang benar-benar halal dan menguntungkan bersama pelanggan.

Rahn (Gadai syariah)

Rahn (gadai syariah) adalah perjanjian penyerahan barang atau harta pelanggan sebagai jaminan berdasarkan hukum gadai seperti emas, perhiasan dan kenderaan. Pelanggan hanya perlu mengisi dan menandatangani surat bukti *Rahn*, serta wang akan segera diterima oleh pelanggan dengan jumlah maksimum 90 % daripada nilai taksir terhadap barang yang diserahkan (Buku Saku, 2005).

Praktikal penggadaian yang diamalkan ini berdasarkan firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 283 yang bermaksud:

“Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedangkan kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh yang memberi hutang) kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barangan gadaian) maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutangnya yang diamanahkan kepadanya dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah, Tuhannya”.

Selain firman Allah, hadis nabi juga menjadi landasan hukum bagi amalan penggadaian di mana Rasulullah SAW pernah menggadaikan baju besinya kepada seorang Yahudi, maka *al Rahn* telah disepakati ijmak sebagai satu amalan yang berlandaskan syariah (Qudamah, 1972).

Produk penyimpanan dana (*al Wadiah*)

Produk penyimpanan dana disebut dengan *al Wadiah* yang bermaksud menyimpan wang atau barangan lain untuk dijaga oleh bank. Bank kemudiannya akan meminta kebenaran daripada tuan empunya tersebut untuk menggunakan harta itu, dan segala risiko akibat penggunaan itu akan ditanggung oleh pihak bank. Tuan empunya walau bagaimanapun bebas untuk mengeluarkan atau mengambil semula wang atau hartanya itu mengikut masa yang disukainya (Zainal, 2002). Ditegaskan lagi bahawa pelanggan

mengamanahkan wang di perbankan Islam bukan sekadar untuk menyimpan atau mengirimkan wang, tetapi wang pelanggan akan dilaburkan secara optimal untuk membiayai pelbagai usaha halal dan produktif bagi kepentingan umat. Pembahagian hasil yang akan diperolehi oleh pelanggan pada setiap bulan merupakan hasil daripada pembiayaan tersebut.

Adapun ketentuan umum yang ditetapkan perbankan Islam berkaitan dengan produk *al Wadiah* sebagai berikut:

- 1) Rugi daripada penyaluran wang menjadi tanggung jawab bank, sedangkan penyimpan wang tidak dijanjikan imbalan dan tidak menanggung kerugian.
- 2) Pihak bank dibolehkan memberikan imbalan (bonus) kepada penyimpan wang sebagai insentif untuk menarik dana masyarakat, namun tidak boleh dijanjikan di awal simpanan.
- 3) Pihak bank mesti membuat akad pembukaan akaun yang isinya mencakupi izin penyaluran wang yang disimpan sesuai dengan prinsip syariah. Khas bagi pemegang akaun giro, pihak bank memberikan buku cek dan kemudahan lainnya.
- 4) Pihak bank boleh mengenakan caj sebagai pengganti biaya perkhidmatan pada kadar yang digunakan semasa pembukaan akaun (Heri, 2003).

Al Murabahah

Dasar hukum dalam pelaksanaan *al Murabahah* adalah berdasarkan firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

(النساء : 29)

“Hai orang yang beriman! Janganlah kalian saling memakan (mengambil) harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka rela di antaramu...”

Qudamah (1972) menjelaskan *al Murabahah* adalah salah satu kaedah urus niaga yang boleh dilakukan dalam urusan muamalat terutamanya dalam skim pembiayaan modal dan jual beli. Konsep *al-Murabahah* adalah merujuk kepada penjualan suatu barang pada harga yang merangkumi margin keuntungan sepertimana yang dipersetujui oleh kedua pihak yang terlibat atau dalam definisi yang lain adalah menjual sesuatu barangan dengan harga modal dengan tambahan sejumlah untung yang dipersetujui bersama.

Syarat-syarat *murabahah* pula ialah:

- 1) Adalah amanah ke atas penjual untuk menyatakan kos/modal yang sebenar bagi barang yang hendak dijual itu kepada pembeli.
- 2) Kedua-dua belah pihak (penjual dan pembeli) bersetuju di atas kadar untung yang ditetapkan sebagai tambahan kepada kos sebenar.

Adiwarman (2001) mengemukakan bahawa skim *murabahah* lebih diutamakan pengamalannya dengan hujah seperti berikut: 1) *murabahah* adalah mekanisme pelaburan jangka pendek bilamana dibandingkan dengan perkongsian untung. 2) *Mark-up* dalam *murabahah* dapat ditetapkan dengan cara yang menjamin bahawa bank mampu mengembalikan modal dibandingkan dengan bank-bank yang berasaskan faedah di mana bank-bank Islam lebih kompetitif. 3) *Murabahah*

menghindari dari ketidakpastian keuntungan seperti yang berlaku dalam pembiayaan berdasarkan prinsip *mudarabah-musyarakah*. 4) Mekanisma kerja *murabahah* lebih sederhana dan tidak menyusahkan pihak bank, kerana pihak bank tidak perlu untuk campur tangan dalam hal pengurusan seperti dalam skim *mudarabah*. Namun tidak bagi skim *mudharabah* kerana pihak bank harus menjaga hubungan baik sebagai pemberi pinjaman (kreditor) dan peminjam (debitur). 5) Bank meminta jaminan (borg) kepada pelanggan sebagai tanda bahawa ianya yakin terhadap barang yang dipesankan (Bank Muamalat 2013).

Qard hasan

Qard hasan adalah salah satu kaedah urus niaga yang boleh dilakukan dalam urusan muamalat terutamanya dalam skim pinjaman. *Qard hasan* bermaksud pinjaman tanpa faedah atau pinjaman kebajikan yang diberikan untuk tujuan pertolongan. Pihak tertentu akan memberi hutang kepada satu pihak yang lain tanpa adanya sebarang keuntungan atau bayaran lebih semasa bayaran balik dilakukan. Pinjaman bentuk ini lebih kepada memenuhi tanggungjawab sosial atau pertolongan kebajikan daripada pihak yang kaya kepada pihak yang memerlukan. Namun begitu, tidak salah sekiranya pihak yang berhutang ingin membalas budi pihak pemiutang dengan memberikan sedikit suguhati sama ada dalam bentuk bayaran lebih atau bentuk-bentuk yang lain tetapi ia tidak boleh dijadikan satu syarat pinjaman atau janji sebelum pinjaman itu dilakukan. (Bank Indonesia, 2006).

Oleh itu, *Qard hasan* sangat bermanfaat dalam membantu orang yang memerlukan dalam jangka pendek. Ianya walaupun tidak memberikan keuntungan secara kewangan kepada perbankan Islam, namun akan memberikan kesan balas positif

kerana telah membantu masyarakat yang dalam kesusahan. Misi sosial inilah yang membezakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional.

Dasar hukum *al Qard hasan* disebutkan dalam al-Quran dalam surah al Baqarah ayat 282.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ (البقرة : 282)

Ertinya : *"Hai orang yang beriman! Jika kamu bermuamalah tidak secara tunai sampai waktu tertentu, buatlah secara tertulis..."*

Ayat lain yang menjadi dasar hukum terhadap *Qard* terdapat dalam surah *al-Hadid* ayat 11

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ (الحديد : 11)

Bermaksud: *Siapakah yang mahu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, Allah akan melipat gandakan (balasan) pinjaman itu untuknya dan dia akan memperoleh pahala yang banyak.*

Pelaksanaan *Qard hasan* ini mestilah memenuhi kesemua rukun-rukunnya iaitu:

- 1) Tuan punya hutang atau pemiutang.
- 2) Orang yang berhutang.
- 3) Wang atau barang.
- 4) Sighah: ijab dan kabul (serah terima) (Zuhaili, 1986).

Selain rukun di atas, Bank Muamalat (2013) turut mensyaratkan sebagai berikut:

- 1) Pengembalian wang tepat pada waktu yang telah disepakati.
- 2) Bank boleh mengenakan caj hanya pada perbelanjaan pengurusan sahaja.
- 3) Andai pelanggan orang yang berkemampuan, namun tidak membayar wang pinjaman tersebut, maka bank boleh memberikan sekatan sesuai dengan syariah.

Al Ijarah

Syarbaini (2006) mendefinisikan *al Ijarah* sebagai akad atau transaksi ke atas suatu manfaat tertentu, ianya bersifat *mubah* (dibolehkan), dan ianya pula boleh dimanfaatkan dengan imbalan tertentu. Para ulama bersetuju dengan pensyarian kontrak *al Ijarah* kerana ianya terbukti bahawa dasarnya diperolehi daripada al Quran, as Sunnah dan ijmak dan terdapat dua syarat bagi mengekalkan kedudukan *al Ijarah* itu sebagai sebuah kontrak yang mengikat (Zuhaili, 1986) iaitu:

- 1) Benda yang disewa tersebut tidak mengalami kecacatan yang dapat menghalang dari penggunaannya.
- 2) Tidak berlaku keuzuran yang membolehkan kontrak tersebut dibatalkan atau dimansuhkan.

Al Ijarah juga disebut sebagai *al Kira* iaitu sewaan atau upah yang didefinisikan sebagai menjual manfaat daripada segi kegunaan atau perkhidmatan dengan harga yang ditetapkan atau boleh juga dimaksudkan sebagai kontrak jualan yang melibatkan guna pakai harta kepunyaan orang lain. Manfaat dari segi kegunaan adalah seperti menyewa rumah, kenderaan dan lain-lain manakala manfaat daripada perkhidmatan seperti mengangkat barang, mengajar atau apa-apa sahaja kerja yang menggunakan tenaga atau kepakaran.

Dasar hukum untuk amalan *al Ijarah* adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 233.

نِسْأُوْكُمْ حَرَثَ لَكُمْ فَاتُّوْا حَرَثَكُمْ اَنِّىْ سَيِّئٌمُ وَفَدِمُوْا لَانْفُسِكُمْ وَانْقُوا اللّٰهَ وَاعْلَمُوْا اَنَّكُمْ مُّكْفُوْهُ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِيْنَ
(البقرة : 233)

Ertinya: “Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu

beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.”

Di dalam prinsip *al Ijarah*, terdapat rukun-rukun yang tertentu. Rukun-rukun sewaan ialah: 1) pemberi sewa 2) penyewa 3) harta yang disewa 4) bermanfaat 5) bayaran sewa dan 6) sighthah iaitu ijab dan kabul. (Ahmad *et al.*, 2008). Seterusnya ulama *fiqh* menyatakan bahawa akad *al Ijarah* akan berakhir apabila: 1) Harta hilang atau musnah, seperti rumah terbakar atau baju yang dijahit hilang. 2) Tempoh masa yang disepakati dalam akad *al Ijarah* telah berakhir, apabila yang disewakan itu adalah rumah maka rumah itu dikembalikan kepada pemiliknya. 3) Apabila salah seorang yang berakad wafat kerana akad *al Ijarah* tidak boleh diwariskan. Membatalkan akad *al Ijarah* itu hanyalah apabila objek cacat atau manfaat yang dipersetujui dalam akad itu hilang seperti kebakaran dan rosak akibat bencana alam. 4) Objek *al Ijarah* itu sesuatu yang diharamkan oleh agama. Oleh itu, tidak boleh menyewa seseorang untuk mengajar ilmu sihir, atau membunuh orang lain. Objek sewa mengupah dalam contoh di atas termasuk perbuatan maksiat (Saleh, 1986).

2.3 Rumusan

Bab ini telah membahas sorotan kajian lepas yang berhubungkait dengan pelaksanaan perbankan Islam. Kajian pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia masih terhad sehingga membolehkan kajian ini dijalankan bagi meneroka aspek-aspek peranan pemerintah, bank dan masyarakat dalam perkembangan pelaksanaan perbankan Islam. Bab ini juga menghuraikan pelaksanaan perbankan Islam di Indonesia, provinsi Aceh sebagai kawasan kajian, penglibatan perbankan Islam Indonesia terhadap pengembangan pelaksanaan perbankan Islam Aceh. Aspek lainnya yang turut dihuraikan adalah berkaitan sokongan kepada perbankan Islam seperti

pengetahuan, kesedaran, kualiti perkhidmatan bank, penerimaan dan halangan yang dihadapi pelbagai pihak terhadap pelaksanaan perbankan.

Selain itu, kajian ini juga telah membahas teori-teori seperti berikut: teori fardu kifayah Zuhaili (1986), teori ini diwajibkan dalam ruang lingkup yang luas kepada setiap orang dewasa Muslim (*mukallaf*) seperti bidang ekonomi, kewangan, perundangan dan lain-lain. Namun jika ada seseorang diantara mereka yang melaksanakan kegiatan-kegiatan itu, maka masyarakat lainnya tidak berdosa lagi, sesuai dengan firman Allah dalam surah al Anbiya ayat 7:

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).”

Selain itu, kajian ini menggunakan teori *stakeholder* yang dikembangkan oleh Freeman (1984) yang sering diguna pakai pihak pemerintah dan bukan pemerintah dalam aktiviti perekonomian, perbankan dan lain-lain secara perkongsian untuk mencapai tujuan mereka. Teori gelagat terancang yang dikemukakan Ajzen (1991) ikut digunakan memandangkan teori ini mengandungi suatu gelagat bagi melaksanakan suatu perbuatan berasas niat. Hal ini kerana faktor niat akan menjadi penentu seseorang untuk suatu pekerjaan yang akan dilaksanakan. Seterusnya teori prinsip perbankan Islam dan pelbagai produknya juga dihuraikan untuk digunakan dalam kajian ini. Perbincangan berikutnya mengenai metodologi kajian akan dijelaskan dalam bab ketiga.

BAB TIGA

METODOLOGI


3.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan beberapa subtopik mengenai perjalanan penyelidikan ini. Menurut Sekaran (2013), penyelidikan adalah proses sistematik dan terancang untuk menyiasat masalah tertentu yang memerlukan suatu penyelesaian. Kajian ini mengadaptasi metode kualitatif sebagai metode utama bagi menjawab tiga objektif kajian.

Metode kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah temu bual bersemuka dengan sepuluh orang responden yang dipilih berdasarkan pada kesesuaian kerana mereka adalah pakar dan pelaksana (*purposive sampling*). Kajian ini juga membuat analisis dokumen dan pemerhatian (*observation*). Kajian ini menganalisis data tersebut berdasarkan kepada tema-tema kajian.

3.1 Model kajian

Sugiyono (2011) mengemukakan bahawa model kajian adalah kerangka berfikir bagi pelaksanaan kajian dan ia merupakan konsep bagaimana ia berhubung dengan pelbagai faktor yang dianggap sebagai perkara yang amat penting. Jadi, kerangka berfikir adalah konsep yang mendasari sesuatu perkara. Oleh itu, konsep tersebut menjadi asas bagi setiap pemikir yang terdapat di dalam kajian yang dibuat. Sehubungan itu, kerangka teori tersebut perlu dikemukakan apabila terdapat dua pembolehubah atau lebih. Berkaitan kajian ini, pengkaji menunjukkan kerangka kajian seperti Rajah 3.1.berikut:



Rajah 3.1.
Model pelaksanaan kajian

Rajah 3.1 mempamerkan penglibatan bank sebagai perbadanan yang menghimpun wang daripada masyarakat yang mempunyai kelebihan dana (*surplus unit*), setelah terkumpul dana itu disalurkan kembali kepada masyarakat yang memerlukan dana (*deficit unit*) (Ismail 2011). Oleh itu, bank mengelola dana masyarakat dengan berkongsi secara berdua laba (*mudarabah*) dalam pelbagai produk perbankan Islam. Seterusnya pemerintah mengeluarkan aturan-aturan untuk digunakan bank dalam menjalankan sistem perbankan seperti pemerintah Indonesia dan pemerintah Aceh telah berjaya memperkukuh perbadanan perbankan Islam beserta cawangannya berasaskan syariat Islam. Dalam mengembangkan pelaksanaan perbankan, banyak keuntungan yang diperolehi pemerintah secara praktikal yang sekaligus dapat mengatasi masalah peningkatan taraf hidup masyarakat. Perkara ini boleh terlaksana jika taraf pengetahuan dan penerimaan masyarakat meningkat, demikian juga apabila niat dan gelagat kepatuhan bagi pelanggan perbankan Islam disedari oleh masyarakat. Ianya akan menghasilkan keuntungan yang halal melalui perbankan Islam yang berkualiti perkhidmatannya.

Berkaitan kajian ini, pengkaji menyatakan Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA Tahun 2006) sebagai satu yang baru bagi masyarakat Aceh kerana mereka hidup di bawah hak outonomi dalam mengatur pelbagai aspek kehidupannya berasas syariat Islam. Bagi masyarakat Aceh, UUPA merupakan sumber undang-undang utama bagi mengatur seluruh bidang kehidupan mereka terutamanya berkaitan ibadah dan muamalah. Oleh itu, pelbagai Kabupaten dan Bandar di Provinsi mesti mengamalkan UUPA tersebut memandangkan ianya merupakan hasil perjuangan yang lama dalam dalam mendapatkan kelulusan dari Pemerintah Republik Indonesia. Dalam pada itu, Pemerintah Aceh bersama Parlimen dan pelbagai *stakeholdernya* telahpun berhasil menjalankan sistem kewangan berasas syariat Islam setelah Bank Pembangunan Aceh konvensional menjadi Bank Islam Syariah yang mana lokasinya terletak dipelbagai Kabupaten dan Bandar dalam wilayah Propinsi Aceh seperti ditetapkan dalam pekeliling (*Qanun*) Nomor 9 Tahun 2014 tentang Pembentukan Bank Aceh Syariah. Untuk memperoleh maklumat berkaitan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia, pengkaji telah menebual dengan 10 responden (*purposif sampling*) yang berasal dari kakitangan Pemerintah Aceh, anggota Parlimen, Ulama, pihak bank Islam dan pengusaha yang tinggal di Banda Aceh, ibukota Provinsi Aceh. Adapun teori yang digunapakai berkaitan dengan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia ialah merangkumi teori fardhu kifayah (Zuhaily, 1986), teori *stakeholder* (Freeman dan Evan 1990) dan teori gelagat terancang (Ajzen, 1991).

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual bersemuka dengan responden sebanyak 10 orang, pemerhatian dan kajian perpustakaan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian.

3.2.1 Persampelan kualitatif

Untuk metode kualitatif secara temu bual, sampel yang diperolehi di lapangan dihadkan kepada 10 orang, sebagaimana jumlah tersebut diperakui Perry (1998) sebagai mencukupi untuk mendapatkan data bernilai bagi sesuatu kajian. Responden yang dipilih:

- I. Pengarah Perbankan Islam- 2 (dua) orang,
- II. Ulama -2 (dua) orang,
- III. Ahli parlimen wilayah Aceh -2 (dua) orang,
- IV. Peniaga -2 (dua) orang,
- V. Dan kakitangan kerajaan tempatan (PEMDA) -2 (dua) orang.

Responden yang dipilih tersebut diyakini mempunyai maklumat yang baik untuk membantu aspek-aspek kajian. Menurut Sutopo (2000), responden yang pakar dalam bidang-bidang tertentu berupaya membantu mencapai objektif kajian. Masa yang diambil untuk mendapatkan data melalui sampel yang dipilih memakan masa selama tiga minggu.

Pengkaji telah menemubual responden berdasarkan kepada waktu dan tarikh yang dirancang seperti berikut:

Jadual 3.1
Senarai responden

No.	Kod Informan	Nama Informan	Tarikh/ masa Temu Bual	Jawatan dan Tempat Berkhidmat
01	KA-1	Prof. Dr. Syahrizal Abbas. / 081360065482	27 Januari 2014 11.00-11.45	Pejabat Kerajaan Pemerintahan Syariat Islam
02	KA-2	Tgk. H.M.Daud Zamzami	26 Januari 2014 14.00-15.30	Ulama, Pejabat Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh
03	UL-1	Tgk. Yusuf Qardhawi, S.HI.,M.Hum / 081360754594	29 Januri 2014 12.00-12.45	Ulama Dayah, Sekretariat Ikatan Sarjana Alumni Dayah Aceh
04	UL-2	H. Irmawan, S.Sos., MM / 082162343434	17 Februari 2014	Ulama di Gedung Parlemen Aceh

05	US-1	Imam Mahfudh, SH/ 08116803137	20.00-21.10 29 Januari 2014 14.00-15.00	Pengusaha, Direktur HIPMI Aceh. Pejabat PT. Putra Nisa Pratama Development
06	US-2	Fazri Mulia, SE/ 08126923282	29 Januari 2014 09.00-09.40	Pengusaha Pejabat Master Tech.Banda Aceh
07	PA-1	Ermidi, ST / 081360555008/Partai	17 Februari 2014 18.30-20.25	Anggota Parlemen Aceh Rumah Dinas Parlemen Aceh
08	PA-2	Nourman Hidayat / 082117316559	28 Januari 2014 14.30-15.35	Anggota Parlimen Aceh, Pejabat Gedung Parlemen Aceh
09	BI-1	Haizir Sulaiman S.H.	10 Sept.201313 11.15-12.10	Direktur Bank, Ruang Kerja Direktur BPD Aceh Syariah
10	BI-2	Zulkarnain SE	10 Agustus 2013 14.00-13.25	Kaki tangan Bank Muamalat, Ruang Meeting Bank Muamalah Aceh

Catatan : KA=Kerajaan Aceh, UL= Ulama, US= Usahawan, PA= Parlemen Aceh, BI= Bank Islam

Dalam kajian ini, pengkaji memperoleh maklumat berkaitan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh secara umum daripada 4 bank Islam. Maklumat yang diperolehi mengenai pelaksanaan perbankan Islam merangkumi prinsip perbankan dan prinsip produk-produk yang ditawarkan bank kepada pelanggan. Penentuan pemilihan 4 buah bank mengikut persampelan bertujuan, bank-bank tersebut ialah:

- i. Bank Muamalah
- ii. Bank Mandiri Syariah
- iii. Bank BPD Aceh Syariah
- iv. Bank Aceh Syariah

Namun pengkaji memilih 2 bank sahaja daripada bank-bank Islam ini untuk menjawab tujuan-tujuan kajian, iaitu:

- i. Bank Muamalah
- ii. Bank Pembangunan Daerah (BPD) Aceh Syariah

Pemilihan 2 sampel ini mengikut pendapat Perry (1998) menyatakan bahawa jumlah sampel sebegini boleh diterima pakai dalam kajian kualitatif. Walaupun sampel berjumlah kecil, namun menurut pandangan pakar lainnya iaitu Glasser dan Strauss (1967), ianya boleh dijalankan jika bersesuaian dengan tujuan kajian yang ingin dicapai.

Terdapat 4 buah perbankan Islam utama di Provinsi Aceh yang lokasinya terletak di seluruh negeri di Aceh. Justeru, dalam kajian ini, dua buah perbankan Islam telah dipilih sebagai sampel kajian yang dilakukan atas beberapa faktor. Pertama, kedudukan kedua-dua bank tersebut yang terletak di ibu negeri Aceh telah memudahkan urusan untuk mendapatkan data yang berkaitan. Kedua, bank-bank ini merupakan bank Islam terbesar yang terdapat Provinsi Aceh. Ketiga, Bank Muamalah merupakan bank Islam pertama yang ditubuhkan di Indonesia dan mempunyai banyak cawangan di Aceh manakala pemilihan Bank Pembangunan Daerah (BPD) Aceh Syariah pula disebabkan oleh bank Islam pertama milik penuh pihak pemerintah Provinsi Aceh.

3.2.2 Instrumen kajian

Memandang kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, maka instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data utama adalah menggunakan set soal selidik temu bual (lampiran 1). Kesemua pertanyaan yang digunakan meliputi 12 soalan yang disemak, disahkan dan dipersetujui oleh pakar-pakar dalam perbankan Islam tempatan iaitu Agus Ridwan, Muhammad Subhan, T.M. Jamil TA, Lukman, dan Muhammad

Haris. Soalan-soalan ini dibuat setelah kajian rintis dilaksanakan. Bahagian A meliputi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dan perkembangan pada masa kini, dan usaha pemerintah Aceh dalam pengembangan dan penubuhan bank Islam di Aceh. Selain itu, bahagian ini juga mengkaji adakah masyarakat Aceh dapat menerima pembiayaan dari perbankan Islam dan peranan pemerintah Aceh dalam pelaksanaan bank Islam.

Bahagian B pula melihat penglibatan bank-bank Islam Indonesia dalam memperkembangkan perbankan Islam di wilayah Aceh, langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Aceh berdasarkan UUPA dan syariat Islam bagi membantu pengembangan perbankan Islam, pemahaman pasal 125 UUPA berhubung kait dengan perbankan Islam, dan mengkaji bagaimana produk-produk difahamkan kepada masyarakat dalam rangka syariat Islam dan UUPA.

Manakala pada bahagian C, soalan kajian menjurus kepada melihat tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap perbankan Islam di Aceh. Bahagian D melihat halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh pemerintah Aceh untuk mengembangkan industri perbankan Islam, halangan yang dihadapi perbankan Islam dan bagaimana pembangunan sumber tenaga manusia pada bank Islam serta permasalahan dihadapi dalam memahami pengetahuan produk dan infrastruktur dalam perbankan Islam.

Bahagian E pula mengkaji langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam. Kajian rintis dibuat bagi menilai taraf ketepatan dan kebolehpercayaan pelbagai soalan yang ditanyakan sehingga dapat difahami oleh responden dengan mudah.

3.3. Kajian rintis

Satu set soalan temu bual dihantar kepada empat orang pensyarah di antaranya tiga pensyarah di Universitas Islam Negeri Aceh dan satu orang daripadanya Universitas Syiah Kuala. Pengkaji meminta untuk dilakukan semakan dan penilaian soalan temu bual yang disiapkan untuk diperakui dan diguna pakai. Soalan yang dihantarkan kepada mereka meliputi 12 soalan iaitu nama, tahap pendidikan, pekerjaan dan alamat, apakah tuan tahu keberadaan perbankan Islam di Aceh, sejarah penubuhannya dan tempoh kewujudannya di Aceh, operasional perbankan Islam dan produk-produknya, jenis pelanggan perbankan Islam, program pemerintah, pihak yang terlibat dalam pembangunannya, peranan gabenor dalam penubuhan perbankan Islam, langkah-langkah kerajaan Aceh dalam memperkasakan perbankan Islam, pembiayaan bank Islam kepada masyarakat, Undang-Undang Pemerintahan Aceh dalam mengatur sistem ekonomi, klausa UUPA menyebutkan sistem ekonomi Islam, pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam, kesedaran masyarakat pelanggan perbankan Islam, penerimaan masyarakat Aceh akan kewujudan perbankan Islam, halangan pelaksanaan perbankan Islam dan langkah-langkah mengatasi halangan tersebut.

Setelah mendapat maklum balas daripada penilai, beberapa soalan itu perlu diubah suai oleh pengkaji bagi membolehkan pemahaman yang mudah oleh pihak responden dalam memberikan jawapan mereka. (Lampiran I dan Lampiran II).

3.4 Kaedah pengumpulan data

Kaedah (metode) kajian adalah satu proses yang teratur dan terancang untuk menyiasat masalah tertentu yang memerlukan suatu penyelesaian (Sekaran, 2013). Sehubungan itu, pengkaji akan menggunakan metode-metode kajian tertentu dalam

mengumpulkan dan menganalisis data yang diperolehi samaada ianya sah dan boleh dipercaya serta bagaimana hasil yang didapati diterangkan kepada para pembaca, sehingga menghasilkan tesis yang berautoriti dan mencapai tujuan kajian. Maka kajian ini akan menjawab bagaimanakah 'Pelaksanaan Perbankan Islam di Aceh, Indonesia', serta mengenal pasti pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi pelaksanaannya.

Secara umumnya, kaedah yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif ada tiga, iaitu temubual, pemerhatian dan bukti dokumen, semua kaedah ini telah diguna pakai sepanjang kajian dilaksanakan. (Marohaini Yusoff, 2001; Sekaran, 2013).

Temubual bersemuka digunakan sebagai kaedah pengumpulan data mengikut kepada paradigma naturalistik (Halcomb dan Davidson, 2006). Soalan kajian yang ditanyakan kepada responden semasa membuat temubual ditulis dalam buku catatan lapangan pengkaji. Pengkaji telah mencatat semua data yang diperolehi selama temubual berlangsung dan melengkapkan nota berkenaan sebaik sahaja temubual selesai dijalankan. Menurut Hamo, *et al*, (2004) terdapat dua jenis catatan lapangan boleh dijalankan oleh para pengkaji, iaitu rakaman peristiwa yang terjadi dalam temubual dan rakaman setelah temubual selesai dijalankan. Justeru, kajian ini juga turut mendapatkan gambar-gambar responden semasa dan selepas proses temubual dijalankan.



Gambar 3.1 Temubual dengan Huzair, Pengarah Bank Aceh Syariah



Gambar 3.2 temubual dengan Tengku Yusuh Qardhawi, ulama Aceh



Gambar 3.3. Temubual dengan Nourman, Ahli Parlimin Aceh



Gambar 3.4. Setelah temubual dengan Prof Syahrizal, Wakil Kerajaan Aceh

3.4.1 Pendekatan kualitatif

Menerusi pendekatan kualitatif, seseorang dapat memperolehi dapatan yang jelas, sekaligus akan menghasilkan penemuan terbaharu. Ianya boleh membantu pengkaji untuk mendapatkan konsep awal atau penambahan kepada sesuatu kerangka konseptual. Akhirnya, hasil kajian bersifat kualitatif akan memiliki kualiti yang tidak boleh dielakkan "*undeniability*", kerana ianya memiliki makna lebih meyakinkan untuk pembaca sama ada para pengkaji, pembuat dasar, mahupun pengamal (Miles *et al.* 1994). Apa yang pasti, pendekatan kualitatif membantu pengkaji memahami fenomena yang berlaku dengan lebih jelas kerana pendekatan ini memerlukan

pengkajian membuat pengamatan secara khusus sehingga membolehkan pengkaji membuat kategori terhadap suatu analisis yang didapati dari data (Merton *et al.*, 1990; Bruce L. Berg, 2001).

3.4.2 Pengumpulan data

Data kualitatif akan diperolehi melalui proses temu bual. Proses ini merangkumi skop yang amat luas dalam mengumpulkan data seperti memahami pengetahuan masyarakat, kepercayaan dan tingkah laku serta pengalaman pihak lain untuk memperoleh pelbagai maklumat (Hammersley 1995 dan Fraenkel 1993).

Tujuan utama temu bual dijalankan adalah untuk memperolehi apa yang ada dalam minda mereka, sama ada mengenai cara mereka berfikir, atau apa yang mereka rasakan berkenaan sesuatu perkara. Tahap kebolehpercayaan temu bual akan bergantung pula kepada gaya yang digunakan oleh seorang penemubual, seperti dikemukakan oleh Brinberg (1983), penemubual yang berpengalaman mempunyai gaya pertanyaan tersendiri, dan bagi meningkatkan kebolehpercayaan dalam suatu temu bual, penemubual mesti menggunakan satu teknik yang boleh diterima oleh responden.

Leedy (1993) memberikan alasan bahawa seorang penemubual tidak cukup hanya bertanya soalan semata. Beliau menekankan bahawa seorang penemubual harus berhati-hati terhadap perancangan, struktur dan mempertimbangkan “bentuk” temu bual di dalam soal selidik. Pertanyaan daripada pemberi maklum balas biasanya merupakan refleksi terhadap penerimaan mereka tentang suatu persoalan di mana ianya tidak mempunyai hubung kait dengan pandangan responden yang lain dalam

situasi yang sama. Jawapan yang diberikan oleh responden merupakan reaksi spontan dalam konteks itu, dan mereka tidak memberi respons secara benar jika mereka ragu-ragu, tidak tahu atau ingin merahsiakannya, jadi mereka lebih memilih untuk memberikan jawapan yang mereka fikir untuk boleh memuaskan penemubual (Marsh 1982).

Oleh itu, bagi tujuan kajian ini, pendekatan kaedah semi struktur dengan soal selidik terbuka akan digunakan, kerana pendekatan ini memberikan responden kesempatan untuk menyatakan pendapat mereka tanpa arahan dan pengaruh. Pola bentuk instrumen disesuaikan dengan isu suatu permasalahan melalui soalan untuk menjawab tujuan kajian ini. Maka, boleh dikatakan bahawa temu bual itu bukanlah untuk mendapatkan suatu jawapan dari sebuah pertanyaan, bukan untuk menguji hipotesis, dan bukan pula untuk menilai, akan tetapi untuk memahami pengalaman orang lain dan bagaimana mereka menceritakan pengalaman mereka itu (Seidman, 2006).

Dari huraian di atas, dalam kajian ini pengkaji menggunakan temubual secara mendalam atau *in-depth-interview* untuk memperolehi maklumat mengenai perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh pasca pelaksanaan syariat Islam dan Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) pada tahun 2006 berhubung kait kesedaran, pengetahuan serta penerimaan masyarakat Aceh yang telah melanggan perbankan Islam.

Seterusnya menurut Creswell (2009) dalam pelaksanaan temu bual, pengkaji harus memberi perhatian kepada perkara berikut:

- a) Tentukan siapa yang akan ditemu bual.

Pengkaji haruslah teliti dalam mengumpulkan informasi melalui temu bual. Mereka harus memberi informasi yang muktamad. Maknanya pengkaji harus melakukan temu bual dengan memberi informasi yang betul, sempurna dan mendalam. Seterusnya menetapkan tarikh dan tempat temu bual akan dilangsungkan melalui perundingan terlebih dahulu agar proses temu bual akan berjalan dengan baik.

- b) Tetapkan jenis temu bual yang akan digunakan.

Untuk menjawab soalan kajian penyelidikan, tentukan bentuk temu bual yang akan digunakan seperti temu bual telefon, kumpulan sasar temu bual, atau satu demi satu individu memberikan informasi, iaitu keadaan dimana pemberi informasi bimbang terhadap informasi yang ditanyakan.

- c) Catat semua perkembangan dalam temu bual.

- d) Gunakan beberapa helaian borang yang berisi soalan terbuka, kemudian catat semua jawapan responden dan seterusnya mengucapkan terima kasih atas jawapan yang diberi serta masa yang diluahkan untuk sesi temu bual ini.

- e) Selama sesi temu bual dijalankan, segala pertanyaan soalan yang telah disenaraikan mestilah sesuai dengan waktu yang telah disepakati. Pengkaji mencatatkan semua maklumat yang didengar dengan baik dan semak sesuatu perkara yang terlepas secara cepat. Akhir sekali, minta kesudian responden untuk dihubungi semula mengenai perkara yang belum jelas.

Justeru itu, bagi mendapatkan data kajian yang luas dan mendalam (Sutopo 2002), maka langkah-langkah berikut perlu dilakukan:

- a.) Temu bual yang mendalam (*indepth interview*), dengan menggunakan panduan temu bual yang bersifat terbuka dan semi struktur.

- b.) Pemerhatian berperanan (*observation participation*) iaitu pengkaji turut serta dalam beberapa aktiviti di pejabat responden.
- c.) Kajian dokumentasi, untuk dilakukan *content analysis* terutama untuk ketepatan sumber dokumen, bermanfaat sebagai bukti kajian dan sesuai dengan standard kualitatif.

Walaupun begitu, menurut Patilima (2007), hampir semua kajian kualitatif akan bergantung pada data hasil temu bual dengan responden. Semua hasil temu bual tersebut dibuat rekod lapangan, kemudian dipindahkan ke dalam cakera atau bentuk lainnya. Kegiatan memindahkan hasil rekod lapangan dan rakaman ini boleh disebut sebagai proses transkripsi. Namun ketika melakukan transkripsi, pengkaji mungkin cenderung untuk bersifat bias kerana hanya melakukan penjelasan terhadap maklumat yang dilihat relevan atau menarik sahaja. Setelah melakukan penjelasan dan penghuraian, hal lain yang diperlukan adalah mengorganisasi data.

3.4.3 Data sekunder

Pengumpulan data dari dokumen di perpustakaan akan dilakukan dengan mengkaji ulasan karya lalu yang berhubung kait dengan permasalahan yang dikaji. Hal ini dilakukan dengan merujuk kepada asas utama dan asli dari karya para ulama baik dari ulama mutakaddimin dan mutaakhirin serta cendekiawan. Hal ini bagi mendapat pemahaman yang sebenar tentang konsep perbankan Islam, pengetahuan, penerimaan dan perkembangan pelaksanaan perbankan Islam oleh masyarakat Aceh. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada asas tambahan seperti buku, jurnal dan makalah yang berkaitan dengan isu semasa yang berhubung kait dengan permasalahan yang dikaji. Maka, data sekunder diperolehi menerusi kajian perpustakaan (*library reseacrh*).

3.5 Protokol dan pentadbiran temu bual

Protokol temu bual ialah satu set tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengkaji ketika menemu bual responden. Protokol yang dipilih untuk mendapatkan maklumat yang berkesan daripada responden dalam kajian ini adalah: 1) soal selidik dihantar seminggu lebih awal, 2) melakukan proses temu janji, 3) tempoh masa temu bual adalah antara satu hingga satu jam setengah, 4) sesi temu bual terdiri daripada: sesi pengenalan, soal jawab dan penutup. Proses temubual antara pengkaji dan responden dirakam dan maklumat-maklumat penting akan dicatat.

Pada tarikh 27 Januari 2014, telah dijalankan temu bual dengan Prof. Dr. Syahrizal Abbas di bilik ketua jabatan Syariat Islam, di Bandar Aceh. Temu bual yang berlangsung selama satu jam tiga puluh minit bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 10.30 pagi. Temu bual dengan merujuk kepada satu set soalan terdiri daripada 12 soalan. Alat perakam suara diguna pakai bagi merakam seluruh jawapan yang diberikan. Pengkaji juga mencatat maklumat penting dari temu bual tersebut. Temu bual itu akan didengar semula untuk dibuat pengesahan dalam bentuk turutan. Hasil temu bual itu, pengkaji berjaya mendapat maklumat mengenai pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia, pengetahuan, kesedaran dan penerimaan perbankan Islam dalam kalangan masyarakat Aceh.

Pada tarikh 9 Januari 2014, sekitar jam 4.30 petang sesi temu bual dengan seorang ulama bernama Yusuf Qardhawi telah dijalankan. Beliau menerangkan tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat Aceh berhubung kait dengan sistem perbankan Islam yang telah dilaksanakan di wilayah Aceh disamping usaha

pemerintah Aceh dalam perkembangan dan penubuhan bank Islam di Aceh serta halangan yang dihadapi perbankan Islam dalam pengurusan sumber tenaga manusia.

Pada tarikh 2 Januari 2014, telah pun dijalankan sesi temu bual dengan seorang pengusaha dan pelanggan bank Islam, Imam Mahfud. Beliau menghuraikan bahawa perbankan Islam telah diterima masyarakat Aceh namun pembiayaan yang disediakan pihak bank masih kurang. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa masih terdapat kekangan yang dihadapi oleh pihak bank, kerajaan mahupun masyarakat bagi pengembangan perbankan Islam di Aceh dan Indonesia.

Pada tarikh 17 Februari 2014, telah dijalankan temu bual bersama H. Irmawan, anggota Parlimen Wilayah Aceh. Dari temu bual tersebut, pengkaji telah berjaya mendapat maklumat daripada pihak parlimen mahupun pihak kerajaan berkaitan proses mensosialisasikan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh. Tambahan pula, beliau menyatakan bahawa bank Aceh konvensional, milik kerajaan Aceh, akan diubah menjadi bank Islam Aceh (*spin off*).

Pada tarikh 27 Januari 2014, temu bual berikutnya dengan H. M. Daud Zamzami iaitu anggota Majlis Permusyawaratan Ulama Wilayah Aceh, beliau telah memberi maklumat bahawa pihak ulama, kerajaan dan parlimen telah menfatwakan masyarakat Aceh untuk mengamalkan perbankan Islam walaupun masih menghadapi pelbagai kekangan. Masyarakat Aceh dan Indonesia menerima penubuhan perbankan Islam dengan pelbagai produk yang telah ditawarkan.

Pada tarikh 29 Januari 2014, temu bual dijalankan bersama Fazri Mulia selaku usahawan teknologi informasi. Dalam temubual itu, pengkaji difahamkan bahawa usaha atau urusan dengan perbankan Islam masih menghadapi cabaran terutamanya berkaitan modal usaha bagi pembiayaan produk yang ditawarkan, disamping tahap pengetahuan masyarakat dalam melanggan perbankan Islam masih kurang.

Pada tarikh 30 Januari 2014, pengkaji telah menemubual dengan Nourman Hidayat, seorang anggota parlimen Provinsi Aceh. Hasil temu bual tersebut, pengkaji memperoleh maklumat bahawa pihak parlimen dan kerajaan Aceh telah berusaha dengan pelbagai langkah untuk mengembangkan dan melaksanakan perbankan Islam di Aceh seperti membuat seminar dan persidangan bertaraf antarabangsa dan tempatan. Beliau menekankan tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mesti dikembangkan menerusi pelbagai institusi sama ada perindustrian mahupun kerajaan.

Pada tarikh 1 Mac 2014, pengkaji telah menemubual dengan Khaidir, direktor Bank Pembangunan Islam Aceh. Dalam temu bual itu pengkaji berjaya mendapat maklumat bahawa perbankan Islam telah diterima baik oleh semua masyarakat Aceh. Namun taraf pengetahuan mengenai produk masih kurang dan kekurangan aktiviti pembiayaan disebabkan oleh modal yang disediakan sangat terbatas.

3.6 Kesahan data

Data yang telah diperolehi, dikumpulkan dan dicatat dalam aktiviti penelitian. Oleh itu, pengkaji harus memilih cara yang sesuai dan tepat untuk menguatkan data yang diperolehi. Kesahan data tersebut tidak hanya berhubung kait dengan ketepatan memilih sumber data dan metod pengumpulannya, namun diperlukan juga teknik

perkembangan bagi setiap datanya. Kesahan ini amat penting bagi membuat kesimpulan akhir hasil penelitian.

Dalam kajian kualitatif, pengkaji telah mendapati beberapa cara untuk mengembangkan kesahan data yang diperolehi, antaranya teknik triangulasi (*triangulation*) dan penilaian pemberi informasi (responden) (Sutopo 2002). Teknik triangulasi merupakan teknik yang umum dan bersesuaian dalam peningkatan kesahan data penelitian kualitatif kerana ianya berpandukan kepada pola fikir fenomenologi yang bercirikan pandangan yang pelbagai. Hal ini bermaksud untuk menentukan kesimpulan yang betul, apa yang diperlukan tidak hanya satu cara pandang sahaja, bahkan perlu kepada sejumlah cara pandang yang banyak kerana di dalamnya boleh didapati bermacam fenomena yang terbit, sehingga akan diperolehi suatu kesimpulan yang benar.

Triangulasi teknik ialah penggunaan pelbagai teknik pengungkapan data yang dilakukan kepada sumber data, melakukan triangulasi teknik bererti memeriksa data pada sumber yang sama dengan teknik yang berbeza. Triangulasi teknik, bererti pengkaji menggunakan teknik mengumpulkan data yang berbeza-beza untuk memperoleh data dari sumber yang sama. Pengkaji menggunakan pemerhatian, temu bual secara mendalam dan dokumen untuk sumber data yang sama secara serentak. Triangulasi sumber bererti untuk mendapatkan data dari sumber yang berbeza-beza dengan teknik yang sama. Sehubungan dengan itu, Satori dan Komariah (2009) serta Iskandar (2009) menyatakan bahawa triangulasi adalah teknik pemeriksaan kesahan data yang memanfaatkan sesuatu yang lain di luar data itu untuk keperluan pemeriksaan atau sebagai perbandingan terhadap sesuatu data.

Triangulasi sumber ialah mencari data dari sumber yang beragam yang masih berkait satu sama lain. Pengkaji melakukan penilaian untuk memeriksa kebenaran data dari pelbagai sumber. Triangulasi sumber berkaitan dengan *purposive sampling*, *snowball sampling*, dan *member check*. Merujuk triangulasi sumber data, pengkaji melakukannya pada tema yang sama dengan responden yang berbeza.

Moleong (2001) menyatakan bahawa pengkajian yang menggunakan teknik triangulasi mengikut sumber dengan cara:

- a) Membandingkan data hasil pemerhatian dengan hasil temu bual.
- b) Membandingkan apa yang disebutkan oleh seseorang di hadapan umum dengan yang disebutkan secara individu.
- c) Membandingkan apa yang disebutkan oleh seseorang tentang keadaan pengkajian dengan apa yang disebutkannya sepanjang masa.
- d) Membandingkan keadaan dan perspektif seseorang dengan pelbagai pendapat dan pandangan orang lain.
- f) Membandingkan hasil temu bual dengan isi dokumen yang berkaitan.

Oleh yang demikian, Sugiyono (2011) menyatakan bahawa teknik triangulasi merupakan suatu teknik pungutan data yang bersifat menggabungkan data dari sumber data yang telah ada. Secara praktikal, triangulasi wujud dari kegiatan pengkaji yang bertanya pada responden A dan mengklifikasinya dengan responden B dan responden C.

Ketika pengkaji telah mendapatkan data yang lengkap dan menyusun data walaupun tidak secara keseluruhan, maka bahagian-bahagian laporan yang sudah dibuat perlu disampaikan kepada pemberi informasi utama (key responden). Langkah ini perlu

dibuat bagi mengetahui apakah laporan yang telah bertulis tersebut merupakan suatu pernyataan yang sudah dipersetujuinya. Aktiviti ini perlu dilaksanakan secara perbincangan bertujuan untuk memperolehi kesamaan pandangan antara pengkaji dan pemberi informasi (Sutopo, 2002).

Dengan demikian, kesahan data kualitatif data dapat dilakukan seperti berikut:

- 1) Pengkaji mengikut serta selama tiga bulan mengikut kawasan yang telah ditetapkan untuk memahami perilaku dan fenomena yang terjadi pada masyarakat Aceh yang berhampiran kawasan perbankan Islam.
- 2) Melakukan triangulasi, di mana pengkaji memeriksa kesahan data secara teliti dari pelbagai data yang terkumpul melalui bacaan mahupun pemberi informasi dengan membandingkan antara satu maklumat dengan yang lain menggunakan ketepatan, kesesuaian dan kekukuhan.
- 3) Merujuk kembali informasi dari pemberi informasi secara silang semak bagi memperoleh maklumat yang benar melalui temu bual dan pemerhatian secara langsung.


3.7 Analisis data

Dalam kajian kualitatif, data diperoleh dari pelbagai sumber dengan teknik yang pelbagai secara langsung menjadikan bentuk data bervariasi. Tambahan pula, terdapat data kualitatif yang diperoleh dalam transkrip temubual, pemerhatian dan dokumen untuk dianalisis sebelum diguna pakai.

Oleh itu, Cohen *et. al.* (2007) menyatakan bahawa analisis kualitatif adalah suatu proses keberhasilan terhadap dapatan yang tepat dalam penafsiran suatu perkara. Hal ini meliputi proses pembahagian, membuat tema dengan menggunakan kaedah-

kaedah analisis seperti kaedah analisis fenomena. Menurut Miles dan Huberman (1994), analisis kajian kualitatif terdiri daripada tiga proses serentak iaitu: pengurangan data, paparan data dan membuat kesimpulan. Ketiga-tiga proses tersebut dihuraikan seperti berikut: pengurangan data didefinisikan sebagai suatu proses pemilihan, penyederhanaan, pengabstrakan data kasar yang diperoleh dari catatan bertulis di kawasan kajian. Pengurangan data dibuat secara langsung ketika kajian di lapangan.

Bahkan sebelum data sebenar dimuktamadkan, berlaku tahap pengurangan berikutnya iaitu membuat ringkasan. Pengurangan data merupakan proses analisis untuk menentukan dan membuang data yang tidak diperlukan sehinggalah kesimpulan akhir dapat dibuat secara muktamad. Bagi proses penyajian data, pengkaji memperoleh data yang banyak. Namun, data-data tersebut tidak digunakan secara keseluruhannya. Oleh itu, pengkaji tidak boleh membuat kesimpulan dengan terburu-buru. Menurut Miles dan Huberman (1994), tiga komponen dalam analisis data kualitatif iaitu pengurangan data (*data reduction*), paparan data (*data display*) dan merumuskan kesimpulan (*conclusion and verification*) seperti rajah 3.2:



Rajah 3.2
Model analisis data kualitatif (Miles & Huberman, 1994).

Selepas pengumpulan data dilakukan, analisis dimulai dengan menjalankan proses pengurangan data sepanjang penyelidikan dijalankan dan seterusnya membuat kesimpulan. Kesimpulan yang diambil berdasarkan dari permulaan pengumpulan data dengan memaknakan, mencatat secara tersusun dan memberi penjelasan akan sebab dan akibat. Selain itu, pengkaji akan membuat kesimpulan dengan seimbang, terbuka dan tepat. Kesimpulan yang dapat dibuat menggunakan kaedah induktif dan deduktif iaitu: membuat kesimpulan dari khas ke umum dan dari umum ke khas yang bersumber dari fakta dan maklumat yang sedia ada.

Data yang diperoleh dari perpustakaan pula dianalisis “secara mendalam” (*indeep analysis*) dengan langkah-langkah seperti berikut:

- 1) Menentukan tujuan analisis, iaitu untuk menganalisa informasi deskriptif dari berbagai pengkaji dengan tema yang sama.
- 2) Mengumpul, mengkaji, dan mencatat data.
- 3) Mengurangkan data yang digunakan.
- 4) Memberi kod data sesuai mengikut topik.
- 5) Menganalisis dan menafsirkan data, membuat triangulasi dengan sumber-sumber yang lain untuk merumus kesimpulan (Prasetia Irawan 2006).

Analisis isi (*content analysis*) diguna pakai untuk meneroka ciri-ciri pelanggan, fenomena sosial masyarakat dan aktiviti perekonomian sebagai panduan dalam membuat suatu dasar yang berhubung kait dengan pelaksanaan perbankan Islam, terutama di bahagian penelitian. Selain itu, analisis kualitatif dibuat sepanjang masa penyelidikan untuk mendapat maklumat yang lebih jelas.

Oleh yang demikian, paradigma kualitatif sering diguna pakai oleh ramai pengkaji (Leedy, 1993; Creswell, 2009). Paradigma kualitatif adalah induktif, holistik dan subjektif. Hal tersebut berorientasikan terhadap isu-isu sosial dan antropologi manakala paradigma kuantitatif menekankan terhadap isu-isu perkiraan dalam pengetahuan sosial. (Newman dan Benz, 1998).

3.8 Andaian Proposisi

Justeru, selepas membuat penelitian yang sewajarnya, proposisi dalam kajian ini disimpulkan seperti berikut:

Proposisi 1: Kerajaan Aceh mempunyai langkah-langkah yang proaktif dalam memperkasakan perbankan Islam di seluruh wilayah di Aceh.

Proposisi 2: Masyarakat Aceh mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang tinggi terhadap penerimaan perbankan Islam.


Proposisi 3: Perbankan Islam di Aceh menghadapi halangan-halangan tertentu dalam proses pelaksanaannya.

3.9 Rumusan

Bab tiga telah membincangkan kaedah kajian kualitatif dari pelbagai aspek yang meliputi proses pelaksanaan kajian ini secara jelas. Hasil dapatan keputusan tersebut adalah dengan menggunakan kaedah kajian, pengumpulan data, protokol pengumpulan data dan analisis serta proposisi. Di peringkat awal, pengkaji melawat ke 4 buah bank Islam untuk mengenalpasti pelbagai isu mengenai pelaksanaan perbankan berkaitan aplikasi produk-produk yang ditawarkan kepada masyarakat, keterlibatan pemerintah dan perbankan Islam sendiri bagi pengembangan pelaksanaan serta kekangan yang dihadapi mereka. Melalui data dokumentasi, pemerhatian dan

temubual, pengkaji mengumpulkan maklumat daripada 2 bank Islam yang menjadi sampel kajian ini yang merangkumi bagaimana selok belok pelaksanaan perbankan Islam dan langkah-langkah kerajaan dalam memperkasakannya. Selain itu, pengkaji juga mengenalpasti tahap pengetahuan, kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam serta halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak bank dan kerajaan dalam melaksanakan perbankan Islam di Aceh. Berikut adalah carta alir pelaksanaan kajian sebagaimana Rajah 3.3.





Rajah 3.3
Carta alir pelaksanaan kajian.

Jadi, dapat disimpulkan bahawa kaedah kajian ini dibuat secara tersusun dan berkesan bagi menjayakan kajian ini. Dalam bab keempat pula akan membincangkan perbankan Islam dan pelaksanaannya di Aceh, Indonesia.

\



BAB EMPAT

PERBANKAN ISLAM DAN PELAKSANAANNYA DI ACEH

4.0 Pengenalan

Tiga dekad telah berlalu sejak perbankan Islam yang pertama mula beroperasi di Mit Ghamr, Mesir, dan lebih daripada satu dekad lalu dunia telah menerima pakai sistem institusi, instrumen dan urus niaga yang beroperasi tanpa bunga apabila republik Islam Iran dan Pakistan mula memperkenalkannya. Hari ini, perbankan Islam telah pun tersebar dan semakin diterima oleh negara-negara bukan Islam sama seperti mana di negara-negara Islam. Kajian dan penyelidikan terhadap sistem perbankan Islam tanpa bunga untuk kepentingan ilmiah tidak lagi dipersoalkan memandangkan ianya sebahagian dari aspek kehidupan bermuamalah antarabangsa.

4.1 Perbankan

Bank mula ditubuhkan sebagai institusi kewangan moden pada abad ke-14 di kota Venesa dan Genoa di Itali pada tahun 1587 dengan nama Banca Dalla Pizza. Dari kedua-dua kota inilah institusi perbankan telah berkembang ke pelbagai negara lainnya (Nurul Huda dan Muhammad Haikal, 2010). Pada peringkat permulaan, urusniaga perbankan dimulai dengan khidmat penukaran wang. Oleh itu bank dikenal sebagai tempat menukar wang atau kaunter tempat menukarkan wang. Para pedagang dari pelbagai kerajaan membuat transaksi penukaran wang. Wang ditukar antara satu mata wang dengan mata wang kerajaan yang lain. Pada masa kini, penukaran wang dikenal dengan perdagangan mata wang asing (*money changer*) (Kasmir, 2000).

Ismail (2011) memberikan definisi bank adalah perbadanan yang menghimpun wang dari masyarakat dalam bentuk simpanan dan menjadi pengantara dalam menyalurkan

wang ke masyarakat samaada dalam bentuk kredit atau lainnya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kebanyakan, bank juga berfungsi untuk menerbitkan wang kertas (*bank note*).

Oleh itu, bank berfungsi sebagai institusi perantara kewangan yang bertindak menghimpun dana dari masyarakat yang mempunyai lebihan dana (*surplus unit*). Setelah dana dikumpul, pihak bank akan menyalurkan dana itu kepada masyarakat yang memerlukan dana (*deficit unit*). Ayub (2007) menyatakan bahawa institusi kewangan Islam berperanan sebagai perantara (*intermediator*) antara masyarakat yang mempunyai lebihan wang dan masyarakat yang kekurangan wang. Namun terdapat perbezaan dalam operasi perbankan Islam dan konvensional. Perbankan konvensional mengamalkan bayaran bunga dalam pembiayaan sedangkan dalam perbankan Islam menghindari bunga dengan menggunakan kaedah pembahagian atau perkongsian hasil dalam pembiayaannya.

Bank Negara Malaysia (1999) menyatakan bahawa bank adalah institusi yang menerajui struktur kewangan sebuah negara dan bertujuan:

- 1) Mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang tersebut.
- 2) Bertindak sebagai jurubank dan penasihat kewangan bagi kerajaan.
- 3) Menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang baik.
- 4) Mempengaruhi kedudukan pembiayaan bagi kepentingan rakyat.

Dalam konteks Indonesia, industri perbankan telah diperkenalkan oleh Kerajaan Hindia Belanda. Sebagai penjajah, Belanda menggunakan bank untuk menjalankan

transaksi perdagangan sama ada untuk negerinya mahupun untuk kerajaan lainnya. (Kasmir, 2000). Oleh itu, bank juga disebut sebagai institusi perantara kewangan (*financial intermediary*) bagi menghubungkan keperluan dua pelanggan yang berbeza, satu pihak merupakan pelanggan yang memiliki wang dan pihak lainnya merupakan pelanggan yang memerlukan wang. Masyarakat menyimpan wang di bank bertujuan agar wang yang disimpan berada dalam keadaan terjamin dan selamat. Selain keselamatan, penyimpan wang mengharapkan keuntungan atas wang yang disimpan di bank. Keuntungan yang diberikan bank berbeza-beza mengikut jenis simpanannya. Keuntungan itu diberikan setiap bulan pada tarikh yang telah ditetapkan.

Pada dimensi yang lain, terdapat masyarakat yang memerlukan wang untuk mengembangkan usahanya atau untuk keperluan peribadinya. Wang yang diperlukan itu dapat disediakan bank melalui kredit. Sebagai bayaran penyerahan wang itu, bank akan menerima keuntungan berupa bunga kredit. Sebagai institusi perantara kewangan, bagi mewujudkan kepuasan orang lain, bank akan selalu berhati-hati dalam mengelola sumber dana masyarakat, kerana kepercayaan masyarakat amat besar pengaruhnya bagi kelangsungan operasi bank dan institusi lainnya. Institusi perantara kewangan selain bank dikenali juga sebagai koperasi simpan pinjam dan institusi insurans dengan cara operasi yang berbeza, namun institusi ini mempunyai persamaan iaitu menerbitkan hutang kepada masyarakat (tabungan dan saham-saham pinjaman). Kemudian institusi ini menggunakan dana yang dihimpun untuk membeli surat berharga langsung (saham dan obligasi) dan secara hutang, surat berharga tidak langsung (*indirect securities*) dan lain-lain. Secara umumnya, bentuk hutang seperti ini tidak mampu dibeli oleh masyarakat mahupun individu (Hutabarat, 1996).

Jadi bank adalah sebuah institusi pengantaraan (*intermediation*) kewangan. Secara amnya ditubuhkan bagi kemudahan untuk menerima simpanan wang, meminjamkan wang dan menerbitkan wang kertas (*bank note*). Oleh itu, bank adalah satu badan yang menghimpun dana dari masyarakat dalam bentuk simpanan dan menyalurkannya kepada masyarakat sama ada dalam bentuk kredit mahupun bentuk-bentuk lainnya dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka.

Dalam kalangan masyarakat, perbankan diketahui dan dikenal dengan perbankan konvensional dan perbankan Islam. Perbankan konvensional ialah bank yang beroperasi berasaskan kadar faedah (bunga). Menurut bank konvensional, kepentingan pemilik dana (pendeposit) adalah memperoleh keuntungan berupa bunga simpanan yang tinggi, pemegang saham pula memperoleh keuntungan yang tinggi sama ada dari bunga simpanan mahupun bunga pinjaman. Di pihak lainnya, kepentingan pemakai dana (*debtor*) adalah memperoleh taraf bunga yang rendah (biaya murah). Kepentingan dari tiga pihak tersebut akan terjadi pertentangan (*antagonis*) yang sukar diselesaikan, namun bank hanya berfungsi sebagai lembaga perantara sahaja. Adapun ciri-ciri bank konvensional menggunakan dua metode, iaitu: pertama, menetapkan bunga sebagai harga, sama ada untuk produk simpanan seperti tabungan, deposit berjangka, mahupun produk pinjaman (*kredit*) yang diberikan berdasarkan tahap bunga tertentu. Kedua untuk perkhidmatan bank lainnya, pihak bank menerapkan pelbagai caj biaya dalam peratusan tertentu.

Sementara bank Islam adalah perbadanan perantara kewangan yang antara lainnya menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan dalam urusan pembayaran serta

peredaran wang yang mana pengamalannya disesuaikan dengan dasar-dasar Syariah Islam (Al-Jamal, 1992).

Jadi mengikut rumusan ini, bank Islam diertikan sebagai suatu bank yang amalannya didasarkan kepada *fiqh* muamalah Islam, di mana ianya haruslah mengikut pada aturan-aturan al-Quran dan al-Hadis. Sedangkan pengertian "*fiqh muamalah*" adalah aturan-aturan yang mengatur hubungan manusia dengan manusia sama ada hubungan perseorangan mahupun antara individu dengan masyarakat (Khallaf, 1972).

Dengan demikian, diharapkan kewujudan perbankan Islam sebagai pengantara dapat memberikan sumbangan bagi memperkasakan satu prasarana pembangunan sosial ekonomi dalam menggerakkan dana masyarakat Islam dan mengagihkannya pada pelaburan yang diperlukan masyarakat.

Institusi yang banyak berjasa dalam penubuhan bank Islam di kebanyakan negara adalah *Islamic Development Bank (IDB)*. IDB secara rasminya ditubuhkan pada 20 Oktober 1975 dengan dianggotai oleh 43 buah negara yang turut menjadi anggota Organisasi Konferensi Islam (OKI). Penubuhan IDB tersebut didasari oleh pemahaman bahawa bunga bank dari amalan pinjaman di bank-bank konvensional adalah termasuk dalam kategori riba yang diharamkan dalam Islam. IDB memainkan peranan yang amat penting dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa di antara para anggotanya dengan negara-negara industri maju lain (Ashfaq Ahmad, 2014).

Ullah (2014) menyatakan perbezaan antara perbankan Islam dengan bank perdagangan lain atau konvensional ialah: perbankan Islam tidak terlibat dengan

aktiviti-aktiviti pengambilan atau pemberian faedah kerana riba itu diharamkan oleh syariat Islam; perbankan Islam berfungsi mewujudkan kewajipan zakat dan menyusun semula peranannya agar dapat menjadi asas jaminan sosial; operasi perbankan Islam ialah berdasarkan prinsip syarikat atau syarikat *mudarabah* sebagai ganti kepada amalan faedah berunsurkan riba; pelaburan yang berbagai bentuk merupakan sumber pendapatan utama perbankan Islam; perbankan Islam berfungsi untuk mengumpul dan menarik pelbagai jenis deposit atau simpanan terutamanya simpanan wang untuk digunakan dalam memberi khidmat kepada masyarakat tempatan; dan perbankan Islam cuba menghapuskan amalan riba dengan berganti kepada sistem syarikat. Sistem yang digunakan ini memberi kadar keuntungan yang lebih adil kepada para penyimpan sejajar dengan peranan mereka yang telah menyumbangkan wang dalam pertumbuhan ekonomi.

Seterusnya, Asmadi (2015) menyatakan adalah penting untuk diketahui bahawa kewangan Islam secara amnya adalah sangat luas dan tidak hanya terfokus pada fungsi perantaraan, tetapi juga kepada bisnes di antara individu ataupun kelompok dalam pelbagai bentuk seperti melalui perkongsian. Sistem kewangan moden amat dominan di dunia sehingga sukar bagi sistem kewangan Islam dipisahkan dengan sistem kewangan konvensional seperti budaya pembahagian hasil produk, tahap risiko, kaedah pelaksanaan, dan lain-lain. Bank Islam amat mengharapkan simpanan sebagai sumber dana bank. Bank akan berusaha menghasilkan keuntungan. Keuntungan yang diusahakan bank digunakan bagi membuat pembayaran operasi dan selebihnya diberikan kepada penyimpan wang. Dalam waktu yang sama, bank sebagai perantara berusaha mengumpul wang dari simpanan kecil-kecilan dan mengumpulkannya menjadi dana besar untuk digunakan oleh para usahawan.

Adapun sistem perbankan Islam di Indonesia bermula pada tahun 1992 dengan penguatkuasaan UU Nombor 7/1992. Oleh itu, menurut Remi (1999), undang-undang tersebut telah membolehkan bank-bank dapat menjalankan urusniaganya dengan sistematik dan pada tahun 1992, bank Islam pertama di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia (BMI) ditubuhkan. Seterusnya pada tahun 1998, pemerintah Indonesia mengeluarkan satu lagi dasar iaitu *Dual Banking System* melalui UU Nombor 10/1998. Seterusnya Bank Mandiri Islam pula ditubuhkan pada 1999.

Undang-undang ini mendorong perkembangan serta pertumbuhan prestasi perbankan Islam yang lebih baik, sehingga menjadi daya tarik bagi bank-bank konvensional dan pelabur untuk membuka bank umum Islam seperti Unit Usaha Islam (UUS) mahupun Bank Pembiayaan Rakyat Islam. Seterusnya, dalam UU Perbankan Islam Nombor 21 Tahun 2008 dijelaskan bahawa bank Islam adalah bank yang menjalankan kegiatan usahanya berdasarkan prinsip Islam. Bank umum Islam adalah bank Islam yang memberikan khidmat pembayaran. Unit Usaha Islam (UUI) adalah unit kerja daripada ibu pejabat bank umum konvensional yang berfungsi sebagai cawangan utama yang melaksanakan kegiatan usaha berdasarkan prinsip Islam dan cawangan dari suatu bank yang terletak di luar negeri. Penubuhan bank umum Islam daripada bank umum konvensional dapat dibuat antara lain dengan cara penukaran dari bank konvensional, atau dengan pemisahan (*spin-off*) daripada Unit Usaha Islam yang terdapat pada bank umum konvensional. Dalam Undang-undang Perbankan Islam Nombor 21 Tahun 2008 disebutkan bahawa UUI dapat menjadi bank unit Islam tersendiri setelah mendapat izin daripada Bank Indonesia. (Etty *et al.*, 2014).

4.2 Hubungan muamalah dengan perbankan Islam

Segala aktiviti manusia samaada berhubung dengan akhirat mahupun muamalah seharian adalah bersandarkan kepada salah satu firman Allah dalam surah az Zuriyat ayat 51 yang ertinya: *"Tidaklah aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk mengabdikan (menyembah) kepadaKu"*. Hal ini bermakna apa-apa aktiviti muamalah haruslah menjadikan ayat di atas sebagai pedoman serta sentiasa mengandungi nilai-nilai ketuhanan. Selain bersumberkan Al-Quran, muamalah dalam Islam haruslah juga bersumberkan hadis Rasulullah SAW selari dengan kaedah-kaedah umum yang berlaku dalam Syariah Islam atau atas dasar ijtihad yang dibenarkan oleh Islam. Oleh itu, Abubakar (2008) membahagikan kandungan Syariah Islam kepada dua bahagian iaitu aqidah dan syariah. Syariah dibahagikan kepada ibadah dan muamalah.

Hasil dari pemerhatian yang mendalam terhadap isi kandungan al Quran dan as Sunnah, para ulama menemui beberapa keistimewaan ajaran muamalah dalam kedua-dua sumber hukum Islam tersebut, antaranya, prinsip dasar dalam persoalan muamalah adalah bertujuan untuk mewujudkan kebaikan umat manusia dengan melihat dan mempertimbangkan pelbagai situasi dan keadaan yang mencakupi kehidupan manusia itu sendiri.

Dari konsep ini terlihat perbezaan antara persoalan muamalah dengan persoalan akidah, akhlak, dan ibadah. Dalam persoalan akidah, Syariah Islam bersifat menentukan dan menetapkan secara tegas terhadap hal-hal yang berkaitan dengannya. Demikian jugalah halnya dengan persoalan akhlak, Syariat Islam menetapkan sifat-sifat terpuji yang mesti diikuti oleh umat Islam, serta menentukan sifat-sifat tercela yang mesti di jauhi.

Dalam aspek ibadah pula, konsep dasar yang digunakan adalah bahawa ibadah itu tidak boleh dilakukan atau dilaksanakan oleh seseorang Muslim jika tidak ada dalil yang memerintahkannya, seperti mana diungkapkan dalam kaedah-kaedah *fiqh*: konsep dasar dalam persoalan ibadah adalah berdasarkan dalil dan mengikutinya (Al-Suyuti, 1959). Kaedah *fiqh* tersebut mempunyai maksud bahawa suatu ibadah tidak boleh dilaksanakan sebelum ada dalil yang mewajibkannya, dan ibadah mesti pula dilaksanakan seperti mana yang ditentukan oleh Allah SWT dan oleh RasulNya. Oleh yang demikian, segala penambahan, pengurangan dan perubahan daripada ketentuan Syariah dianggap sebagai *bid'ah*.

Keempat-empat persoalan dalam ajaran Islam (akidah, akhlak, ibadah, dan muamalah) ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk kebaikan umat manusia, namun untuk persoalan-persoalan akidah, ibadah dan akhlak, umat Islam tidak diberi hak untuk campur tangan sama sekali, kerana Allah SWT lah yang lebih mengetahui kebaikan yang akan diperolehi manusia untuk ketiga-tiga persoalan ini.

Tetapi berlainan halnya dengan persoalan muamalah. Dalam persoalan ini, Syariat Islam dari satu sudut lebih banyak bersifat pengesahan terhadap pelbagai bentuk perlakuan manusia kerana ketika Islam datang telah banyak dijumpai jenis-jenis muamalah yang sudah diamalkan. Menurut Al-Syatibi (1973), Islam hanya melakukan perubahan terhadap pelbagai jenis muamalah yang sedia ada dan ada kalanya ia membatalkan jenis muamalah tertentu. Seterusnya, Syariah Islam hanya memberikan prinsip dan kriteria dasar yang mesti dipenuhi oleh setiap jenis muamalah, misalnya: mengandungi kebaikan, menjunjung tinggi prinsip-prinsip keadilan, jujur, saling tolong menolong, tidak menyukarkan, kerelaan serta suka sama

suka (Al- Syatibi, 1973). Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Dar al-Qutni (Adiwarman, 2001) yang ertinya: Daripada Abi Thalabah al- Khuthani, dia berkata: Rasulullah SAW telah bersabda:

"Sesungguhnya Allah azza wa jalla telah memfardhukan beberapa ketentuan, jangan kamu sia-siakannya. Dia mengharamkan beberapa perkara, jangan kamu langgar. Dia telah menetapkan hudud (batasan-batasan) janganlah kamu melampauinya, dan dia mendiadakan (tidak menentukan hukum) pada beberapa perkara bukan kerana lupa, janganlah kamu membahaskannya."

Namun demikian, menurut Amir (2008) sekalipun pada prinsipnya pelbagai jenis muamalah adalah diharuskan selama tidak dijumpai dalil yang melarangnya, itu tidak bererti manusia bebas melaksanakan suatu amal dengan sewenang-wenangnya. Pada hakikatnya setiap jenis muamalah yang dilakukan umat Islam tidak akan lepas daripada sifat pengabdian diri kepada Allah SWT. Dengan yang demikian, ada beberapa kaedah umum serta kriteria-kriteria dalam melaksanakan muamalat tersebut iaitu: a) Seluruh tindakan muamalah tersebut tidak terlepas daripada nilai-nilai ketuhanan (az Zuriyyat: 56). Seluruh tindakan muamalah tersebut tidak boleh terlepas sama ada dari nilai-nilai kemanusiaan dan dilakukan dengan mengetengahkan akhlak yang terpuji serta bersesuaian dengan kedudukan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. b) Dalam mengamalkan segala jenis kegiatan muamalah mestilah membuat pertimbangan atas asas sama ada kebaikan peribadi mahupun untuk kebaikan umum. Jika hal tersebut untuk kebaikan umum, ianya amat diutamakan dan mestilah mengorbankan kebaikan individu, maka hal tersebut boleh dibuat. c) Dalam pelaksanaan muamalah mestilah diperhatikan bahawa segala perkara yang kotor adalah haram sama ada iktikad, perbuatan dan perkataan seperti penipuan, manipulasi, eksploitasi manusia ke atas manusia, penimbunan barang oleh peniaga dan segala bentuk kecuiaan dan juga berkaitan dengan minuman keras, babi dan segala jenis najis lainnya. Hal ini selari dengan firman Allah dalam surah al A'raf ayat 157. Ertinya:

“Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan daripada mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

d) Semua yang baik adalah dihalalkan. Hal ini juga bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al Maidah ayat 5. Ertinya:

“Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya – di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya daripada kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kahwinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak daripada orang-orang yang rugi.”

Berdasarkan tuntunan prinsip-prinsip di atas, para ulama *fiqh* membahagikan jenis muamalah kepada beberapa perkara (Al-Syatibi, 1973):


1) Jenis muamalah yang hukumnya ditunjukkan dengan jelas oleh nas (al Quran dan as Sunnah), sama ada seperti waris, talak, idah, pengharaman khamar, babi, mahupun riba. Hukum-hukum seperti ini kekal dan tidak boleh diubah. Ketentuan-ketentuan ini ditetapkan Allah semata-mata untuk membawa kemaslahatan bagi manusia walaupun kadangkala amat sukar untuk mendapatkan hikmahnya.

2) Jenis muamalah yang hukumnya tidak dijelaskan oleh nas, tetapi diserahkan sepenuhnya kepada ijtihad para ulama sesuai dengan kepakaran ulama tersebut dalam memenuhi hajat keperluan manusia sepanjang zaman, disemua tempat serta sesuai

pula dengan situasi dan keadaan masyarakat itu sendiri. Untuk bidang muamalah seperti ini syariah Islam mengemukakan kaedah-kaedah dasar, kriteria-kriteria serta prinsip-prinsip umum yang selari seperti yang telah dibahaskan di atas.

Justeru, muamalah jenis kedua ini mempunyai cakupan yang amat luas sehingga al Quran dan as Sunnah hanya meletakkan dasar secara umum sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa Islam memberikan peluang bagi umatnya untuk melakukan pembaharuan terhadap pelbagai bentuk muamalah yang mereka perlukan dalam kehidupan, dengan syarat bahawa bentuk muamalah hasil daripada pembaharuan atau inovasi mereka lahir daripada ahli dan pakar dalam bidang mereka masing-masing serta tidak terkeluar daripada prinsip dasar yang telah ditentukan Allah dan RasulNya.

Bentuk muamalah ini meliputi beberapa sistem, termasuklah sistem politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Setiap sistem ini mempunyai beberapa sistem kecil di bawahnya, sistem kewangan dan perbankan Islam merupakan salah satu sistem daripada sistem ekonomi Islam semasa yang telah dipraktikkan mengikut sistem muamalah pada bank-bank Islam (Al-Syatibi, 1973). Kesemua sistem ini akan mendapat respon daripada masyarakat berhubung dengan kualiti penampilan kepemimpinan dan pengurusan perbankan Islam itu sendiri, seperti rajah 4.1:



Rajah 4.1.

Hubungan antara perbankan Islam dengan muamalat.

Sumber: Praktisi Perspektif, 1994.

Islam itu merangkumi tiga bahagian utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Makanya, hubungan muamalat sebahagian daripada Syariah yang mesti diamalkan. Manakala muamalat pula berkait erat dengan aktiviti politik, sosial budaya, perbankan Islam dan ekonomi Islam. Justeru, terdapat hubungan yang kukuh antara muamalat dengan aktiviti perbankan Islam.

4.3 Usaha memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh

Dalam usaha memperkasakan pembiayaan perbankan Islam di Aceh, dana masyarakat yang dihimpun melalui bank sebagai institusi yang mengusahakannya amat diperlukan. Oleh itu, tugas perbankan adalah menghimpun dana masyarakat dan mengagihkan penggunaannya kepada bidang-bidang yang produktif sehingga dapat memajukan perbankan Islam itu sendiri serta dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.

Bank dalam melaksanakan kedua-dua fungsi yang disebut di atas masih mengalami berbagai kekangan, samaada kekangan itu berupa kekangan teknikal mahu pun kekangan hukum. Dalam keadaan itulah kerajaan mengambil berbagai langkah untuk mengatasi kekangan yang dihadapi oleh bank seperti mengeluarkan dasar deregulasi dan pendemokrasian berbagai bidang perbankan. Deregulasi juga merupakan salah satu langkah memperkasakan bidang perbankan yang bermula sejak 1 Jun 1983 hingga dikuatkuasakan Undang Undang Nombor 7 Tahun 1992. Selain itu, pasal 4 Peraturan Pemerintah Nombor 71 Tahun 1992 juga menyebut bahawa Bank Perkreditan Rakyat boleh ditubuhkan di desa-desa di wilayah luar ibu kota negara, provinsi, negeri dan bandaraya (Wijanarto, 1997).

Dengan demikian dapat difahami bahawa penubuhan, pelaksanaan dan pemerksaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dimulai pada awal tahun 1980-an. Dalam tempoh itu hingga kini, pelbagai seminar yang bertemakan perbankan Islam sebagai asas ekonomi Islam telah dijalankan. Beberapa tokoh yang terlibat dalam pengkajian tersebut antaranya adalah Karnaen A Perwataatmadja, M Dawam Rahardjo, AM Saefuddin, dan M Amien Azis. Sebagai langkah awal, gagasan perbankan Islam dipraktikkan dalam skala yang relatif terbatas di antaranya di Bandung (Bait At-Tamwil Salman ITB) dan di Jakarta (Koperasi *Ridho Gusti*). Sebagai gambaran, M Dawam Rahardjo dalam tulisannya pernah mengajukan cadangan bahawa Bank Syariat Islam sebagai konsep alternatif untuk menghindari larangan riba. Jalan keluar secara tuntas disebutkan dengan transaksi pembiayaan berdasarkan tiga modus, iaitu *mudarabah*, *musyarakah* dan *murabahah*.

Antara usaha lain bagi memperkasakan perbankan Islam di Aceh adalah dengan tergubalnya Undang-undang Nombor 10 Tahun 1998, penambahbaikan kepada Undang-undang Nombor 7 Tahun 1992 tentang perbankan. Justeru BMI merupakan satu-satunya bank umum yang menfokuskan kegiatannya kepada syariat Islam di Indonesia pada peringkat permulaan. Setelah itu, barulah terbentuknya beberapa perbankan Islam lain, iaitu Perbankan Islam Mandiri yang merupakan penukaran daripada Bank Susila Bakti (BSB), anak perusahaan Bank Mandiri, serta penubuhan lima cawangan baharu berupa cawangan Syariah daripada Bank Negara Indonesia (Persero) Tbk. Sehingga Februari 2000, bank-bank yang sudah mengemukakan permohonan membuka cawang Syariah, iaitu: Bank Niaga, Bank Tabungan Negara (BTN), Bank Mega, Bank Rakyat Indonesia (BRI), Bank Pembangunan Daerah (BPD) Jabar dan Bank Pembangunan Daerah (BPD) Aceh (Undang-Undang Nombor 23, Tahun 1999).

Perkembangan perbankan Islam di daerah-daerah di Indonesia terlewat jika dibandingkan dengan negara-negara lain sesama anggota Organisasi Konferensi Islam (OKI). Hal tersebut merupakan satu kelemahan ketara, memandangkan pemerintah RI yang diwakili Menteri Kewangan Ali Wardana, dalam beberapa kali sidang OKI cukup aktif memperjuangkan realisasi konsep perbankan Islam, namun tidak diimplementasikan di dalam negeri. KH Hasan Basri, yang pada waktu itu sebagai Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) memberikan jawapan bahawa keterlewatan mendirikan atau penubuhan perbankan Islam di Indonesia kerana *political-will* yang belum mendukung.

Menurut Usman (2004) dalam bukunya, Atjeh, menyatakan bahawa, dalam kalangan masyarakat Aceh secara umumnya, sudah lama mengamalkan sistem-sistem ekonomi Islam berdasar Syariah yang selama ini dipraktikkan oleh perbankan Islam seperti “*Meudua Laba*”, “*Mawaih*” (*mudarabah*), iaitu suatu akad antara dua orang, di mana pemodal menyerahkan sejumlah harta kepada rakan kongsi usahanya untuk diperdagangkan. Keuntungannya dibagikan antara keduanya menurut syarat yang ditetapkan. Apabila rugi, maka kerugian tersebut ditanggung oleh pemodal sendiri, sedangkan rakan kongsi usahanya tidak menanggung kerugian kerana ia rugi dalam pekerjaan dan kepercayaan (Zuhaily, 1986).

Selain *mudarabah*, masyarakat Aceh juga telah lama melaksanakan *musyarakah*. Akad kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk suatu usaha tertentu, di mana masing-masing memberikan sumbangan dana dengan kesepakatan bahawa keuntungan dan risiko akan ditanggung bersama sesuai dengan syarat yang telah ditetapkan (Antonio, 2007).

Daripada huraian di atas, dapat difahami konsep amalan *meudua laba* (*mudarabah*) dan *meukongsi* (*musyarakah*) sudah lama dilaksanakan dengan bersandarkan kepada kitab *fiqh*. Konsep pelaksanaannya ditunjukkan oleh para ulama Aceh, peniaga dan orang kaya. Mereka ini amat berperanan sebagai pemodal sama ada secara langsung dan tidak dan terbatas hanya kepada keluarga dan sanak saudara dalam jumlah kecil. Sedangkan untuk membantu dalam memberi modal kepada anggota masyarakat lainnya secara meluas sama sekali tidak berlaku kerana kekayaan mereka juga terbatas. Malah kemampuan pengurusannya tidak dapat meliputi ke seluruh Provinsi Aceh. Ini suatu masalah yang sukar pada masa itu, memandangkan sumber kewangan

seperti bank masih tidak tersedia. Sejurus itu, Belanda menubuhkan bank tanpa bunga '*de Groot Atjeh sche Af deeling Bank*' di pelbagai Provinsi Aceh sehinggalah pada tahun 1918 bank ini berjumlah 29 unit (Sudarsono, 2003).

Dari dimensi yang lain, dalam era moden ini, perbankan Islam di Aceh telah mula dilaksanakan sejak tahun 90-an dengan pengisytiharan Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) Hareukat sebagai perbankan Islam pertama di Aceh pada tanggal 11 November 1991, dengan kuasa yang diberikan oleh Menteri Kewangan Republik Indonesia Nombor: Kep-307/MK, 13/1991, 7 Oktober 1991 Brosur (1991) yang menawarkan produk-produk perbankan Islam seperti *mudarabah*, *musyarakah* dan *murabahah*. Dari tahun 2005, perbankan Islam telah pun bertambah, Bank Islam Mandiri, Bank BPD Syariah, Bank Muamalat dan Bank Rakyat Indonesia Syariah mula ditubuhkan dengan berbagai produk yang ditawarkan.

Cabaran utama yang dihadapi dalam memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh pada masa ini ialah persaingan untuk memperbaharui sistem yang sedia ada seperti sistem kapitalis dengan meletakkan satu sistem baru yang berlandaskan Syariat Islam. Kesemua sistem ini telah berkembang pesat bahkan sudah menjadi darah daging dalam kehidupan masyarakat. Bahkan, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa sistem yang telah ada turut berjasa dan menyumbang terhadap lahir dan berkembangnya perbankan Islam di Indonesia (Sulaiman, 1997).

Sehubungan itu, masyarakat Aceh haruslah mengambil kira dan bersemangat terhadap usaha memperkasakan pelaksanaan ini dan bermotivasi untuk menjadi pelanggan terbesar pada perbankan Islam, kerana bank-bank konvensional sarat dengan persoalan bunga yang dipercayai masyarakat Aceh sebagai riba yang diharamkan Islam. Namun hakikatnya masyarakat Aceh yang juga penganut agama Islam majoriti

masih mendapatkan pembiayaan dari bank konvensional, sangat berbeza dengan jumlah pembiayaan pada perbankan Islam iaitu sangat sedikit (4.23 %) sahaja (Laporan Bank Indonesia, 2014). Maka keadaan sebegini selayaknya perlu diteliti dan dikaji dalam berbagai aspek berkait dengan penerimaan perbankan Islam oleh masyarakat secara komprehensif. Sektor perbankan konvensional di Aceh mengalami perkembangan yang pesat dibandingkan perbankan Islam. Perkembangan ini dapat dilihat dari jumlah aset, pembiayaan dan dana pihak ketiga (DPK).

4.4 Aset perbankan Islam dan konvensional di Aceh

Perkembangan jumlah aset perbankan konvensional mengalami peningkatan daripada Rp. 107 trilion atau RM 33 trilion tahun 2010 kepada Rp. 141 trilion atau RM 44 trilion pada tahun 2013. Jumlah ini mengalami peningkatan 9.68 % dari jumlah aset suku tahun sebelumnya sebagaimana dalam Rajah 1.1.

4.4.1 Aset perbankan Islam

Jumlah aset perbankan Islam di kota Aceh pula terus berkembang perlahan. Perkembangan aset perbankan Islam pada suku akhir dari tahun 2010 sampai 2013 dapat dilihat seperti berikut:


Jadual 4.1.

Perkembangan jumlah aset perbankan Islam tahun 2010 – 2013 pada Setiap Suku Tahun (dalam jutaan Rp dan RM)

Tahun	I (dalam jutaan)	II (dalam jutaan)	III (dalam jutaan)	IV (dalam jutaan)	Jumlah (dalam ribuan)
2010	Rp. 2,374,547/ RM 742,045	Rp. 2,420,881/ RM 756,525	Rp. 2,614,819/ RM 817,131	Rp. 2,748,877/ RM 859,024	Rp. 10,159,124/ RM 3,174,726
2011	Rp. 2,992,231/ RM 935,072	Rp. 3,059,002/ RM 955,938	Rp. 3,349,393/ RM 1,046,685	Rp. 3,140,675/ RM 981,461	Rp. 12,541,301/ RM 3,919,156
2012	Rp. 3,917,185/ RM 1,224,120	Rp. 3,773,655/ RM 1,179,269	Rp. 3,722,313/ RM 1,163,222	Rp. 4,271,152/ RM 1,334,735	Rp. 15,684,305/ RM 4,901,345
2013	Rp. 5,374,401/ RM 1,679,500	Rp. 5,050,494/ RM 1,578,279	Rp. 4,871,299/ RM 1,522,280	Rp. 4,675,818/ RM 1,461,193	Rp. 19,972,012/ RM 6,241,253

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 2.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa jumlah aset perbankan Islam di Aceh mengalami peningkatan setiap tahun. Peningkatan aset paling besar dialami pada tahun 2013. Aset perbankan Islam di Aceh pada tahun 2013 mencapai Rp 20 trilion/RM 6.2 trilion , peningkatan sebanyak 21.49 % berbanding tahun sebelumnya.



Rajah 4.2.
Aset Perbankan Islam di Aceh pada setiap Suku Tahun tahun dari tahun 2010 hingga 2013

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 3.

Rajah 4.2 pula menunjukkan adanya peningkatan jumlah aset perbankan Islam pada setiap suku tahun sejak tahun 2010 hingga 2013. Namun, dapat dilihat pula bahawa walaupun pada tahun 2013 jumlah aset rata-rata lebih tinggi dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, namun ianya cenderung berlaku penurunan pada suku I hingga IV.

4.4.2 Aset Perbankan Konvensional di Aceh

Sektor perbankan konvensional di Aceh mengalami perkembangan yang pesat dibandingkan perbankan Islam. Perkembangan ini dapat dilihat daripada jumlah aset,


pembiayaan dan dana pihak ketiga (DPK). Perbezaan jumlah aset kedua perbankan tersebut disenaraikan dalam jadual yang ditunjukkan berikut:

Jadual 4.2

Perkembangan jumlah aset perbankan konvensional tahun 2010 – 2013 dalam setiap suku terakhir (dalam trilion rupiah)

	I (dalam jutaan)	II (dalam jutaan)	III (dalam jutaan)	IV (dalam jutaan)	JUMLAH (dalam jutaan)
2010	Rp. 27,660,075/ RM 8,643,773	Rp. 26,764,964/ RM 8,364,051	Rp. 25,819,287/ RM 8,068,527	Rp. 27,076,193/ RM 8,461,310	Rp. 107,320,521/ RM 3,353,663
2011	Rp. 28,619,681/ RM 8,943,650	Rp. 26,777,294/ RM 8,367,904	Rp. 25,944,146/ RM 8,107,545	Rp. 27,685,332/ RM 8,651,666	Rp. 109,026,454/ RM 34,070,767
2012	Rp. 32,882,233/ RM 10,275,697	Rp. 31,618,640/ RM 9,880,825	Rp. 31,513,748/ RM 9,848,056	Rp. 31,348,137/ RM 9,796,292	Rp. 127,362,760/ RM 39,800,863
2013	Rp. 36,113,873/ RM 11,285,585	Rp. 35,313,214/ RM 11,035,379	Rp. 36,142,590/ RM 11,294,559	Rp. 33,437,733/ RM 10,449,292	Rp 141,007,411/ RM 44,064,816

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 2.



Rajah 4.3.

Aset Perbankan Konvensional di Banda Aceh setiap suku tahun dari 2010-2013

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 3.

Secara umumnya, jumlah aset perbankan konvensional di Aceh mengalami peningkatan setiap tahun. Peningkatan jumlah aset terbesar berlaku pada tahun 2013. Pada akhir tahun 2013, jumlah aset bank konvensional di Aceh sebanyak RM 402 billion (Rp 141 trilion). Jumlah ini mengalami peningkatan 9.68 % daripada jumlah aset sebelumnya.

Manakala perkembangan pembiayaan serta pelanggan bank konvensional dan perbankan Islam dari tahun 2012-2015 pula ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Daripada Jadual 4.2 dapat difahami bahwa perkembangan pembiayaan perbankan konvensional terus meningkat dari tahun 2012-2015, sedangkan bank Islam hanya terjadi sedikit kenaikan pada tahun 2013 namun kembali menurun pada tahun 2015. Pada tahun 2012 pembiayaannya bank konvensional RM 5.64 billion (85.02 %) manakala bank Islam RM 0.84 billion (14.18 %). Pada tahun 2013 pembiayaan bank konvensional naik menjadi RM 6.4 billion (85.58 %) manakala bank Islam juga naik menjadi RM 0.92 billion (14.42 %). Pada tahun 2014, pembiayaan bank konvensional naik kepada RM 6.9 billion (86.22 %) sedangkan pembiayaan bank Islam naik sedikit kepada RM 0.95 billion (14.51 %). Pada tahun 2015, pembiayaan pada bank konvensional terus naik menjadi RM 7.59 billion (87.92 %) manakala pembiayaan bank Islam menurun menjadi RM 0.91 billion (12.08 %).

Berkait dengan persepsi masyarakat terhadap peranan pemerintah dalam perkembangan perbankan Islam, Zamzami (2013) menyatakan dalam temubual bahawa “Aceh sebagai salah satu daerah yang mendapatkan kewenangan (autoriti) penuh untuk melaksanakan Syariat Islam, maka hendaklah kesemua aspek kehidupan berasaskan Islam, termasuk juga perbankan Islam”. Lebih lanjut, beliau juga menghuraikan bahawa “pemerintah Aceh harus serius dalam membangunkan perbankan Islam, sehingga transaksi ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat juga mengikut syariat.”

Seterusnya Imam Mahfud (2013) juga menghuraikan bahawa “usaha pemerintah dalam menguatkuasakan kanun Bank Aceh Syariah merupakan salah satu bentuk

keprihatinan pemerintah terhadap perkembangan pelaksanaan perbankan Islam, meskipun terdapat halangan dan masalah yang terjadi terhadap kanun tersebut”.

Secara umumnya, pengkaji ingin memberikan penghargaan kepada pemerintah Aceh yang telah mencuba melakukan *spin off* sehingga dapat melahirkan Bank Aceh Syariah dan terpisah daripada Bank Aceh konvensional.

4.4.3 Perbandingan jumlah aset perbankan Islam dan perbankan konvensional

Jumlah aset yang dimiliki oleh perbankan Islam sangat jauh berbeza jika dibandingkan dengan perbankan konvensional. Perbezaan tersebut dapat ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3.

Perbandingan Jumlah Aset Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional Suku Terakhir Tahun 2010 hingga 2013

Tahun	Konvensional	Islam
2010	Rp. 107,320,521,411,713/ RM 33,537,662,941	Rp. 10,159,124,002,010/ RM 3,174,726,251
2011	Rp. 109,026,454,339,596/ RM 34,070,766,981	Rp. 12,541,301,002,011/ RM 3,919,156,563
2012	Rp. 127,362,760,159,221/ RM 39,800,862,550	Rp. 15,684,305,002,012/ RM 4,901,345,313
2013	Rp. 141,007,411,089,654/ RM 44,064,815,966	Rp. 19,972,012,002,013/ RM 6,241,253,751
Jumlah	Rp. 484,717,147,000,184/ RM 151,474,108,438	Rp. 58,356,742,008,046/ RM 18,236,481,878

Sumber: Bank Indonesia cawangan Aceh (2014), muka surat: 4.

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa jumlah aset perbankan Islam dan konvensional di Aceh mengalami peningkatan setiap tahun. Selain itu, jumlah keseluruhan aset perbankan Islam dapat dikatakan hanyalah 1/8 (seperlapan) dari jumlah aset perbankan konvensional. Artinya, aset perbankan Islam di Aceh masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan aset perbankan konvensional.

Walaupun perkembangan pelaksanaan dan pertumbuhan perbankan Islam Aceh perlahan, namun ianya telah disokong oleh Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006. Di dalam UU Nombor 11 Tahun 2006 BAB XXII yang terdapat 19 pasal yang mengatur tentang perekonomian. Di dalam bahagian kedua tentang Arah Perekonomian disebutkan dalam ayat (1) perekonomian di Aceh diarahkan sama ada untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing demi mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dengan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, keadilan, kesamarataan, penglibatan rakyat dan efisien dalam pembangunan secara berterusan.

Penjelasan dari undang-undang tersebut memberi makna bahawa perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Syariah dalam perbankan Islam di Aceh diatur dalam ketentuan undang-undang pemerintahan Aceh. Oleh itu, kedudukan ekonomi Syariah dan perbankan Islam di Aceh menjadi semakin kuat.

Di sisi lain, perkembangan dan pembentukan perbankan Islam di Aceh memiliki kekuatan yang kukuh dibanding dengan daerah lainnya. Ada beberapa alasan bagi mendukung penubuhan dan perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh iaitu: pertama, faktor agama, di mana majoriti masyarakat Aceh semuanya beragama Islam. Mereka tentunya inginkan transaksi dalam bidang ekonomi yang berasaskan syariat Islam. Sehingga penggunaan perkhidmatan perbankan Islam akan meningkat seiring dengan tujuan pembangunan Provinsi Aceh untuk menerapkan nilai-nilai ajaran Islam dan nilai-nilai budaya Aceh di semua sektor kehidupan masyarakat termasuk sektor ekonomi. Kedua, perundangan, kehadiran Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006. Di dalam UU Nombor

11 Tahun 2006 BAB XXII terdapat 19 seksyen yang mengatur tentang perekonomian telah menguatkan lagi perbankan Islam di Aceh.

Dari beberapa alasan tersebut, maka semestinya perkembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh menjadi suatu kewajiban. Lebih-lebih lagi sebagai salah satu daerah serambi Mekah yang melaksanakan syariat Islam, tentunya perkembangan ekonomi Syariah dan perbankan Islam semestinya lebih maju dibandingkan dengan perbankan konvensional.

4.5 Langkah-langkah pemerintahan Aceh dalam memperkasakan perbankan Islam

Kewujudan perbankan Islam adalah bertujuan melaksanakan aktiviti kewangan mengikut tuntunan Syariah yang kukuh. Perbankan Islam lahir sebagai satu industri dengan daya saing yang signifikan. Signifikan dalam erti adanya persaingan secara natural antara sesama perbankan Islam. Penilaian *Global Islamic Financial Report (GIFR)* menyatakan Indonesia menduduki tangga keempat negara yang memiliki potensi dan kondusif dalam perkembangan kewangan syariah setelah Iran, Malaysia dan Arab Saudi. Berdasarkan beberapa petunjuk, seperti jumlah perbankan Islam, jumlah Lembaga Kewangan Bank Non Syariah, mahupun ukuran aset kewangan Syariah, maka Indonesia dijangka akan menduduki tangga pertama dalam beberapa tahun hadapan (Alamsyah, 2012). Keadaan ini akan menjadi penggerak kepada perbankan Islam untuk memberikan jaminan mengenai kesesuaian Syariah dalam seluruh kegiatannya yang diperlukan dari sebuah bank. Keadaan ini pula perlu dilaksanakan sejak daripada awal dengan pembangunan infrastruktur yang berimbang (proporsional) memandangkan aspek itu merupakan sandaran kepercayaan masyarakat terhadap sesebuah bank, sehingganya peniaga boleh mengguna pakai

infrastruktur, dasar-dasar mesra pelaburan, pakej-pakej penyertaan pelabur bagi membantu sama ada perkembangan masyarakat mahu pun perbankan Islam itu sendiri.

Mengikut teori Pemegang Kepentingan (*stakeholder*) (Freeman, 1990), pemerintah Aceh sendiri mahu pun jabatan-jabatan kerajaan yang berfungsi sebagai pemangku kepentingan atau *stakeholder* telahpun berusaha dalam memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.

Misalnya, pihak gabenor Aceh, parlimen Aceh serta pihak pemegang kepentingan telah menerbitkan Kanun Perbankan Islam Pembangunan Daerah untuk Bank Aceh Syariah Nombor 9 Tahun 2014 yang tujuannya seperti mana telah ditetapkan dalam bab IV pasal 5 seperti berikut:

- a. mendorong wujudnya perekonomian Aceh yang Islami;
- b. menjadi penggerak dan pendorong pertumbuhan perekonomian Aceh;
- c. menghimpun dan memberikan sokongan pendanaan dan pembiayaan serta menjalankan fungsi perbankan lainnya berdasarkan prinsip Syariah;
- d. menjalankan fungsi sosial lainnya termasuk memanfaatkan harta agama untuk kemaslahatan umat berdasarkan prinsip Syariah; dan
- e. mendorong meningkatkan pendapatan Wilayah Aceh.

Selain itu, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) republik Indonesia adalah salah satu *stakeholder* yang amat bertanggungjawab bagi memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam yang dibentuk, dengan fungsinya sebagai pengatur dan mengawal segala kegiatan khidmat kewangan di sektor perbankan dan sektor pasaran modal. Tujuannya agar keseluruhan kegiatan di dalam sektor kewangan: 1) Diselenggara

secara teratur, adil, telus, dan akunjadual (bertanggungjawab), 2) Mampu mewujudkan sistem kewangan yang berkembang secara berterusan dan stabil, dan 3) Mampu melindungi kepentingan pengguna dan masyarakat.

Seterusnya, Otoritas Jasa Keuangan Aceh bekerjasama dengan Pemerintah Kabupaten Pidie telah membuat latihan untuk pengajar (ToT) di Aula Kabupaten Pidie, Aceh pada 11 April 2015 seperti mana dilaporkan akhbar Republika seperti berikut: OJK memberikan edukasi (pendidikan) kewangan untuk peringkat desa dan tokoh masyarakat dengan kegiatan *training* (latihan) “*Training of Trainer*” tersebut diikuti oleh 50 orang dalam kalangan pimpinan desa, guru, pensyarah, pemimpin agama dan pengusaha mikro kecil dan pertengahan.

Selain itu, Ketua Bandar Aceh, Illiza Sa’adudin Jamal selaku pemimpin akan terus memerhatikan proses memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh seperti mana beliau meminta Otoritas Jasa Keuangan (OJK) di provinsi Aceh dapat mengoptimalkan pertumbuhan perbankan Islam di provinsi itu. (Republika, 14 April 2015).

4.6 Peranan pelaksanaan Syariat Islam dan UUPA Nombor 11 Tahun 2006

Pada masa kini, kehidupan masyarakat Aceh boleh dikatakan berada di bawah perlindungan syariat Islam dan UUPA dalam segala aspek sama ada dalam aspek duniawi mahupun ukhrawi. Pelaksanaan syariat Islam di Aceh berasaskan Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999 berhubung kait dengan “Keistimewaan Aceh”, Seksyen 1 ayat 8 menyebutkan bahawa keistimewaan adalah wewenang (kemudahan) khas untuk melaksanakan kehidupan sama ada beragama, pendidikan dan adat istiadat. Pelaksanaan syariat Islam diperkukuh dengan UU Nombor 18 Tahun 2001

tentang autonomi khas bagi rakyat Aceh untuk mengatur dan mentadbir urusan ekonomi, memanfaatkan sumber alam dan sumber daya manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Langkah berikutnya, bagi mengukuhkan pelaksanaan syariat Islam, maka digubal pula Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006 sebagai solusi perdamaian antara pihak kerajaan Indonesia dengan pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Arahan pelaksanaan syariat Islam ditetapkan dalam pasal 25 ayat 2 meliputi: ibadah, *Ahwal asy-Syakhsiyah*, muamalah, jenayah, peradilan, pendidikan, dakwah, syiar dan pembelaan Islam.

Di sisi lain, peranan UUPA yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Indonesia kepada Provinsi Aceh tersebut menjadi asas yang kukuh bagi memperkasakan syariat Islam secara menyeluruh kepada masyarakatnya dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, termasuk ekonomi seperti mana diuraikan dalam bab XXII ayat (1) mengenai pasal-pasal yang mengatur bidang perekonomian, menekankan agar perekonomian Aceh supaya mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat berasaskan nilai-nilai syariat Islam.

Dalam pada itu, pelaksanaan syariat Islam bukanlah sesuatu yang baharu dalam masyarakat Aceh, memandangkan kerajaan Islam di Aceh pada masa lalu telah memberi kesan terhadap pemahaman dan pengamalan ajaran Islam kepada masyarakat Aceh daripada semasa ke semasa. Masyarakat Aceh konsisten untuk melaksanakan syariat Islam dalam setiap aspek seperti ibadah, muamalah, perkahwinan dan warisan. Kesedaran dan pengamalan ajaran Islam tersebut seiring dengan kesedaran masyarakat dan telah menjadi adat (tradisi) serta diamalkan dalam kehidupan sehari-hari (Abubakar, 2008). Sebagai contoh, pada waktu kesultanan di

Aceh, telah dilaksanakan hukuman berasaskan ajaran Islam. Pada masa pemerintahan Sultan ke-13, Sultan Alauddin Riayat Syah al-Kahar (1537-1571 Masihi) telah dilaksanakan hukuman rejam terhadap penzina. Keterangan ini berdasarkan seorang pelancong India, Thahir Muhammad Sabzwari yang berkunjung ke Aceh pada tahun 1550M, beliau menceritakan bahawa dua orang dijumpai telah berzina, dengan status masing-masing telah menikah, maka dihadapkan kepada sultan, kemudian mereka dihukum dengan hukuman mati. Kedua orang itu dibawa ke alun-alun (lapangan luas), lalu direjam hingga mati (Nway, 2009). Seterusnya Raja Lingge XIV (Raja Daerah Lingge, Kabupaten Aceh Tengah sekarang) yang hidup sezaman dengan Sultan Alauddin Riayat Syah al-Kahhar (1537-1571M), menyatakan pernah dijatuhkan hukuman membayar diat 100 kerbau oleh Qadhi Malikul Adil (Hakim Agung Kesultanan) kerana terbukti dengan sengaja membunuh adik tirinya. Seterusnya, adalah tentang Sultan Iskandar Muda (1607-1675M) yang menjatuhkan hukuman rejam kepada Meurah Pupoe, anak kandungnya sendiri, calon putera mahkota kerana terbukti berzina dengan salah seorang isteri bangsawan di persekitaran istana (Abubakar, 2008).

Dalam perspektif sejarah, Aceh merupakan provinsi paling awal mendapat cahaya keislaman, pada ketika daerah lain masih mengamalkan animisme, dinamisme dan kepercayaan Hindu serta Buddha. Islam mula tersebar di Aceh pada abad pertama Hijrah, kemudian berkembang ke seluruh pelosok Nusantara. Kerajaan Islam yang pertama di Asia Tenggara ditubuhkan di Peureulak, di bahagian Timur Aceh pada 1 Muharam 225H. Raja yang pertama adalah Sultan Alauddin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah (840-864 Masihi), dengan ibu kota negaranya ialah Bandar Khalifah. Hukum yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah hukum bermazhab Syiah sehingga

tahun 306 Masihi. Namun sejak Sultan keempat, iaitu Sultan Makhdum Alauddin Malik Abdul Kadir Syah Jihan berdaulat (306-310H) dan seterusnya, ajaran Syiah telah diganti dengan Ahlu sunnah wa al jama'ah dengan pegangan dalam syariat bermazhab Imam Syafi'i (Ibrahim, 2004). Kerajaan Islam ini dalam perkembangannya kemudian dikenal sebagai Kerajaan Aceh Darussalam, dengan ibu kotanya ialah Bandar Aceh Darussalam. Sultan Ali Mughayat Syah adalah penguasa yang berhasil mengembangkan kekuasaan kerajaan Aceh Darussalam menjadi kerajaan yang luas, disegani lawan dan berjaya mempertahankan Aceh daripada serangan penjajah khasnya Portugis. Zaman kemuncak kemajuan kerajaan Aceh Darussalam dicapai pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1675M). Pada waktu itu wilayah kekuasaan Aceh mencakupi seluruh Provinsi Aceh, sebahagian Malaysia iaitu; Melaka, Perak, Pahang dan Pattani (selatan Thailand) serta sampai ke Kesultanan Deli (Sumatera Utara). Ketika mereka ditakluk, kepemimpinan mereka dipimpin keturunan uleebalang. Armada laut kerajaan Aceh Darussalam disegani oleh negeri-negeri di sekitar Lautan Hindi, Selat Melaka bahkan sampai ke Turki dan Cina. Aceh juga menjalin hubungan antarabangsa, baik hubungan perniagaan, diplomasi mahupun politik dengan negara Cina, India, Turki, Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan Arab (Ismail, 1997).

Mengambil kira penjelasan di atas, sepatutnya pemerintah Aceh membuat aturan dan pekeliling baru bagi membantu menjayakan pengamalan ajaran Islam secara sempurna untuk keperluan *ukhrawiyah* dan pekeliling dalam aspek ekonomi dan perbankan Islam untuk kepentingan *duniawiyah* seperti membangunkan infrastruktur perbankan Islam yang mesra bagi pelaburan untuk membantu memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.

4.7 Infrastruktur perbankan Islam Aceh

Diperhatikan dari segi peraturan, dapat diketahui bahawa infrastruktur dan undang-undang bagi perbankan Islam di bawah kerajaan Indonesia sudah dibuat bahkan sudah mengalami beberapa pengubahsuaian untuk memudahkan dan memperkasakan pelaksanaannya. Dalam pasal 34 ayat 1 Undang-Undang Nombor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Islam: “Bank syariah dan UUS wajib menerapkan tata kelola yang baik yang mencakupi prinsip *transparansi* (ketelusan), *akuntabilitas* (akauntabiliti), kebertanggungjawaban, profesional dan kewajaran dalam menjalankan kegiatan usahanya”.

Oleh itu, infrastruktur adalah kerangka institusi atau lembaga yang meliputi berbagai nilai (termasuk etos kerja), norma (khususnya yang telah dikembangkan dan ditetapkan menjadi peraturan hukum dan perundangan) serta kualiti perkhidmatan umum yang disediakan oleh pelbagai pihak berkaitan, khususnya pemerintah. Infrastruktur juga disebut sebagai prasarana, iaitu segala sesuatu yang merupakan tunjang utama tersusunnya suatu proses. Dalam konteks Aceh, infrastruktur dalam bentuk undang-undang perbankan Islam telah pun diperjuangkan oleh ahli parlimen dan gabenor sehingga diterbitkan kanun khas kepada Bank Syariah Aceh, terdiri daripada 21 bab dan 34 pasal. Selain itu, Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh (MPU) dalam pelbagai seminar telah pun mengeluarkan kemudahan untuk masyarakat agar melaksanakan urusan mereka melalui perbankan Islam.

Selanjutnya diterbitkan pula Peraturan Bank Indonesia Nombor 11/ 33 /Pbi/2009 tentang Pelaksanaan *Good Corporate Governance* bagi Bank Umum Syariah. Unit Usaha Syariah Pasal 2 ayat (1) PBI menjelaskan, bahawa seksyen 2 ayat 1, bank wajib

melaksanakan GCG dalam setiap kegiatan urusniaganya pada seluruh peringkat organisasi. GCG adalah konsep yang mengarahkan dan mengendalikan perusahaan agar mencapai keseimbangan sama ada kewenangan (kemudahan) perusahaan dalam memberikan pertanggungjawabannya kepada para *shareholder* khususnya, mahupun *stakeholder* pada amnya. Oleh itu, GCG merupakan suatu proses serta struktur yang digunakan untuk mengarahkan sekaligus mengelola perniagaan dan urusan perusahaan ke arah peningkatan pertumbuhan dan akauntabiliti perusahaan. (Peraturan Bank Indonesia Nombor 11/ 33 /Pbi/2009). Dalam kata lain, *Good Corporate Governance* (GCG) adalah suatu tata kelola bank yang menerapkan prinsip-prinsip keterbukaan (*transparency*), akauntabiliti (*accountability*), pertanggungjawaban (*responsibility*), profesional (*professional*) dan kewajaran (*fairness*). Dalam ajaran Islam, prinsip-prinsip yang terkandung dalam GCG menjadi prinsip penting dalam aktiviti dan kehidupan seorang Muslim. Islam sangat bersungguh menggalakkan untuk diterapkan prinsip '*adalah* (keadilan), *tawazun* (keseimbangan), *mas'uliyah* (akauntabiliti), *akhlaq* (moral), *shiddiq* (kejujuran), *amanah* (pemenuhan kepercayaan), *fathanah* (kecerdasan), *tabligh* (ketelusan, keterbukaan), *hurriyah* (kemandirian dan kebebasan yang bertanggungjawab), *ihsan* (profesional), *wasathan* (kewajaran), *ghirah* (berjustifikasi/militansi syari'ah), *idarah* (pengelolaan), *khilafah* (kepemimpinan), *aqidah* (keimanan), *ijabiyah* (berfikir positif), *raqabah* (pengawasan), *qiraah* dan *ishlah* (organisasi yang terus belajar dan selalu melakukan perbaikan).

Jadi, dengan penerapan GCG dan peraturan yang mengatur pelaksanaan GCG dalam industri perbankan Islam, maka selayaknya pengusaha perbankan Islam secara serius dan penuh komitmen melaksanakan konsep tersebut sebagai sebahagian daripada

strategi pembangunan perbankan Islam. Bank Indonesia juga perlu pembuat peraturan dengan menggunakan autoriti pengawasannya agar dapat memberikan penyatuan (akselerasi) penerapan GCG demi kepentingan *stakeholders* industri perbankan Islam.

4.8 Landasan infrastruktur bagi produk perbankan Islam

Landasan infrastruktur bagi produk perbankan Islam juga merupakan salah satu usaha untuk memperkasakan perbankan Islam di Aceh. Hal ini dapat dilihat dari proses membuat peraturan terhadap perbankan Islam nasional yang selama ini sudah menunjukkan perkembangan positif. Sejarah penting daripada kerangka penyusunan peraturan perbankan Islam dimulai pada tahun 1990 dengan penganjuran simposium MUI yang bersepakat untuk membangunkan perbankan Islam di Indonesia. Simposium MUI ini mendorong lahirnya UU Nombor 7 Tahun 1992 tentang perbankan yang memperkenalkan “bank pembahagian hasil”. Dengan aturan pelaksana PP Nombor 72 Tahun 1992 tentang bank berdasarkan Prinsip Bagi Hasil, maka lahirlah perbankan Islam pertama di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1992. Percubaan menggunakan *dual banking system*, iaitu gabungan bank Islam dan bank konvensional dalam satu bank di Indonesia mencapai kemuncaknya pada tahun 1998 dengan lahirnya UU Nombor 10 Tahun 1998 tentang perubahan UU Nombor 7 Tahun 1992 yang mengizinkan perbankan konvensional untuk membuka unit usaha syariah. Peraturan baharu ini memacu perluasan gerakan memperkasakan industri perbankan Islam nasional secara signifikan setelah mengalami kebekuan (stagnasi) selama lebih daripada tujuh tahun dan sekaligus secara rasmi menunjukkan penerimaan Bank Indonesia terhadap kewujudan bank syariah dalam sistem perbankan dual.

UU Nombor 23 Tahun 1999 tentang Bank Indonesia (BI) menegaskan tanggungjawab bank pusat untuk menguatkuasakan peraturan dan pengawasan sistem perbankan nasional termasuk bank syariah dan BPR syariah. Melalui Undang-Undang ini, Bank Kerajaan Indonesia (Bank Sentral) juga mendapat kemudahan untuk melakukan pengelolaan kewangan (moneter) berasaskan Islam. Tugas utama tersebut menegaskan bahawa Bank Kerajaan Indonesia berkewajipan mengembangkan bank Islam dengan menyusun ketetapan dan membuat infrastruktur yang sesuai dengan ciri-ciri bank syariah. Sokongan undang-undang inilah yang membolehkan tertubuhnya Pejabat Perbankan Islam di BI pada tahun 2001. Pada tahun 2004, statusnya dinaikkan menjadi Direktorat Perbankan Islam. Berasaskan landasan ini pula, BI memperkenalkan instrumen kewangan syariah pertama iaitu Sertifikat Wadiah Bank Indonesia (SWBI) pada tahun 1999. Pada tahun 2000, BI bergerak memperkenalkan Pasar Uang Antar Bank berdasarkan prinsip Islam. Peranan BI ini semakin diperkukuh dalam UU Nombor 3 Tahun 2004 yang menambahbaik UU Nombor 23 Tahun 1999. Pada tahun 2002, BI memperbaiki aturan tentang unit usaha syariah melalui PBI Nombor 4/1/PBI Tahun 2002 yang mengatur tentang: 1) penukaran bank konvensional menjadi bank syariah; 2) penukaran cawangan konvensional menjadi cawangan syariah; 3) penukaran pejabat kas (tunai) konvensional menjadi cawangan syariah; 4) pembukaan sub-cabang syariah di cawangan konvensional dan 5) pembukaan unit syariah di cawangan konvensional. Pada bulan Mac 2006, BI melancarkan dasar layanan syariah (*syariah office channeling*) melalui PBI Nombor 8/3/PBI Tahun 2006, iaitu mekanisme kerjasama untuk menghimpunkan dana sama ada antara pejabat cawangan syariah sebagai bank induk dengan pejabat cawangan konvensional bank yang sama. Peraturan ini kemudian disempurnakan melalui PBI Nombor 9/7/PBI Tahun 2007. Ketetapan pembukaan *office channeling* diperlonggar

dan fungsinya diperluas daripada hanya bertindak sebagai menghimpun dana kepada melakukan pembiayaan dan pelayanan Jasa Keuangan (upah/faedah). Ketetapan *office channeling* ini secara efektif telah memperluas jaringan cawangan dan meningkatkan taraf aset perbankan Islam.

Pengarah Direktorat Perbankan Islam Bank Indonesia (BI), Mulya Siregar berkata dalam akhbar Republika (18/5/2014) berbunyi, "kelengkapan infrastruktur merupakan tunjang dalam menghadapi cabaran bagi perbankan Islam dan ianya wajib dilakukan." Beliau menambahkan, infrastruktur yang harus disiapkan bagi memperkasakan perbankan Islam antara lain seperti kemudahan perkhidmatan bayaran dan aktiviti berkaitan dengan transaksi *real time* dengan teknologi yang memadai dan jaringan berintegrasi. "Itu merupakan salah satu modal utama dalam melayani keperluan pelanggan untuk mempertahankan dan meraih pangsa (bahagian) dalam pasaran perbankan Islam yang lebih besar". Selain itu, persiapan dan ketersediaan teknologi yang memadai dan jaringan berintegrasi amat perlu meskipun memerlukan sokongan dana yang banyak. Perbankan Islam di Indonesia masih relatif kecil dalam menyediakan dana untuk IT jika dibandingkan dengan dana yang digunakan oleh perbankan konvensional mahu pun perbankan Islam negara-negara jiran.

Pelbagai infrastruktur produk perbankan Islam seluruh Indonesia telah diterbitkan oleh institusi perbankan sama ada Bank Islam Muamalah, Bank Islam Mandiri dan Bank Syariah Aceh sebagai panduan mengurus niaga bagi masyarakat. Di antara infrastruktur terbaharu pada ketika ini adalah *sukuk* (bond).

4.9 Halangan pelaksanaan perbankan Islam

1. Kurangnya sokongan dari kerajaan

Ahmad (2000) dan Khan *et. al.* (2009) yang menjalankan kajian berkaitan halangan pelaksanaan perbankan Islam mendapati bahawa penyebab kerugian pembiayaan Islam adalah kerana kurangnya sokongan daripada kerajaan. Dalam kajian yang dilakukannya di Pakistan, mereka mendapati bahawa penglibatan pemilik bank konvensional dalam keputusan politik dan ekonomi nasional telah menjadi faktor kurangnya sokongan pihak kerajaan dalam menyokong pelaksanaan pembiayaan menerusi konsep Islam dalam kalangan masyarakat. Hasil kajian ini disokong oleh Alamsyah (2012), Ibrahim (2004) dan Khan dan Bhati (2008) yang menyatakan bahawa kurangnya sokongan kerajaan telah menimbulkan permasalahan dalam perkara-perkara berkaitan pengembangan pembiayaan Islam, kerangka kerja undang-undang dan peraturan, sistem, produk dan istilah perbankan Islam yang sangat kompleks ditambah pula dengan majoriti bank-bank Islam adalah kecil dan tidak mampu untuk dibangunkan secara bersendirian selain daripada kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kurang. Dengan proses R&D mereka yang terhad, bank-bank Islam bergantung sepenuhnya kepada alat dan sistem perbankan konvensional untuk menjalankan operasi seharian mereka seperti pengambilan sumber modal insan dalam industri perbankan Islam dan kakitangan perbankan Islam sebahagian besarnya diambil dari perbankan konvensional. Mereka tidak terlatih dan tidak ditekankan kepada pembelajaran dan pengamalan perbankan patuh Syariah. Mereka hanya berminat dalam menghilangkan kepentingan daripada operasi perbankan Islam tanpa menyedari matlamat sebenar di sebalik tujuan ini.

Di Indonesia, Setiawan (2003) menyebutkan bahawa undang-undang dan peraturan yang berlaku di bank Islam berjalan beiringan dengan bank konvensional. Namun sebenarnya peraturan dalam perbankan Islam masih berasaskan sistem sekular. Setelah penubuhan Bank Islam pertama tahun 1992, Bank Indonesia membentuk Jabatan Perbankan Islam yang berfungsi untuk mengatur dan mengawasi bank Islam, sama ada dalam aspek perbankan mahupun dari aspek Syariah. Meskipun sudah ada peraturan dari Jabatan Perbankan Islam mengenai operasi, perbankan Islam masih menggunakan peraturan berlandaskan perbankan konvensional kecuali dalam beberapa hal. Menurut buku perbankan Islam yang ditulis di Indonesia, bank Islam seharusnya memiliki Undang-undang Perbankan Islam yang bersifat memisahkan dan berbeza daripada Undang-Undang Bank Konvensional.

Selain itu, dasar bunga tinggi yang dikenakan oleh Bank Indonesia dijangkakan akan terus berlanjutan. Hal ini akan mendorong pada ketetapan tingginya suku bunga simpanan di bank umum. Menghadapi hal ini, perbankan Islam nasional ditekan untuk menyerap kenaikan suku bunga dengan menaikkan nisbah kepada pihak bank yang diharapkan akan meningkatkan kadar kebersamaan (*equivalent rate*) kepada pendeposit.

Di Aceh telah terjadi pelbagai permasalahan pelaksanaan perbankan Islam seperti dalam masalah perasmian bank Islam (Akhbar Serambi, 2016) oleh Otoritas Jasa Keuangan (OJK) pusat, OJK telah pun membuat penilaian kepatuhan dan kelayakan kepada lapan pejabat Bank Aceh pada 18-20 Julai 2016. Mereka kemudiannya akan ditempatkan dalam jabatan baru di Bank Aceh Islam. Tetapi jadual perasmian penukaran Bank Aceh dari sistem konvensional ke bank Islam yang telah disepakati 6 Ogos 2016, ternyata tidak terjadi. Perasmian itu tertunda disebabkan: ujian peralatan

informasi dan teknologi (IT) yang digunakan Bank Aceh Islam belum selesai sepenuhnya dialihkan daripada sistem konvensional sebelumnya kepada sistem syariah. “Oleh itu, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) belum mengeluarkan kebenaran operasional sistem Syariah untuk Bank Aceh,” meski para pemegang saham Bank Aceh iaitu gabenor dan 23 bupati/wali kota seluruh Aceh sudah sepakat menukar Bank Aceh dari sistem konvensional ke sistem Bank Islam, namun ternyata ada pihak yang belum boleh menerima perubahan sistem operasi Bank Aceh tersebut.

2. Pengetahuan masyarakat masih rendah

Mengkaji tahap–tahap pengetahuan masyarakat terhadap perubahan suatu fenomena yang terbit dalam kehidupan mereka seperti ilmu perbankan Islam memberi pengaruh besar terutamanya kepada bank. Dalam konteks ini Kamal *et. al.* (2004) menghuraikan bahawa pengetahuan masyarakat adalah kelompok agen yang berusaha menghasilkan dan mengubah pengetahuan yang diberikan untuk mencapai tahap kognisi sosial yang luas sama ada melalui hubungan interaktif mahupun unit-unit kerjaya. Seterusnya Awang (2007) menemukan bahawa pengetahuan mengenai Sistem Perbankan Islam (SPI) merupakan salah satu daripada skop ibadah dalam syariah dan adalah penting bagi meyakinkan umat Islam terhadap SPI. Penggunaan SPI adalah sebagai fardu kifayah perlu diketahui oleh setiap umat Islam.

Kajian Adiwarman dan Zaakaria (2005) mendapati bahawa masyarakat Indonesia umumnya masih rendah akan tahap pengetahuan mereka mengenai sistem perekonomian Islam yang diamalkan oleh perbankan Islam. Misalnya, anggota masyarakat masih beranggapan bahawa sistem bunga pada bank konvensional dan sistem pembahagian hasil pada perbankan Islam merupakan dua sistem yang sama, sehingga masyarakat lebih memilih bank konvensional kerana beranggapan lebih

berpengalaman dalam menjalankan operasi perbankan. Dapatan itu selari dengan Sina (2007) yang menyokong pendapat tersebut dan mendapati bahwa tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai khidmat perbankan Islam di Indonesia masih kurang terutama yang berkait dengan produknya.

Dari hasil temubual dengan responden (Syahrizal, KA-1; Zulkarnain, BI-2; dan Ermiadi, PA-1) berkait dengan halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh menyatakan beberapa perkara berikut: pemahaman masyarakat yang kurang tepat terhadap kegiatan operasi perbankan Islam; adanya perbezaan karakteristik produk bank konvensional dengan perbankan Islam telah menimbulkan keengganan bagi pengguna dalam menggunakan khidmat perbankan Islam, hal itu timbul kerana hilangnya faedah untuk mendapatkan keuntungan tetap berupa bunga wang simpanan, peraturan perbankan yang berlaku belum sepenuhnya menurut operasi perbankan Islam; jaringan cawangan perbankan Islam yang masih terhad dan sumber manusia yang memiliki kepakaran dalam perbankan Islam masih sedikit.

Maka, pemahaman tentang perbezaan antara perbankan Islam dengan bank konvensional berhubung dengan tahap pendidikan dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat akan mempengaruhi aktiviti mereka dalam menggunakan sesebuah bank kerana semakin tinggi tahap pendidikan dan pengetahuan, maka tahap pemikiran mereka akan semakin berkembang dalam menilai faedah yang diperolehi. Peterson dan Maiden (1993) serta Jennings dan Markus (1988) dalam kajian mereka di Amerika Syarikat mendapati bahawa penglibatan masyarakat untuk menerima sesuatu program bergantung kepada tahap pendidikan dan pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat selain umur dan jantina.

3. Kesukaran pelanggan dalam berurusan dengan sistem perbankan Islam

Dalam pemerhatian Hamidi (2003) di Jawa Barat, menyimpulkan bahawa bank Islam mempunyai beberapa fenomena negatif antaranya ialah transaksi yang belum jelas, keterangan maklumat dan sosialisasi masih kurang, jenis produk terhad, pekerja belum memahami tentang sistem syariah itu sendiri, kemudahan kurang lengkap, simpanan deposit yang sukar, jumlah maksimum pinjaman masih terbatas dan perhitungan bagi keuntungan kurang jelas. Keadaan ini selaras dengan kajian Etty *et al.* (2014) yang menyatakan masih kurangnya jumlah pelanggan perbankan Islam disebabkan jangkauan cawangan terhad sehingga susah membuat suatu akad. Sebagaimana diketahui, berdasarkan data Otoritas Jasa Keuangan (OJK) sehingga Disember 2013, total aset Bank Umum Islam (BUS) dan Unit Usaha Islam (UUS) mencapai RM 66 billion (Rp 233.12 trilion). Hanya 4.70 % sahaja dari total aset perbankan umum nasional sebanyak RM 141 Billion (Rp 4.954.46 trilion) (Laporan Bank Indonesia, 2014).

Halangan melanggan perbankan Islam turut disuarakan oleh Imam Mahfud dan Fajri di Aceh. Dalam temubual tersebut, mereka menyatakan bahawa, terdapat beberapa kekangan dalam melanggan dengan bank Islam, antaranya; pembiayaan modal terbatas, perhitungan bagi keuntungan meragukan, infrastruktur masih kurang, produk-produk hampir sama dengan perbankan konvensional dan risiko pengembalian keuntungan mengambil proses yang lama.

4.10 Rumusan

Bab ini membentangkan secara terperinci tentang perbankan dan proses memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh yang amalannya berasaskan konsep muamalah Islam seperti disebut dalam surah az Zuriyat ayat 51.

Pelaksanaannya disokong oleh pihak kerajaan Aceh dengan landasan syariat Islam yang didokong oleh UUPA 2006, peraturan-peraturan serta infrastruktur bagi menghasilkan penerimaan masyarakat Aceh terhadap perbankan Islam dalam kehidupan mereka. Seterusnya juga menghuraikan kekangan bagi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia. Infrastruktur dan hal-hal yang berkaitan dengannya telah pun dibincangkan dan ianya amat penting bagi menjalankan urusan perbankan. Dalam bab kelima selepas ini akan membentangkan dapatan kajian berkaitan aspek-aspek untuk memperkasa dan memperkukuhkan pelaksanaan perbankan Islam menerusi data kualitatif.



BAB LIMA

DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Sebagaimana yang diperjelaskan dalam bab metodologi, kajian ini melaksanakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data menerusi temubual pakar atau responden yang berkait dengan perbankan Islam dan mendapatkan persepsi masyarakat terhadap proses memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh. Temubual dilakukan terhadap 10 orang responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan Aceh, usahawan, ulama, pihak perbankan Islam dan ahli parlimen Aceh.

Sepuluh orang responden yang ditemubual adalah seperti berikut:

Jadual 5.1
Senarai responden

No.	Code Responden	Nama Responden	Tarikh/ masa Temu Bual	Tempat Berkhidmat
01	KA-1	Prof. DR. Syahrizal Abbas. / 081360065482	27 Januari 2014 11.00-11.45	Pejabat Kerajaan Pemerintahan Syariat Islam
02	KA-2	Tgk. H.M.Daud Zamzami	26 Januari 2014 14.00-15.30	Pejabat Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh
03	UL-1	Tgk. Yusuf Qardhawi, S.HI.,M.Hum / 081360754594	29 Januari 2014 12.00-12.45	Sekretariat Ikatan Sarjana Alumni Dayah Aceh
04	UL-2	H. Irmawan, S.Sos., MM / 082162343434	17 Februari 2014 20.00-21.10	Gedung Parlemen Aceh
05	US-1	Imam Mahfudh, SH/ 08116803137	29 Januari 2014 14.00-15.00	Direktur HIPMI Aceh. Pejabat PT. Putra Nisa Pratama Development
06	US-2	Fazri Mulia, SE/ 08126923282	29 Januari 2014 09.00-09.40	Pejabat Master Tech. Banda Aceh

07	PA-1	Ermiadi, ST / 081360555008/Partai	17 Februari 2014 18.30-20.25	Rumah Dinas Parlemen Aceh
08	PA-2	Nourman Hidayat / 082117316559	28 Januari 2014 14.30-15.35	Pejabat Gedung Parlemen Aceh
09	BI-1	Haizir Sulaiman S.H.	10 Sept.2013 11.15-12.10	Ruang Kerja Direktur BPD Aceh Syariah
10	BI-2	Zulkarnain SE	10 Ogos 2013 14.00-13.25	Ruang Meeting Bank Muamalah Aceh

Catatan: KA=Kerajaan Aceh, UL= Ulama, US= Usahawan, PA= Parlemen Aceh, BI= Bank Islam

5.1 Dapatan kajian temubual

Perbankan di Aceh memang telah lama wujud namun hanya tertumpu kepada perbankan konvensional. Ini adalah seperti mana yang dinyatakan dalam petikan temubual berikut.

Petikan:

[...sebelum ada bank Islam, bank konvensional sudah lama beroperasi di Aceh iaitu setelah Indonesia merdeka pada tahun 1945 yang menjadi perusahaan untuk masyarakat pribumi. Di awal kemerdekaan, bank itu menjadi tumpuan di Indonesia. Masyarakat Indonesia termasuk Muslim dan non-Muslim harus memilih bank konvensional sebagai satu-satunya pilihan. Pemerintah Aceh telah berusaha bagi pengembangan, pelaksanaan dan memperkasakan Bank Islam Aceh berasas pada regulasi undang-undang perbankan Islam tahun 1998, hasil daripada pelbagai seminar dan pendidikan tentang sistem ekonomi Islam di lembaga pendidikan tinggi kerajaan, swasta dan sosialisasi para pemangku kepentingan serta para *stakeholder*. Dengan perancangan bagi memperkasakan bank Islam, maka ditubuhkanlah bank Islam pertama pada tahun 1992 iaitu Bank Perkereditan Rakyat Syariah (BPRS) Hareukat. Seterusnya ditubuhkan pula Bank Muamalat dan Bank Mandiri Syariah pada tahun 2005 dan *window syariah* seperti pada BPD, BRI dan BNI].

Sumber: Syahrizal, (KA-1-24 Januari 2014).

Tahap perkembangan perbankan Islam di Aceh didapati masih terkebelakang atau kurang maju berbanding dengan perkembangan perbankan konvensional. Ini dapat diperhatikan dari petikan-petikan temualbual berikut.

Petikan pertama:

[..Perkembangan pelaksanaan Bank Islam masih kurang maju kerana terdapat kepayahan dalam pemindahan konseps normatif kepada konseps praktik pada bank untuk menghindar daripada kesalahan. Selain itu, bank Islam masih kurang kemudahan ATM di peringkat daerah dan internasional.].

Sumber: Daud Zamzami (KA-2 – Tarikh 27-1-2014)

Petikan kedua:

[...bank Islam masih kurang maju kerana terdapat kesukaran dalam transaksi seperti pemindahan wang. Selain itu, bank Islam masih kurang kemudahan ATM baik dalam mahupun luar negara.]

Sumber: Fazri Mulia (US-2-Tarikh 29-1-2014)

Petikan ketiga:

[...pelaksanaan bank Islam amat perlahan kerana kemudahan dan infrastrukturnya masih kurang, modalnya pun terbatas sehingganya jumlah pembiayaan rendah dibandingkan bank konvensional.]

Sumber: Irmawan (UL-2- Tarikh 17-2-2014).

Petikan keempat:

[...Sehingga kini pelaksanaan perbankan Islam di Aceh masih kurang memberangsangkan kerana ekonomi masyarakat yang masih lemah pasca konflik dan tsunami yang melanda.]

Sumber: Nourman (PA-2- Tarikh 28-1-2014).

Rumusan yang jelas dapat dibuat dari petikan-petikan di atas ialah pemeraksanaan pelaksanaan bank Islam dan pembiayaannya kepada masyarakat di Aceh pada masa kini masih di peringkat kurang memuaskan. Dapatan ini menunjukkan perbankan Islam di Aceh masih di peringkat awal dan perlu dipertingkatkan dan diperkasakan dengan mengambilkira isu-isu berkaitan perbankan seperti isu-isu konsep pelaksanaan, transaksi yang efisien, kemudahan infrastruktur, modal dan keadaan ekonomi penduduk di Aceh, terutamanya keadaan pasca konflik dan tsunami.

Berdasarkan kepada konstruk yang menerangkan pelaksanaan perbankan Islam dan seterusnya proses memperkasakan bank Islam di Aceh, maka untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, dapatan kajian dikategorikan dalam komponen berikut;

- a. Dapatan mengenai langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam.
- b. Dapatan mengenai kesediaan (penerimaan) masyarakat Aceh tentang perbankan Islam.
- c. Dapatan mengenai halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.

5.1.1 Dapatan mengenai langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan

Perbankan Islam

Keterbukaan, kehendak dan keperluan kepada perbankan Islam di Aceh yang menyentuh tentang tadbir urus dan usaha pemerintah tentang perbankan Islam di Aceh diperlukan dalam mencapai objektif utama iaitu “Mengenalpasti pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam”. Ini perlu dalam mengaitkan keterbukaan terhadap perbankan Islam di Aceh oleh pemerintah dan melibatkan mereka yang merupakan kunci kepada kejayaan menubuhkan perbankan Islam di mana-mana negara.

Dapatan-dapatan kualitatif ini diperlukan untuk menyokong proposisi yang dinyatakan dalam bab tiga iaitu.

Proposisi 1: Kerajaan Aceh mempunyai langkah-langkah yang proaktif dalam memperkasakan perbankan Islam di seluruh wilayah di Aceh.

Perkembangan tentang kehendak dan keperluan pemerintah pada masa ini terhadap perbankan Islam di Aceh dapat dirumuskan berdasarkan petikan-petikan maklumat melalui temubual dari responden terpilih, mereka semua bersepakat, seperti berikut;

Petikan pertama:

[...Langkah-langkah dalam pengembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh telah digerakkan pihak pemerintah kerajaan dengan wujudnya Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh berasaskan undang-undang nombor 44 tahun 1999 berhubung kait dengan “Keistimewaan Aceh”.]

Sumber: Semua Responden.

Petikan ini dinyatakan untuk menunjukkan bahawa kerajaan Aceh telah mengambil tindakan dan langkah awal dalam memperkasakan atau memberi perhatian kepada perbankan Islam, dengan adanya syariat Islam di Aceh yang bermula pada tahun 1999. Namun begitu, ini adalah agak kebelakang (lambat bermula) jika dibandingkan dengan pelaksanaan perbankan di peringkat antarabangsa, misalnya di Malaysia di mana perbankan Islam telah pesat berkembang pada masa ini.

Petikan kedua:

[...Pelaksanaan syariat Islam diperkukuh dengan UU Nombor 18 Tahun 2001 tentang autonomi khas bagi rakyat Aceh untuk mengatur dan mentadbir urusan ekonomi, memanfaatkan sumber alam dan sumber tenaga manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Bagi mengukuhkan pelaksanaan syariat Islam adalah diterbitkan Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006.]

Sumber: Semua Responden.

Maklumat ini menunjukkan satu keadaan yang unik di mana kerajaan Aceh memperolehi kelulusan khas dalam bentuk autonomi untuk menjalankan urusan pentadbiran negeri. Keadaan di Aceh pada masa ini mungkin mempercepatkan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, walaupun keadaan politiknya berkemungkinan melambatkan pelaksanaan perbankan Islam. Namun begitu, kerajaan

Aceh telah pun menggubal dan menerbitkan undang-undang Pemerintah Aceh pada tahun 2006.

Petikan ketiga:

[...Arahan pelaksanaan syariat Islam ditetapkan dalam pasal 25 ayat 2 meliputi iaitu: ibadah, ahwal asy-syakhsyah, muamalah, jinayah, peradilan, pendidikan, dakwah, syiar dan pembelaan Islam. Aspek ekonomi dihuraikan dalam bab XXII ayat (1) mengenai pasal-pasal yang mengatur bidang perekonomian, mengamanatkan agar perekonomian Aceh dijalankan untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat berasaskan nilai-nilai syariat Islam.]

Sumber: Semua Responden.

Informasi ini menunjukkan kehendak pemerintah untuk melaksanakan sesuatu aktiviti mengikut Syariah Islam atau sebaliknya. Ianya menunjukkan isu-isu perekonomian Aceh ditetapkan berlandaskan syariat Islam untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Ketiga-tiga petikan di atas diperlukan untuk menyokong proposisi yang kerajaan Aceh sediada adalah proaktif dalam melaksanakan perbankan Islam. Walaupun begitu, didapati kerajaan Aceh hanya memulakan pelaksanaan perbankan Islam apabila keadaan politik bertambah baik. Ianya bermula sejak tahun 1999 dan diperkukuhkan dalam tahun 2006.

Tadbir urus dan usaha kerajaan juga dapat dilihat dari kawalan pelaksanaan perbankan selain dari polisi yang digubal. Kerajaan di Aceh memberi perhatian kepada Majlis Ulama di Aceh yang merupakan badan yang berpengaruh di kalangan penduduk Aceh. Sebagaimana yang dinyatakan, ini adalah keadaan yang sama di seluruh Indonesia di mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa amat diambil berat oleh penduduk di Indonesia.

Dalam kes kajian ini, fatwa di mana Majlis Fatwa Nasional iaitu Majlis Ulama Indonesia telah menfatwakan supaya umat Islam tidak menggunakan perkhidmatan bank konvensional kerana ianya mengandungi unsur riba sebagaimana dalam keputusan No. 1 Tahun 2004 (Buku Saku Perbankan Islam, 2005). Di Aceh, peraturan daerah tahun 2000 dan pasal 125 UUPA tahun 2006 mengenai pelaksanaan syariat Islam semestinya merupakan satu arahan yang mesti dipatuhi secara keseluruhannya oleh masyarakat Aceh, khasnya berkaitan dengan pembiayaan perekonomian berlandaskan syariat Islam.

Ini menunjukkan polisi tentang perbankan Islam telah dirangka dan dipersetujui oleh pemerintah di Aceh sejak tahun 2005-2006. Yang menjadi persoalan dalam kajian ini ialah dari segi proses memperkasakan perbankan Islam di Aceh. Walaupun polisi telah lama wujud tetapi pemeraksaannya masih di belakang.

Dilihat dari langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan Aceh berdasarkan UUPA dan syariat Islam daripada sudut penyediaan infrastruktur, dasar-dasar mesra pelaburan, pakej-pakej penyertaan pelabur bagi membantu memperkasakan perbankan Islam, didapati bahawa responden-responden terpilih memberikan jawapan yang hampir sama terhadap soalan tersebut, iaitu seperti petikan-petikan seterusnya.

Petikan pertama:

[...Semua institusi Islam baik bank mahupun non bank itu termasuk ke dalam cakupan Undang-undang Republik Indonesia Nomor 11 tentang Pemerintah Aceh Tahun 2006 Bab XVII pasal 125, UUPA.]

Sumber: Syahrizal, (KA-1-Tarikh 27-1-14)

Petikan kedua:

[...Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 11 tentang Pemerintah Aceh Tahun 2006 Bab XVII pasal 125, berkait dengan penerapan syariat Islam di Aceh, ini

menjadi dasar yang kuat bagi perkembangan perbankan Islam di Aceh. Semua perbankan Islam di Aceh harus tunduk pada UUPA, namun semua itu harus ada kanun yg mengaturnya.]

Sumber: Yusuf, (UL-1-Tarikh 29-1-2014)

Petikan ketiga:

[...Dengan jelas bahawa dalam Undang-undang Republik Indonesia Nomor 11 tentang Pemerintah Aceh Tahun 2006 Bab XVII pasal 125, huraiananya berkait dengan penerapan syariat Islam di Aceh, sehingga lembaga Islam baik bank mahupun non bank itu termasuk ke dalam cakupan UUPA.]

Sumber: Fazri, (US-1-Tarikh 29-1-2014)

Soalan yang menjurus kepada perbankan Islam di Aceh berhubung kait dengan meningkatkan tahap kefahaman undang-undang pasal 125 UUPA. Daripada pelbagai jawapan responden, mereka bersetuju bahawa Undang-undang Republik Indonesia Nomor 11 tentang Pemerintah Aceh Tahun 2006 Bab XVII pasal 125, huraiananya berhubung kait dengan institusi perbankan Islam mahupun bukan bank itu termasuk ke dalam cakupan UUPA.

Seterusnya, bagaimana perbankan Islam dihebahkan kepada masyarakat, dalam erti kata bagaimana produk difahamkan kepada masyarakat dalam kerangka syariat Islam dan UUPA? Petikan-petikan berikut diperolehi. Ianya adalah dalam bentuk kefahaman responden mengenai bagaimana produk perbankan Islam difahamkan kepada masyarakat dalam kerangka syariat Islam dan UUPA.

Petikan pertama:

[...Banyak masyarakat yang kurang faham tentang perbezaan bank Islam dan bank konvensional. Untuk itu, perlu didikan kepada masyarakat Aceh secara meluas lebih-lebih lagi dalam menjadikan syariat Islam dan UUPA sebagai landasan dan falsafah hidup mereka.]

Sumber: Irmawan, (UL-2-Tarikh 17-2-2014).

Petikan kedua:

[...Bank Islam harus menjelaskan kepada masyarakat bahawa bank Islam dinaungi oleh kerajaan Republik Indonesia dan perintah Aceh dengan kerangka ekonomi Islam. UUPA pasal 125 mempunyai hubungan yang sangat erat dengan perbankan Islam bahkan undang-undang ini sebagai aturan dan sumber rujukan utama bagi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.]

Sumber: Daud Zamzami, (KA-2- Tarikh 26-1-2014)

Petikan ketiga:

[...Memerlukan sosialisasi terus menerus dan lebih kuat daripada apa yang selama ini dibuat, sehingga konsep daripada bank Islam itu yang mengutamakan tolong menolong (*ta'awun*) dapat diamalkan memandangkan hanya segelintir masyarakat yang bersedia untuk tolong-menolong dalam aktiviti bisnes.]

Sumber: Fazri, (US-2-Tarikh 29-1-2014)

Ketiga-tiga petikan di atas menunjukkan langkah kerajaan Aceh memberi kefahaman kepada masyarakat. Masyarakat juga dilihat memberi tindak balas positif atas konsep dan sistem perbankan Islam. Namun usaha berterusan perlu dalam memberi penerangan dan kefahaman dalam bingkai syariat Islam dan UUPA sama ada melalui sosialisasi, pendidikan, seminar dan iklan pelbagai media.

Bagi menunjukkan langkah-langkah kerajaan dalam memperkasakan perbankan Islam selaras dengan UUPA dan syariat Islam serta bagi menyokong proposisi kerajaan yang proaktif dalam menjalankan langkah-langkah tersebut ke arah yang lebih positif, petikan-petikan ini dikemukakan.

Petikan pertama:

[...Untuk menjayakan pengembangannya, pihak kerajaan Aceh perlu membuat kerjasama dengan pelbagai pihak dalam jajarannya. Seterusnya menyokong modal kerja perbankan Islam. Gaji kakitangan kerajaan dibayar menerusi perbankan Islam. Mendidik kader dan ulama menggunakan pembiayaan syariah. Mendorong usaha OJK(Otoritas Jasa Keuangan) untuk terus mensosialisasikannya. Dan yang harus dilakukan pada masa depan oleh bank Islam adalah melakukan pula sosialisasi secara teratur dan menyediakan kemudahan yang bagus serta menawarkan program-program yang boleh menarik pelanggannya. Lebih-lebih lagi kegiatannya berhubung kait dengan pelaksanaan syariat Islam dan UUPA.]

Sumber: Ermiadi, (PA-1-Tarikh 17-2-2014).

Petikan kedua:

[...Hendaknya pemerintah Aceh bersemangat terhadap pengembangan perbankan Islam kerana masyarakatnya majoriti beragama Islam dan tata kehidupan mereka pun telah diatur dalam UUPA, jadi mudah dalam mengatur langkah-langkah seperti membuka jurusan perbankan Islam di perguruan tinggi baik negeri mahupun swasta, menjadikan bank Aceh sebagai bank Islam serta menyertai modalnya, selain itu membuat kanun berkaitan. Mengarahkan kakitangan kerajaan menjadi pelanggan dan pembayaran gaji mereka melalui bank ini. Seterusnya menggerakkan latihan perbankan Islam daripada pelbagai sumber.]

Sumber: Fazri, (US-2-Tarikh 29-1-2014).

Petikan ketiga:

[...Demikian juga pemerintah Aceh telah mengeluarkan Undang-undang Republik Indonesia Nombor 11 tentang Pemerintah Aceh Tahun 2006 Bab XVII pasal 125, berhubung kait dengan penerapan syariat Islam di Aceh dalam seluruh aspek kehidupan mereka, seterusnya fatwa MUI dan MPU Aceh telah mengarahkan pengamalan bank-bank Islam. Menubuhkan Bank Aceh menjadi Bank Aceh Syariah diseluruh wilayah kerajaan Aceh dengan sokongan modal serta meminta kakitangan mengambil gaji melaluinya. Perlu latihan sistem ekonomi dan perbankan Islam kepada masyarakat dipelbagai tahap.]

Sumber: Nourman, (PA-2 Tarikh 28-1-2014).

Petikan keempat:

[...usaha kerajaan Aceh bagi pelaksanaan perbankan Islam sangat bagus. Bank Islam ini perlu seiring dengan keadaan Aceh yang majoritinya adalah Muslim. Parlimen dan Pemda aktif menyokong dan memperkasakan perbankan Islam di Aceh. Salah satu keunikan yang dimiliki oleh bank-bank Islam adalah mereka tidak memberikan bunga tapi memberikan hasil. Parlimen Aceh telah membuat SOP sama ada Bank Aceh mahupun Bank Islam Aceh serta telah disubsidi oleh pemerintah.]

Sumber: Nourman, (PA-2 Tarikh 28-1-2014).

Petikan kelima:

[...sejak pemerintahan Aceh dipimpin gabenor Ibrahim Hasan 1990. Pemerintah telah berusaha menyusun langkah-langkah bagi perkembangan perbankan Islam di Aceh sehingga ditubuhkan bank Islam pertama di Aceh pada tahun 1992 iaitu bank BPRS. Seterusnya, kewujudan perbankan Islam semakin menarik minat masyarakat Aceh, hal ini ditunjukkan dengan laporan perkembangan prestasi yang menggembirakan. Usaha pelaksanaan perkembangan perbankan Islam sangat bagus. Bank Islam ini seiring dengan keadaan budaya Aceh. Salah satu keunggulan bank-bank Islam adalah konsep ketelusan akad mudharabah (bagi hasil), yang tidak dimiliki oleh bank-bank konvensional. Pemeraksanaan perbankan Islam diterima oleh masyarakat Aceh. Buktinya sekarang banyak bank-bank konvensional di Aceh membuka unit usaha syariah. Ini menjadi penunjuk bahawa kehadiran bank Islam di Aceh boleh membantu perkembangan ekonomi masyarakat.]

Sumber: Yusuf, (UL-01 Tarikh 29-1- 2014).

Petikan keenam:

[...Parlimen Aceh bersama-sama gabenor terus berusaha membantu pengembangan perbankan Islam agar perekonomian rakyat terus meningkat melalui pelbagai cara terutama dengan melaksanakan dan memperkasakan lembaga kewangan seperti bank Islam, memandangkan rakyat tidak cukup modal untuk berniaga. Sudah menjadi kecenderungan sejak tahun 2008 apabila banyak perbankan Islam menjadi contoh ikutan, namun bank Islam di Aceh sangat berkait dengan kestabilan politik sosial di Aceh.]

Sumber: Nourman, (PA-2- Tarikh 28-1-2014).

Daripada petikan-petikan di atas, responden berpendapat bahawa pemerintah Aceh telah melakukan dan menjalankan langkah-langkah bagi memperkasakan perbankan Islam di Aceh meliputi penyediaan infrastruktur, sosialisasi, seminar, membuka jurusan ekonomi dan perbankan Islam di universiti, berbincang dengan *stakeholder* untuk menubuhkan lebih banyak bank Islam dan mengubah Bank Aceh konvensional menjadi Bank Aceh Syariah.

Secara amnya, perancangan dan persediaan bank Islam untuk memasuki pasaran Aceh boleh dirumuskan dari beberapa petikan temubual berikut.

Petikan pertama:

[..bank-bank Islam telah mensyorkan agar pelbagai kerajaan provinsi di seluruh Indonesia menubuhkan perbankan Islam kerana pemerintah telah mengeluarkan undang-undang seperti UU Nombor 7/1992 tentang sistem operasi bagi hasil bagi bank dalam menjalankan bisnesnya. Pada tahun 1998 menerusi UU Nomor 10/1998 satu lagi dasar operasi perbankan Islam iaitu berhubungkait dengan *duel banking system*. Seterusnya undang-undang lainnya dikeluarkan oleh Bank Indonesia bahawa Unit Usaha Islam dibenarkan menjadi bank unit Islam tersendiri...]

Sumber: Syahrizal, (KA-1-Tarikh 27-1-2014).

Petikan kedua:

[..sememangnya bank-bank Islam menyokong sepenuhnya agar perbankan Islam terus berkembang di wilayah lain diseluruh Indonesia, seperti bank Muamalat sebagai salah satu bank Islam pertama yang melatih bank Islam di Aceh diawal penubuhan bank Haurekat Lambaro Aceh Besar..]

Sumber: Daud Zamzami, (KA-2 Tarikh 26-1-2014).

Petikan ketiga:

[..selain bank Islam Indonesia yang ikut terlibat dalam dalam memasuki pasaran di Aceh. UUPA Tahun 2006 pula mengarahkan agar pelbagai aspek kehidupan masyarakat Aceh mesti dijalankan berasas syariat Islam tidak berkecuali ibadah mahdhah (seperti Shalat dan sebagainya) tetapi ikut juga ibadah ghairu mahdhah (seperti hubungan muamalah sesama masyarakat dalam bidang perekonomian Islam dan lainnya]

Sumber: Yusuf, (UL-1—Tarikh 29-1- 2014).

Didapati dari ketiga-tiga petikan di atas, bank-bank Islam mula menubuhkan cawangan mereka setelah kerajaan di Aceh membuka jalan kepada mereka untuk beroperasi dengan adanya undang-undang yang berkaitan. Namun begitu, sokongan mereka untuk memulakan operasi di Aceh bukanlah bermotifkan keuntungan semata-mata, namun lebih menfokuskan kepada kehidupan masyarakat Aceh berlandaskan syariat Islam.

Secara amnya, pihak perbankan Islam menyatakan perkembangan perbankan Islam di Aceh berada di peringkat pertumbuhan yang didokong sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat. Ianya adalah selaras dengan keperluan dan kehendak masyarakat di Aceh yang majoritinya adalah orang-orang Islam. Petikan-petikan seterusnya yang diperolehi semasa temubual, seperti berikut:

Petikan pertama:

[...melihat keterujaan masyarakat menerima perkembangan perbankan Islam, pada masa hadapan Bank Pembangunan Daerah Aceh berusaha menukar seluruh cawangan BPD Aceh menjadi BPD Aceh Islam dengan melibatkan pelbagai pihak terutamanya Gabenor dan parlimen Aceh bagi memperkasakannya sehingga pelaksanaan terus berkembang.]

Sumber: Haizir, (BI-1, Tarikh, 10-9-2013).

Petikan kedua:

[...Bank Muamalat dan kerajaan Aceh telah membuat perancangan bagi memperkasakan perbankan Islam sehingga mencapai kemajuan dalam perkembangannya sejak beroperasi di Aceh, hal ini dapat diperhatikan terhadap pengusaha terutama pengusaha rasional yang mendapat ramai pelanggannya.]

Sumber: Zulkarnaen, (BI-2, Tarikh 10-8-2013)

Walaupun begitu, pihak bank Islam dilihat kurang proaktif. Ini dijelaskan dari petikan dari pihak bank yang menyatakan terdapat bank Islam yang ikut sama menubuhkan cawangan di Aceh dengan bekerjasama di antara mereka. Bank ini lebih kepada mengikut bank lain yang memulakan penubuhan, bukannya sebagai bank pendahulu seperti membuka cawangan di kawasan baru atau bank pelopor di mana-mana kawasan. Ini boleh dikesan dari petikan berikut.

Petikan ketiga:

[..sebagai pengusaha telah menyaksikan bahawa bank-bank Islam lainnya ikut mendorong pengembangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh. Mereka selalunya bekerja sama dalam mengembangkan produk perbankan Islam]

Sumber: Fazri, (US-2- Tarikh 29-1-1014).

Bank Islam yang beroperasi di Aceh boleh dikatakan menghadapi perbagai isu dan masalah. Namun begitu, pihak bank telah bekerjasama dan mendapat bantuan dari pakar, ulama dan pemerintah untuk menangani isu-isu yang timbul. Ini memberi gambaran yang perancangan dan kehendak kepada penubuhan perbankan Islam di Aceh dipengaruhi bukan sahaja dari pihak dalam bank tetapi dari persekitaran di Aceh iaitu dari pakar di Aceh, ulama dan pihak kerajaan. Maklumat ini diperolehi dari petikan berikut.

Petikan keempat:

[..saya sebagai kakitangan perbankan Islam Aceh selalu mendapat nasihat bagi menghadapi pelbagai isu yang dihadapi daripada bank-bank Islam dari seluruh Indonesia. Selain itu, kami daripada perbankan Islam Aceh mendapat pula nasihat pakar, ulama, dan pemerintah Aceh sendiri bagi menjayakan perbankan Islam di seluruh Aceh..]

Sumber: Zulkarnaen, (BI-2-Tarikh 10-8-2014)

Daripada pelbagai jawapan responden, pihak bank Islam berpendapat bahawa mereka percaya bank-bank Islam di Indonesia turut melibatkan diri bagi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh memandangkan pelbagai undang-undang telah disediakan sehingganya di Aceh telah beroperasi perbankan Islam dengan pelbagai produknya.

Berdasarkan temubual juga, penglibatan bank Islam di Aceh masih belum di peringkat ‘tinggi’ memandangkan isu berkaitan kekurangan model dan fasiliti masih ketara. Ini dapat dilihat dari petikan-petikan berikut;

Petikan kelima:

[...Pengetahuan produk berbahasa Arab masih kurang. Modal masih kurang akibatnya pembiayaan juga kurang padahal masyarakat banyak berminat mendapatkannya. Kantor dan ATM masih terbatas.]

Sumber: Zulkarnaen, (BI-2-Tarikh 10-8-2014).

Petikan keenam:

[...Sumber tenaga manusia dan modalnya masih terbatas. Tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat masih rendah berkait sistem dan produk yang ditawarkan. Seterusnya masyarakat yang mampu menggunakan bank juga rendah dan cawangan di wilayah masih kurang.]

Sumber: Haizir, (BI-1-Tarikh 10-9-2013).

Berdasarkan petikan-petikan di atas, perkembangan perbankan Islam belum boleh dirumuskan sebagai berada di peringkat ‘matang’. Hal ini bercanggah dengan andaian proposisi mengenai pihak bank Islam merancang dan melaksanakan perbankan Islam di Aceh dengan aktif dan menyediakan semua kemudahan yang diperlukan untuk berada setanding dengan perbankan konvensional. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk menyokong fakta yang menunjukkan proses pemeraksanaan perbankan Islam di Aceh setanding dengan di tempat lain selain maklumat yang menunjukkan cawangan perbankan Islam di wilayah-wilayah masih lagi kurang.

5.1.2 Dapatan mengenai kesediaan (penerimaan) masyarakat Aceh tentang perbankan Islam

Informasi dalam seksyen ini perlu untuk menjawab proposisi kajian iaitu:

Proposisi 2: Masyarakat Aceh mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang tinggi terhadap penerimaan perbankan Islam.

Dari temuduga yang dijalankan, petikan berikut menggambarkan kesedaran dan minat masyarakat Aceh tentang perbankan Islam.

Petikan pertama:

[...keberadaan perbankan syariah semakin menarik minat masyarakat Aceh di mana hal ini ditunjukkan dengan perkembangan prestasi mereka. Perkembangan pelaksanaan ekonomi syariah khususnya bank Syariah di Aceh memasuki masa pertumbuhan kerana sokongan penuh daripada pemerintah bagi memperkasakannya melalui Bank Indonesia dan institusi pendukung lainnya seperti Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Dewan Syariah Nasional.].

Dalam menentukan kesedaran masyarakat di Aceh dalam menerima dan terlibat dalam perbankan Islam, informasi dari mereka diperolehi dengan menyenaraikan faktor-faktor penting hasil dari perbincangan dengan kumpulan masyarakat yang terlibat.

Pertama, masyarakat menerima perbankan Islam disebabkan faktor agama, tiga pernyataan utama berikut disenaraikan bagi kumpulan-kumpulan temubual yang terpilih.

Pernyataan kumpulan 1

- i. Berpegang teguh kepada ajaran Islam adalah sesuatu yang BUKAN ekstrim.
- ii. Menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah tugas yang dituntut.

- iii. Zakat dibayar apabila cukup syarat setiap tahun

Sumber: kelompok Desa Ilie, Banda Aceh

Penyataan kumpulan 2

- i. Berpegang teguh kepada ajaran Islam adalah sesuatu yang BUKAN ekstrim.
- ii. Menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah tugas yang dituntut.
- iii. Zakat dibayar apabila cukup syarat setiap tahun.

Sumber: kelompok Desa Lambhuk, Banda Aceh

Penyataan ini diperlukan untuk menunjukkan yang masyarakat Aceh berpegang kepada ajaran Islam dan ini juga menunjukkan yang mereka bersedia untuk menerima sistem perbankan Islam di Aceh.

Di antara keperluan asas yang dinyatakan semasa temubual untuk memudahkan penerimaan masyarakat tentang faktor-faktor pemilihan bank. Senarai berikut diperolehi dari temubual yang telah dijalankan.

- i. Keperluan kepada tempat letak kereta yang mudah
- ii. Lokasi bank yang mudah dan berhampiran dengan lokasi kediaman
- iii. Kemudahan dalam prosedur dan cara pinjaman
- iv. Maklumat dari bank dengan menyalurkan brosur mengenai sistem kerja di bank
- v. Adanya sistem komputer di bank secara menyeluruh
- vi. Pengetahuan yang transaksi di bank diuruskan mengikut syariat Islam
- vii. Adanya cawangan atau mesin keluarkan wang di pusat perniagaan.

viii. Promosi dari sahabat dan kawan-kawan untuk menyimpan dalam bank Islam.

Daripada senarai yang dibincangkan semasa temubual dengan masyarakat tentang pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, mereka bersetuju tentang perkara-perkara berikut.

- i. Melaksanakan sistem Islam adalah sebahagian daripada ajaran Islam.
- ii. Penggunaan istilah keuntungan bukannya laba/faedah amat diberi perhatian walaupun kadar keuntungannya lebih tinggi dari kadar faedah di bank konvensional.
- iii. Masyarakat di Aceh boleh menggunakan laba atau faedah dari bank konvensional untuk kegunaan sosial.
- iv. Didapati adanya individu yang kurang yakin dengan pengurusan perbankan Islam mengikut syariah sepenuhnya walaupun majoriti bersetuju.
- v. Didapati adanya individu yang berfikir bank Islam dan bank konvensional adalah sama walaupun majoriti tidak bersetuju.
- vi. Adanya individu yang berfikiran yang pembayaran balik pinjaman perbankan Islam adalah mahal walaupun majoriti tidak bersetuju.
- vii. Bank Islam mempunyai reputasi yang baik tentang keselamatan dana.
- viii. Bank Islam mempunyai reputasi baik sebagaimana bank konvensional dari segi kemudahan yang disediakan.

Informasi berkaitan pengetahuan masyarakat terhadap perbankan Islam berdasarkan temubual yang dijalankan adalah seperti berikut.

- i. Individu berminat untuk melanggan produk perbankan Islam kerana Islam menganjur ke arah sistem perbankan Islam

- ii. Konsep keuntungan dalam perbankan Islam dibolehkan dan berbeza dengan konsep riba dalam perbankan konvensional
- iii. Individu di Aceh berpendapat pegawai bank Islam mesti melayani semua pelanggan tanpa mengira agama sebagaimana yang dipraktikkan di bank konvensional.
- iv. Apabila individu itu peduli tentang perbankan Islam, jarak dengan bank Islam bukanlah penghalang.
- v. Masyarakat berpendapat dan bersetuju yang produk bank Islam adalah berasaskan al-Quran dan Hadis.
- vi. Masyarakat berpendapat dan percaya yang keuntungan yang diperolehi dari pelaburan dikembalikan kepada pelanggan secara adil.
- vii. Konsep riba yang diharamkan oleh agama Islam dapat dihapuskan sama sekali dan ini sesuai dengan prinsip sistem ekonomi Islam.
- viii. Bersetuju
 - a. Perkhidmatan pembiayaan adalah munasabah dan bersesuaian.
 - b. Pihak bank Islam menyediakan projek sosial dan keagamaan
 - c. Pihak bank Islam menyediakan pinjaman perumahan
 - d. Pihak bank Islam menyediakan pinjaman modal perniagaan
 - e. Pihak bank Islam menyediakan pinjaman kenderaan
 - f. Pihak bank Islam menyediakan pendidikan
 - g. Pihak bank Islam menyediakan servis kad kredit sebagaimana bank konvensional
- ix. Perkhidmatan bank yang efisien dan cepat (menjimatkan masa)
- x. Proses penyelesaian masalah yang timbul berkaitan perbankan Islam secara cepat dan tepat.

xi. Pihak bank bertindak dan merujuk kepada dewan penasihat syariah dalam isu-isu berkaitan perbankan yang timbul dari masa ke semasa.

Maklumat berkaitan kesedaran masyarakat melanggan perbankan Islam berdasarkan temubual yang dijalankan adalah seperti berikut.

- i. Pemberian keuntungan dalam perbankan Islam adil
- ii. Perkhidmatan bank yang cepat dan mudah
- iii. Penghitungan keuntungan secara terbuka berpotensi untuk memajukan pelbagai perniagaan
- iv. Menyimpan wang di dalam akaun simpanan secara Islam
- v. Simpanan dalam bank Islam berlandaskan amanah dan boleh diambil melalui ATM.

Informasi berkaitan tahap penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam berdasarkan temubual yang dijalankan dapat disenaraikan seperti berikut.

- i. Produk-produk bank Islam adil dalam kehidupan sosial dan ekonomi
- ii. Kakitangan bank Islam bersikap amanah dan kerja keras
- iii. Pelaburan wang dalam perbankan Islam membantu masyarakat memperoleh modal niaga
- iv. Melanggan produk-produk perbankan Islam walaupun keuntungannya lebih rendah
- v. Pinjaman dari perbankan Islam mengenakan kadar pembayaran balik yang tetap
- vi. Produk bank Islam adalah bebas daripada unsur riba dan judi, yang ternyata bertentangan dengan Islam
- vii. Sistem perbankan Islam dijamin kewujudannya oleh undang-undang

viii. Bank Islam dipercayai dalam mengendalikan urusan pelanggan dan urusan niaga yang dijalankan.

5.1.3 Dapatan Mengenai Halangan Pelaksanaan Perbankan Islam di Aceh

Seksyen ini adalah mengenai pandangan responden tentang halangan yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat tentang pelaksanaan perbankan Islam. Ini termasuk pihak kerajaan dan pihak bank sendiri. Maka, bab ini akan menjawab proposisi berikut:

Proposisi 3: Perbankan Islam di Aceh menghadapi halangan-halangan tertentu dalam proses pelaksanaannya.

Di antara petikan yang dapat memberi gambaran kepada kewujudan halangan kepada perbankan Islam di Aceh adalah seperti berikut. Pertamanya, tentang kekerapan masalah atau berapa banyakkah halangan yang dihadapi. Petikan pertama memberi gambaran tersebut.

Petikan pertama:

[...Secara akademik kita masih menghadapi banyak masalah. Konsep-konsep yang dimiliki itu cukup banyak dan telah diimplementasikan pada bank dengan penuh kejujuran dan keadilan. Contoh akad mudharabah: dalam mengaplikasikan konsep mudharabah pada bank harus disesuaikan dengan hukum fiqh yang ada dan juga aturan-aturan perbankan yang berkembang. Jadi perubahan ini memerlukan kepada fatwa melalui dewan syariah nasional.

Sumber: Syahrizal, (KA-1- Tarikh 23-1-2014)

Petikan di atas menunjukkan masih banyak halangan yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam menjalankan perbankan Islam di Aceh. Ianya juga dapat menggambarkan tahap perkembangan perbankan Islam di sini.

Seterusnya, halangan juga boleh dilihat dari pendapat dan pandangan masyarakat yang menggunakan perhidmatan perbankan Islam. Petikan seterusnya menunjukkan bagaimana perasaan dan pandangan masyarakat terhadap penubuhan, peranan dan perkembangan perbankan Islam secara amnya.

Petikan pertama:

[...Masyarakat masih belum selesai menjadi pelanggan bank Islam berbanding bank konvensional. Saya perhatikan bahawa sumber tenaga manusia juga masih kurang, sebahagian pegawai bank Islam berpindah tugas daripada bank konvensional sehingga pola-pola bank konvensional masih digunakan pada bank Islam. Selain itu, penguasaan ilmu teknologi oleh masyarakat masih rendah. Seperti penguasaan teknologi bank Islam Mandiri masih jauh tertinggal dibandingkan bank Mandiri itu sendiri. Kebanyakan orang tidak mahu menanggung rugi daripada akad pada bank Islam.]

Sumber: Syahrizal, (KA-1- Tarikh 23-1-2014).

Petikan kedua:

[...perbankan Islam belum berkembang seiring dengan apa yang diharapkan. Kemajuan Bank Islam di Aceh sangat berhubungan dengan keadaan politik dan faktor sosial di Aceh ikut mempengaruhi ekonomi masyarakat Aceh. Lebih-lebih lagi menjelang pemilihan umum di Aceh dengan keinginan politik yang berbeza-beza.]

Sumber: Ermiadi, (PA-1-Tarikh 17-2-2014)

Terdapat keadaan di mana perbankan Islam di Aceh melalui proses yang sama apabila ianya di perkenalkan di peringkat awal di negara-negara yang mempelopori perbankan Islam, di mana pegawai dari perbankan konvensional ditukarkan ke perbankan Islam. Seharusnya, dengan kematangan perbankan Islam di seluruh dunia, pegawai bank yang telah arif dengan perbankan Islam perlu diambil untuk menggerakkan perbankan Islam di Aceh dan bukannya dengan cara pertukaran pegawai dari bank konvensional. Informasi ini disokong oleh dua lagi petikan berikut.

Petikan ketiga:

[...Bank Islam masih menghadapi banyak masalah seperti tahap penguasaan ilmu teknologi oleh masyarakat dan pelanggan masih rendah. Sumber tenaga manusia masih terbatas, sebahagian pegawai bank Islam berpindah tugas daripada bank

konvensional sehingga unsur-unsur bank konvensional masih digunakan pada bank Islam.]

Sumber: Daud Zamzami, (KA-2-Tarikh 26-1-2014).

Petikan keempat:

[...Perbankan Islam belum berkembang dengan baik kerana ada beberapa kekangan di bank Islam sendiri seperti sosialisasi yang dilakukan oleh pihak bank masih terbatas dan perlu diteruskan. Sumber tenaga manusia dari para pelajar perbankan Islam sendiri masih sangat kurang di bank Islam di Aceh.]

Sumber: Ermiadi, (PA-1-Tarikh 17-2-2014).

Halangan yang dihadapi oleh perbankan Islam juga meliputi masalah teknologi yang terdapat di bank-bank Islam sendiri di samping kemudahan infrastruktur dan istilah perbankan Islam yang lazimnya menggunakan bahasa Arab. Lihat petikan berikut.

Petikan kelima:

[...Banyak masalah yang masih dihadapi bank Islam seperti tahap penguasaan ilmu teknologi dan kemudahan infrastruktur masih belum memadai. Sumber tenaga manusia juga masih terbatas, amnya mereka belum mampu menyesuaikan istilah bahasa Arab dalam amalan mereka.]

Sumber: Fazri Mulia, (US-2-Tarikh 29-1-2014).

Dalam perniagaan dan industri perbankan, pelanggan adalah penting. Maka, adakah halangan ini berlaku disebabkan pelanggan itu sendiri juga perlu diambilkira.

Pengetahuan masyarakat tentang perbankan Islam dapat dirumuskan dari petikan-petikan temubual seperti berikut.

Petikan pertama:

[...Menurut pandangan saya, pengetahuan masyarakat berkaitan dengan produk masih amat kurang. Demikian juga pengetahuan mereka dalam infrastruktur yang telah disediakan.]

Sumber: Yusuf, (UL-1-Tarikh 29-1-2014).

Petikan kedua:

[...Hasil pemerhatian saya mengenai pengetahuan masyarakat tentang produk bank masih kurang kerana untuk memahami istilah produk bank Islam harus mampu menguasai bahasa Arab, kerana konsep dasarnya daripada kitab-kitab berbahasa Arab. Manakala infrastruktur yang digunakan selama ini telah dibangunkan oleh kerajaan pusat dan gabenor Aceh, fatwa MUI dan MPU Aceh telah cukup kuat untuk diikuti oleh pelanggan dalam berurusan dengan bank Islam.]


Sumber: Ermiadi, (PA-1-Tarikh17-2-2014)

Petikan ketiga:

[...Masyarakat masih belum selesai menjadi pelanggan bank Islam berbanding bank konvensional. Kerana majoriti mereka kurang paham tentang produk perbankan Islam. Infrastruktur bank Islam dan produknya sudah sedia ada namun belum cukup bagi melancarkan urusan terutama bagi peniaga besar.]

Sumber: Fazri Mulia, (US-2-Tarikh 29-1-2014)

Dari pelbagai jawapan responden mengenai halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh pihak perbankan Islam dan pemerintah Aceh untuk melaksanakan industri perbankan Islam, antara masalah yang dapat disenaraikan adalah meliputi:

- 
- i. Sumber tenaga manusia rendah.
 - ii. Modal yang terbatas.
 - iii. Inovasi produk terbatas.
 - iv. Penguasaan teknologi masih rendah.
 - v. Pengetahuan masih kurang.
 - vi. Infrastruktur belum memadai.

Dalam mencari cara bagi membantu pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, terutamanya langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan Aceh untuk memperkasakan perbankan Islam di negara ini, informasi dari petikan berikut amat berguna.

[...Ya, memang ada masalah, pengetahuan tentang produk perbankan Islam masih rendah, jadi perlu pendedahan secara intensif bukan hanya oleh bank Islam tetapi oleh lembaga lain juga perlu seperti pondok-pondok agama. Pihak akademik di pengajian tinggi juga sangat berperanan dalam membantu. Universiti perlu

membuka program pengajian dalam perbankan Islam. UIN Ar Raniry sendiri sudah mengembangkan sistem perbankan Islam, perubahan IAIN menjadi UIN merupakan salah satu usaha mengembangkan penyelidikan tentang perbankan Islam. Produk bank itu banyak, jadi produk yang ditawarkan di bank Islam harus berlandaskan infrastruktur dan undang-undang yang dibuat oleh kerajaan Republik Indonesia dengan kerangka ekonomi Islam. Namun landasan produk ekonomi syariah di Aceh lebih mudah kerana sudah diberikan kemudahan khusus oleh kerajaan Republik Indonesia. Dan juga pemberian sukuk oleh bank Islam. Ini menjadi potensi besar untuk Aceh di masa yang akan datang dalam menerapkan perbankan Islam. Kerana Aceh sudah menjalankan syariat Islam serta majoriti masyarakat Aceh beragama Islam. Bagi saya, infrastruktur sebagai landasan hukum sudah memadai sebagaimana terdapat dalam UUPA, fatwa MUI, fatwa MPU Aceh dan undang-undang mengenai perbankan Islam daripada kerajaan Indonesia.]

Sumber: Syahrizal, (KA-1-Tarikh 27-1-2014)

5.2 Rumusan

Pemerintah telah berusaha dan mentadbir bagi memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh yang disokong oleh Syariat Islam berasaskan Undang-Undang Nombor 44 tahun 1999 dan Undang-Undang Pemerintahan Aceh Nombor 11 tahun 2006. Pemerintah Aceh telah memberi kefahaman kepada masyarakat dan masyarakat secara dasarnya telah menerima konsep dan sistem perbankan Islam ini.

Langkah-langkah bagi memperkasakannya meliputi penyediaan infrastruktur, sosialisasi, seminar, membukan jurusan ekonomi dan perbankan Islam di Universiti melalui kerjasama dengan pelbagai *stakeholder*. Bank Islam Indonesia telah membuat perancangan untuk memasuki pasaran Aceh dengan menubuhkan Bank Islam dan cawangannya selaras dengan keperluan dan kehendak masyarakat Aceh yang majoritinya adalah orang Islam, namun dapat disimpulkan bahawa bank Islam di Aceh belum berada di peringkat “matang” dalam operasinya. Majoriti masyarakat Aceh menerima perbankan Islam di sebabkan faktor agama sebagai *fardhu kifayah* kepada mereka.

BAB ENAM

PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI ACEH, INDONESIA: ANALISIS DAN PERBINCANGAN

6.0 Pengenalan

Krisis kewangan yang terjadi pada tahun 1998 telah merugikan bank-bank konvensional di Aceh dan banyak yang terpaksa menutup beroperasinya kerana penerimaan masyarakat terhadap sistem perbankan berasaskan riba tidak lagi memberansangkan berbanding dengan perbankan Islam. Manakala perbankan yang menerapkan kaedah syariah pula tetap utuh bertahan. Tidak hanya itu, di tengah-tengah krisis kewangan global yang melanda dunia pada penghujung tahun 2008, institusi kewangan syariah kembali membuktikan daya tahannya dari krisis yang teruk. Perkembangan perbankan Islam didapati semakin pesat di negara-negara Islam pada tahun 1980-an dan 1990-an serta keberkesanannya didapati dapat memenuhi keperluan simpanan dan kehendak pembiayaan projek-projek pembangunan. Ini juga didapati mendorong pertumbuhan dan perkembangan perbankan Islam di Indonesia, satu negara yang memiliki jumlah penduduk Muslim terbesar di dunia.

6.1 Pra-pelaksanaan perbankan Islam

Sebelum perbankan Islam ditubuhkan, Kerajaan Pusat Indonesia pada penghujung tahun 1990-an telah mengeluarkan prosedur-prosedur perbankan yang membolehkan industri perbankan di Indonesia untuk menubuhkan perbankan berdasarkan Syariah Islam. Ianya juga telah mendorong kesedaran dan pengetahuan masyarakat Islam Indonesia akan kepentingan kewujudan bank yang menjalankan sistem kewangan berasaskan Syariah Islam. Di samping itu, dengan tertubuhnya beberapa organisasi yang membawa mesej dan aspirasi Islam seperti ICMI (*Ikatan Cendekiawan Muslim*

Indonesia), NU (*Nahdatul Ulama*) dan Muhammadiyah, telah ikut memelopori pembentukan bank berdasarkan Syariah Islam, seperti Bank Perkreditan Rakyat (BPR) Syariah dan unit-unit usaha kecil yang beroperasi berdasarkan syariah Islam di desa-desa yang dinamakan BMT (*Bait al- Mal wa at-Tamwil*). Pertumbuhan kedua-dua jenis institusi kewangan ini merupakan prasarana pembangunan ekonomi masyarakat Islam di daerah luar bandar di Indonesia. Hal ini berlaku setelah terbukti ianya mampu memberikan sumbangan yang positif terhadap peningkatan pembangunan sosial ekonomi terutamanya di kawasan luar bandar.

Sejak kemunculan perbankan Islam yang berskala kecil di kawasan luar bandar di Indonesia pada awal tahun 1990-an yang dinamakan dengan Bank Perkreditan Rakyat (BPR) Syariah³, didapati masih amat kurang kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli ekonomi Indonesia berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh bank-bank tersebut. Ianya termasuklah akan kajian pencapaian (*performance*) kewangannya, peranan bank serta prospeknya terhadap pembangunan sosial ekonomi kawasan luar bandar. Oleh itu, penyelidikan ini akan berusaha mengkaji perkara-perkara tersebut dengan mengambilkira kajian daripada pelaksanaan perbankan Islam di Aceh.

Kewujudan perbankan Islam Indonesia yang terdiri daripada bank-bank umum Syariah dan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPR Syariah, yang di atas berkonsepkan sistem kewangan tanpa bunga, telahpun mengundang pelbagai persoalan dalam hal persaingannya dengan bank-bank konvensional, sama ada bank konvensional milik kerajaan mahupun bank-bank swasta. Selain itu, institusi

³ Di Indonesia, perkataan "Bank Islam" lebih lazim diistilahkan dengan "Bank Syariah" kerana aturan urus niaga, sistem operasi serta amalannya mestilah tidak menyalahi dan berlandaskan kepada syariah Islam. (Lihat *Republika*, 16 Julai 1999).

perbankan yang patuh Syariah masih banyak menimbulkan masalah dalam usahanya untuk berjaya. Perkara ini, sesuai dengan hasil temu bual dengan pihak kerajaan Aceh yang menyatakan bahawa perkembangan pelaksanaan bank Islam masih kurang maju kerana terdapat kekangan dalam operasi perbankan Islam (KA-2-Tarikh 27-1-2014). Pandangan ini hampir sama dengan pendapat pihak parlimen Aceh bahawa pelaksanaan perbankan Islam di Aceh masih kurang membanggakan kerana ekonomi masyarakat yang masih rendah pasca konflik dan tsunami (PA-2-Tarih 28-1-2014). Sehubungan itu, pakar ekonomi menyedari bahawa pergerakan modal dan sumber tenaga memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sebagaimana dinyatakan dalam “model Harold-Domar” dan model pertumbuhan Neo-Klasik yang menyatakan bahawa pergerakan (*mobility*) modal memerlukan peranan khas institusi kewangan dalam proses pertumbuhan iaitu melalui pembolehubah (*variable*) tabungan (*saving*) dan pelaburan (*investment*). Perbankan konvensional yang beroperasi berasaskan kadar faedah (bunga bank) termasuk dalam kategori riba yang dilarang dalam Syariah Islam.

Oleh itu, Sudarsono (2003) menyarankan semua perbankan konvensional yang beroperasi di sejumlah negara yang berpenduduk majoriti Muslim seharusnya diubah kepada perbankan Islam sepenuhnya, sehingga ia dapat menjalankan fungsinya yang sesuai dengan Syariah Islam. Dengan demikian, diharapkan kewujudan perbankan Islam dapat memberikan sumbangan yang positif dan jelas sebagai satu prasarana pembangunan sosial ekonomi kawasan terutamanya dalam menggerakkan dana masyarakat Islam dan mengagihkannya pada sektor-sektor ekonomi yang produktif pada masa hadapan.

Merujuk kepada persoalan di atas, pada bulan Oktober 1988 dan Disember 1989, Kerajaan Republik Indonesia telah memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga Muslim bumiputera untuk menubuhkan perbankan yang bersesuaian dengan Syariah Islam. Setiap perbankan Islam di Indonesia mestilah menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak menyimpang dengan aturan-aturan Syariah Islam. Kebanyakan BPR Syariah telah cuba untuk menerapkan sistem *musyarakah (partnership)* dan *mudarabah* (kongsi untung-rugi) dan hasilnya ternyata cukup berjaya. Amalan tersebut adalah sebagai alternatif kepada pelaksanaan bank berasaskan kadar faedah di bank-bank konvensional kepada cara operasi berasaskan al Quran dan al Hadis (Undang-undang No.7 Tahun 1992). Keadaan ini bersesuaian pula dengan pendapat ulama Aceh yang menyatakan bahawa undang-undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 BAB XVII pasal 125 yang mengatur penerapan syariat Islam di Aceh menjadi dasar yang kuat bagi perkembangan perbankan Islam di Aceh (UL-1-Tarikh 29-1-2014). Selain itu, kerjasama dari tiga yayasan pertubuhan Islam iaitu NU (*Nahdatul Ulama*), *Muhammadiyah* mahupun ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia) untuk mengembangkan BPR Syariah kepada sesuatu yang berpengaruh bagi memperkasakan pelaksanaan Perbankan Islam di Indonesia dan kawasan luar Bandar Jakarta.

Daripada aspek sejarah, sebelum bank Islam ditubuhkan, bank konvensional sudah lama beroperasi di Aceh iaitu setelah Indonesia merdeka pada tahun 1945, ianya perusahaan untuk masyarakat pribumi. Di awal kemerdekaan, bank itu menjadi tumpuan di Indonesia. Masyarakat Indonesia termasuk Muslim dan bukan Muslim harus memilih bank konvensional sebagai satu-satunya pilihan yang ada. Namun begitu, pemerintah Aceh telah berusaha bagi pengembangan dan pemerksaan Bank Islam Aceh berasas pada: undang-undang perbankan Islam tahun 1998, menganjurkan

pelbagai seminar dan pendidikan tentang sistem ekonomi Islam di badan pendidikan tinggi kerajaan mahupun swasta serta kepada sosialisasi para pemangku kepentingan dan *stakeholder*. Maka pada tahun 1992, tertubuhlah bank Islam pertama di Aceh iaitu Bank Perkereditan Rakyat Syariah (BPRS) Hareukat. Seterusnya ditubuhkan pula bank Muamalat dan bank Mandiri. (KA-1-Tarikh 27-1-2014)

6.2 Pelaksanaan perbankan Islam

Pelaksanaan sebuah perbadanan seperti perbankan pasti menghadapi pelbagai isu, diantaranya seperti berikut:

6.2.1 Polisi dari kerajaan

Pemerintah Indonesia selaku pembuat keputusan (*policy maker*) terhadap pelbagai program yang dijalankan telah membuat polisi awal bagi penubuhan Bank Islam dan Dewan Penasihat Syariah pada tahun 1992 sebagai *stakeholder*, melalui Undang-Undang nomor 7 tahun 1992. Seterusnya Bank Indonesia menguatkuasakan Jabatan Perbankan Islam untuk menyokong, mengatur dan mengawasi Bank Islam, sama ada dari aspek perbankan mahupun dari aspek syariah. Namun sehingga kini, aturan mengenai operasi perbankan Islam masih menggunakan aturan umum perbankan konvensional, kecuali dalam beberapa hal. Sehingga perbankan Islam yang dikembangkan di Indonesia, memiliki undang-undang yang berbeza daripada Undang-Undang Bank Konvensional. Kajian Setiawan (2003) mendapati bahawa Undang-undang dan peraturan yang berlaku di Bank Islam berjalan beriringan dengan bank konvensional. Hakikatnya, peraturan (*regulasi*) dalam perbankan Islam masih berasaskan sistem konvensional. Selain itu, dasar bunga tinggi yang dikenakan oleh Bank Indonesia masih berlanjutan hingga kini. Hal ini akan mendorong bank umum terus mengenakan suku bunga simpanan yang tinggi. Menghadapi hal ini, kalangan

perbankan Islam nasional diberikan pilihan untuk menjangka kenaikan suku bunga dengan menaikkan nisbah kepada pihak bank yang diharapkan akan meningkatnya kadar kebersamaan (*equivalent rate*) kepada pendeposit.

Di sisi yang lain, pelaksanaan dan pemeraksanaan perbankan Islam di Aceh di sokong oleh Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006. Di dalam UU Nombor 11 Tahun 2006 BAB XXII terdapat 19 pasal yang menghatu tentang perekonomian. Di dalam bahagian kedua tentang Arah Perekonomian disebutkan dalam ayat (1) Perekonomian di Aceh diarahkan untuk meningkatkan produksi mahupun daya saing untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dengan mengutamakan nilai-nilai Islam, keadilan, kesamarataan, penyertaan rakyat dan efisiensi dalam pola pembangunan secara berterusan. Kesemua aspek itu berasaskan ajaran fardu kifayah yang diwajibkan Allah subhanahu wa taala.

Hasil temu bual dengan responden dalam kajian ini, mereka bersetuju bahawa pelaksanaan perbankan Islam di Aceh berasaskan kepada faktor berikut:

1) Faktor agama, masyarakat Aceh semuanya beragama Islam. Oleh itu, masyarakat Islam tentunya ingin bertransaksi dalam bidang ekonomi yang berasaskan syariat Islam. Sehingga penggunaan perbankan Islam meningkat seiring dengan tujuan pembangunan Provinsi Aceh untuk menerapkan nilai-nilai budaya Aceh dan nilai-nilai dinul Islam di semua sektor kehidupan masyarakat termasuk sektor ekonomi.

2) Keinginan masyarakat Aceh untuk memperoleh pembiayaan daripada bank Islam di Aceh merupakan salah satu asas bagi mewujudkan masyarakat yang damai, adil dan sejahtera dalam naungan syariah Islam dengan memanfaatkan urusniaga perbankan Islam. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan bahawa minat masyarakat

bertambah dalam menukar kegiatan ekonomi mereka daripada perbankan konvensional berasas riba kepada perbankan Islam.

Namun di Aceh telah terjadi pelbagai isu berkaitan pelaksanaan perbankan Islam seperti penangguhan perasmian Bank Islam (Akhbar Serambi, 2016). Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Pusat telahpun membuat ujian kepatutan dan kelayakan kepada lapan pejabat Bank Aceh pada 18-20 July 2016. Mereka kemudiannya akan ditempatkan dalam jabatan baru di Bank Islam Aceh dan jadual perasmian pertukaran Bank Aceh dari sistem konvensional ke Bank Islam yang telah disepakati 6 Agustus 2016. Namun ianya tidak menjadi kenyataan apabila perasmian itu ditunda disebabkan ujian dan peralihan terhadap peralatan informasi dan teknologi (IT) yang digunakan Bank Aceh Islam masih belum selesai sepenuhnya dari sistem konvensional sebelumnya.

Oleh itu, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) belum mengeluarkan kebenaran operasional sistem Syariah untuk Bank Aceh, meskipun para pemegang saham Bank Aceh iaitu Gabenor dan 23 Bupati dan Walikota seluruh Aceh sudahpun sepakat terhadap penukaran Bank Aceh dari sistem konvensional ke sistem Bank Islam. Situasi ini bersesuaian dengan pendapat usahawan agar perbankan Islam yang berjaya dikenalpasti bagi menyokong proses sosialisasi sehingganya pengaruhnya meningkat dari yang sebelumnya, sekaligus tolong menolong (*ta'awun*) dapat diamalkan. Hal ini kerana terlalu sedikit orang yang bersedia untuk tolong menolong dalam aktiviti perbankan Islam (US-2-Tarikh 29-1-2014).

Dalam era moden ini, perbankan Islam di Aceh telahpun dilaksanakan sejak tahun 90-an dengan pengisytiharan Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) Hareukat

sebagai bank Islam pertama di Aceh pada tanggal 11 November 1991, dengan izin usaha daripada menteri Kewangan Republik Indonesia Nombor: Kep-307/MK, 13/1991, 7 Oktober 1991 yang menawarkan produk-produk perbankan Islam seperti *mudarabah*, *musyarakah* dan *murabahah*. Seterusnya pada tahun 2005, bank Islam bertambah lagi dengan tertubuhnya bank seperti Bank Islam Mandiri, Bank Aceh Syariah, Bank Muamalat dan Bank Rakyat Indonesia Syariah dengan berbagai produk ditawarkan.

Berkait dengan persepsi masyarakat terhadap polisi pemerintah dalam memperkasakan bank Islam, (KA-2 Tarikh 26 Januari 2014) menghuraikan bahawa “Aceh sebagai salah satu daerah yang mendapatkan kemudahan penuh untuk melaksanakan syariat Islam, maka seharusnya semua aspek harus berasaskan Islam, termasuk juga perbankan Islam”. Lebih lanjut beliau juga menghuraikan bahawa “pemerintah Aceh harus serius dalam membangunkan perbankan Islam, sehingga transaksi ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat juga menjadi syariah”.

Demikian juga (US-1 tarikh 29 Januari 2014) menghuraikan bahawa “usaha pemerintah dalam melahirkan kanun bank Aceh Syariah merupakan salah satu bentuk keprihatinan pemerintah terhadap pengembangan pelaksanaan bank Islam, meskipun pada saat itu terjadi masalah terhadap kanun tersebut”. Namun kita juga patut memberikan penghargaan kepada pemerintah Aceh yang telah melakukan *spin off* daripada bank Aceh konvensional kepada bank Aceh Syariah.

Berasaskan beberapa pandangan informan berkaitan peraturan untuk memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, dapat disimpulkan bahawa:

- 1) Mereka bersetuju bahawa pemerintah Indonesia dan Aceh telah berusaha dan berperanan dalam membuat polisi bagi menubuhkan dan memperkasakan bank-bank Islam di Aceh.
- 2) Mereka bersetuju bahawa pelaksanaan bank Islam dan pembiayaan kepada masyarakat pada ketika ini masih kurang.

Semua responden bersetuju bahawa pemerintah Aceh telah mula berusaha dan berperanan dalam penubuhan, pengembangan dan pemerksaan perbankan Islam di Aceh. Walaupun begitu, Sharizal, Imam Mahfudh, H. Irmawan, H.M. Daud, Fazri dan Ermiadi merasakan polisi pelaksanaan perbankan dan pembiayaan Islam kepada masyarakat Islam masih pada tahap yang tidak memuaskan. Kesimpulannya, mereka bersetuju bahawa pemerintah Aceh telah berusaha dan berperanan membuat polisi dalam penubuhan, pengembangan dan pemerksaan bank Islam di Aceh namun berpendapat masih banyak polisi lainnya yang perlu dilakukan bagi merencanakan pelaksanaan perbankan Islam. Apabila kurangnya polisi kerajaan akan menimbulkan permasalahan pengembangan pembiayaan Islam seperti aspek kerangka kerja, undang-undang dan peraturan, sistem, produk dan istilah perbankan Islam masih sangat kompleks.

Selain itu, majoriti bank-bank Islam adalah kecil dan tidak mampu untuk bergerak secara sendiri bagi kemudahan penyelidikan dan pengembangan. Apabila terjadi rekod buruk dalam penyelidikan dan pengembangan, maka bank-bank Islam bergantung sepenuhnya kepada alat dan sistem perbankan konvensional untuk menjalankan operasi seharian mereka. Selain itu, sumber modal insan dalam industri

perbankan Islam dan kakitangan perbankan Islam sebahagian besarnya diambil daripada perbankan konvensional, pada hal mereka tidak terlatih dan tidak ditumpukan kepada pembelajaran dan pengamalan perbankan patuh Syariah.

6.2.2 Isu pengetahuan dan penerimaan masyarakat

Mengetahui tahap pengetahuan masyarakat terhadap perubahan merupakan suatu fenomena yang terbit dalam kehidupan mereka seperti ilmu perbankan Islam memberi pengaruh besar kepada bank. Dalam konteks ini, Hamid (2007) mendapati bahawa pengetahuan berusaha menghasilkan dan mengubah perilaku yang diberikan untuk mencapai tahap pengenalan sosial yang luas sama ada melalui hubungan interaktif mahu pun unit-unit kerjaya. Sehubungan itu, pengetahuan mengenai Sistem Perbankan Islam (SPI) sebagai salah satu daripada skop ibadah fardu kifayah dalam Syariah adalah penting bagi meyakinkan umat Islam terhadap SPI. Pandangan di atas hampir sama dengan kajian Adiwarman *et al.* (2005) yang mendapati bahawa umumnya tahap pengetahuan masyarakat Indonesia masih rendah mengenai sistem perekonomian Islam yang diamalkan oleh perbankan Islam. Misalnya, anggota masyarakat masih beranggapan bahawa sistem bunga pada bank konvensional dan sistem bagi hasil pada perbankan Islam merupakan dua sistem yang sama, sehingga masyarakat lebih memilih bank konvensional kerana lebih berpengalaman dalam usaha menjalankan urusan perniagaan perbankan. Kajian Sina (2007) menyokong pendapat tersebut menyatakan bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai khidmat perbankan Islam di Indonesia masih kurang terutama berhubung dengan produknya.

Dari hasil temubual dengan responden (KA-2-Tarikh 27-1-2014, PA-1-Tarikh 17-2-2014, dan BI-2-Tarikh 10-8-2013), berkait isu pengetahuan perbankan Islam di Aceh menyatakan seperti berikut: pemahaman masyarakat belum cukup terhadap kegiatan operasional perbankan Islam; adanya perbezaan karakteristik produk bank konvensional dengan perbankan Islam telah menimbulkan keengganan bagi pengguna untuk menggunakan perkhidmatan perbankan Islam. Hal itu timbul kerana peluang untuk mendapatkan keuntungan tetap berupa bunga wang simpanan akan hilang. Oleh kerana itu, masyarakat perlu diberi maklumat bahawa penempatan dana pada perbankan Islam akan mendapatkan keuntungan kewangan yang berkesan.

Antara persepsi negatif lain masyarakat terhadap perbankan Islam ialah dengan menyatakan peraturan perbankan yang berlaku belum sepenuhnya mengadaptasi operasional perbankan Islam; jaringan cawangan Perbankan Islam yang belum luas; dan sumber manusia yang memiliki kepakaran dalam Perbankan Islam masih sedikit. Sehubungan itu, aspek pengetahuan mengenai perbankan Islam, produk, operasi dan sebagainya menjadi tanggungjawab utama pengurusan bank untuk mensosialisasikan kepada masyarakat dan pegawai bank. Selain itu, latihan yang berterusan juga boleh dilakukan bagi mencapai tahap pengetahuan secara singkat kepada kumpulan sasar.

6.2.3 Isu penerimaan

Kajian Baba & Amin (2009) mendapati penerimaan positif dari seorang individu terhadap maklumat dan idea baru amat berpengaruh dalam penerimaan arahan dari sesuatu pihak. Memandangkan ianya sebagai suatu proses yang ditempuh individu untuk mengorganisasikan dan menafsirkan kesan-kesan panca indera mereka agar memberikan makna bagi gelagat niat terancang mereka. Oleh yang demikian, Saeed

(2008) mengatakan: Tiga faktor utama seseorang memilih dan menerima perbankan Islam iaitu pemahaman ajaran agama, pengetahuan dan amalan perekonomian Islam yang dilandasi (faktor niat dan gelagat terancang) dan juga faktor-faktor yang lain.

Seterusnya Kamal (1995) mendapati bahawa perbankan Islam diterima dan menjadi daya tarikan seseorang bagi mereka yang memahami dan mengamalkan ajaran Islam sebenar, dan juga mengetahui perbezaan perbankan Islam dengan bank perdagangan lain atau konvensional. Oleh itu, penerimaan berhubung dengan pemahaman perbezaan antara perbankan Islam dengan bank konvensional yang diperolehi bergantung kepada tahap pendidikan dan tahap pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat. Lantaran itu, keadaan ini penting dalam menerima sebuah program yang dijalankan, kerana semakin tinggi tahap pendidikan dan pengetahuan, maka tahap pemikiran mereka akan semakin berkembang dalam menilai faedah yang diperolehi.

Dari hasil temubual dengan responden didapati penerimaan pelaksanaan Bank Islam masih kurang kerana terdapat kesusahan dalam pemindahan konsep teori kepada konsep praktikal pada bank untuk menghindari daripada kesalahan. Selain itu, bank Islam masih kurang kemudahan ATM di peringkat daerah dan bandar. (KA-2 – Tarikh 27-1-2014).

6.2.4 Pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia

Pelaksanaan perbankan di Indonesia diperkenalkan oleh Kerajaan Hindia Belanda. Sebagai penjajah, Belanda menggunakan bank untuk melancarkan transaksi perdagangan sama ada untuk negeranya mahupun untuk kerajaan lainnya (Kasmir, 2000). Oleh itu, bank sebagai institusi yang berperanan sebagai perantara kewangan (*financial intermediary*) bagi menghubungkan keperluan dua pelanggan yang berbeza, satu pihak merupakan pelanggan yang memiliki wang dan pihak lainnya

merupakan pelanggan yang memerlukan wang. Pada umumnya masyarakat menyimpan wang di bank bertujuan agar wang yang simpan berada dalam keadaan selamat. Penyimpan wang mengharapkan imbuhan atas wang yang disimpan di bank, walaupun imbuhan yang diberikan bank berbeza-beza mengikut jenis simpanannya. Imbuhan itu diberikan setiap bulan pada tarikh yang telah ditetapkan. Pada sisi yang lain, terdapat masyarakat yang memerlukan wang untuk mengembangkan usahanya atau untuk keperluan peribadinya. Wang yang diperlukan itu dapat disediakan bank melalui kredit dan bank konvensional akan menerima keuntungan berupa bunga kredit.

Pada ketika ini, masyarakat boleh memilih menggunakan perbankan konvensional dan perbankan Islam. Perbankan konvensional beroperasi berasaskan kadar faedah (bunga bank). Pada bank konvensional, kepentingan pemilik dana (*deposan*) adalah memperoleh keuntungan berupa bunga simpanan yang tinggi, pemegang saham pula memperoleh keuntungan yang tinggi sama ada melalui bunga simpanan mahupun melalui bunga pinjaman. Bagi pihak kepentingan lainnya, pemakai dana (*debtor*) ingin memperoleh taraf bunga yang rendah (biaya murah).

Selain itu, bank Islam juga bertindak sebagai institusi perantara kewangan yang mana fungsi utamanya adalah menyediakan pembiayaan dan urusan-urusan berkaitan pembayaran serta peredaran wang yang mana pengamalannya disesuaikan dengan dasar-dasar Syariah Islam daripada pelbagai produknya (Jamal, 1992). Institusi yang banyak membantu bagi penubuhan Bank Islam di kebanyakan negara adalah *Islamic Development Bank (IDB)*. Pada 20 Oktober 1975, IDB ditubuhkan dengan dianggotai oleh 43 buah negara anggota Organisasi Konferensi Islam (OKI). Penubuhan IDB

tersebut memberi fokus kepada pemahaman bahawa bunga bank dari amalan pinjaman di bank-bank konvensional adalah termasuk dalam kategori riba yang diharamkan dalam Islam. IDB memainkan peranan yang amat penting dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa antara anggota-anggotanya dengan Negara-negara industri maju lain (Lombard, 1975).

Sistem perbankan Islam di Indonesia pula bermula pada tahun 1992 dengan diwartakan UU Nombor 7/1992, sehingga bank dapat menjalankan urusniaganya dengan menggunakan sistem pembahagian keuntungan. Pada tahun 1992, Bank Islam pertama di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia (BMI) ditubuhkan. Pada tahun 1998, pemerintah Indonesia mengeluarkan satu lagi undang-undang iaitu *Dual Banking System* melalui UU Nombor 10/1998. Seterusnya, Bank Mandiri Islam pula ditubuhkan pada 1999.

Undang-undang ini mendorong berkembangnya perbankan Islam serta pertumbuhan urus tadbir perbankan Islam yang amat baik, sehingga menjadi daya penarik bagi bank bank konvensional dan pelabur untuk membuka Bank Umum Islam seperti Unit Usaha Islam (UUS) mahupun Bank Pembiayaan Rakyat Islam. Selanjutnya, dalam UU Perbankan Islam Nombor 21 Tahun 2008 dijelaskan bahawa Bank Islam adalah Bank yang menjalankan kegiatan usahanya berdasarkan prinsip Islam. Bank Umum Islam adalah Bank Islam yang fungsinya memberikan perkhidmatan dan urusniaga pembayaran. Penubuhan Bank Umum Islam daripada Bank Umum Konvensional dapat dibuat dengan cara penukaran daripada Bank Konvensional, atau dengan pemisahan (*spin-off*) daripada Unit Usaha Islam yang terdapat pada Bank Umum Konvensional. Dalam Undang-undang Perbankan Islam Nombor 21 Tahun 2008

disebutkan bahawa UUI dapat menjadi Bank Unit Islam sendiri setelah mendapat izin daripada Bank Indonesia (Etty *et al.*, 2014). Adalah jelas bahawa peraturan-peraturan di dalam perbankan Islam telah dibuat oleh kerajaan untuk memudahkan operasi perbankan Islam di Aceh, seperti dikuatkuasakan undang-undang nombor 71 tahun 1992. Seterusnya dengan undang-undang ini, Bank Perkreditan Rakyat ditubuhkan di kawasan luar bandar di seluruh Aceh.

Dengan demikian dapat difahami bahawa perbankan Islam di Indonesia yang dimulai pada awal tahun 1980-an, namun perkembangan di daerah-daerah di Indonesia agak lewat jika dibandingkan dengan negara-negara lain sesama anggota Organisasi Konferensi Islam (OKI). Hal tersebut merupakan satu kelemahan yang nyata, memandangkan pemerintah RI yang diwakili Menteri Kewangan, Ali Wardana dalam beberapa kali sidang OKI cukup aktif memperjuangkan konsep perbankan Islam, namun tidak diimplementasikan di dalam negeri sendiri.

Dalam era moden ini, perbankan Islam di Aceh telah mula dilaksanakan sejak tahun 90-an dengan diisytiharkan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) Hareukat sebagai perbankan Islam pertama di Aceh pada tanggal 11 November 1991, dengan izin usaha daripada menteri Kewangan Republik Indonesia Nombor: Kep-307/MK, 13/1991, 7 Oktober 1991 yang menawarkan produk-produk perbankan Islam seperti *mudarabah*, *musyarakah* dan *murabahah*. Pada tahun 2005, perbankan Islam di Aceh telahpun bertambah lagi dengan pembukaan bank Islam Mandiri, Bank BPD Syariah, Bank Muamalat dan Bank Rakyat Indonesia Syariah dengan pelbagai produknya.

Langkah-langkah dalam pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dijalankan berdasarkan undang-undang Nombor 44 tahun 1999 “berhubung kait dengan keistimewaan Aceh” dan diperkukuh dengan undang-undang nombor 18 tahun 2001 tentang autonomi khas bagi rakyat Aceh untuk mengatur dan mentadbir urusan ekonomi dengan memanfaatkan sumber alam dan sumber tenaga manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Bagi mengukuhkan pelaksanaan syariat Islam, diterbitkan pula undang-undang pemerintahan Aceh (UUPA Nombor 11 tahun 2006) yang menetapkan dalam pasal 25 ayat 2 meliputi: ibadah, *ahwal asy-syahshiyah*, muamalah, jinayah, peradilan, pendidikan, dakwah dan pembelaan Islam. Seterusnya aspek ekonomi diuraikan dalam bab XXII ayat (1) mengenai pasal-pasal yang mengatur bidang perekonomian yang menggesa agar halatuju perekonomian Aceh diarahkan untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat berasaskan nilai-nilai syariat Islam.

Penilaian *Global Islamic Financial Report (GIFR)* mendapati bahawa Indonesia menduduki tangga keempat berkaitan potensi dan kondusif dalam pengembangan kewangan Syariah setelah Iran, Malaysia dan Saudi Arabia. Berdasarkan petunjuk yang ada seperti jumlah Bank Islam, jumlah Lembaga Kewangan non Bank Syariah, mahupun ukuran asset kewangan Syariah, maka Indonesia dianggarkan akan menduduki tangga pertama dalam beberapa tahun hadapan dan mampu mengembangkan perbankan Islam dengan lebih baik (Alamsyah, 2012). Keadaan ini memberi motivasi kepada bank Islam dalam memberikan jaminan mengenai kesesuaian konsep Syariah untuk seluruh kegiatannya yang diperlukan daripada sesebuah bank. Keadaan ini perlu diberi perhatian dari peringkat awal terutamanya berkaitan konsep infrastruktur yang professional memandangkan aspek itu merupakan

sandaran kepercayaan masyarakat terhadap sesebuah bank. Selain itu, perbankan Islam juga perlu menitikberatkan aspek seperti dasar-dasar mesra pelaburan, pakej-pakej penyertaan pelabur bagi membantu pengembangan perekonomian masyarakat mahupun perbankan Islam itu sendiri.

Di sisi yang lain, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Republik Indonesia sebagai salah satu *stakeholder* yang amat bertanggungjawab bagi pengembangan pelaksanaan perbankan Islam. OJK ditugaskan untuk melakukan pengaturan dan pengawasan terhadap kegiatan jasa keuangan di sektor perbankan dan di sektor Pasaran Modal. Sehubungan itu, OJK Aceh bekerjasama dengan Pemerintah Kabupaten Pidie telah membuat pelatihan untuk pengajar (TOT) di Aula Kabupaten Pidie, Aceh pada 11-4-2015 seperti mana dilaporkan akhbar Republika seperti berikut: OJK memberikan pengajaran kewangan untuk pimpinan desa dan tokoh masyarakat dengan kegiatan training “*Training of Trainer*”. Program tersebut telah diikuti oleh 50 orang yang kebanyakannya daripada ketua desa, guru, dosen, ahli agama dan pengusaha mikro kecil dan sederhana.

Selain itu, Ketua Bandar Aceh, Illiza Sa’adudin Jamal selaku pemimpin utama terus memantau pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, seperti mana beliau meminta OJK di Provinsi Aceh dapat mengoptimalkan dan memperkasakan pertumbuhan pelaksanaan perbankan Islam di provinsi itu (Republika Harian, 2015).

Maka, pernyataan di atas amat selari dengan informan dalam temubual kajian ini di mana mereka amnya bersetuju bahawa kerajaan Aceh telah membuat langkah-langkah tepat bagi memperkasakan pelaksanaan perbankan Islam merangkumi penyediaan infrastruktur yang menyeluruh bagi memudahkan pengusaha dan masyarakat

mendapatkan pembiayaan dari bank Islam, namun ada seorang responden yang kurang bersetuju bahawa kerajaan Aceh telah membuat langkah-langkah bagi perkembangan perbankan Islam. Daripada pelbagai informasi daripada responden, dapat disimpulkan bahawa:

- 1) UUPA tahun 2006 nombor 11 XVII pasal 125 menyebut tentang perbankan Islam dan lembaga lainnya (*stakeholder*) yang ada dalam kerajaan Aceh.
- 2) Langkah-langkah telah dibuat kerajaan Aceh berdasarkan UUPA dan Syariat Islam, seperti penyediaan infrastruktur, sosialisasi, seminar, membuka jurusan ekonomi dan perbankan Islam di universiti, bermesyuarat dengan parlimen dan *stakeholder* untuk menubuhkan lebih banyak bank Islam dan mengubah Bank Aceh konvensional kepada Bank Aceh Syariah.
- 3) Penubuhan bank Islam sudah disosialisasikan di Aceh. Masyarakat Aceh menerimanya, namun tahap pemahaman dan pengetahuan mereka mengenai operasinya masih kurang dan terhad.

Antara langkah konkrit lainnya yang telah dibuat oleh kerajaan Aceh bersama parlimen dalam memperkasakan perbankan Islam adalah dengan menerbitkan Qanun Bank Islam Pembangunan Daerah untuk Bank Aceh Syariah nombor 9 tahun 2014 yang tujuan seperti mana ditetapkan dalam bab IV seksyen 5 sebagai berikut:

- a) mendorong wujudnya perekonomian Aceh yang Islami
- b) menjadi penggerak dan pendorong pertumbuhan perekonomian Aceh
- c) menghimpun dan memberikan sokongan pendanaan dan pembiayaan serta menjalankan fungsi perbankan lainnya berdasarkan prinsip Syariah
- d) menjalankan fungsi sosial lainnya termasuk memanfaatkan harta agama untuk kemaslahatan umat berdasarkan prinsip Syariah; dan

- e) mendorong peningkatan pendapatan masyarakat Aceh.

6.3 Halangan pelaksanaan perbankan Islam di Aceh

Memandangkan institusi perbankan Islam ini masih baru dalam perkembangannya, maka banyak timbul permasalahan dalam operasi pada sejumlah bank Islam di Aceh, dimana permasalahan-permasalahan tersebut umumnya tidaklah sama di antara bank-bank Islam.

Berdasarkan semua pandangan responden berkaitan halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh pemerintah Aceh untuk mengembangkan industri perbankan Islam, maka dapat disimpulkan bahawa Pemerintah Aceh sedang menghadapi pelbagai kekangan meliputi sumber tenaga manusia yang masih rendah, modal belum mencukupi, inovasi produk masih terbatas, penguasaan teknologi masih rendah, pengetahuan masih kurang dan infrastruktur belum memadai. Perinciannya seperti berikut:

6.3.1 Halangan sumber tenaga manusia (STM)

Kekurangan STM didalam bidang perbankan Islam merupakan satu permasalahan utama yang dialami oleh perbankan Islam di Aceh sama ada di bank Islam pusat, cawangan mahupun di di BPR Syariah. Kebanyakan permasalahan timbul berpunca daripada masalah kekurangan tenaga pakar di bank Islam. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa umumnya Pengerusi dan Ahli Jawatan Kuasa yang diangkat di sesebuah bank Islam yang baru ditubuhkan adalah berasal daripada pemindahan staf ataupun tenaga manusia di bank-bank konvensional yang beroperasi berasaskan kadar faedah, di mana mereka ini walaupun memiliki keahlian mengendalikan operasi bank

konvensional tetapi pengetahuan mereka berkenaan dengan sistem operasi perbankan Islam sangat minimal.

6.3.2 Halangan permodalan

Sebagai contoh, Bank Muamalat Indonesia menjalani perluasan cawangan yang lambat disebabkan oleh jumlah modal bank yang terhad. Hal ini tidak memungkinkan langkah-langkah pembesaran pasaran dan cawangan bank secara cepat dapat dilakukan. Dalam pada itu, kebanyakan bank Islam di Aceh masih banyak menghadapi masalah dalam memperolehi sumber dana daripada institusi-institusi kewangan lain sama ada di dalam negara mahupun di luar negara kerana sebahagian besarnya beroperasi berasaskan atas kadar faedah. Bank-bank Islam di Aceh tidak mungkin membeli obligasi (*bonds*) yang dikeluarkan oleh Pemerintah ataupun Sertifikat Bank Indonesia (SBI) apabila ianya masih berasaskan kadar faedah. Jadi sumber perolehan dana perbankan Islam di Aceh boleh dikatakan sangat terhad dan keadaan ini akan memberi kesan yang tidak baik pada perkembangan permodalan bank Islam sekaligus mengakibatkan langkah-langkah pembesaran pasaran menjadi lambat.

6.3.3 Halangan pengetahuan masyarakat

Aspek sosialisasi kepada masyarakat masih sangat kurang, akibatnya pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam juga berkurangan. Hal ini terbukti daripada semua responden yang ditemubual menyatakan bahawa kebanyakan gelagat masyarakat masih belum memahami operasi bank Islam. Perkara ini kebanyakan berpunca daripada kekurangan tenaga pakar dalam bidang perbankan Islam. Keadaan ini selanjutnya akan memberi kesan kepada kurangnya penerbitan bahan ilmiah berkaitan perbankan Islam. Di samping itu, didapati juga masih sedikit di antara

Perguruan Tinggi yang berada di Aceh yang mampu membuka program pengajian ekonomi Islam khasnya dalam bidang Perbankan Islam. Keadaan ini juga akan menyebabkan kurangnya lulusan sarjana dalam bidang ekonomi Islam.

Dari sudut lain, kekangan daripada kekurangan penerbitan buku-buku, jurnal dan majalah serta tulisan-tulisan tentang perbankan Islam menyebabkan penyebaran maklumat tentang perbankan Islam ke masyarakat awam sangat terhad dan terbatas. Akibatnya, masyarakat awam masih banyak yang belum mengetahui bagaimana operasi perbankan Islam yang sebenar, serta kemudahan-kemudahan dan manfaat yang diperolehi daripada berbagai kemudahan yang diberikan dalam pelaburan di berbagai sektor ekonomi yang produktif.

Selain itu, halangan dan kesukaran bagi pelaksanaan perbankan Islam di Aceh berhubungkait dengan budaya dalam kalangan masyarakat yang berterusan menggunakan transaksi riba. Hal ini mendorong ketidakselesaan potensi pelanggan kepada sesebuah bank, terutamanya bank konvensional. Seterusnya ada sebahagian orang berpandangan faedah pada perbankan Islam juga masih diragukan kehalalannya sebagai amalan syubhat.

6.4 Rumusan

Kerajaan Pusat Indonesia pada penghujung tahun 1990-an telah membenarkan rakyat Indonesia untuk menubuhkan perbankan berdasarkan Syariah Islam, sehingga mendorong kesedaran dan keperluan masyarakat Islam Indonesia bagi kewujudan bank yang menjalankan sistem kewangan berasaskan pada Syariah Islam. Isu kurangnya sokongan kerajaan telah menimbulkan permasalahan pengembangan

pembiayaan Islam, selain itu isu pengetahuan mengenai Sistem Perbankan Islam (SPI) sebagai skop fardu kifayah dalam Syariah adalah penting bagi meyakinkan umat Islam terhadap SPI. Sementara itu, perbankan Islam di Aceh telah mula dilaksanakan sejak tahun 90-an dengan diisytiharkan Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) Hareukat sebagai perbankan Islam pertama di Aceh pada tanggal 11 November 1991, dengan izin daripada menteri Kewangan Republik Indonesia Nombor: Kep-307/MK, 13/1991, 7 Oktober 1991.

Perbankan Islam di Aceh masih dikira baru dalam perkembangannya, maka banyak permasalahan yang di hadapi oleh pihak perbankan Islam di Aceh berkait sumber tenaga manusia, permodalan dan pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam.



BAB TUJUH

KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.0 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap objektif-objektif yang ingin dicapai, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa hasil kajian telah berjaya menjawab objektif-objektif tersebut.

Bagi objektif kajian pertama, pengkajian dijalankan terhadap pelaksanaan perbankan Islam di Aceh, Indonesia dan apakah langkah-langkah kerajaan Aceh dalam memperkasakannya. Kajian ini telah menjelaskan dalam bab empat mengenai pelaksanaan dan pemeraksanaan secara menyeluruh perbankan Islam di Aceh. Bab tersebut telah menjelaskan aset perbankan Islam di Aceh pada tahun 2013 telah mencecah Rp. 20 trilion (RM 360.544.22 billion) dengan kadar peningkatan 21.49 %. Data juga menunjukkan aset perbankan Islam telah mencapai 1/8 (seperlapan) daripada keseluruhan aset perbankan di Indonesia. Namun ianya masih sedikit jika hendak dibandingkan dengan perbankan konvensional.

Antara faktor penting yang mempengaruhi pelaksanaannya merangkumi, kemampuan pemahaman perbankan Islam, penglibatan perbankan Islam Indonesia terhadap perbankan Islam Aceh, tahap pengetahuan masyarakat, kesedaran dan kualiti perkhidmatan bank Islam itu sendiri di kalangan masyarakat Aceh. Temu bual dengan responden kajian sebagaimana dalam bab lima menjelaskan lagi data tersebut. Walaupun begitu, mereka merasakan masih banyak yang perlu dilakukan oleh pemerintah Aceh untuk membangunkan perbankan Islam di Aceh.

Bagi langkah-langkah kerajaan Aceh memperkasakan perbankan Islam pula, kajian ini telah membincangkan langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan Aceh dalam bab empat dan lima yang merangkumi peranan pemerintah Aceh menerusi gabenor, parlimen dan Otoritas Jasa Keuangan (OJK). Mereka berperanan untuk meningkatkan perkembangan perbankan Islam melalui beberapa langkah baru seperti pelaksanaan syariat Islam dan UUPA dalam membantu merencanakan perkembangan perbankan Islam di Aceh.

Kenyataan ini disokong oleh responden temu bual bahawa langkah-langkah telah dibuat oleh kerajaan Aceh melalui penguatkuasaan UUPA, pengiktirafan terhadap peranan syariat Islam bagi pengembangan perbankan Islam, penyediaan infrastruktur, sosialisasi, seminar, membuka dan menawarkan jurusan ekonomi dan perbankan Islam di universiti, berbincang dengan *stakeholder* untuk menubuhkan lebih banyak bank Islam dan menukar Bank Aceh konvensional kepada Bank Aceh Syariah.

Objektif ke kedua mengkaji sejauh mana pengaruh tahap kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam. Kajian mendapati bahawa tahap kesedaran dan penerimaan pihak perbankan sudah baik, walaupun tidak semua perbankan mengusahakan pembiayaan kepada masyarakat. Namun tuntutan fardu kifayah, teori pemegang kepentingan (*stakeholder*), teori gelagat terancang mendorong mereka untuk terus mengurus niaga melalui perbankan Islam telah wujud. Selain itu, kajian ini telah mendapati bahawa penglibatan bank-bank Islam masih belum memadai namun telah ada langkah-langkah pada masa depan bagi mencapai halatuju dan matlamat agar masyarakat dapat melanggan perbankan Islam secara menyeluruh.

Objektif ketiga mengkaji apakah halangan-halangan untuk melaksanakan perbankan Islam di Wilayah Aceh. Antara halangannya ialah masih ada dalam kalangan masyarakat berpendapat riba sebagai amalan syubhah dan terus menjalankan amalan tersebut. Pengetahuan masyarakat masih ditahap kurang memuaskan sehingga sukar bagi mereka mengikuti secara sempurna berkaitan operasi perbankan Islam. Selain itu, modal bank sendiri masih terhad bagi menambah jumlah penyaluran pembiayaan kepada masyarakat.

7.1 Cadangan

Dari pengalaman membuat kajian ini sejak dari awal hingga akhirnya, terdapat perkara-perkara yang boleh dikaji pada masa depan berkaitan dengan pelaksanaan perbankan Islam dari aspek yang lain seperti:

- a) Mengkaji usaha pemerintah kabuten/kota dalam wilayah provinsi kerajaan Aceh dalam menubuh dan mengembangkan perbankan Islam.
- b) Mengkaji usaha yang dilakukan pondok pesantren dalam pendidikan sistem ekonomi dan perbankan Islam di Aceh.
- c) Pendidikan kepakaran mengenai perbankan Islam menerusi kegiatan *training of trainer* dalam usaha meningkatkan usahawan berasaskan syariah perlu diperbanyakkan.

Perkembangan perbankan Islam di Aceh memerlukan konsep, strategi dan visi yang jelas (*clear vision*), bertahap dan berkelanjutan (*gradual and sustainable*), menyeluruh (*comprehensive*) dan berterusan (*consistent*) dengan prinsip Syariah. Dengan demikian, sistem perundangan yang kuat perlu wujud dalam mengatur

perbankan Islam kerana hal itu akan menjadi teras bagi aktiviti dan operasi perbankan di Aceh pada masa hadapan.

Selanjutnya, pemerintah mesti membuat *road map* berkaitan perbankan Islam pada masa depan dengan menyasarkan tahun 2015 sehingga 2020, perbankan Islam di Aceh sudah dikomersialkan. Di samping itu, perlu juga sokongan pemerintah berkaitan dengan penggunaan khidmat perbankan Islam dalam transaksi haji, namun hal yang lebih penting ialah pemerintah harus membuat pelaburan aset ke dalam perbankan Islam, serta harus sentiasa menggunakan perbankan Islam sebagai pilihan utama seperti dalam hal pembayaran gaji kakitangan kerajaan.



RUJUKAN

- Abubakar, A. (2008). *Syariat Islam di Propinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Paradigma, Kebijakan, dan kegiatan*, Dinas Syariat Islam, Banda Aceh, p.26.
- Achyar, A. (2005). *Akuntansi syariah; arah, prospek dan tantangannya*, UII Press, Yogyakarta.
- Adiwarman, A. K. (2001). *Ekonomi Islam satu kajian kontemporari*, Gema Insani.
- Adiwarman, A. K. (2005). *Islamic Banking: Fiqh and Financial Analisis*, Raja Grafindo.
- Adiwarman, A. K. dan Adi, Z. (2005). Islamic Banking consumer behavior in Indonesia: A qualitative approach, *International Conference on Islamic Economic and Finance*, Bank Indonesia.
- Ahmad, Al-T. Abd. A. M. (2006). Al-Bunuk al-Islamiyah Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq. Cet.2, Dar al-Want, Riyadh, 1414 H, p. 88 dalam Hadenan Towpek, Joni Tamkin. 69.
- Ahmad, A. dan Rubina, B. (2014). An investigation of customer's awareness level and customer's service utilization decision in Islamic banking Pakistan, *Economic and Social Review*. 52 (1), pp 59-74.
- Ahmad, H. B., dan Ali, M. (2017). *Islamic Finance; The new normal*, INCEIF Kuala Lumpur, Pearson publication.
- Ahmad, K. (2000). Islamic finance and banking: the challenge and prospects. *Review of Islamic economics*, pp. 57-82.
- Ahmad, N. H. dan Sudin, H. (1998). *The Existence of Conventional Banking Profitability theories in the Islamic Banking system*, p.241.
- Ahmad, S. A. A., Khuzaimah, S. dan Rosmawani C. H. (2008). *Undang undang perbankan*, Prentice Hall, Malaysia.
- Aida, S. A. K. (2008). *Model Kepuasan Pelanggan Bagi Laman Web E Runcit*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ajzen, I. (1991). *The theory of planned behavior*, *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50, 179-211.
- Akhbar Serambi Indonesia (2016). Peresmian Konversi Bank Aceh Bakal Molor, Diterbitkan pada 20 Julai 2016. Diakses pada 1 Ogos 2016 melalui <http://aceh.tribunnews.com/2016/07/30/peresmian-konversi-bank-aceh-bakal-molor>.

- Akhtar, A. & Zaheer, A. (2014). Service quality dimensions of Islamic banks: a scale development approach. *Global Journal of Management and Business Research*, 14(5), 11-20.
- Al-Amsyah, H. (2012). *“Perkembangan dan prospek perbankan islam indonesia: tantangan dalam menyongsong mea 2015”*. Paparan Ceramah Ilmiah Ikatan Ahli Ekonomi Islam) IAEI-Milad ke-8, 13 April 2012.
- Al-Anshari, M., Hasan, I., Mutawalli, S. (1993). *Perbankan Islam: Sejarah Prinsip dan Operasional*. Jakarta: MINARET.
- Al-Suyuti. (1959). *Al-ashbah wa al-nazar*, Qaherah: Syarikah Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-bab al-halabi wa auladih, p. 59.
- Al-Syatibi. (1973). *Al Muwafaqat fi Ushul As Syar’iyah*, Beirut, Dar al-Ma’rifah, Juz 2, p.150.
- Alamsyah, D. (2012). *Manajemen Pelayanan Kesehatan*. Yogyakarta: Nuha Medika.
- Amir, S. (2008). *Ushul Fiqh*, Jakarta: Prenada Media Group.
- Amna, A.M. dan Riaz, S. (2012). Training needs assessment in Islamic banking sector. *Qualitative Research in Financial Markets*, 4(2/3), 142-155.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., & Bloom, B. S. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*: Allyn & Bacon.
- Andriani, D., dan Juliandi, A. (2008). Preferensi masyarakat kota medan terhadap bank syariah. *Jurnal riset akuntansi & bisnis*, 8(2), 22-47.
- Antonio, M. S. (2007). *Bank Islam dari Teori ke Praktek*. Jakarta. Gema Insani Press.
- Asmadi, M. N. dan Zairani, Z. (2015). *Islamic Banking Operations, Products and Services*, UUM Press, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Asmadi, M. N., Iran, H. A. M. dan Muhamad, N. H. L. (2006). *Kefahaman, penghayatan agama, Nilai dan Tingkahlaku Melanggan Produk Perbankan Islam di Kalangan Masyarakat Islam*, UUM.
- Asmadi, M. N. (2002). *Maqasid Syariah dan pemikiran Pengurusan Islam*, UUM, Sintok.
- Asmadi, M. N. (2008). Islamic Banking: An Alternative for Modern banking Communities. Berlin: German Orient Institute. *ORIENT Journal*. Vol.3. p.34-40.

- Asy'ari, M. H. (2005). *Analisa Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembiayaan Perbankan Islam*. Tesis. PSKTTI. UI. Indonesia.
- Awang, I. dan Rahim, A. R. A. (2006). Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, No. 3, 133-156.
- Awang, M. D. (2007). *Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbanka Islam di Malaysia: Suatu Kajian di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aye, M. A. (2012). Factors influencing consumers' financial transactions in Islamic banks compared with conventional banks: empirical evidence from selected middle-east countries with a dual banking system, *Journal African and Asian studies*, 11, pp. 1-3.
- Ayub, M. (2007). *Understanding Islamic finance*, John Wiley & Sons Ltd, The Atrium, Southern Gate, Chichester, West Sussex PO19 8SQ, England.
- Azlinda, K. A., dan Kamal A. N. (2010). "*Kepuasan Pelajar Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Kualiti Perkhidmatan Di Pusat Kesihatan UTM*". Master thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Baba, R., dan Amin, H. (2009). Offshore bankers' perception on Islamic banking niche for Labuan: an analysis. *International Journal of Commerce and Management*, 19(4), 293-308.
- Bank Indonesia. (2006). *Cetak biru Bank Islam 2012-2015*.
- Bank Negara Indonesia. (2014). *Laporan Bank Indonesia Propinsi Aceh*. Diakses pada tarikh 20 November 2015. <http://www.bi.go.id>.
- Bank Negara Indonesia (2016). *Laporan Tahunan Bank Indonesia Tahun 2016*. Departmen Komunikasi, 25 Mei 2017.
- Bank Muamalat. (2013). *Panduan Skema Transaksi Berdasarkan Akad-Akad Syariah*, Jakarta.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad, <http://www.muamalat.com.my/>, diakses pada 9 Julai 2014.
- Bank Negara Malaysia (2014), *Senarai Institusi Perbankan*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Syariah Mandiri. (2000). *Laporan Tahunan (Annual Report) Bank Syariah Mandiri Tahun 2000*, Jakarta, BSM.
- Bank Syariah. (2010). Dari <http://cintasyariah.wordpress.com/2010/02/25/perkembangan-bank-syariah-di-Indonesia>). Diakses pada 8 Mac 2011.

- Buku Saku Perbankan Syariah. (2005). Bank Indonesia.
- Brinberg, D. and Joseph E. McG. (1983). *Journal of Consumer Research* Vol. 10, No. 1 (Jun), pp. 115-124.
- Bruce L. B. (2001). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*, California Stole University, Long Beach. 4th Edition Pearson Education Company.
- Cragan, J., F., dan Shields. D., C. (1998). "Diffusion of Innovations Theory (DIT)" (Chapter 7). In *Understanding Communication Theory: The Communicative Forces For Human Action*. Boston: Allyn and Bacon. 175-207.
- Cohen, L., Lawrence, M., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*, 3rd ed. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Dwi, S., Mutiara, Z. B., dan Zahri H. (2013). Perkembangan Perbankan Syariah di Indonesia: Suatu Tinjauan. *Jurnal Aplikasi Bisnis*, Vol.3 No. 2, pp. 120-138.
- Etty, N., Noer, A. A, Didin, H. dan Nunung, N. (2014). Umur dan Kinerja Perusahaan: Studi Empiris Perbankan Syariah di Indonesia, *Journal Manajemen Teknologi*, Vol 13, No. 2, pp. 173-188.
- Fraenkel, J. R., and Wallen, N. E. (1993). *How to design and evaluate research in education*. 2nd Edition, McGraw-Hill Inc., New York.
- Freeman, R. E. (1984). *Strategic management: A stakeholder approach*. Boston: Pitman.
- Freeman, R.E dan Evan W. M. (1990). Corporate Governance: A Stakeholder Interpretation, *Journal of Behaviour Economics*. Vol. 19, No. 4, pp. 337-359.
- Gabbie dan O'Neill, M. A. (1996). SERVQUAL and the Northern Island Hotel sector: A comparative analysis-part 1. *Managing service quality*, No. 6, pp. 25-32.
- Ghani, A. M. A. (2006). *Sistem kewangan Islam dan perlaksanaannya di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Gibson, L., James, I., dan Donnelly. (1997). *Organisasi: Perilaku, Struktur, Proses*. Jilid 2. Jakarta: Binarupa Aksara. 134.
- Gie, L., dan Sutarto (1997). *Pengertian, Kedudukan dan Perincian Ilmu Administrasi*. Yogyakarta: Karya Kencana.191.
- Glaser, B., dan Strauss, A. L. (1967). *The discovery of grounded theory: Strategies for qualitative research*. Chicago: Aldine.
- Gustian, D. (2010). *Kinerja Balance Scorecard Pada Bank Yang menerapkan Sistem Perbankan Islam*, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.

- Hadi, A. (2014). Dinamika Sistem Institusi Pendidikan Di Aceh. *Jurnal Ilmiah Peuradeun: International Multidisciplinary Journal*, 2(3), 179-194.
- Halcomb, E. J., & Davidson, P. M. (2006). Is verbatim transcription of interview data always necessary? *Applied Nursing Research*, 19, 38–42.
- Hamidi. M. L. (2003). *Jejak-Jejak Ekonomi Syari'ah*, Senayan Abadi Publishing, Jakarta.
- Hammersley, M. & Atkinson, P. (1995). *Ethnography: Principles in Practice*, 2nd edition. London: Routledge.
- Hamo, M., Blunt-Kulka, S., & Hacohen, G. (2004). From observation to transcription and back: Theory, practice, and interpretation in the analysis of children's naturally occurring discourse. *Research on Language and Social Interaction*, 37(1), 71–92.
- Hamzah, A. A. (2003). *Sistem perbankan Islam dan perlaksanaannya di ibu pejabat bank rakyat Malaysia*, Universiti Malaya.
- Hamzah, H. (2004). Shariah banking system: an instrument to accelerate nation empowerment, in seminar proceedings No 46, *Islamic Financial Architecture, Risk Management and financial Stability*, IRTI, Bank Indonesia, Jakarta Indonesia.
- Harbi. A. (2015). Development of the Islamic Banking System, *Journal of Islamic Banking and Finance*. 3 (1), 12-25.
- Haron, S. dan Bala S. (1997). *Islamic Banking System: Concept and Applications*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication Sdn Bhd. 3.
- Hashim, F. dan Hanif, M. J. (2007). *International Business: An Asian Perspective*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- <https://www.google.com>. Mulya Siregar kelengkapan infrastruktur bank syariah, diakses 8 May 2014.
- Huda, N. dan Haikal, M. (2010). *Lembaga keuangan Islam, tinjauan teoritis dan praktis*, Kencana, Jakarta.
- Hussain G. R. (2006), "The importance of Shari'ah Supervision in Islamic Financial Institutions", *Corporate Ownership and Control*, Vol. 3, No. 3, pp. 204-208.
- Hutabarat, D. (1996). *The economics of money and banking*, Gelora Aksara, Jakarta.
- Ibrahim, M. (2004). *Langkah-langkah Penerapan Syariat Islam di Aceh dalam dan Operasional*. Minaret. Jakarta.

- Imran, M., Samad, S. A., dan Masood, R. (2011). Awareness level of Islamic banking in Pakistan's two largest cities. *Journal of Managerial Sciences*. 5(1), 1-20.
- Iskandar. (2009). *Metodologi Penelitian Pendidikan dan Sosial*. Jakarta: Gaung Persada Press.
- Ismail AK. (2011). *Manajemen Perbankan*. Predana Media Group, Jakarta.
- Ismail, M. (1997). *International Trade operation: A Guide*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn.Bhd.
- Jamal, M. A. M. (1992). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Jilid 1 (Diterjemahkan oleh: Salahuddin Abdullah). Kula Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jennings, M. K, and Gregory B. M. (1984). Partisan Orientations over the Long Haul: Results from the Three Wave Political Socialization Panel Study. *American Political Science Review*, 78 (4): 1000–1018.
- Kamal, M. A. (1995). *Perakaunan zakat: Teori dan praktis*: Mohd. Nor Ngah, translate.
- Kamal, Y., dan Zerrin. (2004). Problem and Challenges Facing the Islamic Banking System in the West, the Case of UK, *Thunderbird International Business Review*, 46 (5) 521-543.
- Kamal, K., Lokesh G., dan Bala S. (2008), *Islamic Banking: A Practical Perspective*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
- Kamil, MD. I. (2002) *Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji di Kalangan Kakitangan Awam*, Ph. D Thesis. UUM.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (1997). Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, Edisi Kedua: Balai Pustaka, Jakarta.
- Kamus Dewan. (1992). *Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur*, Cetakan 3.
- Kamus Dewan. (2007). *Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur*, Edisi Keempat, Cetakan 2.
- Karnaen, P. (2006). *Apa dan Bagaimana Bank Islam*. Yogyakarta: Dana Bhakti Primayasa. Press.
- Kasmir. (2000). *Manajemen Perbankan*, Pt RajaGrafindo, Jakarta.
- Khallaf, A. W. (1972). *Ilm al-ushul al-fiqh*. Kuwait: Dar al-Qalam. p. 46.
- Khan, M. S. N., M. Kabir H., dan Abdullah I. S. (2009). Banking Behavior of Islamic Bank Customers in Bangladesh, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 3(2), 159-194.

- Khan, M. M., dan Ishaq, B. M. (2008). Development in Islamic banking: a financial risk-allocation approach. *The Journal of Risk Finance*. 9(1), 40-51.
- Khattak, N.A. (2010). Customer satisfaction and awareness of Islamic banking system in Pakistan. *African Journal of Business Management*, 4(5), 662.
- Lahmuddin N. (2004). *Penerapan Syariat Islam di Indonesia: Antara Peluang dan Tantangan*. Jakarta: Globalmedia Cipta Publishing.
- Leedy, P.D (1993). *Practical Research: Planning and Design*. 5th ed. New York: Mackmillan Publishing Company.
- Link, K. L. (2012). *Awareness of Islamic banking products and services among non-muslims in Malaysia*. Doctoral dissertation, Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Lombard, D. (1975). “*Kerajaan Aceh Jaman Iskandar Muda (1607-1636)*.” Jakarta: Balai Pustaka.”.
- Marohaini, Y. (2001). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, pp. 87-119. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marsh, P. (1982). “The choice between equity and debt: an empirical study”, *The Journal of Finance*, Vol. 37 No. 1, pp. 121-44.
- Merton, R. K. and Kendall, P. L. (1994). The Focused Interview, “*American Journal of Sociology*, Vol. 51 pp, 541-57.
- Mervyn K. L. dan Latifa, M. A. (2003). *Perbankan Syariah: Prinsip, Pratik, dan Prospek*. Serambi Ilmu Semesta.
- Miles, M. B., Huberman, M. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. 2. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Moleong, L. J. (2001). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Mu'allim, A. (2006). *Praktek Pembiayaan Bank Syariah dan Problematikanya*. Jakarta: Universitas Islam Indonesia.
- Muslehuddin, M. (1988). *Urusan Bank dan Hukum Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, p.54.
- Najjar, M. (1993). *Harakah al-Bunuk al-Islamiyah, Haqaiq al-Asl wa Auham al-Surah*, Qaherah, Syarikat Print, pp. 47-48.


- Naser, K., Al-S. A., dan Nuseibeh, R. (2013). Customers Awareness and Satisfaction of Islamic Banking Products and Services: Evidence from the Kuwait Finance House (Note 1). *International Journal of Marketing Studies*. 5(6), 185-199.
- Nayyab H. H. A. S., Muhammad, A., dan Zufishan, A. (2011). Impact of customer demographics on bank selection criteria A study of banking sector of Okara, Punjab (Pakistan), *Interdisciplinary journal of contemporary research in business*, Vol 3, No. 2, pp. 773-789.
- Neuman, L. W. (2002). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson Education Limited, Edinburgh.
- Newman, I., & Benz, C. R. (1998). *Qualitative-quantitative research methodology: Exploring the interactive continuum*. Carbondale: University of Illinois Press.
- Notoatmodjo, S. (2003). *Metodologi Penelitian Kesehatan*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Nuddin, H. (2008). *Pengaruh Kinerja Kualitas Penyampaian Jasa Terhadap Nilai pelayanan dan Kepercayaan Serta Dampaknya Kepada Komitmen dan Loyalitas Para Pelanggan Bank Syariah di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta*, Universiti Pajajaran Bandung.
- Nuridin, U. (2002). *Konteks Implementasi Berbasis Kurikulum*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Nurul, H. dan Muhammad, H. (2010). *Lembaga keuangan Islam, tinjauan teoritis dan praktis*, Kencana, Jakarta.
- Nway, A. U. (2009). Adakah Penerapan Syariat Islam di Aceh? (Tinjauan Sejarah Hukum di Kesultanan Aceh tahun 1516-1688 dalam *Jurnal Gelombang Baru*, Edisi 4 tahun 2009, Banda Aceh, p. 22-23.
- Oktaviandry, N. (2012). *Pengetahuan Ilmiah, Penelitian Ilmiah, dan Jenis Pengetahuan*. Tersedia di: <http://navelmangelep.wordpress.com/2012/02/21/pengetahuan-pengetahuan-ilmiah-penelitian-ilmiah-dan-jenis-penelitian/> [diakses pada 16 September 2015].
- Otoritas Jasa Keuangan. (2014) Statistik Perbankan Syariah, Indonesia. Keluaran September.
- Patilima, H. (2007). *Metode Penelitian Kualitatif*. Jakarta: Alfabeta.
- Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 72 tahun 1992 tentang Bank berdasarkan bagi hasil. <https://books.google.com.my/books?isbn=6024015666>.
- Peraturan Bank Indonesia Nombor 11/ 33 /Pbi/2009 tentang Pelaksanaan *Good Corporate Governance* bagi Bank Umum Syariah dan Unit Usaha Syariah.
- Perry, C. (1998), "A structured approach to presenting theses", *Australian Marketing Journal*, Vol. 6 No. 1, pp. 63-86.

- Peterson, S. A. dan Maiden, R. (1993). *Personality and Politics Among Older*.
- Pomeranz, K. (2005). Standard of Living in 18th Century China: Regional Differences, Temporal Trends, and Incomplete Evidence, in Robert Allen, Tommy Bengtsson and Martin Dribe, eds., *Standards of Living and Mortality in Pre-Industrial Times* (Oxford University Press), pp. 23-53.
- Prajokusumo, K.H.S. (1995). *Percikan Pemikiran tentang Agama*, Perkasa Press. p.204.
- Praktisi Perspektif. (1994). *Islamic Banking Practice*, Bank Islam Malaysia Berhad.
- Prasetya, I. (2006). *Penelitian Kualitatif & Kuantitatif untuk Ilmu-Ilmu Sosial*, Jakarta: Departmen Ilmu Administrasi FISIP-UI.
- Pressman, J. L and Wildavsky, A. B. (1973). *Implementation*. Berkerly: University of California.
- Qudamah, I. (1972). *Al-Mughni*, Dar Kitab Al-Arabi, Beirut.
- Ram, Al J. S., Zainol, B., Kamil, I. dan Hairi, MD. H. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan, *Jurnal Pengurusan*, 30, pp. 49-61.
- Ready, R. K. (1967). The Egyptian Municipal Savings Bank Project, *International Review*. 9 (2), pp. 2-5.
- Rehman, A. A. (2012). Customer satisfaction and service quality in Islamic banking: A comparative study in Pakistan, United Arab Emirates and United Kingdom. *Qualitative Research in Financial Markets*, 4(2/3), 165-175.
- Remi, S.S. (1999). *Perbankan Islam: kedudukan dan Peranannya dalam Tata Hukum Perbankan di Indonesia*. Grafiti. Press. Jakarta.
- Republika, Harian (2015). *Walikota Banda Aceh Illiza Sa'aduddun Djamal meminta Otoritas Jasa Keuangan (OJK) di Propinsi Aceh*. Diterima, tarikh 12-4-2015.
- Republika (2015). <https://www.google.com/Republika> 14 April 2015, Wali kota dukukung Bank Syariah, diakses pada 15 April 2015.
- Richard, A. M. (1991). *The Role of Islamic Banks in Economic and Social Development with Particular Reference to the Sudanese Experience*. (Phd Thesis). UK: Glasgow College. 92-93.
- Rida, P. D. P., Diena, N., Yaser, A., Marsellisa, N., dan Yunika, M. (2013). How does it affect good governance of sharia banking institution? (Case study of Islamic Indonesia's banking) *Journal of global business and economics*.
- Rivlin, P. (2008). *The Development of Islamic Banking*, Orient-Institute, Germany.

- Saeed, A. (1999). *Islamic Banking and Interest: A Study of Prohibition of Riba and its Contemporary Interpretation*, E.J. Brill, Leiden, The Netherlands.
- Saeed, A. (1997). *Capitalising on the current status of the interpretation of fundamental shariah principles applicable to Islamic investment funds*, paper dipresentasikan pada Islamic Funds Conference, Kuala Lumpur, 23-24 Jun 1997.
- Saleh, N. A. (1986), *Unlawful Gain and Legimate Profit in Islamic Law: Riba, Gharar and Islamic Banking*, Cambridge: Cambridge University Press. 99.
- Satori, D., dan Komariah, A. (2009). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Alfabeta.
- Seidman, I. E. (2006). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social sciences* (3rd ed). New York: Teachers College Press.
- Sekaran, U. and Bougie R. (2013) "*Research Methods for Business*": A skill Building Approach. 6th Edition, John Wiley & Sons, Inc.
- Setiawan. (2003). Perbankan Syariah; Challenges and Opportunity, *Journal Koordinat*, Edisi: Vol.VIII No.1.
- Siagian, S. P. (1985), *Administrasi Pembangunan*, Jakarta: Bumi Aksara.
- Sina, H. R. (2007). *Sistem Perbankan Islam dan Pelaksanaannya di Indonesia*, Tesis Ph.D., JSE, Akademi. Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sjahdeni, S. R. (1999). *Perbankan Islam: Kedudukan dan Peranannya Dalam Tata Hukum Perbankan Indonesia*. Grafiti. Jakarta.
- Sudarsono, H. (2003). *Bank dan Lembaga Kewangan Syariah Diskripsi dan Ilustrasi, Ekonisia*, Yogyakarta.
- Sugiyono (2011). *Metode Penelitian Pendidikan (Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif dan R&D)*. Alfabeta. Bandung.
- Sulaiman, M. I. (1997). *Sejarah Aceh; Sebuah Gugatan Terhadap Tradisi*. 127.
- Sumitro, W. (1996). *Asas-Asas Perbankan Islam dan Institusi-Institusi terkait (BMUI & Takaful) di Indonesia*, Raja Grafindo, Jakarta.
- Sutopo, H. B. (2002). *Pengantar Penelitian Kualitatif*. Surakarta: Universitas Sebelas Maret Press.
- Sutopo. (2000). *Pelayanan Prima*. Jakarta: Lembaga Administrasi Negara.
- Syarbaini, Al-K. (1978). *Mughni al-muhtaj*, Dar Al-Fikr, Beirut.

- Thorne, J & Du Toit, C. (2009). A macro-framework for successful development banks, *Development Southern Africa*, 26 (5), pp. 677-694.
- Triyuwono, I. SE., Ak, MEc., PhD. (2000). *Costumer's Potency, Preference, And Behavior Towards Shari'ah Bank in East Java*, Bank Indonesia Jakarta.
- Ullah, H. (2014). Shari'ah compliance in Islamic banking: An empirical study on selected Islamic Banks in Bangladesh. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 7 (2), pp. 182-199.
- Umar. (2008). *Desain Penelitian Akuntansi Keperilakuan*, Penerbit PT Raja Grafindo Persada, Jakarta.
- Undang-Undang No 23 Tahun 1999 Tentang Bank Indonesia. <http://www.bi.go.id>.
- Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA) Nombor 11 Tahun 2006.
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 11 tentang Pemerintahan Aceh tahun 2006*, CV. Tamita Jaya, Jakarta.
- Undang-Undang No.7, 1992 tentang Perbankan dan Peraturan Pemerintah (PP0 no.72 Tahun 1992 tentang: Bank Berdasarkan Prinsip Kongsi Untung Rugi*. <https://books.google.com.my/books?isbn=9798767187>.
- Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999 berhubung kait dengan "Keistimewaan Aceh".
- Usman, R. (2004). *Sejarah Peradaban Aceh: Suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*, Mizan Bandung. 8.
- Vavra, T.G. (1997). Improving Your Measurement of Customer Satisfaction: A guide to Creating, Conducting, Analysing, and Reporting Customer Satisfaction Measurement Programs. *ASQ Quality Press*. 14, pp. 41-49.
- Wahab, M. R. (2008). *Majalah Dewan Ekonomi*. 28.
- Wijanarto. (1997). *Hukum dan Ketentuan Perbankan di Indonesia*, PT. Grafiti, p.46.
- Xu, Q. (2007). Community Participation in urban China: Identifying mobilization factors. *Research on Non-profit Organizations and Voluntary Action*. 36 (4). 622-642.
- Yacoob, A. A. M.. (1986). *Islamic banking and economic development*. (Phd Thesis).University of Maryland, USA. 54-55.
- Yadi,J. (1998). *Prinsip Operasional Bank Muamalat Indonesia dalam Perspektif al-Mazahib al-Arba'ah*, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.

- Yongqiang, L., Anona, A. dan Andrew, C. (2014). Relationships of Corporate Governance Mechanisms and Financial Performance in Islamic Banks: a Meta analysis, *Journal of Business Systems, Governance and Ethics*. 9 (1), pp. 50-63.
- Yusof, Abd. A. dan Ahmad, B. A. (2008). *Pengurusan perniagaan Islam, konsep, isu dan perlaksanaan*, Penerbit, UUM.
- Zaharuddin, Abd. R. (2008), *Wang, Anda dan Islam*, Kuala Lumpur: True Wealth.
- Zainal, A. (2007). *Peranan Pemerintah dalam Pembangunan*. Kertas kerja disampaikan pada seminar di LAN Jakarta.
- Zainal, A. (2002). *Dasar-Dasar Manajemen Bank Syariah*, Alfabet, Jakarta.
- Zainuddin, H.M. (1961). *Tarikh Islam dan Nusantara*, 15.
- Zainul, A. (2000). *Memahami Bank Syari'ah, Lingkup Peluang, Tantangan dan Prospek*, Alfabet, Jakarta. 193.
- Zainol, B., dan Kamil, I. (2009). *Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*, IJMS, 16.
- Zuhaily, W. (1986). *Al-Fiqh Al- Islam*, Juz 1, Beirut: Dar Al-Fikr, Damsyik.
- Zulkifli, H. (2006), "The Roles and Responsibilities of the Shariah Committee of the Islamic Financial Institutions in Malaysia", *Jurnal Syariah*, No. 14, Vol.1, pp. 77-91.



Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1. SOALAN TEMUBUAL

Soalan temubual (dalam kajian rintis) dengan kakitangan kerajaan Aceh, anggota parlimen, perbankan dan pengusaha.

1. Sebagai kakitangan kerajaan Aceh/anggota parlemen/perbankan/pengusaha/ulama, bagaimana Bapak mensikapi hadirnya Bank Syariah di Aceh?
2. Dalam pandangan Bapak, apakah Bank Syariah di Aceh telah dipahami oleh Masyarakat Aceh sendiri?
3. Bank Syariah di Aceh menurut Pemahaman Bapak, apakah telah berlaku sejak sebelum UUPA No.11 Tahun 2006 ditetapkan?
4. Kira-kira, dalam berbagai literature yang Bapak pahami, apakah memang untuk kondisi masyarakat sekarang sudah tepat secara ekonomi dan politik untuk dijalankan Bank Syariah?
5. Menurut perspektif Bapak, apakah masyarakat memahami Bank Syariah itu sama saja dengan Bank Konvensional?
6. Kira-kira, menurut Bapak, apakah yang menyebabkan masyarakat Aceh sekarang masih lebih banyak berhubungan dengan Bank Konvensional daripada Bank Syariah?
7. Bagaimana prediksi Bapak, perkembangan Bank Syariah di Aceh di masa depan?
8. Bagaimana menurut Bapak/Teungku, apakah masyarakat Aceh sudah siap untuk menerima Bank Syariah?
9. Menurut Pandangan Bapak/Teungku, apakah Pemerintah Aceh menjalankan Bank Syariah ini merupakan amanah dari UUPA atau dari faktor lain?
10. Menurut Bapak/Teungku, Bank Islam di Aceh telah dijalankan dengan benar berdasarkan Syariah?
11. Jika, menurut Bapak/Teungku belum dijalankan dengan baik, kira-kira apa kendalanya?
12. Jika telah dijalankan, menurut Bapak / Teungku apakah Masyarakat Aceh juga memahami tentang Bank Syariah itu?

Banda Aceh, 12-2-2013

Menyetujui,

1. Dr. T.M. Djamil M.Si

Sintok, 12-12- 2013

Menyetujui,

2. Dr. Muhammad Subhan Ishak

LAMPIRAN 2

Soalan temubual setelah kajian rintis

1. Bagaimanakah pelaksanaan perbankan Islam di Aceh dan bagaimanakah perkembangan dalam masa ini, usaha-usaha pemerintah Aceh dalam pengembangan dan penubuhan bank Islam di Aceh, dan apakah masyarakat Aceh mendapat pembiayaan dari bank Islam dan apa peranan pemerintah Aceh dalam pelaksanaan bank Islam.
2. Bagaimanakah penglibatan bank-bank Islam Indonesia dalam memperkembangkan perbankan Islam di wilayah Aceh.
3. Apa sahaja langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Aceh berdasarkan UUPA dan syariat Islam bagi membantu pengembangan perbankan Islam.
4. Bagaimana pemahaman pasal 125 UUPA berhubung kait dengan perbankan Islam.
5. dan bagaimana sebaiknya produk difahamkan kepada masyarakat dalam bingkai syariat Islam dan UUPA.
6. Apa pengaruh tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap perbankan Islam.
7. Apa halangan dan kesukaran yang dihadapi oleh pemerintah Aceh untuk mengembangkan industri perbankan Islam.
8. Bagaimana sumber daya manusianya pada bank Islam.
9. Apa permasalahan pengetahuan produk dan infrastruktur dalam perbankan Islam.
10. Apakah langkah-langkah kerajaan Aceh dalam memperkasakan perbankan Islam.

Banda Aceh, 12-6-2013

Menyetujui,

2. Dr. T.M. Djamil M.Si

Sintok, 10-7-2013

Menyetujui,

2. Dr. Muhammad Subhan Ishak